

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

22 NOVEMBER 2016 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 37 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	6
Soalan No. 39 – Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	9
Soalan No. 40 – Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid)	11
Soalan No. 43 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)	14
Soalan No. 45 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)	14
Soalan No. 46 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	19
Soalan No. 48 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	21
Soalan No. 49 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	23
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	24
USUL OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 34(viii)	25
PERBAHASAN USUL OLEH AHLI-AHLI DEWAN	
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	28
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	28
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	29
Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	30
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	30

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	31
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	32
Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	33
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	34
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul	37
PENGGULUNGAN USUL OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	37
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	39
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang .</i>	
SAMBUNGAN SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) menyambung perbahasan	42
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	49
Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	68
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	82
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam .</i>	
SAMBUNGAN SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017	
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) menyambung perbahasan	88
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	91

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	94
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	103
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	115
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 malam.</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
38	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya nombor 37.

No.37. Di dalam Bajet 2016, pendapatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) adalah tertinggi. RM175,078,985.35 berbanding daerah lain. Dalam Bajet 2017:

- (a) Berapakah peruntukan yang dipulangkan kepada JKKN kawasan kampung di Seberang Perai Tengah berbanding daerah lain untuk membina jalan baharu/penyelenggaraan/kebersihan awam seperti mana Ahli Majlis dan JKKN?
- (b) Berapakah peruntukan yang dipulangkan kepada setiap kampung di Seberang Perai Tengah berbanding daerah lain?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Ahli Kawasan Penanti. Jawapannya hasil yang diperolehi melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah telah diperakunkan ke dalam Akaun Hasil Negeri Disatukan dan diagihkan berdasarkan bajet tahunan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Cadangan pembiayaan bagi tujuan membina jalan baharu, penyelenggaraan, pembersihan awam akan diselaraskan oleh beberapa pihak antaranya Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan Tanah dan Jabatan Parit dan Saliran dan juga tertakluk kepada kewangan negeri secara keseluruhannya dan tidak tertakluk kepada pemberian pada sesuatu kawasan sahaja. Pembahagian peruntukan kepada setiap KADUN dalam daerah bukan berpandukan kepada hasil keseluruhannya yang diterima oleh daerah tersebut. Antara kriteria lain yang dipertimbangkan dalam agihan peruntukan adalah berdasarkan keutamaan jumlah peruntukan, kritikaliti dan tempoh siap kerja itu. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Memandangkan pendapatan yang disalurkan kepada Bajet Negeri dari Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah adalah yang paling tinggi dan Pejabat Daerah adalah bertanggungjawab ke atas memberi khidmat di kawasan kampung. Jadi selalunya apa yang berlaku ialah apabila penyelenggaraan Dewan JKKN tidak dapat dilakukan. Dan juga pembersihan awam, pembersihan longkang-longkang di kampung, di paya yang bawah sebab rata-rata tanah-tanah di kampung adalah

tanah-tanah orang. Dan ini bukan di bawah penyelenggaraan oleh JPS. Maka apabila Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah hanya diberikan peruntukan RM100,000 pada tahun 2016 dan juga Bajet 2017 hanya RM103,000. Kawasan ini mempunyai banyak kampung seperti contohnya Permatang Pasir dan juga di Penanti dan juga Machang Bubuk. Jadi bagaimanakah wang kalau disamaratakan dan diberi sama rata kepada semua daerah, walhal Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah sendiri mempunyai pendapatan tetapi tidak boleh digunakan langsung hanya RM103,000. Bagaimanakah penduduk di kawasan saya iaitu 29,800 orang yang 72% tinggal di dalam kampung?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalannya, bagaimanakah pejabat daerah yang bertanggungjawab untuk memberi servis kepada kawasan kampung dapat melakukan tanggungjawabnya dengan kekangan bajet yang sedikit. Kalau MPSP walaupun diperuntukan diberi peruntukan RM1.5 juta penyelenggaraan pasar dan kompleks makanan tetapi Dewan JKKK, dewan banjir pembersihan awam di dalam kampung, pembersihan parit-parit kampung dan paya tidak termasuk di dalam perkhidmatan MPSP.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis soalan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itu soalannya. Saya nak jawapan yang lebih baik kerana dalam ucapan perbahasan, saya memang cakap saya menerima soalan jawapan bertulis kata akaun itu disatukan. Itu jawapan yang saya terima juga daripada MOF pasal GST dia kata tidak boleh beri kepada penduduk Pulau Pinang sebab akaun itu disatukan. Saya telah beritahu dalam ucapan perbahasan kita kena tunjuk kita lebih baik, lebih saksama jadi saya mengharapkan jika sesuatu kawasan mempunyai pendapatan atau *income*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti, soalan tambahan, bukan sesi berbahas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tidak, saya dengar jawapan yang diberi tapi saya rasa saya mohon sangat cuba Kerajaan Negeri membuat pengiraan matematik. Adakah logik dengan RM103,000.00 untuk membuat, untuk pejabat daerah memberi servis kepada kawasan yang memang banyak kampung dan ini adalah saya rasa *disservice* kepada penduduk. Maknanya... ..(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Penanti soalan tambahan kalau tidak ada saya hendak hentikan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bagaimanakah penduduk 72% daripada penduduk di kawasan Penanti sebagai contohnya tidak mendapat servis. Itu yang isunya sekarang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua saya ingin mengutarakan soalan asal yang ditanya oleh Yang Berhormat daripada Penanti. Beliau menanya dalam Bajet 2016 pendapatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah adalah yang tertinggi iaitu 1%, RM75 juta berbanding daerah-daerah lain di Pulau Pinang ada 5 daerah. Yang Berhormat bermaksud Seberang Perai Tengah paling tinggi hasil yang dikumpulkan. Berapa peruntukan yang dipulangkan kepada JKKN kawasan kampung di Seberang Perai Tengah berbanding daerah lain untuk membina jalan baharu, penyelenggaraan, pembersihan awam sepertimana Ahli Majlis dan juga JKKN. Yang Berhormat tidak kata daerah beliau adalah dapat hasil yang tertinggi. Beliau meminta supaya kawasan beliau atau Seberang Perai Tengah diberi secara peratusan. Kalau saya nampak hasil yang tertinggi daerah saya pun kena dapat hasil pulangan yang tertinggi. Itu maknanya berapa peruntukan yang dipulangkan di setiap kampung di Seberang Perai Tengah berbanding dengan daerah-daerah lain.

Itulah soalan asal Yang Berhormat jadi saya kata dia tidak kira siapa yang mana daerah yang dapat paling tinggi. Dia disatukan dalam satu akaun dan diagihkan kepada semua memandangkan keperluan dan sekiranya Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah seperti Yang Berhormat kata cuma dapat RM100,000 lebih. Ini bukan muktamad dan Yang Berhormat dan lain-lain Yang Berhormat di kawasan Seberang Perai Tengah apabila memerlukan peruntukan atau apa-apa projek-projek kecil bolehlah menulis kepada Pejabat Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Tengah kalau ada perlu mereka selesai penyiasatan dan berpendapat ia perlu, maka Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah boleh memohon kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk peruntukan tambahan, kerana Jabatan Kewangan Negeri dia memang ada dana ada rizab untuk diagihkan untuk kerja-kerja atau projek-projek yang diperlukan jadi itulah jawapan kita. Kita tidak boleh kata daerah saya dapat yang tertinggi saya mahu pulangan yang tertinggi juga itu tidak boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Saya faham, maksud saya bukan soalan ini membina jalan baharu ini jalan kampung penyelenggaraan, pembersihan awam itu semua maksud saya bukan untuk projek khas atau pun projek-projek seperti membina dewan atau pun apa yang selalu minta dari Ahli Kawasan Padang Kota untuk menaik taraf parit-parit kampung melalui Tabung Amanah Perparitan. Saya bukan maksudkan projek-projek pembangunan, apa yang saya maksudkan ialah penyelenggaraan biasa, maknanya jika penyelenggaraan Dewan JKKN seperti biasa, pembersihan awam, yang tidak perlu setiap kali nak cuci parit kampung atau pun sungai di kampung yang di mana terletak di tanah orang setiap kali nak kena mohon *special* peruntukan. Apa yang saya beritahu ini ialah benda-benda yang biasa sahaja untuk kawasan kampung.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Kalau kita kata di dalam kampung atau kawasan-kawasan terpencil tiada *services* sendiri Yang Berhormat sendiri pun telah jawab bahawa dalam kampung itu kebanyakan tanah-tanah itu dia tiada jalan yang tersusun atau parit-parit yang tersusun. Dia tengok mana tempat yang lebih rendah maka parit lari ke sana. Ada orang kata ini parit gila-gila, lari sana lari sini. Tidak ikut jajaran yang betul. Jadi kalau hendak panggil MPSP masuk untuk mengorek atau mencuci itu satu perkara juga sangat susah. Sebab semua rumah-rumah dibangun sampai tiada tempat untuk orang lalu ada cuma satu motosikal boleh lalu. Jentolak tidak boleh masuk. Ini tidak boleh masuk itu tidak boleh masuk. Saya dari kampung saya tahu rata-rata seperti itu. Jadi kalau pembersihan adalah melalui gotong-royong dan selalunya ADUN ada peruntukan apabila menganjurkan satu gotong-royong untuk orang kampung mencuci kawasan berkenaan kita cuma membuat kenduri dan membeli peralatan-peralatan itu apa yang kita boleh buat. Jadi Yang Berhormat kalau ada perlu lagi kekurangan peruntukan apa-apa mintalah dari PKN beliau sentiasa boleh membantu, ini apa yang tadi Dato' Seri SUK pun ada kata macam ini. Kalau ada keperluan boleh minta lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan ketiga, bagaimana pula kampung-kampung seperti Sungai Lembu? Sungai Lembu adalah bukan semua kampung-kampung di kawasan baru itu tak ada jalan, ada, tapi kampung seperti Sungai Lembu, perkampungan Cina Sungai Lembu, memang satu kampung yang tersusun mempunyai jalan walaupun dia kampung, kalau kita masuk memang bukan tanah memang tersusun, ada paritnya semua tapi itu pun kampung seperti itu pun tidak termasuk dalam pembersihan awam yang dilakukan secara berjadual ataupun *regular*, jadi itu yang saya minta jika Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan. Sebab dulu bila saya tanya kepada Seberang Jaya dalam Mesyuarat MMK, Pembangunan Desa jawabannya ialah dan juga saya dapat jawapan daripada MPSP adalah “kenapa MPSP tidak memberi service kepada kawasan kampung? Sebab kawasan kampung tidak membayar cukai. Cukai pintu. Tetapi memandangkan pejabat daerah sendiri ada *income* ada pendapatan, tidak bolehkah sedikit peratusan diberi dipulangkan balik, *it a should* JKKN yang menjaga kampung ataupun beri duit itu kepada pejabat daerah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri tidak memandang sama ada perkampungan baru, kampung-kampung itu ada dapat hasil atau pulangan daripada penduduk atau tidak. Dia memberi perkhidmatan yang sewajarnya. Seperti mengutip sampah dua hari satu kali, ya, *rubbish truck* masuk kampung dua hari satu kali untuk mengangkut sampah-sampah yang dibuang dalam tong yang tertentu, itu satu *service*, pekerja-pekerja MPSP juga ada menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam kampung itu, cuma seperti apa yang saya kata tadi, kalau tanah itu tanah persendirian, dan bangunan-bangunan itu membina begitu rapat sehingga jentolak tak boleh masuk, apa yang boleh dibuat hanya secara manual iaitu menggunakan tenaga manusia untuk mencangkul atau untuk membuat pembersihan. Itu saja, tak boleh buat secara besaran dan mencuci keseluruhannya. Jadi ini adalah tertakluk kepada JKK kampung-kampung tertentu untuk menyusun supaya tenaga manusia dan juga dengan bantuan daripada MPSP untuk membekal peralatan-peralatan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu, saya ingat itu adalah jawapan yang saya setakat ini boleh memberi. Sekian saja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan 38, soalan daripada YB. Pinang Tunggal, memandangkan YB. Pinang Tunggal tak ada dalam Dewan, soalan akan dilangkau. Saya ingin persilakan soalan 39, YB. Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Yang di-Pertua, soalan saya soalan 39.

No. 39 Huraikan rancangan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang benar-benar mesra alam dan berhemat. Cadangan SRS dan Kerajaan Negeri mengutamakan pengangkutan awam yang mementingkan komersial dengan Rancangan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang lebih baik, lebih murah, lebih cepat, yang menggunakan Bas Rapid Transit (BRT) dan trem sebagai kaedah pengangkutan awam utama oleh Penang Forum”.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Selamat pagi Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan no.39 yang dikemukakan oleh YB. Tanjong Bunga berhubung dengan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, sukacita maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pembangunan mampan sesebuah Negara atau Negeri bergantung kepada perancangan pengangkutan awam yang sistematik dan realistik. Ia memberi impak besar kepada kadar pertumbuhan ekonomi, *liability* dan *sustainability* sesuatu bandaraya. Oleh itu, sesuatu pelan pengangkutan yang ingin dilaksanakan bukan sahaja perlu lebih murah dan cepat, tetapi lebih penting agar pelan tersebut *reliable*, *sustainable* dan *feasible*, dengan izin. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang mempunyai ciri-ciri seperti di atas dan sesuai untuk dilaksanakan. Semua komponen dan projek yang akan dilaksanakan perlulah melalui proses penyediaan Laporan Kajian Kesan Alam Sekitar dan

perlu dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar, sebelum apa-apa projek dilaksanakan. Ini penting bagi meminimakan kesan kepada alam sekitar apabila ianya telah siap kelak. Dari segi kos pelaksanaan, Kerajaan Negeri sedar bahawa pelaksanaan ini akan melibatkan kos yang tinggi. Namun begitu, beberapa langkah awalan Kerajaan Negeri seperti penubuhan Jawatankuasa Kewangan dan Perundangan yang dipengerusikan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri akan memastikan setiap kos pelaksanaan yang terlibat benar-benar optimum dan dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah membentuk Jawatankuasa Kerja Teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR, bersama dengan Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP dianggotai oleh semua agensi teknikal bagi meneliti cadangan yang dikemukakan oleh SRS Consortium dan juga kebolehlaksanaan pelbagai mod pengangkutan awam yang juga termasuk Bus Rapid Transit (BRT) dan Trem. Dengan mengambil kira kapasiti penumpang atau (*Passenger Per Hour Per Direction*), keadaan jalan raya yang sempit dengan bilangan persimpangan lampu isyarat yang banyak, serta akan melibatkan kos pengambilan tanah dan pengalihan utiliti sangat tinggi akan menyukarkan pelaksanaan sistem BRT dan TREM berbanding dengan Light Rail Transit (LRT) di Bahagian Pulau, Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Terima kasih kepada YB. Padang Kota dengan penjelasan itu. Soalan saya adakah sistem LRT atau Monorel yang lebih mementingkan komersial kononya daripada yang lain, adakah itu hasrat atau keputusan Kerajaan Negeri walaupun adanya cadangan lain yang lebih *environmental friendly*, dengan izin dan lebih ber *sustainability* dan mampan iaitu BRT atau LRT?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Perbincangan mengenai kesesuaian mana sistem berlangsung di Negeri Pulau Pinang atas satu isu yang pokok, iaitu sama ada sistem yang dilaksanakan adalah *at grade* ataupun *elevated*, masing-masing ada kebaikan dan kelemahannya dari segi kos, dari segi koslah dan juga dari segi operasi apabila ianya siap, jadi apa yang dicadangkan bahawa sistem Trem memang seperti mana dijawab ianya akan dilaksanakan di peringkat atau fasa yang kedua apabila sampai masanya manakala projek keutamaan pada kini adalah untuk melaksanakan LRT dari KOMTAR ke Bayan Lepas atas jajaran yang sudah pun kemukakan kepada SPAD dan juga adalah di mana satu sistem yang *elevated* dan bukan *at grade* dan sudah pun diperjelaskan perbandingan di antara *at grade* dan *elevated* dari segi kos dan pembinaan peralihan utiliti koridor yang perlu diambil pengambilan tanah dan sebagainya, tetapi ini masih tertakluk kepada SPAD seperti mana saya jawab sebelum ini. SPAD saya percaya akan meletakkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum ianya dapat diluluskan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan lagi. Seterusnya soalan saya, jikalau ada sesuatu orang awam atau NGO mengemukakan satu alternatif untuk cadangan kerajaan dikajikan, bolehkah sebagai institusi Negeri Kerajaan, bolehkah Penang Institute juga harus diberi satu wajib atau kesempatan untuk membuat kajian cadangan NGO itu alternatif itu, sekurang-kurangnya ia juga dikajikan oleh institusi yang kita anggap neutral, boleh bagi pandangan yang lebih baik kepada negeri, supaya memberi cadangan atau pandangan yang lebih tepat supaya kita tak kesal kemudian.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mana-mana sistem ada '*pro and contra*'nya. Siapa boleh pastikan apa yang dicadangkan sebagai lebih cepat, lebih murah, tidak dikesalkan nanti kelak, apabila dibina atas jalan *at grade* dikongsikan dengan trafik-trafik, basikal langgar Tram, Tram langgar motosikal dan sebagainya, itulah yang boleh dikesalkan di bandaraya yang melaksanakan *traffic sharing Tram system at grade*. Itulah antara pertimbangan-pertimbangan kita dan kita merasakan untuk jangka panjang satu sistem yang *elevated* walaupun membabitkan kos pembinaan yang lebih tinggi, akan menjamin operasi yang dapat mengelakkan masalah-masalah yang dikatakan tadi dan memang Penang Institute juga merupakan ahli dalam jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dalam pelaksanaan Penang Master Plan. Namun juga wakil-

wakil dari Penang Forum juga menjadi ahli kepada Penang Transport Council yang mempunyai ruang yang begitu luas, masa yang mencukupi untuk meneliti semua dokumen yang dikemukakan oleh SRS Consortium.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Cadangan projek *Development Partner* SRS, bukan sahaja untuk Pelan Induk *Transport Master Plan* tapi satu *sustainable solution has to calculate economy grow*, bukankah ini *conflict of increase the project development partner is a developer*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Batu Uban pun menjadi ahli kepada *Penang Transport Council* dan mempunyai banyak kesempatan untuk melalui debat isu ini dan saya rasa Yang Berhormat masih tidak dapat menerima satu hakikat bahawa SRS Consortium *delivery partner* kepada Kerajaan Negeri, walaupun rakan-rakan dalam SRS Consortium merupakan pemaju SRS dalam pelaksanaan *Penang Transport Master Plan* adalah *project delivery partner* dan bukan pemaju.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Soalan saya soalan nombor 40.

- No. 40. Apakah fokus dan arah tuju Kerajaan Negeri bagi membangunkan industri desa yang sememangnya sudah lama wujud, apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan industri desa ini terus berkembang?"

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Permatang Berangan, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan terhadap kemajuan industri desa di Negeri ini. Selaras dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, industri desa perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan daya saing sama ada peringkat nasional mahupun di peringkat pasaran global. Pelaksanaan Dasar Pembangunan Desa 2017-2019 Negeri Pulau Pinang dijangka mampu untuk mewujudkan usahawan desa yang berdaya saing di peringkat global. Hala tuju industri desa di Negeri ini mensasarkan peningkatan hasil pertanian dan penternakan, pemodenan penghasilan produk, kepelbagaian industri desa melalui pelbagai produk pelancongan dan peningkatan sosio-ekonomi melalui penubuhan koperasi. Produk pertanian dan ternakan merupakan perusahaan utama dalam industri desa. Menyedari kepentingannya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian pada tahun 2016 telah menyediakan peruntukan berjumlah RM610,000.00 untuk pelbagai program pembangunan pertanian di desa dan sebanyak RM50,000.00 dibajetkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi membantu usahawan industri asas tani.

Bantuan ini diharap dapat meningkatkan hasil-hasil pertanian dan ternakan dan seterusnya pertambahan pendapatan kepada pengusaha. Penganjuran Seberang Perai Fiesta dan Agro Fest Pulau Pinang saban tahun oleh Kerajaan Negeri juga dapat menyediakan akses pasaran industri desa yang

lebih besar. Produk yang dihasilkan oleh industri desa sebelum ini adalah dalam kuantiti yang kecil dan masih menggunakan teknik tradisional atau manual. Usaha pemodenan proses penghasilan produk industri desa adalah perlu seiring dengan perkembangan teknologi. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM250,000 pada tahun 2016 bagi bantuan peralatan di bawah Program Pembangunan Industri Desa sebagai usaha membantu usahawan meningkatkan pengeluaran dan lebih berdaya saing dalam perniagaan mereka. Penghasilan produk pelancongan dalam Industri Desa berpotensi menghasilkan pulangan yang tinggi. Produk pelancongan seperti Inap Desa dapat mewujudkan kegiatan ekonomi sampingan kerana Inap Desa tidak menyediakan penginapan sahaja tapi perlu menyediakan pakej dengan aktiviti kampung untuk memberi pengalaman berbeza kepada pelancong antarabangsa ataupun domestik. Koperasi pula diwujudkan adalah untuk meningkatkan taraf hidupan dan sosio-ekonomi anggota melalui aktiviti yang dijalankan dalam pelbagai kategori seperti koperasi pengguna, pertanian, perumahan, pengangkutan, perindustrian dan perkhidmatan. Contoh penubuhan koperasi di peringkat desa adalah Koperasi Era Jaya Seberang Perai Berhad ditubuhkan oleh JKK Taman Alma Jaya dengan modal 50 ribu ringgit dan menjalankan aktiviti perkhidmatan sewaan kelengkapan kenduri dan katering. Penubuhan koperasi dijadikan sebagai salah satu kriteria yang dinilai di dalam Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri dan Daerah untuk menggalakkan penubuhan koperasi di peringkat desa digiat lebih aktif dalam kegiatan ekonomi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Soalan tambahan saya setakat mana kejayaan dicapai dalam program-program ini dan apakah rintangan yang dihadapi dalam menjayakan program-program ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya tak dapat nak senaraikan semua kejayaan itu sekarang, tetapi hasil dari apa yang kita lakukan kita dapat lihat semakin ramai usahawan yang mula terlibat dengan program-program promosi yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan dalam lawatan-lawatan saya ketika jelajah desa di peringkat daerah-daerah tahun lepas sahaja yang mana kebanyakan daripada usahawan-usahawan ini telah mampu untuk menghasilkan dengan produk dengan lebih banyak dan juga mampu memasarkan produk mereka lebih jauh ke hadapan. Bahkan contoh dengan pemberian Mikro-kredit Tabung Usahawan Tani Muda, seramai 49 orang yang telah menerima. Saya dimaklumkan hampir sebelum ini majoriti mereka melakukan aktiviti ini apa kita panggil *part-time* secara sambilan tapi sekarang ini banyak pada mereka telah beralih kepada sepenuh masa. Kerana niat kita memberi Tabung Usahawan Tani Muda ini bukan memberikan dana yang besar, niat kita adalah supaya kita berikan dana ini supaya mereka dapat menambah baik perusahaan mereka atau aktiviti usahawan mereka supaya mereka boleh pula memohon geran-geran yang lebih besar yang ada disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga oleh pelbagai agensi-agensi lain seperti Agro Bank dan SME Bank.

Itu matlamat kita, kerana untuk Kerajaan Negeri membelanjakan wang yang besar untuk menyediakan geran yang besar itu saya ingat kita tidak ada kemampuan itu lagi. Kerana belanjawan kita hanya mencecah 1 bilion sahaja 1 tahun. Jadi sebab itu dengan adanya geran-geran kecil ini yang mampu untuk melonjakkan dan memangkin industri ini maka mereka dapat mengembangkan lagi industri mereka itu, itu matlamat kita. Bahkan tahun ini sahaja kita telah membawa usahawan-usahawan kita sehingga ke Negeri Johor sehingga ke Kuala Lumpur yang mana kita membelanjakan seperti betul yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Dua. Kita belanjakan tak banyak 100 ribu lebih sahaja. Tetapi pulangan yang kita dapat 5 kali ganda. Mereka mengutip hasil 500 ribu ringgit, itu cara kami buat pelaburan untuk masa depan Negeri Pulau Pinang. Kita dapat pulangan 5 kali ganda bukan kita dapat kerugian 5 kali ganda. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Kita melihat industri asas tani atau pun industri desa ini merupakan industri yang melibatkan ramai penduduk kawasan luar bandar. Dan pengeluarannya agak berselerak dia merata-rata tidak dipusatkan. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat yang pentingnya untuk memastikan pemasaran dan pembungkusan produk itu dinaik taraf *standardkan* di beri satu pembungkusan yang lebih baik yang lebih diterima dalam pasaran dan adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengumpulkan dalam satu Parlimen mungkin dalam satu DUN dikumpulkan setempat dan dilaksanakan secara berpusat dari segi

pengumpulan dan seterusnya dibungkuskan dan dipasarkan secara berpusat. Adakah Kerajaan Negeri untuk melaksanakan sedemikian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya faham apa yang dicadangkan oleh YB. Sungai Dua. Kita telah mendengar sendiri pendapat dari usahawan. Antara isu yang saya kenal pasti isunya bukan soal pasaran di Pulau Pinang sangat, kalau kita buat satu pusat pemasaran di Pulau Pinang sahaja dan fokus di Negeri Pulau Pinang *the pull market* itu tidak terlalu besar. Penduduk kita ada 1.6 juta. Tetapi kalau kita pasarkan keluar maka mereka bukan hanya mendapat mencari pengguna-pengguna baru, *consumer* baru tetapi dapat cari stokis-stokis baru. Dan ini yang kita sedang laksanakan dan hasilnya sebagai contoh Negeri Pulau Pinang negeri yang kecil, negeri yang tidak mempunyai banyak sumber tetapi mempunyai tenaga sumber manusia yang hebat-hebat. Kita waktu Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Sarawak tahun lalu, Pulau Pinang sebagai negeri yang paling kecil sekali dalam penyertaan itu kita mendapat Anugerah Jualan Terbanyak Peringkat Kebangsaan mengalahkan negeri-negeri lain. Itu menunjukkan kekuatan produk-produk kita. Saya percaya usahawan-usahawan kita dengan ia betul sebelum ini ada kerjasama dari Jabatan-Jabatan bantuan dari segi *packaging* dari segi pemasaran termasuk juga agensi-agensi seperti PERDA, agensi seperti FAMA dan MARDI. Mereka ini telah membantu membangunkan usahawan. Sekarang ini kita perlu mendidik usahawan kita juga untuk mempunyai keyakinan membawa produk mereka keluar. Sebab itu sekarang ini kita tengah atur banyak strategi-strategi untuk bawa produk kita keluar. Bahkan saya juga cuba untuk bekerjasama dengan FAMA untuk membawa produk-produk kita ke Singapura.

Saya dimaklumkan FAMA telah melaksanakan sendiri. Tetapi Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak FAMA untuk kita bawa produk-produk kita ke Singapura jadi antara pertimbangan bila FAMA kata dah buat sendiri jadi sebab tu kami ke Johor ke tempat paling hampir ke Singapura kami ke Tebrau tak silap saya, Bukit Indah di sana JUSCO itu dihadiri oleh ramai orang Singapura. Mereka tahulah macam mana hendak bawa masuk ke Singapura produk-produk kita dengan harga lebih murah dan lebih efisien. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Saya tertarik dengan Industri Desa ini kerana ada pandangan bahawa pada masa ini seluruh dunia menghadapi *economy crisis* dan *our currency* juga turun dan inilah satu peluang untuk pelancongan di pertingkatkan. Dan bolehkah Industri Desa ini buat satu program apa itu *local branding* kepada mereka dan promosikan mereka dalam jaringan *eco-tourism* supaya mereka juga di promosikan kepada *international* kerana ada juga produk-produk tempatan yang sangat ber*standard* la. Macam biskut, baju dan lain-lain lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Tanjong Bunga. Saya ingat kita di sini pun maklum banyak usaha-usaha yang dilakukan oleh YB. Batu Lancang bahkan YB. Penanti dalam mempromosikan kawasan-kawasan desa bahkan di Kawasan Seberang Jaya pun walaupun dikenali sebagai bandar saya telah anjurkan program *Fun Ride* di sawah. Yang mana selain daripada berbasikal di atas jalan biasa, mereka akan berbasikal melalui kawasan sawah padi. Ia ini juga sebagai satu usaha untuk kita promosikan tempat-tempat ini dan saya juga ingin maklumkan banyak kawasan desa sekarang pun digunakan sebagai lokasi-lokasi untuk mengambil gambar-gambar perkahwinan. Bahkan gambar pilihan raya pun kita ambil di sawah padi. Jadi ini satu-satu cara dan langkah yang saya percaya yang telah kita laksanakan, cuma dalam masa yang sama apa yang perlu Kerajaan Negeri sediakan yang mana dalam Dasar Pembangunan Desa yang akan kita lancarkan tengah hari nanti *Insya-Allah* yang mana fokusnya adalah untuk memberikan latihan ini kepada usahawan kita. Kerana pada saya dan kepada pihak Kerajaan Negeri yang penting perlu kita bantu usahawan ini bukan dari soal dana tetapi dari soal ilmu dan juga kemahiran-kemahiran untuk memasarkan produk, mereka memasarkan identiti mereka dan memasarkan lokasi dan tempat mereka berniaga. Terima Kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya soalan 42 dari YB. Telok Bahang, memandang YB. Telok Bahang. 41 maaf. YB. Telok Bahang tak ada dalam Dewan, soalan dilangkau, seterusnya, sila YB. Permatang Pasir. YB. Permatang Pasir pun tak ada dalam Dewan maka soalan 42 dilangkau, seterusnya dipersilakan YB. Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Dato' Speaker, soalan 43 soalan saya.

- No. 43. (a) Apakah Kerajaan Negeri ada memperkenalkan usaha menjaga alam sekitar demi kehijauan Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga kini? Sila senaraikan program dan kempen yang dijalankan.
- (b) Huraikan keberkesanan usaha tersebut serta penambahbaikan yang dibuat.
- (c) Nyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan yang digunakan bagi huraian di atas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan selamat untuk didiami dan mempunyai persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini pelbagai usaha telah dilaksanakan demi memelihara, memulih serta mempertahankan kehijauan Negeri Pulau Pinang. Program-program yang telah dilaksanakan dalam menjaga kehijauan Pulau Pinang adalah berikut :

Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dan program penanaman pokok dan pengindahan landskap negeri. Secara amnya program-program yang telah dinyatakan telah berjaya memberi kesan yang positif terhadap kehijauan dan seterusnya kualiti alam sekitar Negeri Pulau Pinang. Program pengurusan hutan secara lestari yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran untuk memasti bahawa sumber hutan perlu diurus berdasar prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Demi memastikan kehijauan serta sumber bio-diversiti hutan sentiasa terpelihara. Prinsip pengurusan hutan secara berkala yang telah dilaksanakan akan dapat memastikan sumber bio-diversiti hutan yang bernilai komersial diurus secara lestari bagi memastikan ianya dapat digunakan secara berterusan untuk kepentingan generasi masa hadapan. Sebagai langkah penambahbaik Kerajaan Negeri telah menggariskan prinsip pelaksanaan hutan secara bekalan dan berasas lima (5) komponen berikut iaitu, pengurusan persempadanan sumber hutan secara lestari, pemindahan dan perlindungan sumber-sumber bio-diversiti, publisiti dan penyampaian maklumat kepada masyarakat mengenankan kepentingan hutan, pembangunan dan penjanaan hutan sebagai kawasan eko-pelancongan dan menaikkan taraf infrastruktur bagi memudahkan secara urus, Kerajaan Negeri juga melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program tanam pokok seluruh Negeri Pulau Pinang. Program menanam pokok seluruh Negeri Pulau Pinang. Program penanaman pokok yang dilaksanakan merangkumi tiga (3) aktiviti utama. Program penanaman pokok di kawasan tanah lapang kerajaan dan termasuk kawasan bukit di dalam hutan simpanan kekal, program pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai bagi menahan hakisan seperti impak Tsunami dan pengeluaran pokok-pokok sedia ada.

Selain daripada itu, program pengindahan landskap yang dilaksanakan di Pulau Pinang juga merupakan salah satu langkah bagi memastikan Pulau Pinang sentiasa menjadi Negeri Hijau. Program ini dilaksanakan melalui pembinaan *pocket park* dengan landskap yang menarik bagi tujuan rekreasi orang ramai dan turut melibatkan inisiatif pemuliharaan pokok-pokok warisan. Sebagai makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2008 sehingga 1 November 2016 sebanyak 287,038 pokok telah ditanam di seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai langkah penambah baik program ini, ataupun luaskan lagi kepada pihak swasta bagi projek tanggungjawab *sosial corporate* (CSR), pelaksanaan program yang diniagakan

dari tahun 2008 sehingga 2016 November, melibatkan perbelanjaan jumlah RM23.51 juta dan menggunakan peruntukan Pembangunan yang disalurkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Perincian peruntukan belanja akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas sesi lisan ini selesai.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Sungai Puyu. Saya juga tertarik dengan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dimana pokok-pokok lama sepanjang jalan Masjid Negeri telah diselamatkan dengan menanamkan semula mereka, mengeluarkan mereka dan menanamkan semula mereka di kawasan-kawasan tertentu.

Sememangnya ini adalah sesuatu tindakan Kerajaan Negeri yang perlu dipuji kerana ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memang *serious* untuk memastikan bahawa kita bukan sahaja menumpukan perhatian kepada mengindahkan Pulau Pinang dengan menanam pokok-pokok yang baru, tetapi juga mengambil langkah-langkah untuk menyelamatkan pokok-pokok lama dengan menanamkan semula mereka di kawasan-kawasan yang baru.

Saya cuma ingin tahu kalau boleh Yang Berhormat, memberi sedikit ulasan berkenaan kalau boleh sekarang, kalau tidak ada semasa penggulungan nanti. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sebagai membelanjakan wang bagi memastikan bahawa kerja-kerja pembesaran jalan dilaksanakan tanpa menebang pokok-pokok yang lama dan berapakah jumlah pokok yang telahpun ditanam semula sebagai sebahagian daripada projek pembesaran jalan.

Kalau boleh, saya ingin penjelasan ulasan sekarang. Kalau tidak boleh semasa penggulungan nanti. Tetapi, walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memang menunjukkan *keseriusan* untuk memastikan bahawa alam sekitar sentiasa dipelihara di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Memang apabila pembesaran jalan, *this widening the road* ini memang di bawah rakan saya iaitu YB daripada Bagan Jermal, ini dibawah kontrak-kontrak JKR. Keputusan adalah, kami apabila pokok hendak dipindahkan kami kena minta satu *arborist* supaya *arborist* yang buat semakan dan tapak yang sesuai baru kami pindahkan.

Bukan 100% boleh hidup. Tetapi kami cuba seboleh-bolehnya, yang tidak hidup kami juga minta mereka ganti dengan pokok-pokok yang lain ditempat-tempat yang sesuai. Untuk ini sama juga pada kini, kami ambil kira daripada pengalaman iaitu kata pokok apa yang sesuai di tepi jalan yang dimanakah boleh tanam dan kami juga bersiap sedia pokok-pokok yang boleh ditanam di tanah-tanah lapang.

Iaitu kata di mana tanah-tanah lapang, kerajaan kalau hendak tanam pokok-pokok, kami selalu minta mereka berhubung dengan kami, kami buat siasatan dan jika sesuai kami akan bagi pokok-pokok yang tertentu. Ini dibawah Dasar Penang *Cleaner, Greener, Safer, Healthier And Happier Community*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada soalan tambahan sikit. Saya juga kurang berpuas hati dengan tindakan-tindakan oleh NGO-NGO tertentu seperti (dengan izin)....*Consumer Association Of Penang* yang selalu mengadakan sidang-sidang akhbar menghentam Kerajaan Negeri kononnya mengatakan bahawa kita tidak prihatin kepada program-program pemeliharaan alam sekitar.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan apa-apa sesi dialog dengan pihak-pihak tertentu kerana mereka saya rasa suka-suka sahaja mengadakan sidang akhbar untuk menghentam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walaupun kita sebagai kerajaan, memikul beban untuk memastikan bahawa satu penyelesaian dicari bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas dan sebagainya.

Jadi soalan saya adalah, adakah Yang Berhormat sendiri atau EXCO-EXCO Kerajaan Negeri yang lain bercadang untuk mengadakan apa-apa dialog dengan NGO seperti *Consumer Association Of Penang* atau NGO-NGO lain yang berpaksi kepada pemeliharaan alam sekitar dan sebagainya bagi menjelaskan inisiatif Kerajaan Negeri yang mulia, yang murni ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Nombor satu visi Kerajaan Negeri telah mengamalkan satu polisi '*open door policy, no wrong door policy*' iaitu kata bila-bila masa yang mana-mana NGO, kalau mereka ada apa-apa persoalan mereka boleh bertulis secara bertulis kepada kami juga boleh berjumpa dengan kami. '*Open door no wrong door policy*'.

Jadi, sini saya hendak mengatakan bahawa untuk Penang *Cleaner, Greener, Safer, Healthier And Happier*, punya polisi ada orang tidak faham dan dalam Dewan yang mulia ini sudah beberapa kali telah persoalan perkara ini.

Apabila kami kata *Cleaner*, apakah maksud *cleaner*? Maksud *cleaner* bukan hanya yang fizikal, tetapi mental dan juga dia punya fikiran itu penting. Fizikal *we clean up* sampah dan lain-lain. *Cleaner* lagi satu *a clean administration*, itu mental. *Cleaner* lagi satu dari segi *positive thinking* seperti di dalam Dewan yang mulia ini, kami lihat kawan kita daripada Bertam, dia juga ada tunjuk kelmarin dalam satu ucapan dia mengatakan bahawa 'Hutan Simpanan Kekal Telah Dicerobohi'.

Apakah ini? Ini bermaksud bukan *positive thinking*, tetapi *negative thinking*. Kalau hendak minta dia kata *cleaner supaya clean away the negatives thinks*. Mengapa dalam kenyataan NST telah dibuat? Saya telah secara dalam sidang akhbar tunjuk bukti dan semua dan juga seperti Pengarah di Pejabat Perhutanan, dia juga keluar bagi kenyataan supaya dia kata bahawa tidak dicerobohi dan bukan haknya satu *paper*, banyak *paper* telah dibuat. Walaupun telah menjawab, mereka lagi bawa masuk isu ini dalam Dewan. Apakah ini? Ini adalah *negative thinking*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat jawab.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta. Saya minta laluan. Sebab ini satu tuduhan. Ini satu tuduhan. Ini daripada soalan saya, jadi saya kena jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya belum habis lagi. Saya boleh bagi peluang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat jawab soalan tambahan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya jawab. Tidak usahlah. Saya kata *Cleaner, cleaner* bukan hanya yang fizikal, *cleaner* hanya yang macam mental. Bila saya kata *cleaner, we also want a clean, a cleaner media report* seperti hari sabtu kejadian di Prai, waktu pukul sepuluh belum banjir tetapi, *STAR* melaporkan kerana banjir ramai orang mati. *That is call negative thinking.*

Bila kami kata *cleaner, clean up all the negative perception*, mengapa tadi saya menjawab macam ini. Ternyata NGO yang buat *press conference condemns state government* ini, ini, ini. Ini panggil negatif kerana kami ada *open door policy no wrong door policy* (dengan izin) YB. Dato' Speaker (bercakap dalam bahasa mandarin) *that is call cleaner, why? We want to be transparent, so if you want to know anything*, jika hendak tahu apa-apa marilah jumpa kami. Kami beri penjelasan. Betul tidak? *That is call cleaner.*

Di sini tengok Kerajaan Negeri, apabila kami *clean the pentadbiran every year*, kami ada kelebihan berbanding dengan Kerajaan Pusat yang tidak ada *clean administration*. Tengok kes 1MDB.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. saya mohon. Saya mohon....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti, saya bagi peluang. Saya bagi peluang. Saya bagi peluang, kerana kalau hendak jawab, sekejap lagi boleh jawab. Kerana dia *negative thinking*, apa pun Kerajaan Negeri buat dia pun kata hendak hentam. Seperti program-program '*No free plastic bag day*'. Setiap-tiap sesi di dalam Dewan yang mulia sejak diimplimentasi, mesti ada seorang YB daripada Pembangkang soal.

Jumlah berapa telah dikutip? Dimanakah kewangan disalurkan? Tiap-tiap kali saya pun kena jawab salurkan kepada Bendahari Kerajaan Negeri, telah digunakan untuk program AES. Tetapi tidak masuk akal kerana dia sini belum bersih. Dalam ini kotor. *So, we have got to clean up not only physical, we have got to clean up even mental. In terms of administration, in terms of corruption, we want a cleaner Penang and we have a cleaner Penang*, berharap bahawa *this cleaner message* boleh sampai Kerajaan Pusat *clean up the corruption in Malaysia*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Okey.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya terkejut sebagai seorang EXCO yang mengambil berat tentang alam sekitar. Dan pagi ini melenting sebab kononnya Bertam apabila Bertam bawa ke dalam Dewan mengatakan bahawa 'Tahukah Kerajaan Negeri ada berlakunya laporan mengatakan bahawa ada pencerobohan?' Ini dibawa dalam nada persoalan. Untuk kita sama-sama menanggapi masalah tersebut sebab laporan ini bagi setiap orang yang membaca ia di muka surat pertama dan dinyatakan bahawa '*Penang Under Track Again*' saya cuma membawa apa yang dilaporkan. Saya tidak langsung mengatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri sengaja membutakan mata, memekakkan telinga, tidak. Saya tanya, tahu atau tidak. Itu sahaja.

Nanti sekejap. Yang jadi masalah, baru hari ini mengatakan bahawa kita berfikiran negatif, kita berfikiran positif sebab itu kita bagi tahu. Kalau tahu, kita sama-sama menangani sebab laporan ini kata apa :

'The 105 year old Bukit Relau permanent forest reserve is one of at least two state reserves that have been encroached on for agricultural use'. Ini laporan. Kemudian 'Large tracts of land have been cleared. Streams have narrowed due to water being siphoned to farms. And, landslides are an eminent risk. Sahabat Alam Malaysia's president says it has yet faham? It has yet to receive a response from the Forestry Department on the matter, and calls for the perpetrators to be thrown behind bars.

Jadi bila saya bawa, saya tidak menuduh Kerajaan Negeri langsung. Cuma berkongsi sebab saya pun bersama-sama, kita faham ini konsep alam sekitar. Itu tujuan, bukan menuduh. Tetapi EXCO boleh bangun mengatakan bahawa saya berfikiran negatif, seolah-olah saya harap EXCO kena *i'm so sorry* lah mungkin politik dahulu politik hari ini berbeza, politik hari ini kita mencari penyelesaian.

Kita tidak jadikan Dewan sebagai tempat hendak tunjuk kehebatan berdebat, menaburkan fitnah yang bukan-bukan. Bagi saya sebagai seorang yang lama, harus menunjukkan sikap yang bersih bukan sahaja di luar nampak bersih, rambut putih memang nampak bersih tetapi kalau hati itu kotor, dia tetap kotor.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih. Terima kasih. Ini lah membuktikan satu bukti yang kukuh. Ini ada satu bukti yang kukuh bahawa ini fikiran negatif, kerana selepas laporan di NST hari yang kedua saya telah buat satu *press conference* di mana saya telah menjelaskan semua dan tunjuk laporan-laporan ini semua. Jika saya memang ikhlas di hati dan jaga kepentingan negeri, dan jaga kepentingan alam sekitar saya tidak tunggu sehingga Dewan baru tanya. Betul tidak? Tidak sampai.

Saya beri jaminan bahawa biodiversiti di hutan-hutan saya tidak akan simpan matlamat didalam hutan ada banyak pokok-pokok itu perubatan. *There are so much medical value* tetapi saya kena mengaku, satu sahaja. Hanya satu sehingga kini saya telah mencari-cari tetapi tidak dapat satu ubat untuk rawatan negatif, satu ubat untuk merawat orang kata malas. Kalau saya tidak cari untuk mengubatkan tidak bertanggungjawab, itu saya tidak ada. Sehingga kini saya mengaku walaupun diversiti dalam hutan, baikpun di hutan baikpun di bandar *there is no medication for laziness* saya bukan sentuh anda. Saya kata macam ini sahaja. *There is no. None.* Jika, macam tadi saya sudah kata mengapa tunggu sampai Dewan bersidang baharu hendak bertanya satu, kedua mengapa hendak memilih kasih, saya hanya hendak baca New Strait Time (NST), kerana NST adalah macam *we organ* propaganda Barisan Nasional, bila lain-lain surat khabar telah menjelaskan bahawa tidak ada, tetapi tidak mahu rujuk, hanya hendak rujuk kepada NST apakah itu, sakit negatif, sakit malas, sakit tidak bertanggungjawab, saya tidak tahu, saya tidak menyentuh pada anda, YB. Bertam saya minta maaf, tetapi, *I give that's example, example* bahawa *cleaner in thought* bersih di hati *that's is reason*, saya hendak bertanya adakah Ahli Yang Berhormat sokong kepada Bersih, Bersih dari segi pentadbiran, Bersih alam sekitar, ada sokong Bersih tak?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya seorang pembersih, itu sahaja Yang Berhormat, saya mandi dan segala-galanya, itulah tandanya saya seorang pembersih, pembersih bukan sokong Bersih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan nombor 44, Bayan Lepas, tiada dalam Dewan, dilangkau saya minta YB. Batu Uban soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan saya nombor 45.

- No. 45. Empat item dalam cadangan asal SRS fasa satu (tahun 2016-2023) yakni PIL 2A, Upgrade Juru Interchange, BKE Interchange dan bas dan katamaran telah dikeluarkan.
- (a) Apakah yang akan berlaku terhadap item-item yang telah dikeluarkan dari dalam senarai fasa satu?
- (b) Adakah ia bersifat sementara waktu sahaja atau muktamad?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan YB. Batu Uban berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh SRS Consortium, cadangan untuk menaik taraf Juru Interchange, Butterworth Kulim Expressway (BKE) Interchange, bas dan perkhidmatan katamaran merupakan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam laporan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PIP) yang disediakan oleh AJC Planning Consultant bersama-sama Halcrow Consultant Sdn Bhd dan Singapore Cruise Centre Private Limited. Manakala, komponen Pan Island Link 2A (PIL 2A) disertakan dalam pelaksanaan Pelan Induk PIP setelah dikenal pasti sebagai *missing link* dalam lab teknikal integrasi projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama agensi teknikal negeri. Bagi cadangan pelaksanaan fasa pertama Pelan Induk Pengangkutan, Negeri Pulau Pinang memberi fokus kepada tiga projek iaitu seperti mana selalu dijawab Pembinaan LRT dari George Town ke KOMTAR atau Bayan Lepas, kedua PIL iaitu dari Gurney ke Bayan Lepas dan tambakan laut sebab ianya *finalizing model* bagi pelaksanaan *Penang Transport Master Plan*. Bagi komponen-komponen lain yang disebut oleh Yang Berhormat, ianya tidak dikeluarkan. Tetapi, akan dilaksanakan dalam fasa kedua, oleh itu bagi bahagian B, ianya tidak berkenaan sebab memang projek-projek ini akan dilaksanakan mengikut fasa-fasanya dan tidak ada projek yang dikeluarkan dari cadangan asal.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan nombor 46.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 46

- No. 46. (a) Berapakah banyakkah wang yang telah dilaburkan untuk projek *Penang Free WiFi*?
- (b) Apakah tindakan kerajaan terhadap masalah perkhidmatan *Penang Free WiFi* yang cukup lambat yang dibina sejak 7 tahun lalu?
- (c) Pejabat siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan projek *Penang Free WiFi* ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM8.49 juta bagi kos pengurusan dan pemasangan 1,550 *Acces Point* (AP) atau *hotspot Penang Free WiFi* (PFW) bagi tempoh lima (5) tahun. Manakala kos tambahan sebanyak RM25,000.00 sebulan diperuntukkan bermula pada 16 Februari 2015 bagi tujuan peningkatan kapasiti *bandwidth* daripada 75Mbps kepada 375Mbps, ini bermakna bahawa kos pembayaran sebulan adalah sebanyak RM162,000.00 sebulan. Bagi tujuan mengatasi isu kelajuan capaian Internet melalui perkhidmatan *Penang Free WiFi* (PFW), Kerajaan Negeri pada 16 Februari 2015 telah menambah kapasiti *bandwidth*

PFW daripada 75Mbps kepada 375Mbps. Peningkatan ini membolehkan setiap Acces Point (AP) *hotspot* PFW menyediakan capaian berkelajuan sekurang-kurangnya 1Mbps hingga 3Mbps dan mampu menampung maksimum tiga puluh pengguna pada satu masa. Pihak REDtone Telecommunication Sdn. Bhd. kini dalam proses menjalankan kaji selidik di kalangan pengguna perkhidmatan PFW bagi tujuan menambah baik kemudahan perkhidmatan PFW. Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan agensi yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan Projek *Penang Free WiFi* (PFW), PDC Telecommunications Services Sdn. Bhd. dipertanggungjawabkan sebagai agensi yang memantau pelaksanaan projek dan REDtone Telecommunications Sdn. Bhd. merupakan pelaksana dan penyedia perkhidmatan PFW semasa, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menambahkan lebih pembekalan untuk *upgrade* atau pun penambahbaikan kelajuan lagi internet yang berkaitan dengan *Penang Free WiFi*, soalan saya ini kerana saya masih dapat *feedback* daripada orang awam bahawa *speed* atau kelajuan WiFi masih tidak mencukupi atau memuaskan lagi, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, memang Kerajaan Negeri sedar tentang rungutan daripada orang ramai bahawa dari segi perkhidmatan atau pun *customer service station* adalah kurang, tetapi ini adalah sesuatu yang kita kena hadapinya kerana kita mendapati secara percuma sekiranya kita bayar kadang-kadang pun tidak mendapat *service* yang baik, khususnya memandangkan bahawa *speed* internet Malaysia agaklah mundur sekali, kalau kita membandingkan dengan negara-negara, bukanlah negara maju, macam Singapura atau pun Korea Selatan tapi negara-negara seperti Vietnam pun tidak stabil dan saya rasa itu satu kecacatan dan kelemahan yang harus dibaiki oleh pihak Kerajaan Persekutuan sekiranya kita hendak menjadi atau menjadikan ekonomi digital sebagai salah satu tunggak pembangunan ekonomi negara.

So, oleh itu memandangkan bahawa dari segi kelajuan tidak memuaskan maka Kerajaan Negeri sedang mengkaji prestasi yang disampaikan oleh syarikat ini, tentu kita pun sedang menilai opsyen-opsyen lain dan saya rasa kita akan membuat keputusan muktamad apabila kita menilai opsyen-opsyen lain, so, *termasuk* prestasi perkhidmatan yang telah diberikan, tetapi saya ingin tegaskan bahawa *Penang Free WiFi* adalah untuk kemudahan buat satu tempoh yang pendek sahaja kerana kita tidak mahu ia disalahgunakan untuk memuatkan atau pun menonton filem, atau pun untuk main *game*, sebab itulah ia hanya untuk tempoh waktu yang pendek, khususnya kita harap untuk hantar email sahaja, tetapi sekiranya ia disalah digunakan tentulah nescaya dari segi prestasi, dari segi mutu perkhidmatan ia adalah berkurangan. Walau bagaimanapun Pulau Pinang berasa bangga bahawa kami adalah di antara bandaraya-bandaraya di dunia yang ada perkhidmatan sedemikian, tidak ada bandaraya yang ada perkhidmatan sedemikian, tetapi dari segi kos *effectiveness* tentu saya akui bahawa kita kena mengkaji semula kerana kalau kita lihat *trend* masa hadapan ialah untuk syarikat-syarikat telekomunikasi bukan sahaja menurunkan kosnya tetapi juga memperingkatkan kelajuan oleh itu dari aspek PFW dahulu mungkin ada impaknya, sekarang impaknya mungkin berkurangan so, kita kena pastikan perbelanjaan adalah untuk membawa *high* impak dan inilah sebabnya kita akan mengkaji PFW sama ada wang dibelanjakan ada memberi impak yang tinggi kepada pengguna-pengguna. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan tambahan, Y.A.B. Air Putih selaku Ketua Menteri di dalam soalan bertulis saya termasuklah di dalam perbahasan saya, saya ada menyentuh tentang kedudukan hotspot di KADUN Bertam dan saya ucapkan terima kasih kerana KADUN Bertam juga diperuntukkan sepuluh *access point*, tetapi cuma saya membawa kepada pengetahuan dewan bahawa saya selaku ADUN masakan bahawa *access point* di KADUN Bertam tidak sesuai Yang Amat Berhormat, pertama saya teruskan ianya diletak di kedai-kedai, seperti di kedai kasut dan sebagainya, cumanya ia kedai, kalau saya tengok di KADUN-KADUN lain perpustakaan pun dapat, sekolah dapat, masjid pun dapat, jadi untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat untuk BERTAM sahaja tidak ada satu pun yang diletakkan di kawasan-kawasan yang penggunanya, *target* penggunanya adalah pelajar dan sebagainya.

Sebagai contoh Yang Amat Berhormat, yang pertama saya mendapat sepuluh, yang pertama Global Shop, sebuah kedai cenderahati, kemudian UE Optical, kemudian kedai kasut, kemudian Restoran Nasi Beriani, dan kita ada Top In Tailor, kita juga ada Time Story Enterprise, kedai kopi, Soon He kedai dan kedai kopi juga, semua kedai kopi, jadi saya mohon kepada Yang Amat Berhormat supaya kalau diizinkan dilakukan sedikit perpindahan untuk diletakkan kerana di dalam KADUN Bertam tidak ada sekolah agama bantuan kerajaan, kita ada sekolah tamil yang memerlukan benda-benda yang macam ini, kita juga ada sekolah cina dan sebagainya dan kita juga ada perpustakaan di KADUN Bertam, jadi saya minta supaya kalau Yang Amat Berhormat boleh pertimbangkan *access access point* ini dirombak semula di KADUN Bertam, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, YB. Bertam, saya rasa tentu Yang Berhormat boleh syorkan kawasan-kawasan yang boleh letakkan itu *hotspot*, bila kita hendak memasang *hotspot* kami menghadapi beberapa masalah teknikal, sekolah-sekolah sebenarnya tidak perlukannya, kerana mereka ada bestari *maps* di mana kelajuannya sepatutnya lebih cepat, oleh sebab itu memandangkan bahawa mereka bestari *maps* ia tidak perlu diletakkan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, oleh itu sebabnya kita letak di kawasan lain seperti yang disebut tadi masjid dan kawasan-kawasan tempat awam pun telah dipasang dan tentulah dari segi keberkesannya saya percaya Yang Berhormat boleh juga sekiranya ingin bekerjasama, selain daripada mengesyorkan tempat-tempat untuk memasang *hotspot* Yang Berhormat pun juga boleh menggunakan peruntukan di mana kita boleh memasang lebih lagi dan saya rasa memang Kerajaan Negeri bersedia bekerjasama supaya dapat memberikan liputan dengan lebih luas, sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya ingin mempersilakan soalan 47 dari YB. Sungai Acheh, memandangkan YB. Sungai Acheh tidak ada di dalam Dewan, soalan No. 48 dilangkau, YB. Sungai Pinang, sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 48.

- No. 48. Masalah banjir kilat di lembangan Sungai Pinang sering berlaku dan menjadi semakin kritikal telah menyusahkan penduduk-penduduk di tepi sungai seperti di Jalan P. Ramlee dan Kampung Rawa di KADUN Sungai Pinang. Bilakah projek tebatan banjir fasa ke-2 oleh Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab soalan nombor 48 bersama soalan nombor 54 yang dikemukakan oleh YB. KOMTAR kerana melibatkan isu yang sama iaitu projek tebatan banjir Sungai Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pinang dan KOMTAR dan juga Dewan Yang Mulia ini projek tebatan banjir Sungai Pinang Fasa 2 sebenarnya siap Fasa 2 berhubung dengan penempatan penduduk-penduduk. Jadi apa yang akan dilaksanakan sekarang di gelarkan sebagai fasa ke 3 di mana baru-baru ini peruntukan di bawah *rolling plan 2*, Rancangan Malaysia Kedua. Kos projek sebanyak RM150 juta telah pun diumumkan. Rekabentuk terperinci dan kerja-kerja awalan akan dilaksanakan pada tahun 2017, pembinaan projek ini dijangka mula pada tahun 2018. Atau seawalnya *quarter* yang terakhir tahun 2017 baru dapat kita mula sebab kerja-kerja rekabentuk terperinci akan mengambil masa *maybe* dalam 6 bulan lagi dan penyediaan dokumen-dokumen kontrak, panggilan kontrak dan sebagainya akan mengambil masa beberapa bulan juga. YB. KOMTAR ingin tahu apakah sebenarnya punca berlakunya banjir kilat yang melanda beberapa kawasan pulau semasa musim hujan. Antara sebab yang dikenalpasti bagi empangan Sungai Pinang, adalah kecurahan hujan atau *rainfall* yang tinggi yang melebihi 60mm dalam tempoh masa yang singkat iaitu antara dua (2) hingga empat (4) jam. Hujan lebat serentak dengan air laut pasang yang menyebabkan peningkatan aras air sungai-sungai utama. Ketiga, topografi kawasan yang rendah atau landai yang menyebabkan air tidak dapat dialirkan keluar ke parit monsoon sungai. Kesan perbandaran, perubahan

guna tanah dan pembangunan tidak lestari. Sistem saliran dan perparitan dalaman yang tersumbat oleh sampah sarap dan parit monsoon utama dan sungai-sungai tidak dapat menampung kapasiti air yang banyak ketika hujan lebat.

Sebenarnya pagi ini dalam surat khabar pun ada kenyataan daripada Jabatan Kaji Cuaca yang menyatakan dalam bulan ini di seluruh Semenanjung Malaysia sudah menerima 1000mm hujan pada bulan November sahaja dan bulan November pun belum habis berbanding dengan *average* 1200mm bagi satu tahun. Ini menunjukkan dalam satu dua bulan ini hujan yang turun adalah luar biasa dan Jabatan Kaji Cuaca pun memberi amaran bahawa hujan-hujan yang turun sekarang dan akan turun merupakan hujan yang turun dalam masa yang amat pendek tetapi hujan turun dengan begitu banyak. Maksudnya, intensiti adalah begitu tinggi sehingga sistem-sistem perparitan tidak dapat menampung air yang turun. Misalnya di Negeri Pulau Pinang statistik dari Air Hitam dan Telok Bahang boleh digunakan untuk memberi satu gambaran di Negeri Pulau Pinang sebenarnya apa berlaku di Empangan Air Itam pada bulan September, hujan yang tercatat adalah 669mm. Lazimnya 200mm. Kalau lebih-lebih pun 300mm satu bulan. Itulah biasa. Tetapi di Air Itam bulan September 669mm, Oktober pula 500mm, November sehingga semalam ada 10 hari lagi November, semalam sudah pun tercatat 527mm. Kemungkinan apabila bulan ini habis, mungkin 650mm. Itulah membayangkan mengikut PBA, rekod sepanjang 10 tahun ini, kali ini hujan tertinggi dalam rekod 10 tahun. Di Telok Bahang pula, maaf Bagan Jermal sekali lagi menceroboh portfolio tetapi ini berhubung dengan kaitan hujan dengan banjir adalah abang dan adiklah. Tak boleh dipisahkan. Di Telok Bahang, September 1,506mm. YB. Batu Lancang gembira sebab paras air naik dia boleh menganjurkan *Dragon Boat*.

Tetapi itu keadaan di Telok Bahang, September 1506mm. Pada Oktober, 924mm dan Telok Bahang bagi November sehingga kelmarin 881mm. Itulah paras ataupun catatan hujan yang dua atau tiga kali ganda pada keadaan biasa. Jadi kita berharap kita ambil maklum keadaan cuaca ini, dan buat persiapan JPS, JKR, PBT, semua buat persiapan untuk menghadapi cuaca yang akan merunsingkan ini. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan tambahan. Terima kasih penjelasan daripada YB. Padang Kota. Sementara kita menunggu dan difahamkan kerja-kerja akan dimulakan tetapi ia masih ambil beberapa bulan. Cuaca ini susah diramalkan. Jadi, apakah tindakan-tindakan untuk mencegah sementara jika banjir akan berlaku lagi. Sementara ini apakah tindakan dan usaha daripada Kerajaan? Dan saya nak tahu juga peruntukan RM150 juta ini bagaimanakah kaedah bayarannya? Sudahkah diperuntukkan atau dibayar? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih. Untuk menjawab YB. Sungai Pinang, lazimnya apabila sesuatu projek diluluskan dalam kes fasa 3 Sungai Pinang, ianya akan mengambil masa 2017, 2018, 2019 dan 2020. Maka pada setiap tahun jumlah peruntukan yang diperlukan adalah berlandaskan apa kerja yang perlu dilakukan. Misalnya ialah, cuma membabitkan reka bentuk terperinci. Bukan bermaksud RM150 juta itu disalurkan terus kepada JPS ataupun JPS pusatlah. Jadi mungkin RM5 juta atau RM10 juta diperlukan dalam tahun yang pertama untuk kajian terperinci dan sebagainya. Dan selepas ianya ditawarkan kontrak, bila kerja-kerja mula katakan pada 2018, nilai kerja yang dilakukan dianggarkan RM 30 juta. Maka RM30 juta akan dilepaskan sehingga ianya siap. Bagi menangani keadaan yang merunsingkan ini, sebelum dapat berita yang bagus bahawa Kerajaan Persekutuan meluluskan RM150 juta itu, saya pun dapat persetujuan negeri meluluskan satu perbelanjaan yang cepatah. RM665 Ribu sahaja. Kalau RM665 juta, banyak boleh dilakukan. Tetapi RM665 Ribu kita melakukan kerja-kerja cemas seperti mengorek Sungai Pinang, membaiki tebing-tebing dan membaiki pam-pam yang kemungkinan rosak di Kampung Masjid pun sudah diperbaiki yang dikenalpasti sebagai satu punca, dan juga mendalamkan kolam tadahan. Itulah kerja-kerja kecemasan untuk menghadapi satu keadaan secara jangka pendek sahaja.

Tetapi, penyelesaiannya memang adalah projek yang membabitkan perbelanjaan yang lebih besar dan YB. Datok Keramat, walaupun nama kawasan dia Datok Keramat, tetapi Datok Keramat yang menjadi mangsa kepada banjir Sungai Pinang. Jadi Yang Berhormat pun cadangkan kemungkinan JPS boleh membina satu *barrage* di muara Sungai Pinang. *Barrage* memang adalah satu projek struktur untuk menangani banjir samada ianya boleh dilaksanakan dengan menggunakan RM150 juta ini, saya minta

JPS untuk memberi penekanan melihat samada cadangan Yang Berhormat Datok Keramat itu boleh dilaksanakan atau tidak. Ataupun perlu peruntukan yang lebih bagi membina satu *barrage* di muara Sungai Pinang di mana kesannya adalah menahan air pasang dari masuk ke saliran Sungai Pinang dan anak-anak sungai. Itulah kita harap JPS Negeri dan pusat dapat bersama-sama mengkaji penyelesaian yang terbaik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Seterusnya, silakan YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan saya soalan nombor 49.

- No. 49. (a) Berapakah bilangan pekerja kontrak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diambil tindakan tahan gaji bagi tahun 2014-2016? Senaraikan kesalahan yang dilakukan.
- (b) Adakah benar pekerja kontrak tersebut perlu bekerja pada bulan berikutnya tanpa cuti sebelum dibayar gaji yang ditahan?
- (c) Berapakah bilangan pekerja yang ditahan gaji hingga hari ini dan jumlah bayaran yang diselesaikan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak sempat duduk. Terima kasih sekali lagi kepada YB. Dato' yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan YB. Sungai Dua, jumlah pekerja kontrak yang diambil tindakan pemberhentian gaji atau tahan kerja oleh MPSP sehingga Oktober tahun ini, adalah sebanyak 395 orang. Di mana seramai 71 orang pada tahun 2014, 178 orang pada tahun 2015, dan 146 orang sehingga bulan Oktober tahun ini. Tindakan ini adalah bagi kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti dan mengambil cuti sakit melebihi kelayakan yang ditetapkan iaitu 15 hari. Walau bagaimanapun, bagi kakitangan yang mendapat cuti sakit melebihi kelayakan akibat kemalangan, pihak SOCSO akan membayar pampasan mengikut jumlah cuti sakit.

Adalah tidak benar Yang Berhormat bahawa kerja kontrak tersebut perlu bekerja pada bulan berikutnya tanpa cuti sebelum dibayar gaji yang dihentikan. Ini adalah kerana gaji pegawai atau kakitangan tersebut akan dibayar seperti biasa jika kakitangan terbabit hadir bertugas seperti biasa dan tidak kesalahan dilakukan dalam bulan berikutnya. Sehingga Oktober tahun ini, masih terdapat seramai 41 orang kakitangan yang masih dihentikan gaji. Jumlah gaji yang dibayar semula setelah pekerja berkenaan kembali bertugas adalah sebanyak RM64,116.26. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Sila YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan. Apa yang saya dapat cuba maklumat ini daripada pekerja. Mungkin ia tidak benar dan saya akan dapatkan maklumat yang sebenarnya. Dia kata dia terpaksa bekerja bulan kedua itu tanpa cuti. Kalau cuti 1 hari ataupun MC, dia akan terpaksa ditahan lagi untuk bulan yang berikutnya. Kalau benar ini mungkin satu tindakan yang tidak patutlah. Soalan saya, apakah kaedah yang disediakan untuk pekerja kontrak ini? Dan apakah mereka berpeluang diserap ke jawatan tetap dan yang kedua apakah benar pihak MPSP akan melantik dan menyerap kerja-kerja pembersihan kepada syarikat swasta dan pekerja-pekerja yang terlibat akan diserap ke syarikat tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Sungai Dua. Kebanyakan pekerja-pekerja kontrak yang bermaksud ini adalah dalam bidang pembersihan awam dan pungutan sisa pepejal, pekerja pembersihan dan ianya menikmati segala kemudahan yang dinikmati di bawah pakej yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja ini dan memandangkan pada beberapa tahun dahulu pun sudah diputuskan memandangkan penswastaan perkhidmatan sisa pepejal ini, kerja-kerja tetap tidak diwujudkan lagi. Manakala, untuk menangani keadaan ini, MPSP telah buat keputusan melantik pekerja-pekerja kontrak supaya tidak menjejaskan perkhidmatan setelah MPSP mengambil alih semua kerja-kerja pembersihan awam ini. Memang ada cadangan memandangkan pembersihan awam menjadi satu *core business* yang amat penting bagi MPSP dan mereka menghadapi pelbagai cabaran termasuk peruntukan yang mencukupi, kakitangan yang mencukupi dan sebagainya. Memang ada satu cadangan menggunakan peruntukan daripada MARRIS untuk digunakan untuk menjalankan kerja-kerja tertentu yang dibenarkan oleh MARRIS dan ada cadangan untuk *outsourc*e sebahagian kerja-kerja untuk memperluaskan perkhidmatan ke kawasan-kawasan yang menjadi rungutan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri khususnya yang mewakili kawasan kampung-kampung.

Pada bulan Mac, peluasan perkhidmatan ini akan dilakukan apabila peruntukan MARRIS dapat digunakan. Itulah supaya perkhidmatan di kawasan-kawasan ini yang memang diberi, bukan tidak diberikan tetapi mungkin kekerapan itu tidak kerap seperti lain-lain kawasan. Kemungkinan tidak masuk ke bahagian belakang longkang di belakang rumah, di Kampung Baru itu yang memang bukan rizab atau sebagainya tetapi dalam rancangan ini bahagian ini akan diberi perkhidmatan menjelang bulan Mac kalau boleh kita akan usahakan supaya kawasan baru dapat diberi perkhidmatan ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat. Selaras dengan Sub-Peraturan 26(7), Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mohon supaya masa persidangan hari ini 22 November 2016 (Selasa) dilanjutkan sehingga jam 11.30 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 22 November 2016, hari Selasa sehingga jam 11.30 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu usul bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 34(viii) dan saya ingin minta izin ia dibentangkan sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, boleh saya tahu dia punya fasal berkenaan dengan apa? Fasal 34.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan mengecam dengan kerasnya penyalahgunaan Akta Kesalahan Keselamatan Kuasa-Kuasa Khas 2012 atau SOSMA yang digunakan sebagai alasan penahanan ke atas Pengerusi Bersih, Maria Chin Abdullah. Sungguhpun Puan Maria Chin bukanlah seorang pengganas atau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti keganasan ataupun bukannya ahli politik tetapi hanya seorang pemimpin pertubuhan sivil yang membuat lima tuntutan iaitu pilihan raya bebas dan adil, kerajaan bersih, perkukuh demokrasi berparlimen, memperkasa Sabah dan Sarawak serta mempunyai hak membantah. Dan bahawa Dewan yang Mulia ini juga mengecam penahanan beliau tanpa bicara selama 28 hari dalam keadaan sel yang gelap dan diasingkan dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan serta mendesak agar beliau dibebaskan tanpa syarat dengan kadar segera.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul tanpa pemberitahuan di bawah Peraturan 34(viii). Ahli-ahli Yang Berhormat untuk usul tanpa pemberitahuan ini saya minta sokongan sekurang-kurangnya 10 Ahli Yang Berhormat untuk berdiri di tempat masing-masing. Usul telah disokong, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta ucapan pencadang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik. Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah bangun untuk memberikan sokongan untuk membentangkan usul tanpa notis di bawah Fasal 34(viii) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tentang satu isu yang telah mengejutkan keseluruhan rakyat Malaysia tanpa kira kaum, agama dan juga latar belakang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, rakyat Malaysia terkejut apabila Puan Maria Chin Abdullah, Pengerusi Bersih ditahan di bawah Seksyen 4(5) SOSMA selama 28 hari tanpa dihadapkan ke mahkamah. Semua rakyat Malaysia kecuali Kerajaan Persekutuan dan Barisan Nasional sahaja yang tidak tahu bahawa Puan Maria Chin bukanlah seorang pengganas atau terlibat dalam aktiviti keganasan. Itulah sebabnya saya ingin mohon bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan mengecam dengan sekeras-kerasnya penyalahgunaan SOSMA yang digunakan ke atas Puan Maria Chin Abdullah. Kerana beliau adalah seorang pemimpin pertubuhan sivil yang membuat lima tuntutan yang saya gariskan tadi, yang saya rasa bukanlah suatu aktiviti keganasan. Tidaklah mencederakan mana-mana pihak sebaliknya memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia dan juga generasi akan datang. Dalam konteks yang menegakkan Keluhuran Undang-Undang dan Perlembagaan Persekutuan. Apa yang mengejutkan ialah beliau ditahan selama 28 hari dalam keadaan sel yang bukan sahaja kecil tetapi dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan. Saya rasa Dato' Yang di-Pertua dan juga Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang Mulia ini, ada menonton satu klip video daripada anak Puan Maria Chin Abdullah yang saya rasa amat menyentuh hati di mana disebutkan tentang keadaan yang terpaksa dialami oleh Puan Maria Chin.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya merasakan simpati yang sangat ke atas apa yang terpaksa dilalui oleh Puan Maria Chin kerana saya pun pernah ditahan dan juga dikurung dalam keadaan yang agak sama. Dan ia bukanlah sesuatu yang mudah dilalui. Mungkin kami adalah seorang aktivis politik, kami dalam perjuangan untuk menuntut kebebasan dan juga keadilan untuk negara dan rakyatnya. Itu adalah suatu pengalaman yang pahit yang harus diharungi. Tetapi untuk seorang aktivis pertubuhan sivil dikenakan layanan yang sedemikian, saya rasa adalah sesuatu yang dianggap lebih dan melampau. Ini adalah kerana semasa SOSMA dibentangkan di Parlimen pada tahun 2012, jaminan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional bahawa ia bukanlah gantian kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA yang telahpun dimansuhkan. Tetapi adalah sesuatu akta khusus untuk mencegah keganasan dan ancaman pengganas sama ada ISIS ataupun ekstremis lain. Ini dinyatakan dengan jelas oleh menteri dan juga Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. Bila mereka menyatakan mereka mahu menunjukkan mereka liberal. Mereka terbuka, mereka menghormati hak asasi manusia.

Memansuhkan ISA tetapi lepas itu cepat-cepat gantikannya dengan SOSMA dan apabila ia dibentangkan dalam perbahasan, dinyatakan dengan jelas bahawa ia adalah ditumpukan kepada ISIS, pengganas-pengganas di mana langkah-langkah dan juga prosedur-prosedur yang sedia ada di bawah mahkamah tidak memadai untuk memerangi ekstremis-ekstremis pelampau ataupun pengganas-pengganas tersebut. Dan SOSMA tidak akan digunakan kepada mereka yang bukan pengganas. Kerana itulah sebabnya kita amat terkejut, Puan Maria Chin tidak mengusahakan atau mengerjakan aktiviti-aktiviti membabitkan keganasan dan ini dibuktikan apabila kita lihat perhimpunan Bersih yang berlangsung pada 19 November 2016 berjalan dengan begitu aman dan damai seperti empat perhimpunan Bersih selama ini, tidak ada sebarang keganasan dan beliau tidak pernah mengancam atau mengugut untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keganasan. Sebaliknya mengatakan bahawa ia akan berjalan secara aman dan damai. Tidak pernah menyatakan akan menjalankan ataupun ugut keganasan akan berlaku dalam perhimpunan Bersih.

Saya masih ingat, Dato' yang di-Pertua, jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa SOSMA tidak akan disalahgunakan terhadap golongan aktivis termasuk ahli politik yang tidak bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional ataupun untuk tujuan politik khususnya berkaitan dengan kepartian politik anti Barisan Nasional. Dan ia digariskan dengan amat jelas sekali. Kalau kita baca Akta SOSMA, Seksyen 4(3) dinyatakan dengan jelas dan dengan izin, saya hendak baca Seksyen itu ringkas sahaja tetapi amat jelas, "*No person shall be arrested and detained under this section solely for his political belief or political activity*". Puan Maria Chin ditahan di bawah Seksyen 4 tanpa bicara direman selama 28 hari sungguhpun beliau bukanlah pengganas dan bukan ahli politik. Ahli politik, sudah disebutkan dengan jelas, tidak boleh digunakan ke atas ahli politik, Puan Maria Chin bukan ahli politik. Dia adalah seorang pertubuhan sivil tetapi kita tahu, SOSMA digunakan ke atas ahli-ahli politik yang anti Barisan Nasional. Terhadap Encik Khairuddin Abu Hassan dan Matthias Chang pernah ditahan di bawah SOSMA. Dan Encik Khairuddin tentulah dulu rakan kawan-kawan yang di sebelah sana. Mungkin jumpa orang kaya-kaya sahaja. Itu Khairuddin Abu Hassan. Ya, orang kaya. Dia punya rumah kena lelong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain, biarkan Yang Amat Berhormat berucap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Boleh ulang dekat luar, tengok itu Khairuddin akan saman atau tidak saman. Boleh cakap di luar. Dan Matthias Chang pun ditahan di bawah SOSMA. Jelas sekali bahawa sama seperti ISA. SOSMA kini telah telah disalahgunakan ke atas ahli politik. Tetapi ini adalah ke atas ahli politik yang menentang Barisan Nasional. Kenapa pula Puan Maria Chin Abdullah yang bukan ahli politik, bukanlah ahli mana-mana parti. Sekiranya Puan Maria Chin terlibat dalam politik, ia pun tidak salah dan tidak harus ditahan di bawah SOSMA. Lebih-lebih lagi bila beliau tidak terlibat dalam politik. Tapi hanya dalam aktiviti pertubuhan sivil yang mungkin dianggap anti Barisan Nasional. Seperti yang saya sebut tadi, beliau hanya membuat lima tuntutan. Terutamanya pilihanraya yang bebas dan adil supaya kita boleh adakan pilihanraya yang bersih. Ini mungkin tidak disukai oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tetapi sudah pasti ia langsung tidak menyalahi SOSMA. Mengapa pula beliau ditahan di bawah SOSMA bila perhimpunan berjalan lancar secara aman dan damai. Mengapa pula pihak pemimpin baju merah hanya direman empat (4) hari dan bukan lebih lama sungguhpun mereka mengancam nak gunakan kegunaan. Bukan sahaja nak pukul, nak cincang lagi dan tidak menggunakan SOSMA untuk menahan pemimpin-pemimpin baju merah daripada UMNO yang ingin lakukan kegunaan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, seorang pendamai, seorang yang mahu menggunakan hak yang telah dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, berhimpun secara aman. Sebagai penganas, tidak lain tidak bukan, jadikan putih jadi hitam, hitam jadi putih dan memang saya bersetuju dengan pandangan bahawa ini adalah satu tindakan yang amat zalim sekali oleh pihak Barisan Nasional.

YB. Dato' Yang di-Pertua, kami di Pulau Pinang saya rasa adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia. Kami pun bimbang bahawa apa yang berlaku atas Puan Maria Chin, kalau boleh berlaku ke atas seorang pemimpin pertubuhan sivil, mungkin esok adalah giliran pihak kami pula. Itulah sebabnya saya mohon supaya Dewan yang mulia ini mengambil satu ketetapan yang jelas bahawa kita membantah penyalahgunaan SOSMA. Penyalahgunaan SOSMA bukan sahaja untuk tutup mulut suara-suara rakyat, suara-suara pembangkang tetapi juga ke atas pertubuhan sivil. Jelas sekali, suara-suara yang tak suka didengar oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional sekarang dan ditutup di bawah Akta SOSMA ini. Mungkin esok bila kita nak suarakan tentang 1MDB, itu adalah kita punya *destiny*. Itulah sebabnya saya mendesak bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Puan Maria Chin dibebaskan dengan segera untuk menahan seorang wanita, seorang ibu berumur 60 tahun yang bukanlah penganas di bawah SOSMA. Itu adalah satu tindakan yang zalim dan kejam. Saya harap bahawa semua ADUN-ADUN tanpa kira latar belakang politik, janganlah ingat anda dalam Barisan Nasional, anda tak kena. Mana tahu. Kalau ada akta tak suka, mungkin akan kena bala pula. Itulah sebabnya kita harus pastikan bukanlah ikut suka satu dua orang. Dan inilah bukan satu sistem yang kita nak duduk dekat Malaysia. Tidak ada sebab mengapa Puan Maria Chin Abdullah ditahan di bawah SOSMA. Tidak ada sebab langsung. Kalau nak tahan, gunakan peruntukan lain seperti yang digunakan ke atas ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, wakil rakyat daripada DAP, PKR yang lain. Tapi mengapa hanya Maria Chin Abdullah ditahan di bawah Sosma. Satu dunia tahu beliau bukan penganas. Hanya Barisan Nasional sahaja anggap dia penganas. Itulah yang terjadi dalam Malaysia sekarang, yang bersih jadi kotor, yang kotor jadi bersih. Adakah kita mahu satu masyarakat yang sudah songsang song song dan terbalik ini? Kita tak mau hidup dalam negara yang songsang songsong dan terbalik ini. Kita mahu sebuah negara yang lurus, sebuah negara yang tegak mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan dapat membezakan siapa penganas, siapa pendamai.

Saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa bukan mudah untuk lalui masa dalam lokap khusus untuk SOSMA kerana saya cakap mengikut pengalaman saya. Lebih-lebih lagi bila ini berlaku ke atas seorang ibu yang bukan, saya tak nak cakap dia tua lah. Tapi ibu yang berumur 60 tahun. Tolong bayangkan. Itu amat zalim dan kejam sekali. Oleh itu, saya mendesak sekali, marilah kita sebagai rakyat Malaysia di Pulau Pinang berdiri bersama Puan Maria Chin Abdullah, meminta Puan Maria Chin Abdullah dibebaskan supaya kita boleh bersihkan Malaysia dan bebaskan Malaysia. Sekian, saya mohon mencadang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan usul ini?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyokong perkara usul tergepar yang di bawa oleh ADUN Air Putih tadi dan saya akan berucap memberi sokongan kepada usul tergepar ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau dulu Internal Security Act (ISA) telah dimansuhkan, rakyat Malaysia sebenarnya mengharapkan sesuatu yang pemansuhan yang terus menerus kepada akta yang zalim ini. Tetapi, rupanya ia diganti oleh satu lagi akta yang dipanggil SOSMA yang mana ia telah diguna pakai pada kali ini atas usul yang dibawa iaitu telah dikenakan ke atas aktivis masyarakat Puan Maria Chin Abdullah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ISA mungkin 60 hari ditahan tanpa bicara walaupun jumlahnya hanya 28 hari dalam SOSMA, tapi 28 hari merupakan suatu hari yang cukup gelap khususnya kepada seorang ibu, Puan Maria Chin Abdullah ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, suasana negara pada hari ini kita lihat masa depan dengan cabaran-cabaran yang ada, dengan segala isu yang ada pada hari ini, ditambah pula dengan penangkapan kepada aktivis NGO atau masyarakat ini menjadikan seolah-olah masa depan dalam negara kita ini tidak boleh menyuarakan suatu untuk menambahbaik pada suatu sistem yang ada pada negara ini. Kalau kita lihat objektif kepimpinan Maria Chin Abdullah mengepalai Bersih yang cuba untuk membangkitkan ataupun menegur kerajaan pada hari ini, jelas lima (5) tuntutan Bersih itu, kalau tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh masyarakat tahu, terpampang dengan jelas di setiap baju Bersih. Tidak ada salahnya sepatutnya menegur, memberikan satu teguran kepada kerajaan sepertimana yang disebut oleh Y.A.B. Air Putih, menuntut sebuah kerajaan yang bersih dan adil. Itu antara satu. Kedua, menuntut pilihan raya yang bersih dan adil kerana pada setiap tahun kerajaan kita, sistem perlembagaan kita, sistem pilihan raya, kita nak kan rakyat untuk memilih pemimpin masing-masing dan kita hendakkan pilihanraya yang bersih dan antara tuntutan lain adalah untuk terus mengekalkan demokrasi, memberi peluang kepada rakyat untuk bersuara dan satu lagi tuntutannya adalah ada hak untuk membantah ataupun hak untuk menegur. Inilah yang dibawa oleh kepimpinan Maria Chin Abdullah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Maria Chin Abdullah, dari segi nama pun kita tahu. Dia adalah seorang muslim, seorang yang beragama Islam, dalam keadaan beliau sebagai seorang ibu dalam tempoh 28 hari ini, merupakan satu yang gelap kepada mereka. Tadi sebut tentang anak beliau Azumin Yunus telah menceritakan bagaimana telah menyuarakan kehendak hatinya, suatu yang mencabar keluarganya dan beliau sendiri telah pun membuat laporan polis untuk membantah tentang penangkapan ibu beliau. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin nyatakan bahawa dalam tema Bersih yang disebutkan bahawa Maria Chin Abdullah membawa Bersih dalam satu tema, bersatu tenaga Malaysia baru. Ini satu tema yang tidak ada salahnya malahan ia membawa kepada kebaikan untuk menambahbaik sistem pentadbiran dan sistem politik negara kita ini. Jadi, saya dengan penuh memberikan sokongan kepada usul tergepar ini supaya Maria Chin Abdullah dapat dibebaskan. Kita harus percaya kepada hak-hak asasi manusia ataupun *human right* bahawa seseorang itu adalah betul sehingga dibuktikan bersalah. *Everyone is innocent until proven guilty*. Jadi saya menyokong penuh di atas usul ini untuk membebaskan Maria Chin Abdullah kerana ini adalah merupakan satu akta yang zalim yang dikenakan ke atas seorang ibu atau seorang wanita ini. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Dato' Speaker. Saya tidak faham ke arah negara ini. Saya tidak faham kenapa seorang wanita, seorang ibu, seorang ketua masyarakat sivil ini ditahan di bawah SOSMA. Satu akta yang telah gantikan ISA pada tahun 2012. Walaupun memang jelas Seksyen 4(3), SOSMA ini ada

menyebut secara terang bahawa penahanan ini bukanlah kepada mereka yang ada kepercayaan politik yang berbeda dan apabila akta ini dibentangkan dan diluluskan daripada Parlimen, kita telah dimaklumkan bahawa akta ini akan digunakan terhadap mereka yang dilabelkan sebagai *terrorist* dan sebagainya dan selepas akta ini diluluskan dan diamalkan, beberapa *Filipino* di Sabah telah ditahan dan kemudian ada juga beberapa individu kita ditahan di bawah SOSMA.

Jadi, apa yang disebutkan sebagai tujuan asal yang memang jelas dalam akta ini memang sudah sesat pada hari ini. Penahanan Maria Chin Abdullah, suami beliau adalah kawan saya yang telah meninggal dunia. Seorang wanita yang siapa-siapa tidak boleh anggap sebagai musuh, dianggap oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai musuh, sebagai penjenayah, sebagai *terrorist* dan telah ditahan di bawah Akta SOSMA ini walaupun penahanan ini adalah untuk 28 hari, kalau kita banding dengan ISA iaitu 60 hari, tetapi saya rasa *effect* nya mungkin lebih teruk, 28 hari.

Jadi, apabila anak-anak Maria Chin melawat, mereka pun sudah tau lah apa dia keadaan seorang wanita yang bercita-cita untuk membawa satu pembaharuan politik, pembaharuan sosial ke Malaysia jadi bukan tidak ada musuh yang sebenar di masyarakat yang perlu ditahan tapi kenapa Barisan Nasional ini memfokuskan kepada seorang wanita, seorang ibu, seorang pemimpin di bawah SOSMA, jadi yang di apa ini Speaker saya memang sokong usul tergepar yang telah disebutkan oleh Ketua Menteri tadi dan saya minta bahawa Dewan ini memberi sokongan kepada satu proses yang akan apa ini membebaskan Puan Maria Chin Abdullah daripada penahanan yang begitu kejam dan tidak adil. Jadi saya rasa bahawa memandangkan kepada Bersih 1,2,3,4 dan yang terbaru 5. Mana ada huru hara, mana ada kekacauan, mana ada satu apa ini usaha untuk menjatuhkan Kerajaan ini secara paksa, ganas tidak so ini merupakan satu pemimpin satu musuh yang telah dicipta dan ditahan saya sangat-sangat terkejut apabila ada pertanyaan kepada Menteri Dalam Negeri kenapa tahan kenapa penahanan ini berlaku? Beliau kata kita mesti merujuk kepada Polis, takkanlah Menteri Dalam Negeri ini tidak tahu, takkanlah Polis tidak dapat arahan dan sebagainya jadi. Itulah apa ini Speaker yang saya hormati, SOSMA ini tak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi di Malaysia kita pun memang pada tahun 2012 kita rasa juga khuatir dan kita juga masa itu khuatir ini akan gantikan ISA dan pada hari ini memang terbukti bahawa SOSMA ini telah menggantikan ISA jadi dengan itu Dato' Speaker saya sokong dengan kuat apa ini permohonan dalam Dewan ini untuk mengecam penahanan Maria Chin Abdullah dan kita mesti menunjukkan kita adalah di belakang Maria Chin Abdullah. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon bahawa usul ini yang meminta supaya Puan Maria Chin dibebaskan dengan serta merta. Kita semua tahu bahawa Maria Chin ini adalah seorang Malaysia yang tidak pernah mengganas siapa-siapa yang tak pernah mengugut siapa-siapa, dia tak pernah ugut dengan *verbal* ataupun katakan mahu cincang orang ataupun mahu bunuh orang, beliau adalah sepanjang umur beliau, beliau adalah berjuang untuk memberi hak asasi kepada golongan yang kurang berkuasa, beliau berkerja sebelum ini sebelum beliau menjadi pemimpin kepada Bersih 4 dan 5. Beliau berkerja di AWAM, *All Women's Action Malaysia*, beliau pernah berkerja di *Women Crisis Centre Penang* dan beliau juga menjadi pengerusi *empower* dia memberi nak *empower the women*. Untuk seumur hidupnya beliau hanya ingin memberi hak yang sama kepada kaum Wanita dan mereka yang kurang bernasib baik. Kempen Bersih ini adalah kempen rakyat dan Bersih 5 dijalankan lancar tak ada apa-apa yang tidak diinginkan berlaku dia aman dan berjaya mendapat sokongan beribu-ribu berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia dan juga ada rakyat Malaysia di luar negara 65 negara yang telah juga menyokong Bersih ini. Saya rasa semua orang suka Bersih semua orang hendak Kerajaan yang Bersih, Bersih tidak mengancam siapa-siapa Bersih hanya mengancam mereka yang tidak bersih...(gangguan). Mereka yang kotor mereka yang tak bersih dan Pilihanraya Malaysia ini memang tidak adil, tidak bersih, kalau dia adil jadi saya rasa sudah lamalah pembangkang sudah menjadi Kerajaan di Malaysia. Ia kalau dia bersih tentulah kemenangan lebih besar, di sini kita lihat kita 2013 kita pembangkang telah memenangi 52% *popular vote* tetapi tak dapat jadi Kerajaan pun. Kita lihat lagi dalam kawasan sekarang kawasan pilihan akan disempadankan semula, kita lihat bahawa yang kecil dia jadi lebih kecil yang *voters* yang *already* kurang dia jadi kurang lagi umpamanya kawasan Air Putih dia ada 13,000 tahun 2013 dia ada 13,000

pengundi. Sekarang pindah 1,000 ke tempat lain dia tinggal 12,000 pengundi sahaja tapi di Paya Terubong sudah ada berapa ribu? 40,000 mengapa tak seimbang begitu besar.

Jadi ini juga menentang prinsip *one person one vote* ini menunjukkan bahawa ini pilihan raya ini tak adil dan tak bersih dan kita semua tahu bahawa kawalan media adalah memang satu prinsip yang penting adalah *free press is a important principle for democracy*. Tetapi kita semua tau bahawa media-media ini semua dikawal oleh Barisan Nasional. Kalau mahu bahas boleh ambil bahagian ya. Jadi Puan Maria Chin dia ada tiga orang anak dan semua masih bersekolah dan semasa beliau sekarang ditahan di dalam satu bilik yang kecil tak ada katil, tiga (3) anaknya mesti jaga sendirilah, pihak sana kata ibu tunggal macam mana nak bela mereka, macam mana nak selesaikan masalah tetapi sistem Kerajaan Barisan Nasional yang tak adil ini yang menjadikan banyak masalah. Dia kata tak mau jangan cakap zalim tapi memang perbuatannya kelakuannya zalim kepada keluarga seperti ini. Saya bukan sahaja rasa sakit hati kerana berlakunya perkara ini terhadap Puan Maria Chin tapi saya sangat marah kerana ketiga-tiga anak ini dalam usia yang muda ini *have to face such an unfair and unjust happening to their mother's*. Macam mana *you* nak ajar mereka bahawa kita *have to be fair*, kita *have to be justice* yang Kerajaan sendiri sistem ini yang tak *just* yang tak adil, saya harap semua saya rasa pihak sana pun jadi pemimpin yang bertanggungjawab haruslah bersama-sama sokong usul ini untuk meminta supaya Puan Maria Chin dibebaskan dengan segera. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang sebelah sini, Pembangkang. Tak ada saya nak minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berucap tolong kawalkan masa kerana ini usul yang tergepar saya cuma nak izinkan perbahasan yang padat, singkat. Sila.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tergepar ini bukan sahaja di atas sebab perikemanusiaan yang bagaimana yang telah diterangkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, satu lagi aspek yang saya ingin menekankan dan saya berharap semua Ahli-ahli Dewan yang hadir di sini dapat memberi sokongan bukan kira Parti tapi dapat memberi sokongan dan juga lebih-lebih lagi rakyat *what is happening to Malaysia....*(dengan izin). *We are now laughing stock of the world....* (dengan izin). YB. Yang di-Pertua, dahlah kes 1MDB, dahlah kes sorok wang sana sini dan sebagainya. *We are not* kita ini bukanlah *the third world country* kita adalah negara yang sedang maju, saya khuatir Yang Berhormat yang perkara-perkara seperti ini akan menyusahkan rakyat pelabur-pelabur asing, pandangan masyarakat Antarabangsa, pandangan masyarakat Sivil kepada Malaysia dan Kerajaan kita so saya berharap dengan usul ini semua pihak di dalam Dewan ini dan diluar dapat mendesak Kerajaan supaya Puan Maria Chin Abdullah ini dibebaskan dengan segera kerana beliau bukannya penganas beliau adalah seorang aktivis sivil *society* aktivis yang ingin menegakkan keadilan yang ingin menegakkan bersihnya negara kita yang sepertimana mana yang sebelum ini Datuk Seri Anwar Ibrahim juga difitnah dan dipenjara dua kali ini yang menunjukkan perkara ini berulang-ulang dan negara kita sedang menjadi satu *laughing stock* kepada antarabangsa dengan itu saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Bagan Dalam. Cuma saya nak ingatkan hujah yang telah pun dikeluarkan jangan diulang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya tak akan ulang, terima kasih Dato' Speaker, tahanan Puan Maria Chin Abdullah dibawah *special offenses Security Offences (Special Measures) Act 2012* atau SOSMA tidak boleh diterima oleh rakyat Malaysia. Tujuan SOSMA adalah untuk mengurangkan aktiviti-aktiviti penganas, apabila Perdana Menteri Najib mansuhkan ISA beliau dipuji sebagai demokrat tetapi rakyat tidak sanggup beliau akan menggunakan SOSMA sebagai alternatif ISA. Maria Chin is *defender of democracy* beliau menghendak pilihanraya yang bebas dan adil atas sebab itu beliau menganjurkan perhimpunan yang aman untuk menguatkan demokrasi. Hak ini dijamin dalam perlembagaan *Constitution article 10 the right of freedom*

of assembly, its say (dengan izin)...*article 10 1(b) all citizens have the right to assemble peaceably and without arms* dan saya pernah ada hadir Bersih. Perhimpunan Bersih saya tidak tengok sesiapa yang mengambil senjata ka, apa-apa senjata kecuali pihak Polislah. Kalau empat himpunan Bersih dahulu tidak ada elemen-elemen penganas bagaimana tiba-tiba Bersih kelima ada unsur penganas sehingga Puan Maria Chin ditahan.

Ini menunjukkan Barisan Nasional sudah takut, takkan buat apa-apa pun untuk hancur demokrasi dan kebebasan untuk rakyat memilih sebuah kerajaan dalam satu pilihan raya yang Bersih. Perkataan Bersih ini menakutkan Barisan Nasional kerana 50 tahun mereka mengamalkan politik kotor sahaja. Bila dengar perkataan Bersih mereka kencing...(gangguan). Perdana Menteri takut kalau ada pilihan raya Bersih mungkin beliau akan hilang kuasa dan ingin menakutkan rakyat biasa bahawa mereka juga boleh tahan kalau sokong Bersih. Puan Maria Chin bukan seorang ahli politik, tidak ada *ambition* untuk menjadi Perdana Menteri. Beliau sebagai aktivis, NGO hanya hendak membela nasib rakyat. Kami semua sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat *all over members of this house* mestilah sokong Puan Maria Chin dibebaskan serta merta...(gangguan). Maria Chin Abdullah, dengan itu Yang di-Pertua Dewan saya pohon menyokong usul.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan, saya akan cuba singkatkan perbahasan saya. Yang Berhormat masuk balik bagus, saya tunggu YB. Pinang Tunggal. Saya bangun untuk bersama-sama sebagai Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat melaksanakan tanggungjawab saya kepada rakyat, menyokong usul yang dibuat oleh Ketua Menteri dan saya bangga dengan semua ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah kiri saya yang telah sehingga sekarang bangun untuk menyokong usul ini, kerana kita harus ingat bukan di Dewan yang mulia ini sahaja, di luar juga ada rakyat yang tertanya-tanya apakah tanggungjawab kita apabila dipilih oleh rakyat, adakah kita akan melaksanakan tanggungjawab kita dengan suci hati dengan ikhlas, takut kepada tanggungjawab yang telah diserahkan kepada kita ataupun menyokong secara buta tuli tanpa berani bangun dalam Dewan tanpa berani bahas dalam Dewan, takut semata-mata akan hilang peluang untuk menjadi Ahli Yang Berhormat, jikalau menyokong usul ini dalam pilihan raya yang akan datang. Jangan lupa elaun dan gaji yang diterima ini adalah sesuatu yang telah diberikan kepada kita oleh rakyat. Bila berlaku kezaliman seperti ini terutamanya kepada seorang wanita semua Ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya lelaki kalau mempunyai maruah diri harus bangun dan menyokong usul ini...(gangguan)

Dalam kes ini jangan lupa malam kelmarin mantan Perdana Menteri, pemimpin UMNO tersohor, pada suatu masa Tun Mahathir sendiri telah hadir bersama-sama dengan isterinya meluang-laungkan Bebaskan Maria!, Bebaskan Maria!, Bebaskan Maria! Dan pada hari ini satu kenyataan telah dikeluarkan mengejutkan juga oleh mantan Peguam Negara yang berkata seperti berikut, tak tau lah dia hanya bersuara sekarang, dulu tak berani suara, Ghani Patail dan saya ingin memetik kenyataan beliau yang telah pun viral dalam laman laman web sosial dengan izin Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, "*SOSMA was introduced to deal with terrorism and security offenses, it not was intended to be parliamentary democracy or suppress political freedom*", Ghani Patail former AG.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, rakyat di luar itu tertanya-tanya semua lapisan masyarakat tak kira orang Melayu, India, Cina yang mempunyai pandangan politik yang berbeza, apakah yang akan dilakukan terhadap pemimpin-pemimpin baju merah, mereka telah lihat *youtube-youtube* ini yang jelas menunjukkan cabaran-cabaran yang dibuat oleh mereka adegan-adegan mengambil kayu, memukul sesama sendiri mencabar penyerta-penyerta Bersih supaya tidak turun ke Dataran Merdeka mengapa tidak undang-undang SOSMA ini digunakan ke atas mereka, mengapakah undang-undang SOSMA ini digunakan terhadap Maria Chin kita perlu menjawab, jangan pandang saja kepada *political religions* dengan izin kalau kita datang daripada UMNO menyokong secara buta tuli kita harus memberi penjelasan kepada rakyat, terutamanya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Bertam yang mungkin takut menunggu di luar sebagai seorang peguam, YB. Penaga seorang peguam marilah kita berbahas di sini, saya cabar bolehkah Maria Chin ditahan di bawah SOSMA dan kita lihat dalam kes ini seperti yang telah dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri saya mempunyai akta tersebut di sini dan saya baca *preamble* ataupun mukadimah yang menjadi penting di dalam sesuatu undang-undang yang digubal yang menyatakan dengan jelas apakah tujuan undang-undang iaitu digubal dan saya baca di sini 4 mukadimah dalam bahasa Inggeris dan akan saya ulaskan kalau mana-mana di antara satu itu terpakai dalam di mana Maria Chin ditahan.

Pertama, *where as action have been taken and further action is statues by a substantial body or person both inside and outside Malaysia to cause of cause a substantial number of citizen to fear organize violence against any person of property*, ini tak terpakai mungkin baju merah terpakai, *To exceed this affection Yang di-Pertuan Agong juga tak terpakai wish is preschooler to public order or the security of the federation or any part there of juga tak terpakai dan akhir sekali to proccure the alteration other wise then by law full means of anything by law establish juga tak terpakai*. Menggunakan mukadimah ini sahaja, seorang yang hanya telah mula masuk ke tahun pertama mengambil jurusan undang-undang akan mengetahui bahawa jelas sekali akta ini tak terpakai.

Sehingga hari ini Menteri Dalam Negeri kalau dulu diberi kuasa untuk menandatangani perintah tahanan di bawah ISA tidak diperlukan untuk menandatangani apa-apa perintah tahanan ini boleh dibuat sesuka hati dan rakyat sekarang tertanya-tanya adakah undang-undang ini digunakan bagi mempertahankan kerakusan kezaliman kesalahgunaan kuasa mana-mana pemimpin tertentu yang takut perkara-perkara yang telah dilakukannya akan dibongkarkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan, saya menggesa dan merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir di dalam Dewan yang mulia ini supaya tidak berpegang kepada fahaman politik supaya dengan ikhlas dengan tulus dengan suci hati, menyokong ulasan ini, menyokong usul ini dan bersama-sama berdiri dengan Ketua Menteri kita menyokong dan mengenakan tekanan ke atas Kerajaan Persekutuan memastikan bahawa Maria Chin dibebaskan dengan serta merta, sekian terima kasih. Saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan, YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan, saya juga ingin mengambil bahagian dalam usul untuk membebaskan Maria Chin, saya juga nak mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini untuk mendesak supaya SOSMA ini dimansuhkan kerana ia jelas sekali menunjukkan ia bukan sesuatu undang-undang SOSMA bukan satu undang-undang, SOSMA adalah satu jenayah di mana membenarkan pihak yang berkuasa untuk membuat penculikan yang sah dengan alasan bahawa untuk memerangi keganasan. Ini telah menunjukkan undang-undang ini diwujudkan dia telah secara langsung memberi kuasa kepada kerajaan atau sesiapa yang memerintah, kuasa yang tidak terkawal boleh menahan sesiapa sahaja untuk mempertahankan kekuasaan mereka. SOSMA hanya untuk agenda politik saja. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri sudah bangkitkan sehingga ini siapa yang ditahan di bawah SOSMA semua ahli politik aktivis atau pertubuhan-pertubuhan sivil mana ada seorang pengganas jika di tangkap ada begitu ramai untuk hadir ke solidariti semalam di Dataran Merdeka di Pulau Pinang di Ipoh, di Johor Bharu semua rakyat bangkit untuk mempertahankan Maria Chin untuk menggesa kerajaan membebaskan Maria Chin dan juga minta mendesak Kerajaan Persekutuan mansuhkan SOSMA, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya nak menegaskan di sini semua undang-undang yang berunsurkan penahanan tanpa bicara itu adalah akta yang undang-undang yang zalim dan itu mesti dimansuhkan semalam Tun Dr. Mahathir yang saya pun kita semua di sini pernah bantah dia kuat-kuat sejak zaman reformasi, seorang yang sudah berusia 91 tahun turun ke Dataran Merdeka untuk menunjukkan beliau juga tidak setuju dengan penahanan Maria Chin ini. Seorang mantan Perdana Menteri perlu turun kepada Dataran Merdeka untuk menjadi seorang rakyat biasa, dia sekarang seorang rakyat biasa, dia sudah tahu betapa zalimnya sekiranya kuasa yang tidak terkawal itu di atas seorang di tangan seorang penguasa itu. Maka saya sekali lagi saya menyokong sepenuhnya kepada usul yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk mendesak supaya Maria Chin dibebaskan segera tanpa syarat dan juga mansuhkan SOSMA, bebaskan Maria Chin! Hidup Bersih! Bebas rakyat!.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Machang Bubuk, Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta Dewan ya. Sila kalau ada dari pembangkang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya sahut cabaran YB. Seri Delima, YB. Dato' Speaker dan Y.A.B. Air Putih, saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian dalam usul tergepar yang dibawa oleh Y.A.B. Air Putih pada hari ini. Suka saya menyebut Yang Amat Berhormat juga bersetuju dengan saya sekiranya apa-apa juga keputusan yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat di Negeri Pulau Pinang sudah tentu diambil kira bukan hanya untuk 20 orang sahaja atau 20,000 orang sahaja, malah keputusan Y.A.B. Air Putih nak buat sudah tentu memikirkan untuk keseluruhan 1.8 juta rakyat Negeri Pulau Pinang. Begitu juga suka saya sebutkan di sini dan saya yakin dan percaya di pihak Kerajaan Persekutuan juga apabila ada permasalahan sudah tentu apabila hendak buat keputusan diambil kira bukan hanya untuk 20,000 orang, 2 juta orang malah memikirkan untuk 30 juta rakyat keseluruhannya.

Saya sedia maklum dan kita semua yakin dan percaya bahawa pihak berkuasa lebih memahami dengan apa yang berlaku, apabila melakukan kesalahan, tidak kira sama ada ibu tunggal, ibu yang sudah berumur, anak ada 3 kah atau 13 kah, bila melakukan kesalahan, ia tetap merupakan kesalahan. Tetapi dalam masa yang sama Yang di-Pertua, terdapat banyak pihak yang mengelirukan atau sengaja hendak kelirukan rakyat dengan memutar belitkan tafsiran undang-undang mengenai penahanan Maria Chin, penganjur Bersih ini. Suka saya sebutkan juga, sebenarnya apakah tujuan Akta Keselamatan yakni langkah-langkah khas 2012 atau SOSMA. Jika kita merujuk kepada akta tujuannya adalah jelas iaitu bagi membolehkan tindakan diambil untuk menghentikan ancaman yang ditimbulkan oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia yang bertujuan, pertamanya, menyebabkan keganasan yang terancang terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warga negara takut akan keganasan yang akan dilakukan itu. Pernah berlaku sebelum ini. Bukan kita lihat kepada Bersih 5 sahaja dalam kedudukan dan keadaan yang nampak agak tenteram tetapi sebelum ini kita jangan menafikan hal ini, di TV, di video-video yang diviralkan bagaimana kenderaan polis diterbalikkan dan sebagainya kita dapat saksikan. Saya tidak mahu ambil masa yang panjang untuk sebutkan perkara-perkara ini sebab kita semua telah melihat dan jangan kita hanya melihat sebelah pihak dan di sebelah pihak lain tidak.

Keduanya membangkitkan perasaan yang tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong. Ketiganya memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau yang memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian dan seterusnya untuk mendapatkan perubahan selain dengan cara yang sah, atau apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang. Kenapa Maria Chin ini tidak disiasat di bawah Akta Perhimpunan Aman, sebenarnya jika kesalahan Marina Chin hanya melibatkan perhimpunan haram, maka memadai untuk Polis menyiasatnya di bawah Akta Perhimpunan Aman. Bagaimana pun kesalahan Maria Chin ini sudah melampaui batas penganjuran sebuah perhimpunan yang haram. Jika merujuk kepada akta, jelas Maria Chin terlibat dalam Perkara 3 dan 4 yang merupakan skop SOSMA iaitu memudaratkan keselamatan awam dan Persekutuan dan mendapat perubahan selain daripada cara yang sah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Pinang Tunggal, saya mohon laluan. Saya hendak baca *hansard* di Parlimen dari sahabat Yang Berhormat, YB. Rembau.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sabar, sabar, bagi saya habiskan dahulu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seberang Jaya tunggu dahulu, biar dia habiskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sabar dulu, tadi saya tidak kacau pun di pihak sana. Yang kelima, apabila penganjuran Perhimpunan Bersih 5 diakui dan diberitakan mempunyai kaitan dengan dana dari sumber asing. Kita tahu iaitu MDI atau George Soros, sebab ini apa lagi yang tidak memadai jika ianya dilakukan di bawah Akta Perhimpunan Aman. Jika siasatan dilakukan di bawah SOSMA dan menggunakan kaedah-kaedah SOSMA. Keenam, benarkah kononnya penahanan Maria Chin melanggar skop dan peruntukan SOSMA iaitu perkara 4(3) yang menyebutkan tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah undang-undang tersebut semata-mata atas kepercayaan politik atau aktiviti politik. Ketujuh..... tunggu Seberang Jaya, nanti giliran YB. Seberang Jaya saya tidak akan kacau, saya duduk luar pun tidak apa, biar saya habiskan dahulu. Mungkin kita juga tidak membaca Perkara 4(12)(a) yang menyebut bagi maksud seksyen ini, "kepercayaan politik atau aktiviti politik ertinya penglibatan dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang melalui pernyataan pendapat atau pengambilan tindakan yang dibuat menurut rukun sesuatu parti politik yang pada masa berkaitan itu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355) yang terbukti melalui pertama, keanggotaan atau sumbangan kepada parti itu, dan kedua penyertaan terbuka dan aktif dalam hal ehwal parti itu.

Seterusnya, persoalannya adakah Bersih sebuah pertubuhan politik? Adakah Bersih 5 kegiatan politik di bawah sebuah pertubuhan politik yang didaftarkan di bawah Akta 355 ataupun pertubuhan 1966. Adakah Bersih 5 satu kegiatan politik yang sah dari segi undang-undang? Mengambil kira faktor-faktor di atas iaitu pertama, terdapat unsur campur tangan pihak asing, kedua, kegiatan memudaratkan ketenteraman awam yang saya sebutkan tadi, kenderaan polis diterbalikkan dan sebagainya. Kegiatan perubahan melalui kaedah yang tidak sah dari segi undang-undang dan keempat, status Bersih sebagai sebuah pertubuhan bukan politik dan Bersih 5 yang merupakan bukan aktiviti politik yang sah dari segi undang-undang. Maka saya berpandangan bahawa penahanan ke atas Maria Chin menggunakan SOSMA dan kaedah-kaedah SOSMA amat wajar sekali dan bertepatan sekali, maka dengan itu saya suka menyebut di dalam Dewan ini bahawasanya tahanan terhadap Maria Chin, Bersih 5 di bawah SOSMA sangat wajar dan tepat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Hebat, hebat drama minggu ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu lagi, sebelum saya hendak gulung.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Usul ini untuk menyatakan sokongan saya terhadap usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengecam penahanan Maria Chin Abdullah di bawah Akta SOSMA. Saya suka menarik perhatian YB. Pinang Tunggal, mungkin Yang Berhormat tidak baca lagi *hansard* Parlimen di mana YB. Rembau sendiri menyebut ketika membahaskan Akta SOSMA di dalam Parlimen, saya *quote hansard* Parlimen oleh YB. Rembau, "kalau hendak membuat perhimpunan aman atau Bersih pun itu tidak *decremental to Parliamentary democracy* kerana mereka mempertahankan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mempertahankan SOSMA ini adalah untuk digunakan ke atas *terrorists*. Maria Chin Abdullah bukan *terrorists*. Hari ini menjadi bukti Najib terpaksa menggunakan SOSMA untuk menyelamatkan ROSMAH.

Kawan-kawan, di tahun 2009 kita ada Perdana Menteri baru yang menjanjikan transformasi kepada Malaysia, dia bilang hendak tarik balik Akta Hasutan, hendak hapuskan ISA dan hapuskan rasuah. Akta Hasutan sehingga sekarang masih ada, sebahagian daripada kita dalam ini masih lagi dalam siasatan atau didakwa di bawah Akta Hasutan. ISA diganti dengan SOSMA, orang yang ditangkap Datuk Khairudin, Mathias Chang dan sekarang Maria Chin Abdullah, seorang nenek yang ditangkap, untuk apa? Bahkan kita pun lihat apa yang Bersih telah bawa sejak dari tahun 2007 hingga sekarang. Betul ada provokasi, ada insiden-insiden keganasan, tetapi itu semua berlaku kerana apparatus-aparatus Barisan Nasional digunakan untuk memukul dan menzalimi peserta-peserta Bersih. Bersih 4, tiga hari kita

berkumpul dan berjalan dengan aman. UMNO baru datang depan sidang DUN roboh pintu pagar, di mana mereka sekarang, seorang pun tidak dipenjarakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang lain tolong diam. Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat cukup matang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Seorang pun tidak dipenjarakan. Itu *decremental to Parliamentary democracy, rioting in* Sidang Dewan Undangan Negeri, satu ancaman kepada demokrasi Negeri Pulau Pinang, di mana mereka sekarang? Masih lagi memimpin gerakan baju Merah di Kuala Lumpur. Dedak, saya tidak tahu berapa banyak dapat, UMNO Kepala Batas pun saya tahu ada surat keluar, nak *mobilised* orang untuk bergerak dengan baju Merah, tetapi sebab tidak ramai, tak apa, bagus, alhamdulillah, saya dimaklumkan semua guna ilmu ghaib dekat Padang Merbuk, belum tengahari sudah hilang semua. Kemudian IMDB, Perdana Menteri janji hendak melawan rasuah, 1MDB, kalau kawan-kawan boleh tengok ramai Ahli Dewan di sini membaca *The Economist*, baca artikel yang kena tangkap *whistle blower*, yang kena penjara *political economy* kepada Najib dan Barisan Nasional. Tidak ada langsung satu kebertanggungjawaban terhadap Najib, Perdana Menteri mengenai isu 1MDB. Mana janji-janji? Sebab itu saya dengan tegas ingin menyatakan bahawa Perdana Menteri yang kita ada pada hari ini adalah Perdana Menteri yang penipu, pembohong dan penyangak kepada bangsa Malaysia, perompak kepada negara, merompak masa depan kita, merompak maruah negara ini. Sebab itu saya hendak ajak kawan-kawan di sini, penahanan Maria ini bukan satu perkara kecil. 28 hari hendak ditahan di bawah SOSMA kerana dia hendak mengajak kita mengubah sistem yang ada, mengajak kita untuk perkukuhkan demokrasi Parlimen, mengajak kita untuk membersihkan sistem pilihan raya, mengajak kita untuk mengembalikan hak untuk membantah, memperkasakan hak rakyat Sabah dan Sarawak. Saya sendiri terlibat dengan Perhimpunan Bersih 5 dan kami semua ramai di situ, tidak ada satu insiden keganasan pun yang berlaku di situ.

Kita turun Bersih 5 dalam suasana yang bersih dan meriah, aman, bahkan ketika beberapa segelintir penyokong-penyokong Merah lalu di kawasan Kuning, kita beri laluan dengan baik untuk mereka. Tetapi apa yang berlaku ketika kita membuat konvoi untuk mempromosi Bersih, orang-orang UMNO boleh tendang penyokong-penyokong Bersih di tepi jalan, orang-orang UMNO boleh lempar batu, lempar kayu pada kami yang sedang berkonvoi ketika itu. Di mana mereka, kenapa mereka tidak ditangkap, kenapa ada dua set undang-undang dalam negara ini, apakah orang UMNO *above the law*. Apakah UMNO ini *above the law*? Apakah negara ini sudah menjadi negara rimba, tidak ada undang-undang, apakah UMNO sekarang ini hendak menjadi sebuah negara pasif yang hanya menggunakan undang-undang untuk kepuasan politik nafsu mereka sendiri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah, yang lain tolong diam, yang bahas sila bahas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kawan-kawan, saya hendak beritahu, sekarang ini kita kena beritahu semua rakyat bahawa kita kena gerakkan satu gerakan baru untuk menyelamatkan negara ini, kita kena gerak ke arah Malaysia tanpa UMNO. Kita tidak perlukan UMNO, tidak perlukan lagi Barisan Nasional. Malaysia tanpa UMNO ini saya yakin Malaysia ini akan lebih sejahtera, Malaysia yang lebih baik....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Roslan Bin Saidin):

Tidak kenang budi, dia pun produk UMNO. Bapa dia....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bapa, bapa jangan sebut. Ada saya sebut pasal bapa Pinang Tunggal? Kalau tidak ada, jangan sebut pasal bapa saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Pinang Tunggal, jangan kurang ajar. Pinang Tunggal, jangan kurang ajar di dalam Dewan Undangan yang mulia ini....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah. Duduk. Saya keluarkan perintah....(gangguan). Engkar perintah Pinang Tunggal, saya nak hantar keluar. Sila hantar keluar.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tidak faham, asal usul UMNO. Mak bapa UMNO...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal sila. Bentara tolong beri kerjasama.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya boleh keluar bila-bila masa tapi YB. Seberang Jaya mulakan. Hentam UMNO habis-habisan tapi sedarkah bahawasanya itu produk UMNO, maknya UMNO, bapanya UMNO...(gangguan). Lupa diri...(gangguan).. Baru berapa tahun ini adalah antara dugaan Allah S.W.T. ke atas YB. Seberang Jaya, lupa diri, manusia apakah dia...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal keluar rehat. (Semua Ahli-ahli Barisan Nasional keluar Dewan). Saya nak peringatkan sekali lagi, saya rasa sesi perbincangan usul tergepar ini tadi, berjalan dengan lancar. Terima kasih kerana kerjasama. Yang lain peringatan sekali lagi, tadi baru saja tadi saya katakan kita cukup matang untuk kita berbincang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbincang tidak sesiapa pun perlu mengacau. Sepanjang ini memang okey sehingga YB. Seberang Jaya sesi perbincangan yang disertai oleh YB. Seberang Jaya. Ini cukup, saya tidak perlu diulangilah sesiapa yang bahas itu bahas, sesiapa yang tidak bahas itu tolong duduk diam-diam dan memandangi saya telah pun memulakan satu *precedence* pertama penggal saya untuk menghantar seorang wakil rakyat itu keluar, saya tidak akan teragak-agak untuk *precedence* yang kedua, ketiga dan keempat.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi kerjasama kerana kita semua cukup matang dan berpendapat berbeza-beza di dalam Dewan ini. Tolong juga berhati-hati dengan penggunaan perkataan, kalau terpaksa saya menjalankan tindakan yang tegas, juga saya tidak akan teragak-agak. Sila minta Seberang Jaya, singkatkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Betul saya lahir daripada UiTM, mak bapa saya bertugas di UiTM. Guru-guru saya banyak daripada UiTM. Saya daripada MRSM, tetapi semua mereka konsisten mengajar saya bertahun-tahun. Jangan jadi orang yang sokong perasuah. Jangan langgar amanah yang rakyat berikan pada kita. Jangan kita menzalimi manusia dan juga rakyat lain. Ini yang mereka ajar saya sebab itu saya berdiri di sini hari ini menentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dewan semua, pastinya saya ingin katakan sokongan saya terhadap usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebentar tadi bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengecam sekeras-kerasnya tindakan penahanan terhadap Maria Chin Abdullah dan kita mendesak Kerajaan Barisan Nasional untuk membebaskan Maria Chin Abdullah dengan segera tanpa syarat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya rasa, saya nak menjemput YB. Air Itam *last*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebab Pengerusi DAP belum berucap lagi. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya menghargai peluang ini untuk memberi sokongan kepada usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengecam penggunaan SOSMA terhadap Maria Chin Abdullah dan mendesak Maria Chin Abdullah dibebaskan serta merta. Saya juga ingin memberi sokongan gerakan baru Malaysia tanpa UMNO sebab sudah sampai masanya Malaysia tanpa UMNO, UMNO terus memimpin negara ini Malaysia tidak ada esok, Malaysia tidak ada harapan. Jadi penggunaan SOSMA terhadap Maria Chin ini bukan semata-mata untuk 30 juta rakyat Malaysia sepertimana YB. Pinang Tunggal katakan. Ia semata-mata untuk seorang sahaja, untuk mengekalkan kencana politikinya terhadap Malaysia dan membawa Malaysia ke satu masa depan yang gelap. Saya membantah penggunaan SOSMA ini terhadap Maria Chin Abdullah sebab ianya akan membawa satu hukuman yang amat berat iaitu hukuman gantung sampai mati. Orang luar dan orang dalam Dewan ini akan tanya apakah yang tidak sanggup dilakukan oleh Barisan Nasional dan UMNO semata-mata menyelamatkan nasib dan masa depan Najib. Mereka sanggup melakukan apa jua hukuman mati terhadap seorang pejuang demokrasi di negara ini. Jadi marilah kita memulakan satu babak yang baru iaitu menggerak ke hadapan menyelamatkan Malaysia, menjadikan Malaysia bebas dari UMNO. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Y.A.B. Air Putih untuk penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sebelas ADUN yang telah berucap tadi daripada Pantai Jerjak, Perai, Batu Maung, Padang Lalang, Seberang Jaya, Seri Delima, Machang Bubuk dan juga Padang Kota. Sepuluh sebenarnya dan bukannya sebelas dan akhirnya Pinang Tunggal yang merupakan ADUN tunggal yang menentang usul ini. Saya amat gembira bahawa ada pengikut daripada sembilan ADUN di sebelah sini yang mengecam SOSMA memberitahu ia adalah satu akta yang memudaratkan keselamatan dan masa depan negara. Di sini saya memang bersetuju bahawa pihak yang berkuasa yang menggunakan SOSMA semata-mata mahu menutup kelemahan, mahu menutup penyelewengan yang mereka lakukan serta kelemahan, kecacatan yang mereka lakukan ke atas negara.

Dato' Yang di-Pertua, kami harap bahawa ketetapan Dewan yang mulia ini dapat menunjukkan komitmen seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang bahawa SOSMA ini harus digunakan ke atas penganas dan tidak kepada ahli politik atau pun aktivis-aktivis sivil yang menentang Barisan Nasional. Saya ingin merujuk kepada beberapa kenyataan yang dibuat oleh Pinang Tunggal sebelah sana yang menyatakan bahawa Maria Chin Abdullah memudaratkan keselamatan negara. Kami tidak melihat sebarang bukti. Macam mana Perhimpunan Bersih yang berlaku pada 19 November mencetuskan sebarang kejadian atau pun insiden keganasan. Sebaliknya bukan sahaja perhimpunan Bersih dipuji oleh semua pihak maka polis sendiri menyatakan ia berjalan secara aman dan damai. Kalau begitu mana kah ia memudaratkan keselamatan negara dan untuk YB. Pinang Tunggal menyatakan sebaliknya memang adalah satu usaha yang lemah untuk menutup kegagalan mereka untuk menggagalkan, untuk sabotaj Perhimpunan Bersih dan juga menutup hakikat bahawa pemimpin-pemimpin UMNO dan penyokong mereka baju merah.

Merekalah yang mengancam melakukan keganasan. Sekiranya Maria Chin Abdullah perlu ditahan di bawah SOSMA, kita bercakap dari segi layanan undang-undang yang sama rata. Mengapa Jamal tidak dikenakan SOSMA juga, bila dia mengancam mengugut melakukan keganasan. Saya rasa ada sesuatu yang menunjukkan ia memang ada *double standard* dan bahawa SOSMA disalahgunakan satu lagi perkara yang penting ialah ditegaskan di bawah SOSMA kenyataan Menteri-menteri seperti yang disebut oleh Seberang Jaya, tapi daripada isi kandungan SOSMA jelas ia memberi tumpuan kepada penganas, bukanlah ke atas ahli-ahli politik atau ahli-ahli pemimpin pertubuhan sivil. Ini juga sama

dengan ISA. ISA digubal untuk melawan dan mengurangi pengganas-pengganas komunis tetapi akhirnya digunakan ke atas mereka yang menentang Barisan Nasional, sungguhpun bukan komunis langsung. Kita lihat apa yang berlaku ke atas penyalahgunaan ISA, sekarang berlaku dengan SOSMA.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa di sini yang penting ialah kita mesti mengambil kira masalah rakyat. Adakah penahanan Maria Chin Abdullah di bawah SOSMA akan menyelesaikan masalah rakyat. Kita tahu kita ada jawapan. Tidak kerana rakyat dibelenggu dengan masalah ekonomi seperti GST, penurunan nilai mata wang ringgit dan juga skandal 1MDB dan sehingga hari ini masih belum diberikan penjelasan akauntabiliti yang penuh. Disamping itu untuk menggunakan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung sebagai satu alasan ke atas Maria Chin Abdullah adalah suatu tindakan yang bukan sahaja tidak ada *standard* tetapi juga tidak hormati Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung. Janganlah kerana tindakan pihak penguatkuasa atau pun pihak Menteri cuba gunakan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung sebagai satu pelindung. Saya rasa itu akan ditolak sama sekali oleh rakyat. Itulah sebabnya kalau kita lihat apa yang diutarakan oleh YB. Seberang Jaya atau YB. Padang Kota memang benar sekali. Memang benar sekali, ini memang angkara dari parti pemimpin politik Barisan Nasional dan UMNO untuk menutup skandal mereka, untuk menyatakan bahawa Maria Chin Abdullah perlu ditahan di bawah SOSMA kerana dapat *funding* atau dapat tajaan kewangan daripada luar negeri. George Soros. Saya rasa itu sesuatu yang tidak berasas langsung kerana kalau adapun ke atas program-program dan bukanlah Maria Chin Abdullah sebagai seorang individu. Ini bukan macam Perdana Menteri dimana beliau dapat tajaan secara individu bukan Maria Chin Abdullah tapi pulak cuba dikaitkan seperti sama dengan Y.A.B. Perdana Menteri. Biarlah kita memberikan tumpuan kepada perkara pokok. Iaitu satu penyalahgunaan kuasa oleh pihak Kerajaan Persekutuan menyalahgunakan, menyelewengkan atau terpesong daripada tujuan utama SOSMA. Dari itulah sebabnya saya terima kasih kepada ADUN-ADUN yang menyokong usul yang saya bantah dan saya kesal bahawa pihak sana masih belum sedar tentang kesalahan mereka. Menunjukkan dengan jelas sekali tiada ubat yang boleh merawat mereka hanya digantikan habis dibuang habis barulah ada masa depan dan harapan untuk rakyat Malaysia.

Oleh itu, saya sekali lagi mencadangkan usul ini dan semoga ini akan memberikan satu *message* yang jelas kepada Pihak Berkuasa di Putrajaya, bahawa ini adalah tuntutan rakyat, tuntutan semua pihak, bahawa Maria Chin Abdullah harus dibebaskan dengan serta merta tanpa syarat sekarang, untuk bebaskan dia supaya bebaskan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Y.A.B. Air Putih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul daripada Ahli Kawasan Air Putih, Y.A.B. Ketua Menteri di bawah Peraturan 34(viii) yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan mengecam dengan kerasnya penyalahgunaan Akta Kesalahan Keselamatan (Kuasa-Kuasa Khas 2012 atau SOSMA) yang digunakan sebagai alasan penahanan ke atas Pengerusi BERSIH Maria Chin Abdullah. Sungguh pun Puan Maria Chin Abdullah bukanlah pengganas atau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti keganasan atau pun bukannya Ahli Politik, tetapi hanya seorang pemimpin pertubuhan sivil yang membuat lima tuntutan iaitu pilihan raya bebas dan adil, kerajaan bersih, perkukuhkan demokrasi Parlimen, memperkasakan Sabah dan Sarawak serta mempunyai hak membantah.

Dewan yang mulia ini juga mengecam penahanan beliau tanpa bicara selama 28 hari dalam keadaan sel yang gelap dan diasingkan dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan serta mendesak agar beliau dibebaskan tanpa syarat dengan segera. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'. Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebulat suara usul dipersetujui. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyertai usul tergepar saya ingin menyambung Dewan dengan sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017. Ahli Yang Berhormat siapa ingin mengambil bahagian dipersilakan. Nak gulung ka?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan yang saya hormati, Ahli-ahli Media dan kawan-kawan sekalian selamat petang. YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada Ucapan Bajet Tahun 2017 Ketua Menteri dan pertama sekali untuk memaklumkan kepada YB. Dato' Speaker saya tidak akan sentuh atas senario ekonomi dunia saya tidak akan sentuh atas senario *black swan* atau pun saya tidak akan sentuh atas isu Clinton atau Obama. Saya tidak mahu sentuh Donald Trump, Donald Trump ini tiada orang hendak sentuhlah.

Beberapa perkara telah dibangkitkan di dalam Bajet 2017, antara perkara yang dibangkitkan adalah, Cabaran Ekonomi Negara Keusahawanan, Negara Bebas, Negeri Bebas Catu Air, Keluasan Sektor Telekomunikasi, Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan, Ekonomi Digital Menjana Pertumbuhan Ekonomi Pelancongan, Komersialkan Sektor Pertanian dan Penternakan Kawasan Agro-Park, Inisiatif Negeri Pulau Pinang Bebas Denggi dan Perumahan Mampu Milik. Beberapa perkara antara yang saya sebutkan ini saya akan membincangkan.

Semua ini ada 15 perkara YB. Dato' Speaker, memanglah ini satu bajet dalam jangkaan *expected budget* di dalam tahun ini tahun-tahun yang akan datang. Seperti yang dinyatakan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sumber semula jadi senario Negeri Pulau Pinang kita adalah seperti Negara Jepun, Singapura, Taiwan, Hong Kong dan beberapa negara yang lain yang terpaksa menggunakan cara-cara yang lain untuk memajukan ekonomi negara atau negeri. Antaranya salah satu cara yang kita terpaksa mengusahakan dan berjaya ialah bidang keusahawanan *entrepreneurship*. Cabaran ekonomi dan pembinaan modal insan melalui pendidikan ini, oleh yang demikian polisi-polisi untuk mengeratkan daya persaingan Pulau Pinang adalah penting. Polisi-polisi dan hala tuju yang disebutkan dalam Bajet 2017 adalah tepat iaitu untuk mengukuhkan negeri Pulau Pinang sebagai satu Negara Keusahawanan.

Beberapa langkah dan kriteria semua kita kena hadap iaitu *good governance* tatakelola kerajaan yang baik dan bersih. Membina infrastruktur dan kemudahan asas, membina modal insan *human resources*. YB. Dato' Speaker, prestasi ekonomi dan pengurusan Negeri Pulau Pinang yang baik dan berjaya telah dan jelas diakui oleh pihak antarabangsa dan juga Ketua Audit dari segi kemakmuran Pulau Pinang, keharmonian, kemajuan dan keselamatan. Kita di Pulau Pinang ada makanan yang dinikmati oleh pelancong seluruh dunia. Kita di Pulau Pinang ada pemandangan yang difotografi oleh artis-artis seluruh dunia termasuk perfileman. Negeri Pulau Pinang ada Bangunan Warisan Dunia yang dilawati oleh Arkitek-Arkitek terkenal dari seluruh dunia. Kita ada *medical tourism* yang diperlukan oleh pelawat kesihatan seluruh dunia.

Kita juga ada Perdana Menteri yang diejek oleh seluruh dunia. YB. Dato' Speaker, apa yang tidak dapat dicapai oleh Barisan Nasional dalam 56 tahun telah dicapai oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam tempoh 8 tahun. Sistem Demokrasi Institusi Negara yang *dismantle...*(dengan izin) atau diroboh oleh Barisan Nasional kita juga terpaksa memperbaikikannya. Walau bagaimanapun bajet yang diagih yang dirancang dan dibuat untuk memperkasakan dan membina modal insan melalui pendidikan yang disebut di dalam bajet ini boleh ditambah baik lagi dalam pandangan saya. Dari segi membina modal insan pandangan saya adalah bukan sahaja pelaburan sumber dan kewangan akan dilaburkan atau pun dibekalkan kepada sekolah-sekolah di Pulau Pinang adalah juga penting Negeri Pulau Pinang mengeratkan pendidikan dan latihan *treasury* dan *technical* dan juga *vocational* di Pulau Pinang. Kita Kerajaan Pulau Pinang ada skim macam itu.

Dalam negara seperti Jerman, Germany, Australia, Singapura dalam kajian saya Taiwan, Negara China, Negara Korea Selatan, Negara Rusia dan United Kingdom, Negara Perancis dan sebagainya telah merancang strategi dan sistem pendidikan negara yang baharu dalam negara mereka untuk juga memfokus atas vokasional dan *technical training*. Yang itu isu-isu dan skim-skim ini ada disebut di dalam bajet yang dalam tahun 2017. Langkah dan strategi Kerajaan Pulau Pinang dengan mengadakan Skim Latihan Dwi Vokasional German sebanyak RM6.0 juta yang menawarkan Kursus Advanced Diploma selama 42 bulan yang diiktiraf oleh Germany di mana pelajar-pelajar dapat belajar sambil bekerja di kilang-kilang adalah salah satu skim Kerajaan Pulau Pinang yang amat bagus dengan hala tuju yang tepat. Ini kena dipupuk dan digalakkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Belum, *sorry*. Saya punya komputer ada sikit masalah. Minta maaf. YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada isu yang kedua, iaitu isu perumahan. Isu Perumahan Mampu Milik baharu dan lama saya menyatakan baharu dan lama kerana ada maksudnya. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan khasnya Ahli Kawasan Datok Keramat, Ahli Kawasan Datok Keramat tidak ada Dewan ini kerana selaku EXCO Perumahan telah bekerja keras dan bertungkus lumus untuk merancang, mengawal, dan memajukan Pulau Pinang demi rakyat. Ini bukan satu jawatan yang senang dan kerana peranan dan jawatan ini sentiasa berkait dengan isu yang kompleks yang sentuh alam sekitar, yang sentuh hak tanah kerajaan dan hak tanah swasta. Yang sentuh isu undang-undang, rancangan infrastruktur, rancangan sosial demografi, pembangunan, pembangunan sosial dan impak sosial dan lain-lain.

YB. Dato' Speaker, kritik-kritik Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa menuduh bahawa Projek-Projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan hanya berhenti pada tahap konsep atau pun cadangan sahaja. Tetapi jelas ternyata dalam Bajet 2017 ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja membina dan membekalkan Rumah Mampu Milik yang berjenis-jenis ada yang *low cost* ada yang *medium low cost* demi rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memperuntukan sejumlah RM44.6 juta untuk mensubsidikan Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang. Selain daripada ini, dalam Bajet 2017 juga dinyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan memperuntukan sejumlah RM12.49 juta pada tahun 2017 untuk skim-skim yang lain bagi rumah mampu milik.

Dengan ini YB. Dato' Speaker saya merujuk kepada permohonan lama saya. YB. Dato' Speaker sejak tahun 2013 saya sudah mencadang dan memohon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa kotak kecil dengan izin, *the small town* ataupun Padang Tembak dibina ataupun di *upgrade* dengan izin dengan semula. Sama ada dengan cara membina bangunan-bangunan yang baru ataupun dengan *full upgrade* dengan izin menambahbaikkan atas bangunan-bangunan asas Padang Tembak yang sedia ada.

YB. Dato' Speaker, ini kalilah ini kali yang kelapan kali yang kelapan saya menyerui di dalam Dewan yang mulia ini sebagai ADUN Kebun Bunga saya memohon kepada Dewan yang mulia ini bahawa Pangsapuri Padang Tembak yang merupakan Pangsapuri yang termashur ter *compact*, terlama, tersejarah, tertinggi pada masa tahun 60-an di Pulau Pinang terusang, dan yang terdapat terbanyak penduduk yang *compact* di dalam satu tempat yang di ada sembilan blok yang usang dibina semula dan ditubuhkan semula. YB. Dato' Speaker di kawasan Padang Tembak yang hanya antara sembilan blok Pangsapuri Padang Tembak yang dibina dalam tahun 1960-an *late sixty* dengan izin, adanya di dalam 3,770 unit *flat* ataupun *apartment* dan lebih kurang 10,000 penduduk yang berdaftar sebagai penduduk ataupun pemilik ataupun penyewa unit tersebut untuk bangunan-bangunan tersebut. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat banyak projek-projek di kawasan dengan tidak berhenti-henti termasuk mengecat semua bangunan dengan perbelanjaan lebih daripada RM2.0 juta jikalau tak silap, RM2.0 juta dan berjuta-juta beribu-ribu kewangan untuk menaiktarafkan kawasan *car park* dengan izin, kawasan taman rekreasi, kawasan mengumpul sampah, kawasan akses OKU, kawasan taman bola keranjang dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun bangunan Padang Tembak telah usang dan saya membuat permohonan demi permohonan, demi permohonan demi permohonan, demi permohonan untuk membinakan semula bangunan Padang Tembak tetapi sampai sekarang lapan kali sebagai ADUN Kebun Bunga tidak diambil peduli. Saya cukup kesal dan saya mendaftarkan kekesalan saya....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat fakta itu betul tak? Lapan kali jadi ADUN.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Bukan-bukan saya jadi ADUN, lapan kali di dalam Dewan ini dengan ini saya, terima kasih atas penjelasan. YB. Dato' Speaker, tembok menyokong bangunan Padang Tembak telah usang dan tiang menyumbang bangunan bertanda jelas perpecahan struktur dan dikaji oleh banyak pegawai yang *expert* pakar-pakar, saya ada membangkitkan perkara ini bertahun-tahun dan Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian di Dewan Yang Mulia ini telah menjadi saksi kepada permohonan saya tiap-tiap kali dan saya minta sekali lagi bahawa kesemua ini saya tak perlu membincangkan sekali lagi pada penggal yang akan datang kerana ubah suai dan pembinaan semula boleh dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baik hati ini.

YB. Dato' Speaker, saya pergi ke satu lagi isu mengenai kemiskinan khususnya warga emas dan miskin yang lain yang tertekan. Cabaran ekonomi terhadap orang awam di Pulau Pinang ini disebabkan oleh kemerosotan mata wang Malaysia disebabkan oleh *scandal – scandal* politik disebabkan oleh 1MDB, disebabkan oleh GST yang menaikkan harga barang, disebabkan harga barang yang dinaikkan dan juga kekurangan keyakinan terhadap pengurusan pentadbiran pimpinan Kerajaan Pusat yang tertentu dan dengan ini ekonomi kita menjadi masalah dan yang dipengaruhi yang derita adalah rakyat. Dalam suasana ekonomi yang cukup cabar ini kawasan saya KADUN Kebun Bunga dan saya percaya banyak lagi KADUN – KADUN Yang Berhormat – Yang Berhormat di Dewan ini sudah ada banyak orang miskin yang menderita. Banyak ibu tunggal warga emas, kanak-kanak dengan keluarga berpecah keluarga ibu bapa yang bercerai, individu usang yang telah ditinggalkan individu sakit jiwa yang ditinggalkan banyak di kawasan saya YB. Dato' Speaker lebih kurang tiap-tiap bulan saya mungkin terpaksa mengendali kes-kes orang sakit jiwa di dalam pusat perkhidmatan saya. Tiap-tiap hari Rabu bila saya melawati saya pergi bekerja ataupun berjumpa dengan rakyat jelata biasanya saya akan ada satu ataupun dua orang yang mungkin saya bukan doktor tapi mungkin mengalami sakit mental datang berjumpa saya dan sebagai ADUN Kebun Bunga saya terpaksa juga menjadi seperti psikologi untuk bercakap dengan mereka yang menggunakan banyak masa saya sebagai ADUN tapi saya bukan *complaint* saya hanya memberitahu kepada Dewan Yang Mulia bahawa keadaan tertekan terhadap dan cabaran terhadap rakyat yang mungkin akan menyebabkan *stress* dan kesakitan bukan sahaja fizikal tetapi mental juga.

YB. Dato' Speaker Kerajaan Pakatan Negeri Pulau Pinang bergabung adalah satu gabungan di antara Parti DAP dan Parti Keadilan jelas telah memanfaatkan orang awam dengan berpuluh-puluh jenis bentuk bantuan kebajikan yang disalurkan kepada semua yang perlukannya. Walau bagaimanapun kerana cabaran ekonomi GST dan sebagainya, 1MDB banyak harga barang naik, bank sistem juga yang tidak berani memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah dan banyak penduduk-penduduk masih jauh dari kehidupan tanpa beban dan tanpa kesulitan. Cabaran ekonomi menderitakan golongan orang miskin warga emas, yang sakit, yang kurang upaya, ibu tunggal, individu *pensioner* yang sakit mental, yang bergantung kepada pencen suami, yang masih belajar ataupun kanak-kanak. Satu kes yang *highlight* dan menyalahkan kesulitan untuk *pensioner* adalah di mana di bawah undang-undang yang dipinda baru-baru ini di dalam tahun 2014 di mana *pensioner act* di mana dinyatakan bahawa *dependent* ataupun isteri *pensioner* yang sudah mati meninggal dunia selepas 20 tahun, isteri *pensioner* ini tidak boleh *claim pension* selepas itu jadi di dalam kes, jikalau tak silap di dalam kes macam ini yang datang berjumpa saya seorang yang usang yang berumur 87 tahun tetapi *pension* yang beri kepada beliau hanya sampai takat tahap ini kerana pada tahun ini suami beliau sudah mati selama 20 tahun. Jadi kes-kes yang begitu wujud di kalangan kita dan sebagai kerajaan kita prihatin tetapi dalam bajet kita ini saya rasa kita boleh mewujudkan satu skim untuk membantu rakyat dalam suasana macam itu.

YB. Dato' Speaker bukan sahaja golongan miskin tertekan di dalam suasana yang cukup sukar cabar itu, golongan pencari nafkah keluarga juga tertekan, golongan pencari nafkah semasa iklim ekonomi ini mereka juga ditemui dengan banyak kesulitan termasuk mencari pekerjaan termasuk meminjam wang dari bank untuk melanjutkan perniagaan mereka dan sebagainya. Jadi inilah satu cabaran bagi Kerajaan Pulau Pinang juga dalam suasana di mana pentadbiran pusat Kerajaan Pusat (dengan izin)...*mess up* pentadbiran ekonomi negara kita di Kerajaan Pulau Pinang kena ambil alih untuk bertanggungjawab membantu yang menderita di Pulau Pinang ini.

YB. Dato' Speaker saya merujuk kepada suatu isu yang lain mengenai apa yang dinyatakan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang saya dengar di dalam perbahasan beliau, ada jikalau tak silap mengenai kewangan ataupun pembekalan JKR, pembekalan JKR pada tahun ini yang masih ada 42% yang tidak digunakan berkaitan dengan perkara ini saya juga terasa berasa terkejut kerana sebanyak 42% jikalau tak silap yang dibekalkan sepatutnya untuk infrastruktur-infrastruktur negeri tidak digunakan ada diberitahu kepada saya di kalangan ADUN – ADUN di dalam Dewan ini bahawa beberapa ataupun banyak juga projek-projek yang kita sebagai ADUN meminta untuk disempurnakan dibuat dijawab dengan jawapan bahawa tiada pembekalan jadi dalam perkara ini mungkin ada yang saya tak faham tetapi ketidakgunaan sumber-sumber ataupun pembekalan di dalam kes ini amat dikesali. Saya harap di bajet yang akan datang pada tahun 2017 ini perkara ataupun masalah ini tidak akan wujud lagi.

YB. Dato' Speaker saya merujuk kepada satu perkara yang lain....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga, Kebun Bunga duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan dihenti rehat dan kita akan sambung pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan berhenti rehat pada jam 12.30 petang.

Dewan disambung pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan :

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima Kasih YB. Dato' Timbalan Speaker saya akan sambungkan perkara yang seterusnya yang saya ingin membangkitkan adalah mengenai tebatan banjir di kawasan saya khasnya tebatan banjir kilat dan mengenai bagaimana mengatasi masalah yang sudah lama menjadi mimpi ngeri kepada penduduk-penduduk di kawasan saya.

YB. Dato' Timbalan Speaker saya tertarik kepada ucapan YB. Machang Bubuk pada 17 November mengenai cara-cara tebatan banjir yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Agensi-agensi Kerajaan di mana pam-pam digunakan untuk mengeluarkan air banjir dan juga *flood cage*....(dengan izin) yang mengelakkan banjir. Saya merujuk kepada muka surat 12 dan 13, Ucapan Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang ini dan *'highlight'*kan...(dengan izin) beberapa pembekalan wang kewangan untuk tebatan banjir. Contohnya Sungai Permatang Rawa 12.6 juta, beberapa sahaja. Di Padang Lalang, Permatang Rawa juga 9.1 juta, Bukit Tengah 19 juta, Taman Mangga 11.5 juta, Alma 9.6 juta, Mak Mandin 40 juta, Sungai Relau 20.1 juta, Taman Ipin di Daerah Barat Daya 13.6 juta, Kampung Narang di Daerah Barat Daya 4.5 juta. Apa yang saya rasa hairan dan tidak memuas hati adalah di kawasan saya. Di mana di pinggir di antara (dua) 2 DUN di mana KADUN Kebun Bunga dan DUN Air Putih ini di mana perbanjiran sering berlaku pada masa banjir kilat. Saya fokus dengan izin fokuskan tempat itu di mana Sungai Air Itam di depan Masjid Negeri yang tempat itu sungai itu di depan juga di sempadan Sekolah Shang Wu saya membawa Yang Berhormat di dalam ini ke tempat ini dan apabila banjir kilat berlaku biasanya di kawasan yang berdepan dengan Masjid Negeri itu membanjir. Selepas beberapa amaran dari Pejabat KADUN saya dan juga permintaan dan permohonan dari pejabat saya kita sudah dapat satu pembekalan siren banjir untuk kawasan kita di mana siren ini akan berbunyi bila ada banjir tetapi ini tidak mengatasi masalah pembanjiran kerana katil-katil kanak-kanak di dalam kampung masih berapung-apung apabila banjir berlaku.

Saya membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini sejak tahun 2013 dan saya juga gunakan jikalau saya tak silap saya gunakan ayat seperti katil berapung-apung di atas sungai yang air sudah membanjiri rumah mereka. Berdekatan dengan kawasan saya juga ada juga kawasan yang lain juga di dalam kawasan saya Batu Gantung misalnya air banjir yang bukan sahaja datang dari sungai di Batu Gantung tetapi juga dari bukit.

Saya, YB. Dato' Timbalan Speaker saya menyaksikan air banjir datang terus dari bukit beberapa kali setinggi 2, 3 kaki yang datang secara cepat ke kampung Batu Gantung yang tanahnya sikit rendah dan di dalam kampung itu ada lebih kurang 100 rumah di kampung di dalam kampung yang sentiasa mengalami pembersihan. Kes ini saya membangkitkan tetapi sampai sekarang kita belum lagi mendapat solusi bagi bencana yang sering berlaku ini. Saya mengucapkan terima kasih. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana usaha ini untuk mengatasi banjir memang adalah satu usaha yang kena meliputi keseluruhan Pulau Pinang yang saya faham walau bagaimanapun saya rasa penduduk di Kebun Bunga tetap tidak boleh diabaikan kerana walaupun kawasan ini kawasan sempadan yang dekat sungai. Kita kena cari satu solusi untuk mengatasi masalah ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya pernah bersama-sama dengan pekerja-pekerja kerajaan, agensi-agensi tempatan, kerajaan tempatan masuk ke dalam sungai di tebing sungai dan ke dalam sungai dan untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker, kita bertemu bukan sahaja pelbagai sampah, kita bertemu dengan itik, burung, ular sawa. Baru-baru ini saya berjumpa dengan beberapa ular sawa semasa perbanjiran. Ular-ular keluar dan juga bukan sahaja binatang ataupun haiwan tetapi juga peti sejuk, katil, roda, basikal, televisyen, komputer, kasut, ikan sepat, ikan keli, ular 4 ekor. Ular 4 kaki, dan payung. Saya membawa isu ini cerita ini bukan kerana saya nak macam senaraikan apa cerita yang berwarna-warni *intention*...(dengan izin) saya hasrat saya adalah mengatakan bahawa orang awam adalah bertanggungjawab dengan tidak selain daripada tidak mencemarkan alam sekitar kita, alam sekitar komuniti dan juga punca dan salah satu punca perbanjiran adalah berasal dari berunsur daripada pembuang sampah yang menyumbatkan saluran sungai juga.

Jadi kita semua orang Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang, warga Pulau Pinang bersama-sama bertanggungjawab dengan mengatasi masalah banjir. Dan dengan ini saya juga berharap bahawa di dalam bajet ini agensi-agensi dan juga EXCO-EXCO tertentu di bawah MMK mereka atau di bawah pejabat mereka yang mendapat perbekalan tertentu akan menumpukan sumber ke atas kawasan saya juga selain dari kawasan lain yang mengalami nasib yang sama mengenai banjir.

YB. Dato' Timbalan Speaker, atas isu banjir juga berkaitan dengan hakisan lereng bukit, perkara ini dibangkitkan oleh saya juga dan khasnya jikalau saya boleh menyalahkan *'highlight'*kan satu perkara di mana saya ada membangkitkan mengenai kerosakan jalan Bay of Ten sebelum ini sebelum masalah jalan raya terjatuh terhakis berlaku lebih kurang 2, 3 bulan dulu di dalam mesyuarat kerajaan dan saya membangkitkan perkara ini dan saya ingat jikalau tak silap mungkin ADUN lain berbangkit perkara ini. Malangnya tak sempat mengatasi masalah dan tanah ataupun jalan raya sudah runtuh akibat hakisan air terhadap tanah di *Bay of Ten* ini. Dekat kawasan di pinggir ataupun di sempadan kawasan sempadan kawasan Kebun Bunga dan Tanjong Bunga. Jadi *lesson* ataupun iktibar yang boleh dibelajar dari perkara ini adalah kita kena ambil tindakan secepat mungkin apabila punca ataupun *origin*...(dengan izin) masalah bermunculan. Saya juga ingin memperingatkan bahawa agensi-agensi dan juga EXCO, Pejabat EXCO boleh yang berkaitan dengan secara dengan cepatnya boleh mengatasi masalah ini, kerana masalah ini menyulit menyusahkan rakyat.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kerana hakisan tanah baru-baru ini kita ada masalah di kawasan Kebun Bunga saya *'highlight'*kan Ladang Hong Seng dan Ladang Lada. Saya nak gunakan Dewan ini untuk menyuarakan membuat satu gambaran untuk kefahaman Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini iaitu beberapa puluh tahun dulu lebih kurang 40 tahun ataupun ada yang 50 tahun dulu tanah-tanah swasta yang digunakan untuk membina rumah sebagai bukan rumah setinggan tetapi rumah yang sewa tanah rumah di atas ladang-ladang tersebut tanah swasta misalnya contohnya Ladang Lada contohnya Ladang Hong Seng di mana untuk latar belakang ada lebih kurang 1,000 rumah lebih kurang 700 di Ladang Hong Seng dan 300 di Ladang Lada. Di mana tanahnya adalah pemilihan swasta. Dan di dalam kes ini apa yang perlu saya menyalahkan *'highlight'*kan adalah apabila rumah-rumah ini dibina di atas tanah swasta yang tertentu tersebut rancangan *planning* dan juga (dengan izin)...*safety planning* atas pembinaan rumah di atas lereng bukit ataupun di atas tanah yang tertentu ini tidak dilaksanakan dengan

tepatnya di mana isu ataupun unsur keselamatan diambil kira dengan tetap dengan padat dengan betul. Jadi munculnya di dalam tempoh 40 tahun ataupun 50 tahun ini rumah-rumah ini dibina atas lereng bukit ataupun di tebing sungai tanpa rancangan selamat. Jadi selepas beberapa puluh tahun hakisan ataupun saluran air di bawah tanah yang mungkin wujud dalam tempoh jangka masa yang panjang ini tidak memberi akan membahayakan macam kes di Ladang Hong Seng dan Ladang Lada di mana baru sekarang ini baru kita sebagai ADUN-ADUN pun menangani kes macam itu. Yang saya balik kepada isu yang saya nak bangkitkan di sini adalah macam kes ini siapa yang sepatutnya menanggung perbelanjaan dan risiko sistem ataupun skim-skim perumahan ini. Di mana kita ada lebih kurang 1,000 rumah di Hong Seng dan di Ladang Lada.

Saya membangkitkan isu ini untuk pandangan dan rumusan pihak semua dan sebagai satu Kerajaan Negeri ataupun Pusat, isu ini kena dipertimbangkan demi rakyat dan demi untuk kita buat rancangan untuk keselamatan semua. Dalam kes ini bila tanah runtuh, bila ada hakisan di lereng bukit tidak semestinya kerana kemajuan yang baru. Ada orang yang dengan secara tidak senangnya (dengan izin)...*simply say* dia tidak *you don't think* dia *blame* dia menyalahkan pemaju-pemaju. Dan sebenarnya di tanah yang tertentu di kawasan tertentu tidak ada kemajuan, misalnya di kawasan Hong Seng dan pandangan saya sahaja, saya bukan *engineer*, hakisan tanah itu disebabkan oleh saluran air dari bukit.

Jadi, sebagai satu Kerajaan Negeri, kita juga kena memperingatkan kita sendiri dua perkara. Satu perkara mengenai rancangan, rancangan perumahan adalah penting walaupun, perkara ini wujud sebelum kita. 40 tahun dahulu, 50 tahun dahulu tetapi sebagai untuk masa hadapan, kita kena rancang di mana (dengan izin)...*predecessor* orang sebelum kita tidak merancang hampir *simply*...(dengan izin) beri peluang untuk bina sahaja di atas lereng bukit. Dan akibatnya 40 tahun, 50 tahun kemudian kita mengalami suasana seperti begitu. Dan saya harap dengan isu ini saya harap bajet tahun depan akan mengagihkan lebih banyak bajet untuk mengatasi menangani perkara yang disebut.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya pergi ke satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan. Pagi tadi saya membangkitkan mengenai kesulitan golongan miskin dan juga golongan pencari nafkah. Saya ingin tambah nafkah keluarga (dengan izin)...*bread earner of the family* Dato' Speaker. Semasa iklim ekonomi yang cukup sukar ini, bukan sahaja golongan miskin yang tertekan tetapi juga pencari nafkah keluarga. Ada juga penuntut lepas sekolah menjadi pencari nafkah bagi keluarga mereka. Dan saya di kawasan saya di Kebun Bunga dapat bertemu dengan beberapa (dengan izin)...*school leaver*, penuntut yang lepas sekolah kena cari rezeki untuk menanggung menjadi pencari nafkah kepada seluruh keluarga beliau. Dan mereka mengalami tekanan yang cukup teruk kerana dalam kes yang ditemui saya ada nenek yang tua, ada adik-adik yang kecil, ada bapa yang meninggal, ibu yang sakit yang semua ini. Jadi, beberapa orang pemuda yang berumur 16 ataupun 18 kena bertanggung berat tanggungjawab untuk menghasilkan sumber wang, makanan untuk keluarga.

Ini memperingatkan saya sebagai ADUN di kawasan Kebun Bunga untuk mencari jalan untuk mereka dan sebagai ADUN ataupun Ahli satu Kerajaan Pulau Pinang ini, saya tidak boleh hanya membekalkan sumber kewangan untuk membantu satu dua kali sahaja. Kita semua kena beringat bagaimana kita membantu dalam jangka masa yang panjang ataupun membantu dengan berkesan. Jadi dengan izin, teori 'lebih baik mengajar dia bagaimana menangkap ikan dan bukan hanya membekalkan ikan kepada mereka' adalah polisi yang penting bagi kita. Oleh itu, dalam bajet kita pengagihan sumber untuk (dengan izin)...*training* dan *retraining*, latih dan melatih lagi di dalam pasaran pekerjaan adalah penting bagi Pulau Pinang.

Di negara Itali, YB. Dato' Timbalan Speaker baru-baru ini saya diundang, dijemput ke Itali. Saya terkejut terdapat banyak Polis Cina, saya pun tidak sangka apabila saya berada di Rom (Roma) banyak Polis Cina yang orang Cina itu tetapi, memakai baju Polis di Roma wujud di sana dalam satu barisan pergi sini sana dan bertutur Bahasa Cina (Mandarin) di Roma. Apabila saya disambut oleh Datuk Bandar, dengan persoalan saya dengan Bahasa Itali tetapi saya tidak akan cakap di sini. Saya tanya kenapa ada Polis yang bermuka orang Cina berpakaian baju Polis Itali, berada di Roma? Dan bukan seorang, bukan dua (2) orang bukan 10, sebenarnya 300 di Itali di Roma. Dan jawapan beliau (dengan izin) (*Berbahasa Itali*) maksudnya (dengan izin) kerana 'Yes sir, ya tuan kerana di sini kita ada banyak pelancong Cina' dan kemudiannya saya pernah dengar Datuk Bandar bercakap beberapa ayat misalnya ayat Korea di Roma. Apa yang saya hendak ceritakan di sini, adalah bahawa satu ekonomi pelancongan di Itali mereka sanggup mengambil peluang untuk memperkayakan ekonomi mereka dan dalam segi ini,

ekonomi pelancongan mereka dinamik, dinamik kerana mereka boleh berubah mengikut saluran ataupun arus yang memberi peluang untuk mereka berubah.

YB. Timbalan Dato' Speaker, di Pulau Pinang kita ada pasaran *medical tourism*...(dengan izin) yang terbesar salah satu yang terbesar di Malaysia. Dan jika kita masih jikalau tidak silap saya, kita masih mengimport maksudnya mengambil masuk ke negeri kita jururawat *trainee*, pelatih jururawat ke Pulau Pinang untuk dilatih sebagai jururawat.

Setahu saya ada jururawat yang datang dari luar Pulau Pinang termasuk dari Sabah dan Sarawak jikalau tidak silap. Ada juga setahu saya (dengan izin)...*tour guide* yang bekerja di Pulau Pinang sebagai pemandu pelancong untuk kawasan *tour guide*...(dengan izin) dari luar negeri kita kerana Pulau Pinang adalah satu tempat yang mahsyur dan banyak *tourist* yang datang dan profession *tour guide* ini juga datang dari luar untuk cari makan dengan izin, di Pulau Pinang.

Apa yang hendak saya *highlight* kan adalah bahawa melatih semula *retraining* di Pulau Pinang juga kena adalah satu proses ataupun satu perkara yang penting bagi kita mendapatkan sumber manusia ataupun memperkasakan modal insan di Pulau Pinang itu. Jadi, dengan berkaitan dan merujuk kepada Bajet tahun depan (2017), adalah penting sebagai Kerajaan Pulau Pinang kita menjana, memberi peluang, mewujudkan peluang bagi orang Pulau Pinang khususnya pencari nafkah keluarga untuk dapat peluang dilatih semula jikalau mereka tidak dapat pekerjaan yang lain.

YB. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi isu yang di dalam senarai saya iaitu masalah yang kita temui mengenai air sumber air dengan syarikat PBA. Di kawasan kedua-dua tempat, kawasan Ladang Hong Seng dan juga Ladang Lada di mana lebih kurang 1000 keluarga dan rumah berada, sentiasa mengalami masalah tekanan air di mana kita juga membuat banyak pengaduan.

Tak semua pengaduan diselesaikan, tidak semua masalah diselesaikan dan kita minta jikalau lebih tumpuan dan sumber Bajet boleh diberi khasnya kepada yang diberitahu kepada kita oleh *technician-technician* ataupun kontraktor-kontraktor tidak semestinya betul, tetapi kita dengar sahajalah. Kontraktor-kontraktor yang datang ke kawasan-kawasan tersebut mengatakan bahawa kawasan-kawasan yang tadi saya sebut ini di kawasan Kebun Bunga banyak paip-paip sudah usang dan belum diperbaiki ataupun ditukar. Ini tidak berlaku dan oleh kerana itu, mengikut mereka pembocoran paip dan pembocoran paip maksudnya pembaziran air. Kerana air mengalir di bawah tanah dan ini mewujudkan dua perkara yang penting ataupun bahaya.

Satu adalah pembaziran air dan satu lagi adalah merosakkan apa yang dibawah tanah termasuk menjadi satu saluran ataupun hakisan tanah khasnya atas tanah banyak pasir ataupun *content of the soil* (dengan izin) *is high in sand and not* tanah liat...(dengan izin), YB. Dato' Timbalan Speaker.

Jadi saya minta PBA, mengambil perhatian sebelum hari ini sebelum dibincang didalam Dewan yang mulia ini, saya sudah tulis surat kepada agensi-agensi termasuk PBA untuk ambil perhatian mengenai perkara ini. Tetapi perkara ini belum diselesaikan jadi saya membangkitkan di sini di mana beribu-ribu rumah terancam dan juga mengalami masalah kerana belum lagi memperbaiki masalah tersebut di kawasan yang disebut.

YB. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi perkara adalah mengenai dadah. Saya bersetuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat, beberapa hari dahulu yang membangkitkan perkara mengenai dadah di kawasan saya juga di Kebun Bunga. Saya sering masalah dadah. Khasnya dua kawasan. Salah satu saya telah membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu menggunakan kanak-kanak sebagai *medium*, sebagai orang yang mengambil dadah. Saya membangkitkan perkara ini dan setahu saya pihak polis ada mengambil tindakan saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak Polis tetapi perkara dadah atau masalah dadah masih wujud di kawasan saya. Lebih kurang dua (2) bulan dulu saya pergi melawat kawasan saya dan diancam oleh sekumpulan orang pemuda di kawasan saya kerana saya bukan serbu, tetapi saya tiba-tiba datang ke tempat itu, di kawasan saya sendiri di Kebun Bunga dan nampak macam ada kes nak ambil membuat sesuatu yang saya tak berapa pastilah tetapi ada beg-beg yang tertentu jadi bila saya berdekatan dengan kawasan itu, mereka pun tak mahu saya melalui tempat itu kerana mungkin mereka ada kes yang lain sedang dilakukan aktiviti yang tertentu.

Setahu saya, dan ditengok di dalam CCTV di kawasan saya, sebanyak YB. Dato' Timbalan Speaker, di dalam CCTV saya tengok sebanyak 100 ataupun 100 lebih pemuda berlawan dengan pedang di kawasan saya. Di dalam CCTV saya boleh tengok. Ada satu kes di mana *four wheel drive* digunakan untuk melanggar orang di kawasan saya. Bukan saya nak *highlight* kan ini, saya ada berbincang dengan pihak polis dan pihak polis ada menangani kes-kes tertentu dan "Gang 5" ini tidak kemudiannya tidak berlaku. Walaupun sudah berlaku, kemudiannya tidak ada lagi. Pedang ataupun kapak ataupun parang diguna untuk tetak pintu sampai pintu boleh dibuka. *Chop on the wall*. Peperangan dadah ini di kawasan saya bukan kes yang boleh diabaikan. Kes ini merupakan kes yang mengancam keselamatan. Keselamatan penduduk semalam sahaja saya mendapati satu *anonymous*, satu surat tanpa nama dihantar kepada saya, tanpa saya mengetahui siapa yang menghantar mengenai saluran dadah di kawasan saya juga. Saya amat terima kasih kepada pihak Polis di mana apabila saya membangkitkan perkara ini, pihak polis ambil tindakan....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh ringkaskan ya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, pendek sahaja. Saya nak *highlight*kan perkara ini kerana ini mengancam keselamatan dan kanak-kanak di mana pemuda dan pemudi yang mengambil dadah mereka menjadi sakit dan ini bukan satu sakit yang satu isu kesihatan sahaja, tetapi ini dadah adalah amat dia satu penagihan yang akan membawa banyak masalah kepada komuniti dan oleh itu saya meminta bahawa bajet yang bersangkutan, yang berkaitan dengan mengatasi masalah dadah di Pulau Pinang ini boleh digunakan dengan berkesan untuk mengatasi masalah itu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, boleh minta laluan. Nak bertanya. Tadi Yang Berhormat ada membangkitkan tentang masalah air kepada kawasan Ladang Hong Seng, masalah kapak, parang dan sebagainya dan masalah dadah. Sebenarnya, kawasan seperti Ladang Hong Seng atau Kampung Air Terjun adalah satu masalah yang kronik di mana tuan tanah sendiri pun tidak tahu macam mana nak menyelesaikannya. Lama kelamaan ada situasi ada yang menjadi lebih rumit lagi kerana tuan tanah dah tua, ada beberapa pihak dan sebagainya. Jadi, memandangkan kawasan-kawasan ini adalah di bawah kawasan Yang Berhormat, apakah pandangan anda tentang masa depan kawasan seperti ini kerana kami bersempadan dan saya rasa kalau tak buat apa-apa pun baru-baru ini ada tanah runtuh dan sebagainya, dalam jangka masa panjang sebenarnya penduduk-penduduk di sana tinggal dalam situasi yang tak begitu baik samada risiko kebakaran, masalah dadah, orang datang bergaduh, bekalan air dan sebagainya. Saya ada bertanya, sebenarnya situasi ini boleh berpanjangan sampai bila? Jadi apakah pemikiran Yang Berhormat tentang masa depan kawasan ini?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti EXCO jawab lah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Boleh, saya tak akan jawab. Saya akan senaraikan senarionya sahaja. Terima kasih banyak kepada soalan yang cukup bagus untuk bagi saya jikalau saya boleh yang jangka masa pendek itu, kita menyelamatkan penduduk-penduduk.

Jangka masa panjang, perancangan untuk mengubahsuai dan juga (dengan izin) menggunakan ayat *rejuvenation of community*. Maksudnya memperbaharui komuniti tertentu dengan *physical change* (dengan izin). Pertukaran fizikal termasuk pembangunan baru perancangan baru dengan mengambil kira mengenai pengangkutan, perumahan, *social impact* dan semua ini *facility*, yang semua ini rancangan yang baik untuk memperbaharui. Ini sama dengan rancangan yang saya ada dan dicadangkan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Mengenai Padang Tembak juga. Di Padang Tembak, di Ladang

Hong Seng, di Ladang Lada. Ada satu senario yang lebih kurang sama di mana komuniti tak ada fasiliti yang baru di mana komuniti (dengan izin)...terbeku di dalam *time capsule* dimana fasiliti adalah lama dan tidak dibaharui.

Di Padang Tembak, hanya ada *post office* tetapi tak ada bank, tak ada perniagaan yang struktur selain daripada penjaja-penjaja kecil. Jadi, ekonomi komuniti ini tak boleh berkembang. Orang muda tak masuk ke komuniti ini. Jadi komuniti-komuniti ini yang tersebut ketiga-tiga ini, lama-lamanya menjadi komuniti di mana masyarakat uzur bermastautin, tinggal di sana, berumah disana menduduki di sana. Tetapi bukan lagi satu komuniti yang dianggap *economically vibrant*. Bercampuran dengan pelbagai aktiviti dimana secara sosial, secara ekonomi, komuniti boleh memampkan, *selfsustain*. Jadi, untuk jawapan yang pendek, bagi YB. Pulau Tikus, kawasan-kawasan tersebut tadi tiga, Padang Tembak, Ladang Lada dan Ladang Hong Seng, komuniti – komuniti tersebut (dengan izin)...*can do with rejuvenation plan*...(dengan izin) boleh kerajaan membantu untuk memperbaharui bukan sahaja struktur fizikal, tetapi struktur sosial di mana suntikan penduduk baru, suntikan penduduk yang *multi*....(dengan izin) *multi culture*, *multi* umur yang tak sama di dalam komuniti itu. Dan ekonomi di dalam komuniti itu. Jadi, ambil usaha – usaha perancangan negeri, perancangan desa bukan sahaja semata-mata. *How to say not just confine to the physical development*, tetapi usaha untuk merancang bahawa satu komuniti boleh dimanfaatkan dengan aktiviti ekonomi dan jua sosial.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kesimpulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Kesimpulan. Saya ada banyak *jargon* di dalam, tetapi maksud saya komuniti boleh diubah sekiranya kerajaan membantu merancang dan memberi kebenaran ataupun bantuan untuk membaharui komuniti tersebut dan saya bersedia untuk memberi *input* saya kepada Kerajaan Negeri untuk memperbaharui komuniti tersebut. Satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan adalah Laporan Jawantankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas Laporan mengenai projek Jalan – Jalan Utama Dan Terowong Di Pulau Pinang. Yang laporan ini untuk maklumat, laporan ini. Untuk maklumat YB. Dato' Speaker, saya dah cuba nak baca laporan ini....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Jangan baca semua. Banyak sangat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, saya cuma nak baca setengah dari ini dengan izin. Bukan. Saya sudah baca. Tetapi maksud saya, saya nak membangkitkan beberapa perkara *for record*, untuk rakaman Dewan yang mulia ini. Saya dah baca banyak muka surat dan pendek kata, saya rasa ada maklumat yang bercanggah yang saya tak nak membangkitkan di sini kerana ambil masa yang panjang. Tapi, pendek kata adalah jawapan yang diberi di dalam muka surat – muka surat tertentu bercanggah dengan jawapan yang diberi di muka surat yang lain. Pendek kata iaitu saya dikelirukan sedikit mungkin saya belum baca ke 100% laporan ini, tapi saya dikelirukan oleh laporan ini. Dan saya minta pakar-pakar yang meyediakan laporan PAC ini boleh menjawab kepada kita secara ringkas pada penggulungan ini bahawa beberapa isu yang dibangkitkan khususnya adalah saya boleh singkatkan, satu, mengenai laporan PAC, soalan satu adalah sekiranya projek ditolak oleh Kerajaan Pusat, projek yang di dalam laporan ini, adakah pembayaran melalui kewangan atau melalui pampasan tanah dari Pulau Pinang, bolehkah dikembalikan kepada Pulau Pinang, saya jelaskan sedikit...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, saya hendak bertanya juga kepada YB. Kebun Bunga, jiran saya bunga juga kerana projek ini tanah yang diberikan itu dekat Sri Tanjung Pinang sudah pun diadakan pembinaan dan juga ada penjualan dijalankan kondominium itu, apakah pandangan Yang Berhormat kalau perkara ini ditolak, bagaimana hendak diuruskan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih, biar saya jawab ini sikit dahulu, kalau saya ada masa nanti saya jawab. YB. Dato' Timbalan Speaker, selepas saya membaca laporan ini saya masih keliru kerana isu yang timbul di dalam minda saya adalah sekiranya, satu jikalau di tolak projek ini oleh kerana berbagai jenis masalah ataupun alasan dari Kerajaan Pusat adakah pembiayai laporankah, pembiayai apakah untuk projek ini yang pembayaran yang keluar ini bolehkah dikembalikan kepada orang Pulau Pinang, pada saya tanahkah, konsesikah, pembayaran wangkah yang dibayar untuk berjuta, berpuluh juta, beratus juta yang dikeluarkan itu, bolehkah dikembalikan kepada rakyat Pulau Pinang. Ini soalan saya yang pertama.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sebagai salah seorang ahli PAC mungkin saya boleh menjawab.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Mana boleh jawab.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tak boleh jawabkah? Soalan, soalan boleh? Saya tanya soalan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan Kebun Bunga, teruskan. Panjang cerita. Sudah 1 jam.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, saya hanya ada satu soalan sahaja, sebab projek kajian *feasibility study* ini ialah RM305 juta jadi terdapat, saya ada satu soalan selepas report ini telah dibuat iaitu, Pekeliling Perbendaharaan PP 3.3 garis panduan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan mengatakan, pekeliiling ini dikuatkuasakan pada 1 Mac 2016. Saya hanya dapat mengetahui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia ini semasa Mesyuarat PAC di Melaka. Pekeliling ini berkenaan dengan perkara 4 Perbelanjaan Pembangunan yang mengatakan 4.2 ialah menanggung projek-projek bukan fizikal yang bersifat kajian-kajian kemungkinan atau pun *feasibility study*, jadi saya hendak bertanya kepada soalan susulan, adakah Kerajaan Negeri mengikut garis panduan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 2016?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti EXCO jawab. Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bukan EXCO, saya tidak tahu bagaimana hendak menjawab, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh YB. Tanjong Bunga, ini sebenarnya juga soalan saya bagi kita, jadi saya harap dalam penggulangan boleh dijawab perkara ini, saya hanya hendak singkatkan bahawa mengenai laporan ini ada maklumat bercanggahan, jadi saya masih menunggu jawapan dari pihak yang berkaitan.

Dengan ini akhir kata saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih banyak kepada YB. Dato' Timbalan Speaker, kerana mengizinkan saya membekalkan pandangan saya dan juga terima kasih kepada pegawai-pegawai yang membantu di kawasan Kebun Bunga saya dan saya memohon cadangan saya diambilkira dan terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Pulau Betong, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker, *Bismilahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh*, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya cuba untuk tidak bercerita, saya akan terus kepada isi perbahasan yang tanpa diganggu, dalam masa tiga (3) jam boleh habis. Yang pertama, terima kasih kepada petugas unit DUN dan pegawai DUN dan urusetia yang telah bertungkus lumus sejak sebulan yang lepas bagi menyediakan jawapan kepada semua soalan yang telah dikemukakan.

Yang kedua, saya merekodkan di dalam Dewan ini mengucapkan terima kasih kepada Encik Rusli yang bertugas di DUN ini yang telah bersara daripada perkhidmatan, saya selama tiga belas tahun di Dewan ini, beliau selalu berada di sini, tetapi kali ini beliau telah pun sudah bersara.

Yang ketiga, terima kasih dan tahniah kepada Speaker, Timbalan Speaker, dan pengurusan DUN yang telah menyediakan kerusi dan meja yang dikhususkan kepada rakan-rakan wartawan untuk duduk dan membuat liputan. YB. Dato' Speaker pagi tadi Dewan memang agak panas sedikitlah, dengan perbahasan yang berlaku dengan usul yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, cuma saya rasa sebagai seorang wakil rakyat yang lama di sini, saya pun tidak pernah mendengar ucapan-ucapan ataupun kalimah-kalimah yang diungkapkan terlebih-lebih lagi daripada EXCO kepada rakan-rakan ataupun kepada parti lawan yang berada di dalam Dewan ini. Bagi saya YB. EXCO Seberang Jaya tadi agak, kalau boleh saya katakan agak kurang ajar sedikit, memang saya amat terkesan malangnya YB. Dato' Speaker, tidak menggunakan peraturan sakit hati itu, peraturan 44(3) itu kalau tidak silap saya untuk menghalang beliau untuk berucap, saya hendak berpesan kepada beliau, beliau tidak ada di sini, bahawa beliau harus beringat dia adalah anak kelahiran yang dibesarkan, yang dididik di UiTM. Dia pandai di situ, dia bekerja sebagai doktor, *Alhamdulillah* tahniah dan lepas tiga (3) tahun menjadi seorang wakil rakyat, hari ini beliau hebat, beliau rasa beliau hebat sehinggakan beliau boleh tinggal di banglo yang bernilai kalau tidak silap saya RM1.5 million....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sedikit sahaja, saya rasa perkataan kurang ajar itu janganlah, apa yang sudah berlaku, sudah berlaku yang memulakan pertelingkahan tadi adalah YB. Pinang Tunggal, isu berkenaan YB. Seberang Jaya yang tinggal di banglo dan sebagainya saya rasa tidak kena pada tempatnya, perkataan kurang ajar itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak pernah menghina begitu kepada DAP, tetapi beliau terlalu menghina kepada UMNO, inilah yang saya marah sangat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya faham. Tetapi yang memulakan perbalahan Yang Berhormat adalah YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau beliau tidak mengungkapkan kata-kata kesat kepada kami, kami tidak akan bangun, kamu semua berhemah di sini, tetapi agak keterlaluan oleh beliau kami terpaksa bangun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mungkin Yang Berhormat boleh memberi teguran kepada YB. Pinang Tunggal, okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya hendak terus kepada isu yang pertama, saya hendak melihat kepada laporan audit. Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2015, Bahagian Perumahan *page 11*, Bahagian Perumahan, para 1.3 pengauditan yang telah dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2015 mendapati walaupun Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota bumiputera 30% bagi setiap projek perumahan yang dibina tetapi dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut. Satu, pemilikan hartanah Bumiputera ini tidak mencapai 30%. Dua, pengiraan bayaran sumbangan pelepasan tidak tepat, belum dijelaskan dan mengambil masa. Ketiga status pembeli unit Bumiputera yang tidak disahkan. Keempat, unit Bumiputera dijual kepada bukan bumiputera sebelum kelulusan pelepasan, belum lulus sudah jual. Kelima, sijil menduduki OC dan slip pengakuan dikeluarkan tanpa surat sokongan. Keenam, Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang tidak dibelanjakan. Inilah komen dan teguran yang dibuat oleh Jabatan Audit kepada Perumahan dan saya berharap pihak EXCO dapat menjelaskan tentang isu audit ini, walau bagaimanapun saya teruskan kepada teguran yang kedua PBA Holdings, para 4.2. Pengauditan dijalankan mendapati prestasi kewangan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP) adalah baik, manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan, selain pencapaian kadar air iaitu hasil NRW dan rizab kapasiti pengeluaran air yang baik pengurusan aktiviti dalam beberapa aspek yang lain mempunyai kelemahan-kelemahan berikut, satu para meter florida tidak mematuhi kadar piawai yang ditetapkan dalam *National Standard For Drinking Water Quality*, saya tidak pasti sama ada ini tanpa *aerial florida* atau pun *coloring*, tapi tentunya jika ada barang-barang *element* dan *chemical* di dalamnya janganlah sampai rakyat Pulau Pinang jatuh sakit kerana kandungan *chemical* yang berlebihan dalam air minuman kita seharian. Seterusnya *point* empat bayaran bacaan, anggaran bil bekalan air dibuat melebihi tiga kitaran berturut-turut.

YB. Dato' Timbalan Speaker, ada beberapa orang kampung datang berjumpa dengan saya kerana mendapat bil melebihi dalam lima bulan menyebabkan jumlah yang mereka dapat itu terlalu tinggi banyak sekali, mereka sudah susah tidak mampu hendak bayar, minta kita tolong membayar, so, saya berharap supaya kalau boleh kalau tidak tiga (3) bulan, kurang daripada dua bulan supaya jumlah yang terkumpul itu dapat diminimumkan kerana terdapat banyak yang terkumpul ianya memberikan jumlah yang besar dan amat sukar untuk dibayar oleh masyarakat kita. Seterusnya pengurusan penyelenggaraan aset bekalan air kurang memuaskan, proses pencucian sekam di Loji Rawatan Air (LRA) tidak dilaksanakan mengikut jadual dan pembaikan peralatan yang rosak mengambil masa yang lama. Seterusnya lagi pengurusan bayaran tidak mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan. Seterusnya pengurusan aset yang tidak memuaskan antaranya aset tidak dilabel serta kelewatan melupuskan aset dan inventori setelah hapuskira diluluskan.

So, inilah beberapa kelemahan agensi yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Akhir sekali merujuk kepada bahagian tiga rancangan permohonan Kerajaan Negeri, Laporan Penyata Kewangan 2015 muka surat 37, tetapi di dalam Buku Laporan Audit di tempat lain, tetapi itu belum dibentangkan di dalam Dewan. Saya ingin menyentuh para 5.1 dalam tajuk Pencapaian Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2011 hingga 2015. Laporan ini mengatakan bahawa peruntukan ini telah diagihkan kepada sembilan jabatan untuk projek Pembangunan Negeri Pulau Pinang dan sejumlah RM951.61 juta atau 55.4% telah dibelanjakan. Daripada jumlah yang diluluskan hanya 55.4% telah dibelanjakan. Analisis audit menunjukkan tujuh (7) jabatan telah membelanjakan antara 87.4% hingga 99.9% daripada peruntukan yang diluluskan, sementara itu dua jabatan iaitu Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kewangan Negeri membelanjakan masing-masing 39.9% dan 62.3% daripada peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah seperti di jadual 5.1, seperti dalam jadual yang saya ada ini, saya melihat bahawasanya daripada dahulu lagi apabila kita membentangkan belanjawan kita perancangan memang ada, tetapi pelaksanaan tidak ada, cakap lain, yang buat yang lain dan bukan main hebat lagi semasa membentangkan perbelanjaan, tetapi untuk melaksanakannya agak lemah dan ini terbukti dalam Laporan Audit Negara tahun 2015. Saya berharap kepada EXCO yang baru untuk mengambil perhatian di atas teguran yang dibuat oleh Laporan Audit Negara ini.

Saya hendak beralih kepada jawapan kepada soalan-soalan lisan, *sorry* bertulis. Soalan no. 6 kepada yang saya buat adalah kawasan Balik Pulau yang sering dilanda banjir, apakah penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah banjir, berapakah kosnya dan bila dilaksanakan dan berapakah

pampasan ataupun suguhati yang pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri mengikut KADUN? Jawapan (b) kepada saya, anggaran kos bagi menaiktaraf sistem saliran di Sungai Burung adalah sebanyak RM127 juta. Satu jumlah yang agak besar sebenarnya. Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan melalui RMKe-11 dari Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini belum dimaklumkan keputusan. Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan dalam *rolling plan* yang Ke-11 yang akan datang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kalaulah kita hendak mengatasi masalah banjir, pada pandangan saya, kalau kita *submit* ataupun buat permohonan sebanyak itu, RM127 juta untuk penduduk seramai lebih kurang dalam 80,000 orang di Balik Pulau, saya rasa satu jumlah yang tidak akan diterima. Tentunya kita boleh laksanakan mengikut fasa-fasa dan kalau tidak salah saya, *the most realistic figure*, dengan izin, Dato' Timbalan Speaker adalah di antara RM5 juta ke RM10 juta. Saya berharap kepada pihak Kerajaan Negeri untuk buat permohonan jika perlu kepada Pusat dalam jumlah yang sebegitu, tidak besar, tidak kecil tetapi ianya boleh sedikit sebanyak membantu menyelesaikan masalah banjir secara berperingkat. Merujuk kepada soalan yang sama juga, (c) saya mendapati dalam KADUN Pulau Betong walaupun seringkali dilanda banjir, satu sen pun tidak pernah dibelanjakan. Inilah jawapan yang telah diberikan oleh YB. Padang Kota. Satu sen pun tidak ada. Apakah Yang Berhormat tidak sedar bahawa kawasan seperti Pondok Upeh terutamanya berlaku banjir hampir setiap kali dan mereka mengalami kerosakan yang cukup...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Sebenarnya pada masa kini di Seri Genting, satu projek RM30,000 sedang dilaksanakan oleh JKR.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Tidak mencukupi. Saya tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tetapi ini sumbangan yang diberikan kepada mereka yang di situ. Saya berharap, YB. Dato' Speaker, Yang Berhormat tidak pernah turun agaknya saya rasa. Pernah turun di situ? Pondok Upeh? Yang Berhormat tinggal di Balik Pulau, pernah pergi di situ? YB. Air Itam juga tinggal di Balik Pulau, di Kampung Tunku. Saya cuba kalau banjir lebat, cuba pergi tengok bagaimana kerosakan yang dialami oleh mereka ini dan kalau boleh atas keprihatinan Kerajaan Negeri bagilah sedikit sumbangan kepada mereka kerana terlalu banyak kali mereka dilanda banjir dan terlalu banyak barangan mereka telahpun rosak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya pun wakil rakyat kawasan belah Telok Bahang itu. Setujukah Yang Berhormat keadaan sekarang banjir lagi teruk dari masa-masa yang lampau dan kita hadapi masalah orang tidak dapat pergi kerja, orang sakit kena pindah jadi banyak masalah. Saya minta setuju atau tidak Yang Berhormat, semua bentuk perumahan yang diadakan hendaklah dikaji sebetul-betulnya sebelum diberi kelulusan. Itulah punca banjir yang berlaku di Balik Pulau sekarang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Telok Bahang. Untuk YB. Telok Bahang, Kerajaan Negeri telahpun membelanjakan sebanyak RM1,000.00 sahaja untuk kawasan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Betul ke ini RM1,000.00 sahaja?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul Yang Berhormat, tengok jawapan yang saya dapat ini. Soalan seterusnya nombor 15 tentang mohon Kerajaan Negeri mengemukakan sama ada mempunyai perancangan untuk menggazetkan Taman Botani sebagai Warisan UNESCO? Jika ada mohon nyatakan tahun jangkaan akan dibuat, jika tiada, mohon terangkan kenapa Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkannya? Jawapan yang diberikan, saya petik sahaja, hasil kajian awal merumuskan bahawa Taman Botani Pulau Pinang mempunyai nilai-nilai keunggulan sejagat yang memenuhi kriteria dua dan empat seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO. Walau bagaimanapun, pencalonan Taman Botani Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO hanya dapat direalisasikan sekiranya kerja-kerja pemulihan taman, inventori botani dan kajian struktur bersejarah taman termasuk tapak arkeologi dan *trail* lama dilaksanakan terlebih dahulu. Soalan saya kepada Kerajaan Negeri adalah “Berapakah yang telah diperuntukan untuk memelihara dan memulihara taman, inventori botani dan kajian struktur bersejarah?” Kerana kita sedar, bahawasanya ini menambah sebagai salah satu produk pelancongan sedia ada, kenapa tidak disegerakan? Kerana ini, kalau kita berbelanja contohnya RM10 juta pun kita akan dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Pulau Pinang dan itu akan menjana pendapatan kepada negeri dan kepada rakyat dan pengusaha pelancongan. So saya berharap, saya hendak tahu berapa yang diperuntukkan, adakah serius ataupun hanya merancang di dalam minda sahaja tanpa ada perancangan yang strategik untuk perlaksanaannya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, seterusnya soalan 17, “Mohon Kerajaan Negeri untuk mengemukakan data bilangan pekerja yang disediakan sejak 2008 sehingga kini serta bilangan pekerja yang hilang kerja sejak 2008 sehingga kini”. Saya melihat jawapan yang diberikan kepada saya ini, 17 (a) “Statistik bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2015”, YB. Dato' Speaker. Saya cuba kira baik *figure* ini. Saya terkejut apabila mendapati daripada tahun 2008 sehingga 2015, jumlah peningkatan bilangan penduduk bekerja setiap tahun adalah sama iaitu peningkatan sebanyak 25.4% iaitu pertambahan sebanyak 25,400 orang *consistently* daripada 2008 sampai 2015. Tidak masuk akal YB. Dato' Speaker. Tidak mungkin tahun ini 25,000 orang, tahun depan pun sama juga? So saya minta supaya EXCO, YB. Prof. Ramasamy untuk mengkaji semula jawapan yang diberikan kepada saya ini sebab saya rasa ini jawapan yang salah yang mungkin mengambil andaian bahawasanya peningkatan ini adalah sebanyak 3.1% setahun so pegawai pun ambil *figure* asal dan campur 25% sampai 2015. Saya rasa ini jawapan ini adalah jawapan yang salah dan tidak menyakinkan saya dan tidak memberi jawapan sebenar jumlah bilangan penduduk Pulau Pinang yang bekerja daripada tahun 2008 hingga tahun 2015.

Kemudian kita hendak tahu jugalah kalau misal kata MIDA kata menjangkakan sebanyak 18,700 orang bekerja di Pulau Pinang pada tahun 2015, kita hendak tahulah di mana kilang dan sebagainya dan agak mengejutkan saya juga berdasarkan data daripada Jabatan Tenaga Kerja, sejak 2008 hingga 2016 sejumlah 24,957 orang pekerja telah diberhentikan dan juga pemberhentian mengikut tahun adalah seperti berikut diberikan kepada saya dan tahun 2016 sehingga September 2016 adalah seramai 3,069 orang sehingga September 2016 merupakan jumlah yang paling tinggi dalam lima (5) tahun kebelakangan ini. Jadi satu angka yang sudah cukup mengejutkan dan kita berharap pihak Kerajaan Negeri dan Pusat dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang telah pun diberhentikan daripada tempat mereka bekerja, kilang dan sebagainya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya terus pada soalan tentang perumahan. Saya telah pun menyebut soalan ini kepada YB. Padang Kota dalam masa kita berbahas tetapi kata hendak sebut semula, akan dibincangkan semua tetapi tidak sampai jawapan saya kerana soalan itu sebenarnya soalan yang bertulis. Saya hendak melihat jawapan YB. Datuk Keramat kepada perkara soalan nombor 4 saya iaitu “Berapakah unit kuota rumah kos sederhana rendah dan kos rendah yang dilepaskan dalam lima (5) tahun yang lepas dan berapakah jumlah kos terbabit dan di mana lokasi yang terlibat.”

Saya tidak mahu lebih *detail* cuma soalan saya adalah memandangkan terdapat Kerajaan Negeri telah pun meluluskan sehingga Oktober 2016, meluluskan 20 permohonan pengecualian pembinaan melibatkan 1484 unit kos rendah 510 unit kos sederhana rendah, dengan *detail* diberikan saya, saya

hendak tahu apakah alasan-alasan yang diberikan oleh pemaju dan apakah kriteria pengecualian yang diberikan kepada mereka. Yang kedua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengimbangi keperluan kos rendah dan kos sederhana rendah setelah pengecualian diberikan bagi kawasan-kawasan yang tertentu itu. YB. Dato' Timbalan Speaker, itu berkaitan dengan memohon penjelasan ke atas soalan-soalan bertulis saya. Saya hendak merujuk terus kepada perbahasan bermula dengan bajet.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Perbelanjaan Mengurus Negeri Pulau Pinang telah meningkat setiap tahun sejak tahun 2009. Dalam Bajet 2017 dapat disaksikan peningkatan daripada RM979,526,483 pada tahun 2016 kepada RM1,354,514,700 atau RM1.35 *billion* bagi Bajet 2017. Pada 2008, bajet terakhir yang dibentangkan BN sebelum DAP mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri hanya berjumlah RM280 juta. Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM1.354 juta. Peningkatan berjumlah RM1.070 juta atau 382%. Perbelanjaan Mengurus RM1.354 juta untuk 2017 adalah hampir lima (5) kali ganda atau 482% Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2008. Satu peningkatan yang cukup-cukup tinggi. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun 2017 adalah RM887.44 juta. RM609 juta darinya adalah pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebanyak RM30 juta. Tahun 2016 bajet untuk Pembangunan adalah RM346,123,190 juta. Jumlah sebenar peruntukan Perbelanjaan Pembangunan untuk 2017 hanyalah RM284.44 juta sahaja. Jumlah ini adalah kecil, hanya 19% daripada jumlah keseluruhan Bajet 2017 pada RM1.45 *billion*. Ini bermakna terdapat penurunan bajet Pembangunan sebanyak RM61.683 juta iaitu daripada RM346.123 juta pada tahun 2016 *minus* RM284.44 juta 2017. Jadi ada penurunan sebanyak RM61.683 juta.

Perbelanjaan Pembangunan, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Peruntukan RM150 juta bawah program pencegahan banjir yang diumumkan oleh Ketua Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2017 tiada dalam pecahan bajet Pembangunan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran. Mengikut ringkasan anggaran Bajet Pembangunan 2017, muka surat 126, JPS hanya diperuntukan RM14.46 juta sahaja. Semakan di mukasurat 130, Maksud Pembangunan P.08 Jabatan Pengairan dan Saliran, hanya RM3.57 juta diperuntukan bagi tujuan Rancangan Tebatan Banjir untuk tahun 2017. Jumlah RM150 juta yang diumumkan oleh Ketua Menteri tiada dalam ringkasan berkenaan. Mohon penjelasan. Begitu juga dengan peruntukan RM57.57 juta untuk projek jalan. Pada para 13 ucapan pembentangan oleh Ketua Menteri, disebut sejumlah RM47.93 juta akan diperuntukan untuk pembinaan dan menaiktaraf jalan, antaranya pelebaran Jalan Bukit Minyak-Alma, naik taraf Jalan Perusahaan ke persimpangan Jalan Tok Kangar, jambatan baru merentasi Sungai Kerian laluan P169 Kampung Tanjung Berembang, SPS. Mengikut ringkasan anggaran Bajet Pembangunan 2017, mukasurat 133, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang akan diperuntukan sejumlah RM19.776 juta bagi tahun 2017. Dari jumlah tersebut sebanyak RM7.64 juta adalah bagi tujuan memperbaiki jambatan dan jalan-jalan kerajaan manakala sejumlah RM4.925 juta adalah untuk jalan-jalan Kerajaan Negeri. Jumlah keduanya adalah RM12.565 juta.

Mohon penjelasan Kerajaan Negeri, projek jalan-jalan dan jambatan yang disebut oleh Ketua Menteri dalam ucapannya akan dilaksanakan oleh JKR atau akan dilaksanakan oleh pihak lain, seperti PDC dan MPSP dengan menggunakan sumber kewangan mereka sendiri dan bukan daripada peruntukan langsung Kerajaan Negeri ataupun menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Hasil Negeri. Tiada peningkatan hasil cukai yang dianggarkan oleh Kerajaan Negeri bagi 2017 berbanding 2016. Malah hasil cukai negeri tidak banyak berubah sejak 2008. Peningkatan hasil cukai yang dianggarkan pada tahun 2017 hanya RM20.77 juta berbanding dengan jumlah hasil cukai yang diperolehi Kerajaan Negeri pada tahun 2011 yang ini selepas suku tahun, purata peningkatan setahun adalah sebanyak RM2.0 juta setahun sahaja. Saya telah pun membuat pengiraannya, kalau Yang Berhormat nak tengok saya boleh bagi perinciannya. Yang kedua adalah peningkatan hasil negeri yang ketara dalam kategori bukan hasil cukai. Hasil negeri, hasil bukan cukai terdiri daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit, perkhidmatan, perolehan dari jualan barang-barang, sewaan, keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan, denda dan hukuman serta sumbangan dan bayaran ganti rugi. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah perolehan dari jualan barang-barang. Ini penyata kewangan di bawah pindaan 2015 muka surat 10 Laporan Bendahari Negeri. Dalam bajet 2015, Kerajaan Negeri menganggarkan pendapatan hasil bukan cukai pada RM441.98 juta. Jauh lebih rendah daripada sumber, daripada jumlah sebenar yang diperolehi pada tahun 2015 iaitu RM591.77 juta. Perbezaan berjumlah RM149.79 juta atau 33.89% lebih tinggi dari anggaran Bajet 2015.

YB. Dato' Timbalan Speaker, pada tahun 2015 yang sama, perbelanjaan sebenar bagi penjualan barang-barang berjumlah RM420.69 juta berbanding anggaran Bajet 2015 untuk kategori ini hanya berjumlah RM308.50 juta sahaja. Perbezaan berjumlah RM112.19 juta atau 36.36% lebih tinggi dari anggaran yang dibuat untuk kategori sama untuk Bajet 2015. ini juga adalah peningkatan berjumlah RM57.71 juta berbanding 2015. Tapi apa yang nak saya sampaikan adalah munasabah dan tidak tersasar jika dirumuskan Kerajaan Negeri telah membentangkan bajet defisit setiap tahun kerana menganggarkan jumlah perolehan yang jauh lebih rendah dalam bajetnya setiap tahun. Ini mungkin disengajakan untuk menunjukkan kononnya Kerajaan Negeri lebih cekap dan kompeten menguruskan kewangan negeri dan berjaya menjadikan bajet defisit berakhir dengan *surplus*, jika tidak, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak cekap menganggarkan perolehan hasil bagi Negeri Pulau Pinang semasa menyediakan bajet setiap tahun.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya teruskan kepada isu Perbadanan Pembangunan Pulau ataupun PDC. Jumlah tanggungan semasa, *current liabilities* PDC bagi tahun kewangan berakhir Disember 2015 adalah sangat tinggi. Bagi kumpulan PPP jumlahnya adalah RM614.46 juta manakala bagi PPP adalah RM602.96 juta. Jumlah yang hampir sama dengan jumlah pinjaman yang akan diberikan kepada PDC dalam perbelanjaan pembangunan 2017 iaitu RM609 juta. Keuntungan operasi PDC telah menurun secara drastik pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. Keuntungan dicatatkan PPP pada 2014 adalah RM97.155 juta dan pada 2015 hanya mencatat keuntungan RM4.49 juta sahaja. Penurunan keuntungan sebanyak RM92.66 juta atau 95.37%. Keuntungan bersih kumpulan juga berkurangan sebanyak RM70.086 juta atau 93.14%. Apa sudah jadi dengan PDC, YB. Dato' Timbalan Speaker?

Y.A.B. Ketua Menteri juga adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Pulau Pinang. Agak aneh jika Kerajaan Negeri boleh membuat *magic* setiap tahun untuk menukarkan bajet defisit bagi *surplus* atau mencatat untung tetapi pada masa yang sama, PPP atau PDC yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri mencatatkan penurunan drastik pada keuntungannya. Apakah ini berlaku kerana PDC sudah tidak ada lagi tanah untuk dijual kepada pihak swasta? Dalam Bajet 2017, Kerajaan Negeri akan memberikan pinjaman berjumlah RM609 juta kepada PDC. Mengikut penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri, pinjaman kepada PDC ini adalah bertujuan untuk membolehkan PDC membuat pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan di kawasan Seberang Perai.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Batu Kawan adalah satu kawasan di Seberang Perai Selatan dan Kerajaan Negeri sebelum ini memiliki tanah yang cukup dan boleh dibuat pembangunan di situ. Malangnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah DAP sejak 2012 lebih berminat dan memilih untuk menjual sebahagian besar tanah Batu Kawan kepada pemaju-pemaju swasta dan tidak diberikan kepada PDC untuk membangunkannya. Tindakan ini sebenarnya menafikan peluang PDC untuk membangunkan tanah-tanah tersebut sekaligus menafikan peluang PDC untuk membuat keuntungan sehingga menyebabkan kerajaan perlu memberi suntikan modal tambahan dalam bentuk pinjaman kepada PDC pada tahun 2017 ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri kepada pihak swasta. Tanah di Batu Kawan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pentadbiran Barisan Nasional telah membuat pengambilan semula pada tahun 1992 tanah estet Batu Kawan seluas 5,290 ekar pada harga RM15,000 unit se ekar atau RM0.34 sekaki persegi. Sejak DAP mengambil alih Kerajaan Negeri, sebahagian besar tanah tersebut telah dijual kepada pemaju swasta. Di antaranya adalah pada tahun 2013, 40 ekar dijual kepada PE Land dengan nilai RM65.34 juta. Tahun 2014, 245 ekar kepada Aspen Vision, 49% juga dimiliki oleh Ivory Properties dengan harga RM484 juta. 2014 lagi, 30 ekar dijual kepada Paramount Group dengan harga RM67 juta. 2015, 20 ekar dijual kepada Noble Group dari Singapura dengan harga RM30 juta. YB. Dato' Timbalan Speaker, pada Jun 2016, akhbar The Star menyiarkan artikel yang bertajuk "*Eco World to get RM159 million refund over cancelled project*". Ini adalah mengenai pembatalan projek Eco Marina di Batu Kawan iaitu pembinaan kelab golf bertaraf antarabangsa dan pembangunan bercampur di atas tanah seluas 450 ekar iaitu 300 ekar dibeli oleh Eco World dan dicampur dengan 150 ekar tanah dipajak. Sehubungan dengan pembatalan perjanjian itu PDC perlu membayar balik RM159.254 juta kepada Eco World. Ini adalah jumlah bagi pembayaran awal iaitu RM143.186 juta untuk 300 ekar *parcel* pembangunan, RM3 juta wang kesungguhan (*earnest deposit*) dan bayaran awal untuk parcel pajakan yang berjumlah RM65.34 juta.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Pulau Betong. Saya nak tanya, adakah tujuan penubuhan sebuah perbadanan pembangunan negeri untuk membuat keuntungan? Kalau kita tengok, semua perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri memang ada untungnya. Tapi adakah itu matlamat akhir sebagaimana matlamat sebuah badan korporat? Walhal, ianya adalah sebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang sepatutnya memainkan peranan yang besar dari segi penyusunan semula pembangunan menjadi katolis untuk pembangunan bandar-bandar baru seperti mana yang saya dahsebut dan juga intervensi dari segi menyediakan kemudahan yang tidak akan disediakan oleh pemaju swasta. Misalannya rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan sebagainya, dan juga IKS-IKS yang mampu milik. Kalau suruh swasta buat pembangunan, semuanya nak untung besar. Tapi sebagai sebuah perbadanan pembangunan negeri, ia sepatutnya *inter-rent*. Menggunakan kuasa yang ada bukan sahaja ambil tanah orang, membuat pengambilan, tetapi juga membuat perancangan yang begitu teliti untuk kemajuan dan kepentingan rakyat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Saya amat bersetuju sebab saya pernah bertanya soalan yang sama kepada seorang EXCO yang menjadi EXCO daripada tahun 1990 sehingga 2004. Katanya pada tahun 1992 apabila kita membeli tanah itu seluas 5,290 ekar itu, tujuannya adalah untuk pembangunan jangka panjang perumahan dan sebagainya untuk orang Pulau Pinang dan mereka berhajat untuk membangunkan tanah secara berfasa sedikit-sedikit untuk memenuhi keperluan. PDC dipertanggungjawab untuk membangunkan tanah tersebut bukan untuk menjual. Sebab itu YB. Dato' Timbalan Speaker, saya membangkitkan isu ini supaya PDC berhenti daripada menjual tanah sebaliknya PDC yang membangunkan tanah-tanah tersebut kerana daripada pembangunan tanah itu, mereka membuat keuntungan dan inilah yang patut mereka gunakan untuk membangunkan dan membeli tanah-tanah lain bukannya kegagalan mereka untuk membuat keuntungan, terpaksa meminjam daripada Kerajaan Negeri sebab tanah yang ada pada mereka itu cukup strategik dan saya berharap pihak Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang positif bagi memastikan tanah yang ada ini tak terkadai. Apa pun YB. Telok Ayer Tawar, kita harus memikirkan masa depan generasi akan datang. Bukannya memikirkan keuntungan hari ini sahaja. Selebihnya mungkin YB. EXCO boleh menjawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya banyak lagi Yang Berhormat. Nanti waktu gulung boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti UMNO sudah lari keluar habis. Saya nak tanya satu soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kawan lama saya bagilah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak tanya satu soalan. Di sini kami dengar bahawa YB. Telok Ayer Tawar adalah seorang EXCO sehingga tahun 2008. Saya percaya bahawa dalam Mesyuarat MMK dan lain-lain, dia tau tanah di Batu Kawan ada jual kepada Abad Naluri. Apakah harganya dan tujuannya untuk kawasan sana? Kerana kami melihat bahawa tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri pada harga RM15,000 itu tidak kerana daripada RM15,000 mereka telah cabar dan pergi mahkamah dan telah bayar RM40,000 untuk 1 ekar. 18 tahun kemungkinan terlupa semua tetapi ambil pada 2004, 2005 dan jual pada Abad Naluri,

apakah harganya? Mengapa jual begitu rendah? Mengapa jual pada mereka harga yang begitu rendah? Semoga PDC tidak dapat harga keuntungan. Kemungkinan YB. Pulau Betong tak tahu. YB. Ketua Pembangkang tahu, kemungkinan dia boleh jawab. Kadang-kadang satu masalah untuk selesai, jom minum kopi. Itu salah....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pembatalan pembelian tanah itu dibuat setelah Eco World mendapati keluasan tanah berkenaan tidak mencukupi atau tidak cukup untuk kemajuan padang golf dan *resort*. Eco World telah bersetuju untuk menerima *Letter of Award* daripada PDC untuk membeli dan memajak tanah seluas 450 ekar ini setelah memenangi *Request for Proposal (RFP)* yang dikeluarkan oleh PDC. Adalah tidak munasabah Eco World juga telah tersalah membuat kiraan semasa membida untuk tanah ini. Mereka mengatakan yang mereka mendapati tak cukup, tapi masa mereka bida, saya pasti mereka telah pun *go through the RFP in detail to understand the whole scope* dan mereka pun membuat harga tawaran, ini YB. Dato' Timbalan Speaker adalah kali kedua pemaju menarik diri daripada projek pembangunan Padang Golf dan Resort di Batu Kawan, kali pertama adalah sebuah syarikat dari Korea DK ENC Company Limited yang menandatangani *Memorandum Of Understanding (MOU)* dengan PDC semasa lawatan delegasi Malaysia ke Korea pada September 2008. Saya difahamkan YB. Dato' Timbalan Speaker, satu RFP baru dipanggil oleh PDC untuk Projek Padang Golf Antarabangsa dan Resort ini setelah Eco World menarik diri daripada projek tersebut, yang (GDV) *gross development value* nya nilaikan beranggar RM10.0 billion.

Bagaimanapun akhbar The New Strait Times pada 10 Jun 2016 di bawah tajuk '*Eco World May Participate in RFP For Batu Kawan Project*' melaporkan bahawa Eco World masih berminat untuk menyertai RFP baru ini yang dipanggil oleh PDC, difahamkan juga RFP kedua ini yang itu selepas akan dipanggil Eco World akan dipanggil oleh PDC itu juga melibatkan penambahkan laut seluas 48.5 hektar dan cadangan ini sebenarnya YB. Dato' Timbalan Speaker adalah cadangan pembangunan yang telah dimasukkan dan dimajukan oleh Eco World kepada Kerajaan Negeri untuk cadangan pemajuannya. Oleh kerana cadangan penambakan ini bukan merupakan satu *element* kepada perjanjian RFP pertama maka ianya telah ditolak oleh Kerajaan Negeri maka Eco World telah menggunakan alasan tanah tidak mencukupi untuk menarik diri dan mendapatkan balik wang RM159 juta tersebut, saya memohon kepada Kerajaan Negeri berhubung butiran (LOA) *Letter Of Award* yang diberikan kepada Eco World pada April 2015 agak aneh Eco World begitu mudah untuk mengembalikan LOA tersebut tanpa dikenakan sebarang denda atau penalti kerana menarik diri, PDC pula perlu membayar balik atau memulangkan semua wang yang telah dibayar oleh Eco World kepada PDC. Biasanya setahu saya kalau dah ada kontrak dan bagi deposit ada deposit profit dia punya tapi hal ini dikembalikan semua kepada dia dan dia dibenarkan pula untuk *participate* pula kali kedua jadi so kita minta penjelasan kepada Kerajaan Negeri tentang isu ini.

Eco World lagi dan tanah-tanah lain di Batu Kawan, Eco World pada masa yang sama dikatakan sedang berunding untuk membeli tanah Batu Kawan Development Sdn. Bhd. seluas 300 ekar di kawasan berdekatan di Batu Kawan, adakah pembatalan surat tersebut apakah pembatalan sudah diterima untuk pemajuan Padang Golf Antarabangsa itu ada kaitan dengan hasrat Eco World untuk membeli tanah Batu Kawan Development Sdn Bhd, Eco World Development Group (EW) Berhad dalam satu pengumuman kepada Bursa Saham pada 28 Jun 2016 memaklumkan bahawa mereka melalui anak syarikat Eco Horizon Sdn Bhd dan menandatangani perjanjian jual beli dengan Batu Kawan Development Sdn Bhd dan Pesona Penaga Sdn Bhd untuk membeli tanah seluas 300.74 ekar dan 74.491 ekar di Batu Kawan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM875.24 juta.

Mengikuti pengumuman EW Berhad kepada bursa saham itu juga pada masa yang sama Batu Kawan Development Sdn Bhd dan Pesona Penaga Sdn Bhd turut menandatangani (Sale & Purchase Agreement) atau SPA dengan PDC untuk menjual tanah-tanah lain yang bersetujuan dengan tanah-tanah yang dijual kepada Eco Horizon dan kepada PDC. SPA antara Eco Horizon, BKDSB dan PPSB dan SPA antara BKSB, PPSB dan PDC adalah berhubung kait atau '*interconditional*' dan SPA antara Eco Horizon dan BKDSB dan PPSB akan terbatal sekiranya SPA antara PDC dan BKDSB dan PPSB tidak dipenuhi, dua orang buat *agreement* kalau ini *fail* yang ini *fail* dan PDC terlibat dalam perjanjian ini.

Apakah pinjaman RM609 juta dalam Bajet Pembangunan kepada PDC adalah untuk membayar pembelian tanah daripada Batu Kawan Development Sdn. Bhd. dan Pesona Penaga Sdn. Bhd. yang SPAnya ditandatangani pada 28 Jun 2016 sepertimana di dalam pengumuman EW Berhad tersebut? Mohon penjelasan Kerajaan Negeri.

Pulau Jerejak dan Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIRSB), kita sedia maklum bahawa PDC sudah menjual 49% pegangannya dalam TIRSB kepada Ideal Property. Melalui penjualan ini PDC atau Kerajaan Negeri dikatakan mendapat keuntungan RM150 juta pada tahun 2024 kerana bayaran ini *installment*. Kerajaan Negeri juga sudah meluluskan Pelan Pembangunan semula TIRSB di Pulau Jerejak. Pembangunan semula yang akan melibatkan pembinaan dua (2) buah hotel, satu hotel 4 bintang dan satu lagi 5 bintang. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pembinaan 1200 unit kediaman dan taman tema di atas tanah seluas 80 ekar yang diberikan kepada TIRSB. Dalam penjualan saham atau pegangan PDC dalam TIRSB, rakyat Pulau Pinang secara tidak langsung tidak lagi mempunyai kepentingan dalam TIRSB atau hak ke atas 80 ekar berkenaan kerana ia sudah dijual kepada satu pemaju swasta. TIRSB adalah syarikat usahasama UDA dan PDC, di mana UDA memegang 51% kepentingan manakala PDC 49%. TIRSB sebagai sebuah entiti telah bersetuju untuk mengadakan usahasama dengan Ideal Property untuk memajukan atau melaksanakan pembangunan semula tanah milik TIRSB itu. Kerajaan Negeri dan PDC tidak perlu sebenarnya untuk menjual pegangan sahamnya kepada Ideal Property. PDC boleh memilih untuk terus terlibat secara langsung dalam projek pembangunan semula tanah Pulau Jerejak dan berkongsi keuntungan dari projek pembangunan semula tersebut yang dianggarkan *gross development value* berjumlah RM1.5 billion bersama UDA dan Ideal Property. Terdapat perbezaan besar antara memberi milikan secara pajakan tanah Pulau Jerejak kepada TIRSB iaitu sebuah syarikat usahasama Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk memajukan sebuah *Eco-Resort* dengan menjual terus kepentingan PDC atau Kerajaan Negeri dalam TIRSB kepada Ideal Property sebuah syarikat swasta 100% dan meluluskan pelan pembangunan hotel dan kondominium di atas Pulau Jerejak, perlu diingatkan bahawa TIRSB sebelum ini adalah syarikat 100% milik Kerajaan semasa ditubuhkan sehinggalah pihak Kerajaan Negeri menjual pegangan sahamnya melalui PDC kepada pihak lain iaitu swasta.

YB. Dato' Timbalan Speaker, penjualan pegangan saham PDC kepada Ideal Property juga akan dibuat berperingkat sebagaimana dalam penjualan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri kepada pihak swasta, contohnya tanah tambakan laut Bayan Mutiara yang dijual kepada Ivory Tropicana pada November 2015 dan diberikan tempoh untuk melunaskan bayaran selama 5 tahun atau 60 bulan. Apakah ini YB. Dato' Timbalan Speaker satu strategi Kerajaan Negeri untuk menjamin adanya pendapatan atau hasil bukan cukai tahunan kepada Kerajaan Negeri. Dalam kes penjualan saham TIRSB strategi untuk menjamin aliran tunai masuk kepada PDC untuk tempoh 8 tahun akan datang? YB. Dato' Timbalan Speaker, 80 ekar tanah milik TIRSB bernilai RM318 juta keseluruhannya saya mengambil kira 49% yang dijual oleh PDC kepada Q-Island 49% ataupun 1,707,552 kaki persegi dengan nilainya RM91.35/kps ini bermakna dalam itu ada saham UDA yang bernilai 51% atau nilainya RM162,351,604 juta. Dato' Timbalan Speaker, tanah seluas 80 ekar ini adalah tanah berstatus pajakan 60 tahun dan akan tamat tempohnya pada tahun 2062 iaitu berbaki sebanyak 46 tahun lagi.

Saya mendapati Pulau Jerejak ini sungguh istimewa kerana ianya dikhaskan kepada pemaju yang istimewa dengan nilai tanah yang tinggi saya tidak dapat melihat bagaimana projek itu yang telahpun dimaklumkan untuk dibangunkan dengan hotel 5 bintang, 4 bintang, kondominium 1,200 unit dan taman tema sebagainya boleh dinikmati oleh masyarakat tempatan kemudian dihubungkan pula dengan hanya jambatan kecil yang tidak boleh dimasuki oleh kereta adakah YB. Dato' Timbalan Speaker yakin orang akan berjalan atau naik *buggy* atau naik motosikal atau naik basikal dan sebagainya dalam hujan yang lebat atau panas terik untuk keluar *cross* daripada Pulau Pinang ke Pulau Jerejak? Naik kereta kuda mungkin? Mungkin juga sebab tarikan pelancongan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, tanah ini saya difahamkan telah ditukar daripada *leasehold* yang berbaki 46 tahun lagi kepada *freehold* telah diluluskan dan saya nak tahu berapa premium yang dikenakan kepada Tropical Island Resort ini dan dimanakah wang itu? Pengurus Besar PDC juga telah memaklumkan bahawa 10% deposit berjumlah RM15.6 juta telahpun dijelaskan dan bayaran penuh akan hanya diterima pada tahun 2024. ini satu lagi keistimewaan yang diberikan kepada pemaju istimewa ini. Kenapa tidak memberi sebahagian kecil tanah yang termampu dibayar oleh pemaju ini yang lain itu dipegang oleh PDC dan dibangunkan bersama? Kenapa tak buat sedemikian. YB. Dato' Timbalan Speaker saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri bahawa PDC bukan syarikat milik individu yang boleh buat sewenang-wenangnya. Saya berharap supaya *backbenches* dapat meneliti dan dapat melihat apa yang di buat keatas tanah-tanah milik PDC ini supaya tanah ini sebenarnya saya kata tadi perlu dijaga untuk memastikan keseimbangan untuk rakyat Pulau Pinang dan bukannya untuk keuntungan poket pemaju tertentu sahaja.

Seperkara lagi untuk mengelakkan Kerajaan Pusat di permain-mainkan oleh ketidakikhlasan Ketua Menteri dan juga Pengerusi PDC di mana Yang Amat Berhormat sering menunding jari bagi setiap perkara yang tidak dapat dijelaskannya kepada Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional dalam hal ini saya mencadangkan supaya isu Pulau Jerejak supaya pihak UDA menjualkan saham mereka yang bernilai RM1.46 juta kepada mana-mana pemaju pilihan Kerajaan Negeri kerana bagi pihak kami, kami sudah muak mendengar sikit-sikit BN sikit-sikit Kerajaan Pusat, saya rasa pihak UDA juga ada boleh gunakan wang ini RM146 juta ini untuk membangunkan projek-projek lain di tempat-tempat lain.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya terus lagi dengan beberapa isu yang lagi penting bagi saya juga yang pertama saya dok tunggu kalau YB. Telok Bahang nak sentuh pasal jalan yang runtuh, YB. Telok Bahang tiba-tiba pula Y.A.B. Ketua Menteri pergi rasmikan Yang Berhormat ada di sana? Kenapa tak ada? Ini adalah duit sebanyak RM700,000.00 yang diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk memperbaiki jalan itu, patutnya saya rasa lebih afdallah pihak JKR pun silalah maklum kepada *federal leader* untuk bersama kerana kita juga memikirkan tentang rakyat bukan....(gangguan) duit minta daripada *federal* tapi nak rasmi kita dilupakan. Yang kedua penyakit Moko di pokok pisang, penyakit moko dia baru juga *latest* semalam saya *check* juga dengan petani apa yang jadi dia kata Yang Berhormat 20 ekar telahpun ditanam semula yang lain tidak langsung diambil tindakan. YB. Dato' Timbalan Speaker, pengusaha ini petani ini bagi setiap ekar pisang awak yang ditanam tinggal tuai ini, boleh mendatangkan pendapatan sebanyak lebih kurang RM500 – RM1,000 sebulan, kalau 20 ekar dapat banyak mana? Hasil ini mereka hilang pendapatan pokok pisang masih ada lagi penyakit belum dihapuskan sudah nak dua (2) tahun, tiga (3) tahun dah tapi masih belum diselesaikan, bila nak selesaikan yang ini? Kalau Kerajaan Negeri banyak duit, saya sendiri banyak duit apa salahnya pihak EXCO fikir macam mana nak selesaikan masalah ini tanpa tunggu oh, tunggu Kerajaan Pusat bagi duit janganlah macam itu, ini masalah petani kita di kawasan Balik Pulau ini yang mengharap supaya mereka beroleh sedikit tanaman, pisang ini. Kenapa ini penting kerana disebabkan mereka tidak dapat hasil daripada tanaman itu, mereka telah datang satu idea baru apa dia jual tanah. Hasil tak ada, duduk pun tak boleh buat apa, fikir jual tanah, ini merupakan permasalahan yang saya harap dapat diambil dengan segera oleh pihak EXCO dan Kerajaan Negeri bagi memastikan penyakit ini dapat dibasmi sepenuhnya dan pokok pisang dapat ditanam semula kerana tanah tersebut kesuburannya adalah lebih kepada pokok pisang, berbanding dengan tanaman-tanaman lain.

YB. Dato' Timbalan Speaker, PDC ini saya nak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Pengerusi PDC. Saya difahamkan yang PDC ini ada dua (2) kumpulan pekerja, mungkin saya salah, boleh perbetulkan saya salah. Ada satu (1) kumpulan adalah staf-staf lama, yang bekerja lama di PDC, dan satu lagi pula ada staf-staf baru pegawai kontrak yang dimasukkan dengan jawatan-jawatan yang tinggi sebagai Pengurus, dia gred gaji yang tinggi, gred 55 dan Jusa C sebagai contoh. So ini sebenarnya menimbulkan rasa tak puas hati dikalangan pekerja PDC. Kalau mereka di *monolize* macam mana mereka nak *perform* YB. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa ini satu perkara yang serius yang melanda PDC hari ini dan kita berharap yang Pengerusi PDC melihat perkara ini dan memberi kesaksamaan dan keadilan kepada pekerja yang lain dan pekerja yang baru....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan Yang Berhormat, boleh kah kita dapat perbezaan gaji sebelum kumpulan ini masuk dan selepas kumpulan ini masuk dan berapa banyak pertambahan bajet PDC yang melambung, sebab dan kita nak tahu juga keuntungan PDC yang kebelakangan ini merosot atau tinggi, boleh dapatkah maklumat itu Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya rasa pihak Pengurusan PDC ataupun Pengerusi PDC boleh memberi maklumat yang diperlukan oleh YB. Teluk Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Status PDC ini sebagai penjual tanah ataupun pembinaan rumah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya harap Y.A.B Ketua Menteri mendengar persoalan yang dikemukakan oleh YB. Teluk Bahang itu. Seterusnya kes mahkamah yang melibatkan Y.A.B. Ketua Menteri, soalan saya *simple* saya nak tahu apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya pegawai-pegawai kerajaan akan dipanggil sebagai saksi dalam kes tersebut? Kalau mengikut kes, saya yakin hampir ke semua pegawai atasan kerajaan akan dipanggil, apa akan berlaku jika sekiranya jawapan mereka tidak menyebelahi Y.A.B. Ketua Menteri ? Saya pun tak boleh nak fikir, mungkin Y.A.B. Ketua Menteri dapat memberi penjelasan kepada kita tentang soalan ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya rasa soalan itu melanggar peraturan Yang Berhormat , kerana perkara-perkara yang masih dibicarakan di mahkamah tak boleh dibahas.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak bahas, saya tanya soalan, dengan ringkas tanya soalan kalau beri penjelasan saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh beri penjelasan. Beralih...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, saya juga ingin mendapat penjelasan dari YB. Pulau Betong, dengan rasa ikhlas hati dan suci hati, yang ini YB. Seri Delima duk sebut-sebut suci hati, ikhlas hati, nak tanya pandangan YB. Pulau Betong, bagaimana kedudukan Y.A.B. Ketua Menteri dalam kesnya ini, dengan suci hati, ikhlas hati walau pun hitam, walaupun putih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peraturan, peraturan, saya rasa kalau kita ikut peraturan 46(7) sebarang perkara yang ada dalam timbangan mahkamah tidak sekali-kali boleh disebutkan, perkara ini saya rasa memang melanggar peraturan dan juga janganlah buat sindir-sindiran di sini Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya sudah bagitahu kepada YB. Sungai Acheh soalan ditolak, tolong beri perhatian kepada saya saja. YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya teruskan lagi tentang sukan, ada dua (2) isu. YB. Padang Lalang, saya pernah membangkitkan kepada YB. Padang Lalang EXCO tentang pemberian sumbangan kepada Persatuan Angkat Berat Amateur Pulau Pinang, saya pernah sebut perkara benda ini, sampai ke hari ini, baru ini saya jumpa mereka, mereka berasa seolah-olah dianaktirikan, sukar sangat mereka nak dapatkan bantuan daripada YB. Padang Lalang, daripada MSN, daripada YB. Padang Lalang untuk mereka menyertai pertandingan-pertandingan angkat berat. So saya berharap YB. Padang Lalang dapat melihat perkara ini kerana mereka juga dapat menyumbang kepada pingat di Sukan Malaysia di Sarawak, tak salah mereka dapat *silver* ataupun gangsa, angkat berat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Melalui kelab atau melalui persatuan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Persatuan Angkat Berat Amateur Pulau Pinang, mereka juga sukan , mereka juga *contribute* medal untuk Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bila? Bila mereka ni?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, surat saya tak bawa. Saya dah cakap dekat Yang Berhormat sebelum ini, telefon pegawai MSN tanya depa, mana dia surat, saya nak bagi bantuan RM10,000 segera.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau saya dapat ada satu yang baru masuk punya kerana terlalu lewat, yang ini yang FIESTCOM ka? Untuk pesta ka?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak pastikan bukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya yang dapat, ada satu yang pesta punya, saya tak ingat banyak.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Banyak, tak apa Yang Berhormat telefon pegawai, tanya pegawai....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Angkat berat sudah bagi RM20,000 untuk menganjurkan antarabangsa, pertandingan antarabangsa di Malaysia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita ada masa lagi untuk penggulungan, Yang Berhormat boleh *check*, seterusnya tentang temasya Sukan Malaysia di Sarawak baru-baru ini, saya terkejut apabila dimaklumkan oleh peserta *petanque* bahawa di Sarawak di mana mereka hantar gambar kepada saya mereka tinggal di rumah *homestay* saja, tiada katil, tidur atas lemek, mereka hanya makan nasi, separuh ikan sahaja. Yang Berhormat jangan gelak Yang Berhormat, saya tengok pun saya sedih, makanan sebagai atlet yang menyumbang emas juga, tidur di rumah *homestay*, atas lemek tanpa katil, makan nasi dengan lauk separuh, satu ekor *share* dua (2) orang, duduk sekali lelaki dan perempuan dan mereka semua orang Islam dan mereka cukup sedih sebenarnya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa hairan....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nanti Yang Berhormat gulung lah, kalau macam ini sampai bila kita nak habis, duduk nanti dulu... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa hairan kerana kalau sekiranya ada masalah seperti ini memberitahu serta merta kerana saya dapat tangani. Saya tahu dia tinggal di *homestay* kerana dia jauh, gelanggang dan *court* petang dia ada jauh, dia ada di tempat di mana memang tak ada hotel, kalau tidak kita akan uruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Padang Lalang, sila rujuk kepada MSN, adakah tidak *parents*, ibu bapa atlet ini pergi membuat *complaint* memberi maklumat kepada pihak MSN sebelum kata Yang Berhormat tidak tahu tak diberitahu, dah ada sebenarnya. Makanan yang sepatutnya berharga RM25 satu hari, mereka makan hanya bernilai RM15 satu hari sahaja.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau makanan, bukan kita yang sedia punya, juga ialah pihak penganjur yang sediakan, memang ada masalah di *main camp*, di Universiti dan kita dah ada buat aduan dan didapati bahawa dia sudah dinaiktaraf dan memastikan makanan ada cukup. Sekiranya ada aduan seperti ini, kalau pihak MSN sudah tahu, saya rasa pasti mereka akan berunding dengan pihak penganjur kerana kita bayar kepada pihak penganjur dan pihak penganjur yang mesti pastikan *lodging*, makanan adalah sesuai... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya beri peluang pada YB. Padang Lalang untuk tanya MSN, *go through the tender, the price* yang di *award* oleh penganjur di sana ataupun agen di sana dan apakah yang mereka dapat, okey *fair? Check*. Saya menimbul isu ini kerana ia menjadi satu rungutan yang amat berat, apa jadi kalau kata *this group of patanque* yang *contribute* pingat untuk kita tak mahu hadir lagi Sukan Malaysia akan datang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Pulau Betong, saya rasa perkara seperti ini Yang Berhormat tidak perlu tunggu sampai mesyuarat Dewan, saya rasa boleh dengan segera kalau boleh *contact* saya, saya rasa akan menjalankan siasatan, saya pun mengambil berat tentang atlet-atlet kita, memang kita bayar kepada penganjur...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul. Kita tidak mahu berlaku kejam, kita tak mahu zalim, betul tak saya bersuara setelah mereka maklumkan kepada pegawai-pegawai tertentu dan memang pegawai pun dah tahu dah masalah itu, akhir sekali dapat ke pengetahuan saya. Setelah beberapa aduan dibuat setelah mereka berjumpa dengan beberapa pegawai tak dapat diselesaikan, tak puas hati sebab tu mereka maklumkan kepada saya, saya tegur, ini untuk kebaikan YB. Padang Lalang, untuk kebaikan Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya ucap terima kasih dan saya...(gangguan). Nanti saya akan menjalankan semakan, dan sekiranya ada apa-apa, saya harap, saya dapat kerjasama dari YB. Pulau Betong supaya saya pun ingin jumpa ibu bapa yang mengatakan ada menghadapi masalah seperti ini kerana saya pun mahu tau apakah yang sebenarnya yang terjadi. Terima kasih

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih. Setuju tak dengan saya, YB. Pulau Betong ini adalah satu contoh kelemahan pentadbiran yang memalukan yang tidak cekap dalam pentadbiran, kejam tu saya tak mahu sebut sebab kejam, satu perkara yang tidak boleh dilakukan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada soalan ke? Soalan ke tu?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah):

Belum sampai soalan lagi..(gangguan). Adakah YB. Pulau Betong percaya CAT dilaksanakan di sini?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

You see YB. Teluk Bahang, kita tegur sikit dah melenting, melenting, melenting. Kalau benda betul, terimalah. Kalau kami boleh terima semua itu takkan benda yang kecil pun tak boleh? Apa yang disampaikan adalah kita harus menghargai sumbangan atlet kita apabila mereka memakan nasi dengan lauk setengah ekor seorang, saya rasa itu satu benda yang cukup-cukup tidak patut kalau kita boleh beri penghargaan lebih tinggi kepada Lim Chong Wei, badminton. YB. Seri Delima, kenapa tidak kepada sukan *patenque* yang *contribute* untuk kita.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Pulau Betong, saya rasa YB. Pulau Betong pun mendengar sebelah pihak saja...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya dengar seorang, saya dengar seorang, dua (2) orang yang maklum kepada saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Dua orang tapi *petanque* kita ada satu pasukan, saya rasa ada 12 orang tapi tak apa..(gangguan). Kita akan itu yang saya cakap yang awak dengar satu (1) belah dan saya belum dengar dua (2) belah lagi, jadi adalah lebih baik jangan kita buat *accusation* macam itu, kita tak dapat buat *perfect* tak ada *perfect* dan ini pun kalau ada kesilapan tidak ada kesempurnaan, yang kita harus siasat dan semak kerana pihak penganjur ialah SUKMA di Sarawak. Kami pun nak tanya mereka, sekiranya ini adalah benar apakah yang terjadi...(gangguan). Sudah lambat tapi sekarang baru diberitahu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Macam mana ni, lambat sangat baru nak tau dalam Dewan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yalah lambat sangat, kenapa beritahu dalam Dewan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Takkan biar macam itu saja, menunjukkan kelemahan...(gangguan). Anak orang hantar di sana...(gangguan). Bagi makan macam itu... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Macam kera kena belacan, YB. Teluk Bahang..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Apa masalah? Minta penjelasan kalau nak cakap tak kan tak tahu peraturan Dewan.... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk! Duduk YB. Teluk Bahang, sila teruskan YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bersuara kesimpulannya saya bersuara kerana ketidakpuasan hati mereka kerana mereka telah menyuarkan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan, saya pun tak puas hati...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kerana mereka telah menyuarkan masalah mereka kepada pegawai untuk mengambil tindakan. Terima kasih. Seterusnya YB. Dato' Timbalan Speaker, terdapat beberapa buah restoran medan bakar yang telah dan sedang dan mula dibina di sebelah jambatan laut dan bersebelahan dengan Jambatan Pulau Pinang pertama. Saya telah berkunjung ke sana dan mendapati restoran ini telah beroperasi tanpa lesen. Saya mohon supaya Kerajaan Negeri tolong berikan lesen kepada mereka untuk beroperasi secara sah. Demi menjaga keselamatan orang yang pergi menjamu selera di situ, saya mencadangkan supaya laluan masuk sedia ada hari ini dipindahkan kerana ianya terlalu berdekatan dengan akses atau *exit* daripada Penang Bridge ke jalan sambungan Jelutong Expressway itu, bahaya. Harap pihak Kerajaan Negeri, JKR atau MBPP dapat melihat laluan yang terbaik untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku di kawasan itu.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Zennith BUCG, ada seorang Ahli Yang Berhormat menyebut soal ini, cuma saya tidak pasti siapa. Persoalan saya dan mendengar jawapan dari EXCO, BUCG memegang 0.01% dan hari ini mereka sudah bersetuju untuk menarik diri. Soalnya YB. Dato' Timbalan Speaker, semasa membuat analisa dan penilaian tender RFP, kekuatan *financial* dan teknikal, *financial capabilities and technical capabilities* yang dipunyai oleh BUCG merupakan perkara pokok yang memberi markah yang tinggi untuk membuktikan bahawa mereka ini mampu, *financially and technically* mampu. Pada hari ini BUCG telah pun menarik diri, bukan isu soal kecil atau besar peratusan saham mereka, setelah mereka menarik diri siapakah yang menggantikan BUCG ini. Adakah pihak Zennith semata-mata atau ada pihak lain kerana saya rasa kepakaran yang ada pada Zenith tidak sekuat kepakaran yang ada pada BUCG.

YB. Dato' Timbalan Speaker, seterusnya Laporan PAC. Saya sebagai Ahli PAC bersama dengan YB. Sungai Acheh. Kita berbahas berbulan-bulan sehinggakan pada sesi yang lepas saya telah meminta supaya Laporan PAC yang dikeluarkan oleh Pengerusi PAC kepada Dewan ditarik balik kerana kami tidak tahu langsung, kami tidak *go through* segala rumusan dan keputusan yang telah dibuat dalam laporan itu. Saya minta kita tarik balik dan kita buat semula. Bila dibuat semula kalau dulu adanya YB. Telok Bahang dan YB. Permatang Berangan, hari ini hanya tinggal dua (2) sahaja daripada pihak Barisan Nasional. Selain daripada itu saya ingat ada dua atau tiga sesi saya tidak hadir, yang lain saya hadir bersama YB. Penanti, YB. Pulau Tikus dan juga YB. Batu Uban dan beberapa orang lagi. Diakhirnya kami diminta untuk membuat rumusan dan syor dan untuk membuat rumusan dan syor ini kami terpaksa *go through*, melihat semula dan menyemak semula untuk membuat syor dan ianya memakan masa yang panjang. Saya melakukannya, YB. Penanti dan YB. Batu Uban juga melakukannya, masing-masing dengan pandangan masing-masing mengemukakan rumusan dan syor. Di dua mesyuarat terakhir saya tidak hadir tetapi YB. Sungai Acheh hadir, rumusan dan syor yang saya buat, rumusan yang YB. Penanti buat, rumusan YB. Batu Uban buat tidak diambil kira, yang diambil kira hanyalah rumusan yang ditulis oleh YB. Pulau Tikus di atas *board*, betulkah YB. Sungai Acheh?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, penjelasan. Memandangkan kenyataan yang baru dibuat tadi, masalahnya ialah kerana Yang Berhormat tidak hadir jadi saya hendak jelaskan sedikit situasi yang berlaku semasa saya menulis di atas *board*, saya jelaskan. Semasa saya tulis di atas *board* adalah melalui satu perbincangan di antara saya, YB. Penanti dan YB. Batu Uban dan ketiga-tiga pihak telah pun mencapai satu persetujuan bahawa itulah yang kita semua hendak menyatakan di dalam laporan tersebut. Ya, memang saya yang tulis atas *board* itu tetapi sememangnya ianya setelah melalui satu persetujuan antara ketiga pihak, dan kerana Yang Berhormat tidak boleh hadir mesyuarat tersebut, maka tidak jelas dengan situasi yang berlaku.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, saya tidak hadir tetapi saya bertanya balik apakah yang berlaku, betul seperti yang dijelaskan oleh YB. Pulau Tikus. YB. Pulau Tikus memang tulis dekat *white board* tersebut, Yang Berhormat kata telah berbincang dan dipersetujui dengan YB. Penanti dan juga Batu Uban. Saya hendak tanya dalam Dewan ini kepada YB. Penanti dan YB. Batu Uban, *sincerely and honestly tell me*, adakah Yang Berhormat setuju dengan apa yang ditulis oleh Pulau Tikus. Penanti? Ini penting Yang Berhormat sebab saya hendak buktikan kepada YB. Kebun Bunga kenapa YB. Kebun Bunga merasa seolah-olah laporan itu tidak lengkap. Penanti? Kita sudah angkat sumpah untuk bercakap benar.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Secara jujurnya, rumusan(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya hendak buat peringatan, ada ditapekan, audio ada ditapekan semasa mesyuarat tersebut.

YB Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Secara jujur kami bertiga menghantar rumusan dan syor dan memang YB. Pulau Tikus menulis *on the board* tetapi saya rasakan sebab kami bertiga telah menulis dan mengikut peraturan, bagi saya ialah rumusan yang kami tulis itu boleh dimasukkan seperti kalau kita tengok dalam buku ini, apa yang kita bincangkan secara *verbal* pun dimasukkan. Akhirnya laporan itu memang ada *some parts* yang ditulis, yang ditaip oleh YB. Pulau Tikus tetapi mesyuarat seterusnya kami ada memohon kepada Pengerusi untuk memasukkan rumusan dan syor yang kami sendiri tulis.

YB Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Yang Berhormat, soalan saya begini, jika kami telah bersusah payah membuang masa dan mengeneipkan kerja-kerja lain, membaca semula, menulis semula rumusan dan syor, YB. Penanti buat, saya buat dan YB. Batu Uban buat(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, YB. Batu Uban tak cerita lagi, nak dengar ni cerita benar ni.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Kami melakukannya atas arahan Pengerusi PAC....(gangguan).

YB Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh bawa semula ke dalam Mesyuarat PAC?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Bagi saya cerita dulu, tidak habis lagi supaya semua faham sebab laporan telah disediakan. Ini kerana YB. Kebun Bunga telah membangkitkan perkara ini tadi. Jadi kami telah bersusah-payah membuatnya tetapi tidak dihargai dan tentulah apabila kami duduk depan *laptop* dan tulis-tulis bermacam-macam perkara, tidak sama dengan orang yang baca *report* kami. Kami tulis semula, *you have not right*(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya minta penjelasan sekali lagi. Pada mesyuarat tersebut, semua tulisan yang telah dihantar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat masing-masing telah diambil keluar termasuk YB. Farid.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Baik, rumusan daripada itu saya datang dan saya pula buat macam mana YB. Pulau Tikus buat, suruh pegawai taip apa yang saya hendak cakap, dia pun taip, *save*, betul YB. Sungai Aceh? Yang Berhormat tak hadir masa tu. Betul YB. Penanti? Pegawai taip, simpan. Kami minta *simple* sahaja, sebab itu saya tidak mahu *sign*, YB. Penanti pun tidak mahu *sign* pada mulanya dan juga YB. Batu Uban tetapi akhirnya saya difahamkan mereka *sign*. Sebab apa, tanya mereka saya tak pasti. Apa yang saya minta laporan yang kami buat itu dimasukkan sebagai lampiran kepada Laporan PAC itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, saya sokong, saya sokong. Saya rasa jika ianya boleh membuatkan setiap Yang Berhormat senang hati, sebenarnya pada pandangan saya ulasan-ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ini saya sokong, tiada masalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat tidak hadir pada mesyuarat kedua, yang pertama saya tidak hadir, Yang Berhormat hadir. saya hadir. Mesyuarat yang kedua saya hadir, Yang Berhormat tidak hadir, so sama lah kan tapi kita akhirnya telah bersetuju dengan perkara itu tetapi tidak dimasukkan, bayangkan YB. Batu Uban dan YB. Penanti telah buat kajian, membaca tetapi nak dimasukkan tidak boleh. Kenapa *hansard* perbualan kita *words by words* dimasukkan tetapi laporan yang kami buat dengan arahan Pengerusi PAC tidak dimasukkan? Ini tidak masuk akal. Mungkin dalam laporan itu terjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh YB Kebun Bunga.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya merasakan laporan PAC apa yang telah di buat itu bagi saya ianya tidak lengkap dan tidak sempurna, sebab itu saya tidak mahu tandatangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat tidak terlibat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma ikut peraturan, kalau ikut Peraturan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan, kalau ikut 109A(7) ia hanya menyarankan supaya Jawatankuasa itu hendaklah membuat laporan sahaja, tidak ada keperluan untuk membuat apa-apa ulasan satu persatu Ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat. Tidak ada sebarang keperluan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu laporan lah. Laporan ada bermacam-macam bentuk, saya ingat Yang Berhormat ambil alih Pengerusi PAC daripada YB. Bagan Dalam, lagi baik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak perlu Yang Berhormat. Peraturannya jelas sekali Yang Berhormat. Laporan sahaja, tidak perlu ulasan-ulasan terperinci mengenai pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berlain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC adalah dilantik oleh Dewan, dalam Dewan untuk membuat laporan kepada Dewan bagi setiap kes yang dikemukakan kepada kami. Laporan mesti dibuat secara terperinci, kalau jadual kita bagi jadual dan sebagai. Laporan itu mesti laporan yang lengkap dan ianya memberi pandangan dan keputusan PAC kepada apa yang ditimbulkan kepada subjek yang telah dibincangkan. Ini sepatutnya menjadi amalan CAT. Jadi saya menyatakan di dalam Dewan ini bahawasanya secara rasmi saya dengan YB. Sungai Acheh tidak bersetuju kerana ada kepincangan dalam masa penyediaan laporan PAC itu.

YB. Dato' Timbalan Speaker, ini mungkin *last issue*, juga kepada sahabat baik saya yang banyak menolong saya mendapatkan rumah. Saya hendak membangkitkan satu kes ini di perumahan Taman Seri Mutiara Anggun. Saya berharap pegawai dan EXCO dapat melihat perkara ini. Telah pun dibuat beberapa PC tentang isu ini, saya telah pun melihat surat-surat yang dikemukakan oleh mereka, saya hendak baca sedikit YB. Dato' Speaker, ini saya ambil dan semak daripada apa yang saya dapat dari pemohon-pemohon. Ringkasnya begini, pihak pemohon seramai 11 orang telah pun diberikan surat tawaran untuk memiliki rumah di Taman Seri Anggun, sudah ada surat dari Pejabat SUK, Bahagian Perumahan. "Sukacita dimaklumkan tuan/puan telah ditawarkan dengan unit rumah di Taman Seri Anggun. Surat bertarikh 9 September 2015, lepas itu diikuti oleh surat daripada pemaju dari JKP menawarkan penjualan rumah tersebut bertarikh 17 September 2015. Kemudian, keluar satu lagi surat daripada Pejabat SUK Bahagian Perumahan bertarikh 15 Ogos 2016, "Sesalinan permohonan perjanjian pampasan antara penduduk setinggan dengan pemaju JKP bagi pemajuan di atas lot 16930, Mukim 12, Jalan Sultan Ahmad Shah, Barat Daya Pulau Pinang. Pentadbiran ini telah membuat semakan bancian pampasan yang dikemukakan oleh pihak JKP dan mendapati nama tuan/puan tidak ada dalam senarai bancian tersebut dan diberi tempoh 14 hari untuk membalas tersebut. Jika tidak dibalas surat tersebut, permohonan mereka akan ditarik balik perumahan tersebut. Kemudian pada 25 Ogos daripada Pejabat SUK Bahagian Perumahan, disebut kegagalan pihak tuan/puan mengemukakan surat perjanjian pampasan tersebut menyebabkan surat tawaran terdahulu terbatal".

Mereka hanyalah penduduk di situ. Telah pun mengisi borang PN 1 untuk mendapat rumah itu. Dan mereka telah diberi tawaran tiba-tiba disyaratkan semula kemudian ditarik balik. Mereka seramai 11 orang ini minta supaya mereka diberikan rumah itu kerana mereka adalah penduduk asal di situ. YB. Dato' Timbalan Speaker, kenapa saya bawa kes ini sebab saya terlibat dari awal lagi. Bagaimana nak berbincang dengan penduduk di situ bagi membolehkan pihak JKP memajukan tanah tersebut. Sejak dari tahun 2004 tak salah saya, surat telah dihantar kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, YB. Tan Sri Nor, Menteri Kewangan semasa itu untuk menyelesaikan masalah mereka. Saya pergi berjumpa

dengan mereka, mendengar masalah mereka dan berbincang *Alhamdulillah* dapat diselesaikan. Sehingga membolehkan mereka mendapat rumah kos rendah untuk mereka dan JKP boleh membangunkan rumah untuk orang lain dan di mana penduduk telah pun mendapat. Hari ini ada berbaki 11 orang telah minta dan telah diluluskan. Kenapa ditarik balik? Saya difahamkan YB. Pantai Jerejak memaklumkan bahawa rumah tersebut hari ini hendak diberikan kepada penduduk daripada kawasan lain pulak. Saya rasa biarlah pemaju itu kawasan nak dibangun itu, ditempat lain itu membuat projek rumah dan diberikan kepada mereka di situ. Kenapa nak kacau rumah yang telah dibina yang telah dijanjikan dan sudah memberi surat setuju terima kepada mereka. Saya rasa ini zalim. YB. Seri Delima ini zalim. Mereka dapat surat dah, dah seronok nak masuk dah, rumah dah siap dah tiba-tiba ditarik balik kerana apa? YB. Pantai Jerejak patut menjawab hal ini dan saya yakin YB. Datok Keramat seorang yang *reasonable* dapat melihat perkara ini kalau boleh bantu mereka, kerana apa kerana rumah di Sungai Nibong rumah kecil tapi tinggal tiga, empat kelamin. Mereka amat mengharapkan rumah itu kerana kalau satu rumah dapat satu rumah lagi dua kelamin di mana? Mereka memohon menggunakan borang PN 1 ini dan dapat dan sepatutnya mereka diberi. Saya rasa kalau kawasan ini kawasan YB. Seri Delima, *sure* akan bela mereka. Sebab mereka berhak ke atas rumah ini.

Yang Berhormat, untuk YB. Datok Keramat juga sering kali menunjukkan seolah-olah yang kerajaan kita ini orang Barisan Nasional tidak mengambil berat tentang perumahan yang dibuat oleh PR1MA. Saya cuba melihat kembali rekod-rekod yang dibuat oleh pihak PR1MA apakah rumah-rumah yang akan dibina di Pulau Pinang ini. Untuk Yang Berhormat, untuk makluman kita dimaklumkan sehingga kini Batu Feringghi akan dibina sebanyak 1,520 unit, Teluk Kumbar akan dibina sebanyak 3,944 unit, Bayan Lepas 410 unit, Tasek Gelugor 2,387 unit, Permatang Pauh 1,017 unit, Bukit Gelugor 1,124 unit. Jumlah keseluruhan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukit Gelugor. Berapa unit? Minta ulangi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ya, ya Bukit Gelugor, 1,124 unit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

1,124 unit. Terima kasih. Saya tunggu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya juga dimaklumkan dalam status permohonan Bukit Gelugor sebagai membuktikan bahawa pihak PR1MA telah pun perlu komunikasi dengan pihak *state*. Mungkin tidak sampai ke pengetahuan EXCO tapi diperingkat MBPP dan sebagainya mereka telah pun menjalankan perbincangan dan mulai 2014, 2015 dan kini 2016 contohnya Bukit Gelugor, Yang Berhormat tidak tahu lagi kerana statusnya tunai syarat untuk kelulusan kebenaran merancang telah pun dikemukakan pada 18 Oktober 2016 dan menunggu kelulusan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Saya nak buktikan kepada YB. Datok keramat bahawasanya selepas pengumuman dibuat memang ada kerja-kerja dibuat mulai daripada 2014 sampai 2015. Saya ada jadual dengan *detail*, saya boleh bagi kepada YB. Datok Keramat kalau nak tahu tapi inilah yang dibuat oleh Kerajaan BN untuk memastikan kita juga turut menyumbang kepada keperluan rumah-rumah kos rendah yang diperlukan oleh rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Saya cuma nak tanya bilakah projek perumahan PR1MA ini dijangka kerja-kerja akan bermula. Saya juga sedang menunggu. Saya mengalu-alukan kerja-kerja ini dimulakan. Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sendiri daripada 2014, 2015, 2016 baru sahaja masih lagi dalam proses perbincangan. Kalau ditanya oleh rakyat di kawasan saya, bilakah kerja-kerja itu boleh dijangkakan dan bila disiapkan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bagi ke semua tujuh (7) projek yang akan dilaksanakan ia berada di beberapa peringkat. So maksudnya tak sama dia punya peringkat. Sementara itu projek di Bukit Gelugor itu telah di *submit* kepada MBPP pada 18 Oktober 2016 dan menunggu keputusan oleh pihak Majlis, telah pun dibuat. Kalau cepat Majlis bagi kelulusan, cepatlah mereka boleh bermula. Dan rundingan dengan *State* dengan *Federal* memakan masa yang panjang. Kalau kita pemaju yang istimewa tentunya boleh mendapat kelulusan dengan segera.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma nak maklumkan, kalau ada apa-apa kebuntuan sila hubungi saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ya, boleh. Saya akan panjangkan pada pihak PR1MA bahawasanya di Bukit Gelugor, YB. Seri Delima sedia membantu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Benar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Thank you very much. Apa yang saya jelaskan adalah bahawasanya kita sangat prihatin tentang keperluan perumahan masalah masyarakat kita di Pulau Pinang ini. YB. Dato' Speaker dengan itu saya, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan peringkat Negeri dan Persekutuan dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. Kerana diberi peluang sekali lagi untuk hadir dalam Dewan yang mulia ini pada sesi perbahasan kali ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 yang dibentangkan dalam Ucapan Bajet 2017 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada 15 November 2016 dalam Dewan yang mulia ini.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin merujuk kepada ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada penggal Persidangan Keempat Mesyuarat Pertama oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri Pulau Pinang pada 10 Mei 2016 di mana Tuan Yang Terutama mengatakan bahawa adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan yang terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang. Justeru saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Penaga dengan amanah yang diberikan kepada saya hadir pada hari ini untuk berbahas dan membawa suara akar umbi kawasan saya untuk diperdengarkan di Dewan yang mulia ini. Bagi saya walaupun nasihat yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama itu pada bulan Mei yang lalu, saya percaya semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini masih ingat dan akan patuh dengan nasihat Tuan Yang Terutama.

Y.B. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya rujuk Ucapan Bajet 2017 yang disampaikan, yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, yang mana Y.A.B. Ketua Menteri telah menggariskan senario ekonomi dunia yang tak berapa baik selepas pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat yang baru dan juga kemungkinan kesannya ke atas Negara Malaysia dan juga Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian Y.A.B. Ketua Menteri telah memilih tema atau model negeri keusahawanan dan negeri kebajikan untuk menghadapi ancaman krisis ekonomi global Donald Trump yang mungkin akan melanda pantai Pulau Pinang pada 2017. Sememangnya analisis ekonomi dan pakar-pakar ekonomi meramalkan ketidakpastian dalam ekonomi global selepas pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika yang baru. Walaupun pada ketika kempen dijalankan ramai meramalkan bahawa Hillary Clinton yang akan memenangi pemilihan tersebut tetapi disebabkan mungkin saya katakan teknikal, sebab saya katakan begini sebab Hillary memenangi undi popular tetapi kalah disebabkan *electron vote*. Jadi apapun saya harap apa yang berlaku di Amerika dasar-dasar yang akan dibawa oleh Donald Trump selaku Presiden yang baru mungkin tidak akan menjejaskan ekonomi dunia termasuklah ekonomi negara kita dan Negeri Pulau Pinang walaupun ramalan oleh pakar-pakar ekonomi begitu menakutkan sekali tetapi bagi saya *reality will come*.

Bagi saya apapun dalam keadaan yang kita ada kita perlulah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa ekonomi Negeri Pulau Pinang khususnya akan terjamin dan rakyat keseluruhannya berada dalam keadaan yang baik. Jadi bagi saya usaha yang dibuat Y.A.B. Perdana Menteri dan delegasi Malaysia ke China baru-baru ini dan mendapat pelaburan yang besar daripada Negara China itu sedikit sebanyak saya rasa akan membantu negara kita Malaysia untuk menghadapi ancaman ekonomi global dan tentu sekali kalau pelaburan besar datang ke Malaysia, saya percaya pelabur-pelabur ataupun pengunjung dari Negara China akan menjadi lebih ramai datang ke Negeri Pulau Pinang. Itu akan menjadi satu petanda ataupun perkara yang baik untuk pelancongan Negeri Pulau Pinang. Jadi saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan isu-isu yang berlaku di Negeri Pulau Pinang yang pertama adalah berkaitan dengan banjir kilat yang berlaku pada bulan Oktober di merata-rata tempat di Negeri Pulau Pinang.

Saya berasa bahawa isu ini bukanlah isu baru sejak Kerajaan Negeri memerintah Negeri Pulau Pinang sejak 2008 sehingga hari ini kita belum lagi melihat kejayaan atau pun penyelesaian terhadap masalah banjir kilat yang berlaku sama ada di taman-taman atau pun di kampung-kampung di luar bandar. Bagi saya isu ini amat penting sekali untuk diselesaikan ataupun diatasi ataupun dikurangkan oleh Kerajaan Negeri kerana ia mendatangkan banyak masalah kepada rakyat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa boleh tak dalam penggulungan. *I'm trying to finish it and give others a chance. Please, boleh tak? I try to summarize* terima kasih. Banyak lagi peluang. Ramai di antara Ahli-ahli Dewan telah membahaskan isu ini tetapi saya terpanggil juga untuk menyebut tentang perkara ini kerana ia melibatkan kampung saya dan seperti semasa YB. Kebun Bunga membahaskan tentang isu banjir kilat beliau ada menyebut beberapa perkara yang telah berlaku di kawasan beliau termasuklah di Seberang Perai. Sebenarnya di Seberang Perai pun perkara itu berlaku. Jadi perkara itu telahpun dilaporkan di dalam ini sebenarnya saya nak tunjuk kampung saya ni. Kampung Lahar Ikan Mati sebenarnya kampung kawasan YB. Bertam tetapi itu kampung saya. Dan saya rasa orang kampung tentu mahu saya berucap tentang sebutkan kampung saya di Dewan yang mulia ini.

Kalau kita lihat daripada gambar ini kita boleh nampak ini saya rasa tidak teruk ini saya pernah pergi di situ air naik kat sini. Ini bukan melawak sebenarnya dan itulah sebabnya ini bukan kali pertama mungkin saya rasa kali ketiga, lebih untuk tahun ini. Dua tiga bulan ini. Dan tentu sekalilah orang kata pernah juga berlaku banjir semasa kenduri betul Yang Berhormat? Tengah kenduri, betul tak YB. hadir kenduri? Tengah kenduri berlaku banjir kita bayangkan kerugian yang berlaku kepada penganjur atau pun tuan rumah. Jadi dan dilaporkan di sini seperti yang saya katakan tadi. Saya nak baca, ini pada 2 November 2016 dalam Surat Khabar The Sun dilaporkan "*Meanwhile in Seberang Perai a five-metre long reticulated python which was hiding behind a house during a downpour was caught by Civil Defence*

Force. In Penanglah. Ini menunjukkan bahawa itu sebab saya tidak terkejut tadi semasa perbahasan YB. Kebun Bunga sebut tentang ular. Saya rasa bila berlakunya banjir kilat bukan manusia sahaja menjadi mangsa sebenarnya binatang-binatang pun menjadi mangsa termasuklah ular.

Selain daripada kerugian-kerugian lain seperti contoh yang disebutkan tadi apabila majlis kenduri yang diadakan pada hari tersebut dan berlakunya banjir kilat maka orang tidak dapat hadir. Bagaimanakah perasaan tuan rumah pada masa itu?. Dan selain daripada itu memang ada lainlah televisyen dan sebagainya rosak banyak akan banyak berlaku kerosakan dalam rumah kerosakan yang berlaku.

Persoalannya saya tidak tahu saya tidak pasti sama ada mangsa-mangsa banjir apabila berlakunya kerosakan harta benda mereka semasa berlakunya banjir kilat. Adakah mereka mempunyai *local standard, legal standing* dari segi undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap Kerajaan Tempatan. Contohnya dalam kawasan saya MPSP ataupun JPS. Ini satu isu yang saya rasa belum pernah dibahaskan dan saya rasa tidak pernah berlaku pun mungkin di Malaysia tetapi keseriusannya saya rasa disebabkan kerosakan yang berlaku, kerugian yang berlaku kepada tuan rumah dan sebagainya maka kemungkinan besar satu hari nanti saya rasa ada sesiapa sahaja yang merasakan nak cuba membawa kes sivil terhadap agensi Kerajaan Negeri atau Kerajaan Negeri sendiri.

Jadi saya haraplah dengan peruntukan yang diumumkan Y.A.B. Ketua Menteri berjumlah RM220 juta untuk mengatasi masalah banjir ini dapat membawa atau pun mengurangkan masalah yang dihadapi oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Tetapi persoalannya saya nampak jumlah yang daripada RM150 juta yang diperuntukkan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang diberikan akan diuruskan oleh JPS, sebahagian besarnya adalah di kawasan bukan dalam kawasan Parlimen Kepala Batas. Sebab saya lihat dari jumlah yang disebut di sini muka surat 12 para 27 jumlah RM150 juta, peruntukan pada tahun 2017 kepada JPS seperti berikut, pertama Permatang Rawa Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM12.6 juta; yang kedua Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM19.1 juta; Bukit Tengah Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM19 juta; Taman Mangga Jalan Juru Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM11.5 juta; Alma Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM9.6 juta; Mak Mandin Daerah Seberang Perai Utara berjumlah RM40 juta; Sungai Relau di sebelah Pulau, Bayan Baru berjumlah RM20.1 juta dan Taman Iping Daerah Barat Daya berjumlah RM13.6 juta. Dan Kampung Naran Daerah Barat Daya berjumlah RM4.5 juta. Jadi daripada sini kita lihat memang tidak ada langsung yang diperuntukkan kepada kawasan Kepala Batas. Saya tidak pasti sebab saya lihat di sini jumlah RM40 juta diperuntukkan untuk kawasan Mak Mandin tetapi di bawah di perenggan 28 ataupun 31 peruntukan Kerajaan Negeri melalui MPSP telah mencadangkan projek-projek sebanyak RM9.45 juta menangani isu banjir kilat. Di mana RM7.5 juta adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan, penyelenggaraan rumah pam sebanyak RM0.25 juta dan RM1.7 juta pula bagi projek penyelenggaraan di kawasan perindustrian. Sudah pasti saya rasa RM1.7 juta bukan di kawasan Kepala Batas kalau di kawasan Kepala Batas tidak ada industri. Jadi apa pun saya haraplah sekiranya, saya tidak pasti macam saya katakan tadi sama ada peruntukan yang akan disediakan oleh MPSP ataupun JPS dalam menangani masalah yang dihadapi oleh sebahagian daripada penduduk di kawasan Kepala Batas termasuklah Kampung Lahar Ikan Mati iaitu kampung saya. Saya harap masalah banjir ini dapat diselesaikan selepas ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan sikit.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh tak, *I'm try to finish it.*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Two statements only. Dua sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang Berhormat saya hendak teruskan. Gulung boleh tak?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Gulung bukan tidak boleh, nanti gulung *you* lari keluar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

I just want to finish it. Sebenarnya saya kesian pada...(gangguan). YB. Teh pun nak berucap.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Berkenaan dengan banjir itu penting....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, YB. Teh pun nak berucap. Itu sebab saya rasa kita pematilahaja. (gangguan). Saya hormati Yang Berhormat punya permintaan pada masa yang sama saya pun...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh)

Saya nak tanya berkenaan..... (Audio tak jelas) Adakah *data report* berkenaan dengan banjir telah di *implement* oleh Kerajaan Negeri apabila dibentang dalam tahun 80-an. Sehingga kini apakah kejayaan, tahap mana telah diimplemen oleh kerajaan iaitu kata sehingga 1982 sehingga 2008 sampai tahap mana ada implementasi?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tak boleh jawab yang itu YB. Sungai Puyu, saya akan teruskan dengan perbahasan saya. Minum kopi sekejap lagi boleh kita jawab... (gangguan). Saya nak rujuk kepada satu laporan dalam Surat Khabar The New Straits Times ini bertarikh November 2016 *expert pakar mitigation project won't end problem.* Tidak akan menyelesaikan masalah. *University Science Malaysia USM River Engineering and Urban Drainage Research Center Deputy Director Professor Dr. Aminuddin Ab Ghani said "The Sungai Pinang flood mitigation project would only slightly alleviate the problem. He said this was because the crux problems had yet to be addressed. Right now the Sungai Pinang flood mitigation project can only slightly alleviate the problem in the northeast of the island. But how about the increasing flash floods in the other parts of the state?"*

"There is a need for political wheel in gazetting land for retention ponds and wise policies related to the development". Seterusnya beliau menyatakan Aminuddin said *"In Drainage and Irrigation department following a joint study with USM had submitted a proposal to the state government to gazette parcels of land in the southwest district for retention ponds. No action has been taken to gazzete those land because they want to use the land for development ". This is what is important.*

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa boleh tak?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Supaya terus tidak mengelirukan Dewan yang mulia ini dengan memetik kenyataan-kenyataan yang tidak masuk akal.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya nak bertanya soalan saya nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya nak berhenti.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya nak tanya soalan lepas ini Yang Berhormat boleh jawab dalam penggulungan saya nak tanya betulkah? Saya berpandukan kepada laporan dalam surat khabar. Saya nak tanya soalan saya betulkah apa yang dinyatakan termasuk *proposal by* USM dan JPS telah dihantar kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan untuk *study* dan sebagainya. Itu soalan saya. Jadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya merujuk kepada kenyataan lebih awal dari itu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa mungkin Yang Berhormat boleh ini, saya nak teruskan beri peluang kepada kawan-kawan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jangan beri kenyataan dan putar belit sahaja faham isu sebenar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Jadi saya bangkitkan tentang isu banjir walau ramai telah berbahas tentang isu ini bukan apa sebab saya bimbang sekiranya berlaku banjir kilat ataupun banjir besar dan saya dapati di kawasan saya terdapat dewan-dewan banjir yang tidak diuruskan dengan baik, yang usang dan tidak diselenggarakan. Ada gambar-gambar di depan saya ini. Sebenarnya saya nak tunjuk Dewan Banjir Guar Kepah, tumbuhan liar dalam kawasan pagar. Ini satu lagi di Permatang Bendahari di kawasan saya dan ini di Kota Aur lampu pun tidak ada. Meter telah dicabut saya tidak tahulah siapa cabut. Dan kita bayangkan sekiranya berlaku banjir besar di kawasan itu padahal dewan banjir ini tetapi kita tidak dapat menggunakannya disebabkan bangunan tersebut tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi saya harap dalam keadaan yang kita hadapi sekarang kadang-kadang berlaku banjir dan sebagainya maka kita perlulah menyelenggarakan banjir-banjir kilat supaya jika kita ingin menggunakan terpaksa menggunakan maka kita boleh menggunakan kemudahan yang ada. Itu saja yang saya nak sentuh dan saya pun nak mengambil kesempatan di sini sempena bercakap pasal banjir untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada MPSP kerana mengambil tindakan yang cepatlah, selepas saya menulis surat atau bertanya soalan bertulis kepada Dewan ini berkaitan dengan banjir kilat yang berlaku di Taman Perumahan Penang Golf Resort tindakan untuk menyelesaikan masalah itu memang segera dan dalam sekarang pun mereka sedang menjalankan kerja-kerja pengorekkan dan jawapan yang diberikan memang kita nampak di sini adalah jawapan yang biasa berlaku di tempat-tempat lain.

Di sini saya nak sebut, MPSP telah mengambil tindakan berikut untuk mengatasi masalah ini.

1. Membersihkan sampah yang tersumbat dalam longkang
2. Menjalankan kerja-kerja membaiki kerosakan longkang yang dijangka siap pada 14 November 2016

Jadi kadang-kadang perkara itu boleh diselesaikan kalau kita selenggara, cuci dengan sempurna dan kerap. Saya nak teruskan dengan isu lain. Iaitu berkaitan dengan pokok. Saya nak teruskan dengan soalan bertulis saya. Saya telah menghantar soalan bertulis nombor 5, soalnya, "Terdapat pokok-pokok besar yang lama ditepi jalan raya utama jalan negeri dalam KADUN Penaga yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya khususnya semasa berlakunya angin ribut. Sila nyatakan nama jabatan, agensi yang bertanggungjawab yang untuk memotong pokok-pokok tersebut." Jawabannya Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab memotong pokok-pokok liar bukan ditanam, yang besar dan merbahaya yang berada di atas rezab jalan JKR, jalan negeri, tetapi tidak termasuk pokok di atas tanah persendirian. Saya faham. Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula bertanggungjawab untuk menyelenggara kerja-kerja pangkasan atau penebangan pokok-pokok yang berada di atas rezab Jalan Negeri. Kerja-kerja pemotongan pokok oleh JKR dan MPSP dilakukan secara berjadual ataupun berdasarkan keperluan.

Saya bangkitkan isu ini bukan apa sebab saya pun tak pasti sama ada pokok yang ada ini yang kita nampak ini adakah ia terletak atas rezab jalan raya? Jadi saya tanya sahabat saya Dato' Mahmud di sebelah saya ini, dia lebih berpengalaman daripada saya dan pada pendapat beliau ini adalah pokok yang terletak dan tertanam di atas rezab jalan. Jadi masalah dia yang saya nampak ini daun itu, hampir menutup orang kata jalan di atas. Bayangkanlah kalau berlaku angin ribut, di kawasan saya angin ribut itu perkara biasa, kalaulah ribut pokok tumbang, pengguna jalan raya orang kata apa menjadi keselamatan kepada pengguna jalan raya mungkin jadi satu isu yang besar di kawasan itu, ini baru satu pokok sebenarnya, banyak lagi pokok yang berlaku di sini. Soalan saya sebab saya tanya saya nak tau siapa yang bertanggungjawab untuk potong?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat, *you* putar belitkan. Saya tanya bahagian yang pertama, *I'm asking, which one is first?* Jalan ataupun pokok? Pokok nampaknya besar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tak dia macam ini. Soalan pasal pokok. So pokok ini tertanam kalau pendapat kawan saya dia tertanam di atas rezab jalan. Jadi saya nak tahu....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Mungkin sekarang atas rezab, itu bukan pokok kecil?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bukan...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Pokok ini nama usianya mungkin lamalah, mungkin saya tanya adakah *road* rezab ini dulu ataupun pokok dulu? Itu saja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Jadi saya tak pasti ini bukan satu, banyak di kawasan saya macam ini jadi kita tak pasti sama ada kalaulah di atas rezab jalan, yang penting bagi saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan itu tadi, pokok dulu atau tanah dulu? Itu saya pelik.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang penting YB. Timbalan Speaker, yang penting bagi saya, saya nak dipotong, di *trimming*, itu saja supaya selamatlah untuk pengguna jalan raya. Itu saja. Jadi saya tak tahu sama ada, kalaulah pokok itu di atas tanah persendirian saya rasa mungkin itu perkara yang jelas, itu tanggungjawab tuan tanah dan saya rasa perkara ini telah dibangkit oleh rakan-rakan saya di belakang tadi, dua tiga hari yang sudah tapi isunya sekarang kalaulah di atas tanah rezab dan daun dia itu ranting dia pun dah masuk sampai ke tengah jalan jadi itu boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya dan saya mintalah apa itu pihak yang berkenaan untuk ambil tindakanlah.

Ini dekat Permatang Keriang, Simpang Baka Tua. Nama tempat itu Permatang Keriang, Simpang Baka Tua, kalaulah orang kata ada masalah untuk pergi ke tempat itu boleh berhubung dengan saya ataupun PA saya kita cuba selesaikan. Sebab saya bangkitkan isu ini sebab kadang-kadang bila berlaku begitu, kita rujuk kepada JKR, JKR kata bukan dia punya, MPSP kata bukan dia punya, ini bidang kuasa yang jadi masalah.

Isu seterusnya ialah berkaitan dengan soalan bertulis saya juga berkaitan dengan skim bantuan pukut kepada para nelayan di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri. Sila nyatakan dengan terperinci penerima pada tahun 2014, 2015 dan 2016, jumlah keseluruhan penerima mengikut KADUN, lepas itu untuk KADUN Penaga, nyatakan dengan terperinci nama penerima serta unit nelayan, nilai pukut dan beberapa kali setahun. Dan jawapan yang diberikan kepada saya, program bantuan pukut kepada nelayan persisir pantai di Negeri Pulau Pinang telah dimulakan pada pertengahan kedua tahun 2013 yang akan diberikan dua kali setahun bagi meringankan beban sara hidup nelayan. Tahun 2015 merupakan pelaksanaan bagi siri keempat melibatkan 3186 orang nelayan dan siri kelima melibatkan 3121 orang nelayan. Perbezaan bilangan penerima adalah berdasarkan bancian terkini nelayan berlesen yang aktif iaitu berdasarkan penerima elaun saraan hidup nelayan dan subsidi minyak yang dikeluarkan.

Yang ini saya nak *application* sikit ya. Bagi siri keenam yang dilaksanakan pada tahun 2016 Kerajaan Negeri telah membuat bancian secara terus kepada pemilik *parcel* jenis pukut yang dipohon daripada 3191 responden hanya 1664 orang nelayan yang telah mengembalikan borang bancian untuk dipertimbangkan bantuan pukut. Dan saya apa itu mengikut apa itu jumlah ataupun senarai penerima yang dibekalkan kepada saya dan saya dapati siri keenam ini 2016 ini jumlahnya itu tak seperti jumlah apa itu jumlah yang diberi pada 2015 jadi persoalan saya kenapa borang bancian kenapa sistem agihan ditukar? 2015 dan 2016, 2016 bermula dengan borang bancian dan saya nak tahu juga siapa yang bertanggungjawab ataupun ditugaskan untuk orang kata apa menyerahkan borang bancian kepada nelayan-nelayan, kenapa jumlah, saya rasa, saya nak habiskan cepat, sebab kesian kat rakan ini, saya nak tahu juga kenapa, adakah sistem yang diadakan agihan ini adalah, sistem yang ada ini yang dipakai sekarang ini kenapa berbeza daripada sistem 2014, 2015 itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi saya seminit saja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tak payah, tak payah, tak payah, saya nak selesaikan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya pun nak selesai, saya tak nak dalam pergulungan nanti panjang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya nak ambil kesempatan juga di sini mengucapkan, saya nak selesaikan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi sikit saja Yang Berhormat, saya nak cakap elok-elok, bukan macam pagi tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tak payah. Saya nak selesaikan dan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada LKIM daripada soalan bertulis saya jawapan yang diberi ini berkaitan dengan kerosakan yang berlaku kepada *ram* atau tempat pendaratan bot nelayan semasa orang kata air pasang besar ini berlaku kerosakan dan datang bahaya kepada bot nelayan. Jadi saya difahamkan di sini dalam jawapannya anggaran kos berjumlah RM80,000 telah disediakan oleh LKIM untuk menyelesaikan ataupun membaiki kerosakan yang berlaku. Terima kasih LKIM dan satu lagi saya difahamkan juga ada satu lagi projek untuk mendalamkan muara Kuala Muda berjumlah RM450,000 dan saya difahamkan bahawa ini adalah peruntukkan Kerajaan Persekutuan yang dibuat melalui JPS, terima kasih di atas apa itu, usaha untuk mendalamkan, terima kasih LKIM, bukan LKIM, kepada Kerajaan Persekutuan di atas peruntukkan yang diberikan untuk nelayan di kawasan saya. Hanya saya nak tahu bilakah projek ini akan bermula dan bila dijangka siap?

Dan seterusnya berkaitan dengan lampu jalan. Saya nak memohon soalan bertulis *pattern* dengan lampu jalan di Jalan Lahar Kepar yang merupakan di antara jalan utama ke kampung-kampung dan taman perumahan dalam KADUN Penaga khususnya di waktu malam dan sering berlaku kemalangan jalan raya dan juga jenayah. Adakah pihak MPSP bercadang untuk memasang lampu-lampu jalan di tempat yang gelap dan masih belum dipasang lampu-lampu jalan untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Jawapannya memang ada Majlis MPSP telah pun memasang 35 unit lampu jalan di sepanjang Jalan Lahar Kepar mengikut lokasi yang bersesuaian. Bagi sesetengah lokasi Jalan Lahar Kepar yang masih tiada lampu jalan MPSP bercadang untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat dasar permohonan lampu jalan awam MPSP. Dasar tersebut memerlukan persetujuan Yang Berhormat ADUN kawasan untuk memerlukan kos untuk caj pemasangan tiang dan kabel lampu jalan yang dipohon. Saya pun nak tanyalah, dalam MPSP ada Ahli Majlis, Ahli Majlis kawasan, kawasan mungkin di Kepala Batas ada juga Ahli Majlis yang orang kata mewakili Kepala Batas dan bersidang di dalam mesyuarat MPSP.

Saya nak tanya yang pertama soalan yang pertama sama ada peruntukkan untuk lampu ini mereka ada atau tidak? Ahli Majlis lah maksud saya, yang kedua jika ada, boleh tak Ahli Majlis MPSP yang berkaitan maksud saya di kawasan saya itu membiayai dan membantu apa itu penduduk-penduduk di kawasan itu menikmati orang kata apa cahaya lampu di waktu malam. Berkaitan dengan soalan saya juga iaitu berkaitan dengan lampulah di Penang Golf Resort, saya bertanya adakah MPSP bercadang mengkaji semula keperluan pemasangan lampu jalan di jalan-jalan demi keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan tersebut dan penduduk. *Alhamdulillah* sebenarnya tak lama selepas saya membuat soalan ini dia terus membuat kajian dan akan pasang lampu-lampu di kawasan yang gelap. Cepat. Itu saya mengucapkan terima kasih, ini MPSP punya. Mesti boleh. Mungkin tiang sudah ada kot.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Bermaksud merdeka belum ada lampu di sana?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Hari itu kata sejak merdeka sampai sekarang sana tak dak lampu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Di mana, di mana ni?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Tadi yang sentuh punya. Lampu jalan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

You talking about Lahar Kepar or Penang Golf?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Lahar Kepar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sebahagian ada. Ada setengah tempat tu tak ada.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Sepanjang masa ini di bawah ni UMNO.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tak kira. Ini saya berjuang untuk rakyat ya. Yang Berhormat saya tak nak politik disini saya tadi pun masa perbincangan saya mula....(gangguan). Saya bermula dengan membawa suara rakyat khususnya. Jadi tiada isu orang kata apa sama ada benda yang lama tu sama ada BN atau tidak bagi saya itu tidak penting yang penting penduduk kawasan saya menikmati apa yang sepatutnya menikmati. Okey saya nak teruskan berkaitan dengan... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertuan Dewan:

YB. Seri Delima, kawal.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sekolah KAFA. Saya dapati ada beberapa buah sekolah KAFA di kawasan saya dan keadaan sekolah itu amat sedih sekali. Satu yang saya boleh saya tunjuk di sini kawasan di Masjid Lahar Minyak. Bangunan yang usang, cermin pun dah tak dak, jadi kalau hujan bayangkan la, budak-budak nak pi mana, air hujan masuk. Jadi ini, bangunan sekolah tetapi tak diselenggarakan. Cermin pun takda. Kena saya rasa, saya harap Yang Berhormat yang berkenaan ambil perhatian. Dan saya timbulkan perkara ini bukan satu sekolah sahaja ada 2, 3 sekolah lagi ini di Lahar Minyak ya. Ada lagi di Rantau Panjang sekolah KAFA di dalam masjid tetapi saya dapati mereka ada kelas. Ada darjah dia tapi tak digunakan. Mungkin peralatan tak cukup, takdak kerusi meja kot saya ingat. Jadi budak-budak duduk atas lantai

macam tu, jadi kesian jugaklah dalam keadaan ini walaupun mereka di kampung saya rasa kita perlulah diberi apa orang kata bantuan kepada mereka yang kita boleh la. Satu Yang Berhormat di Masjid Rantau Panjang. Satu lagi di tadi saya sebut Lahar Minyak. Yang Berhormat. Itulah sebabnya saya ada soalan saya kedua ataupun isu kedua berkaitan sekolah-sekolah tersebut sama ada pendawaian bangunan sekolah ataupun masjid-masjid itu diperiksa ataupun tidak sebab kita tidak mahu berlaku kebakaran seperti Hospital di Johor. Jadi saya dengar apa yang Seri Delima sebut sebelum ini pun berkaitan dengan kebakaran dan keselamatan. Jadi saya pun rasa mungkin dah sampai masanya pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian pada bangunan-bangunan yang lama yang lebih pada 20 tahun mungkin juga pendawaianya telah orang kata apa tak sesuai....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat. Saya sedikit Yang Berhormat boleh dak. Saya nak menyokong masalahnya adalah kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Nanti orang marah saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Masalahnya di sekolah-sekolah kita tak dibenarkan untuk Yang Berhormat kita tak dibenarkan untuk masuk. Kita tak dibenarkan untuk masuk ke sekolah-sekolah seperti wakil-wakil rakyat disebelah sini, dan kalaupun kita memberi apa-apa sumbangan juga tak dijemput apa-apa majlis keramaian itu merupakan masalah. Dan EXCO berkenaan nak masuk baru-baru ini disekolah itu YB. Perai tak dibenarkan untuk masuk ke dalam di Sekolah Tamil di Seberang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi itu la masalah la YB.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Hjai Mohd Zain Bin Ahmad):

Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan tidak mahu membantu tetapi ada masalah untuk masuk ke sekolah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa YB. tak layak nak jawab. Saya ingat EXCO ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini daripada pengalaman saya dari kawasan saya sendiri.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih. Isu yang kedua berkaitan KAFA ini kita tahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah memberi elaun sebanyak RM800 sebulan kepada guru-guru KAFA. Baru-baru ini dinaikkan kepada RM100 dan akan menjadi RM900 pada tahun hadapan. Jadi saya difahamkan juga dan saya diminta oleh guru KAFA di kawasan saya dibawa suara mereka ke dalam dewan ini memohon kepada Kerajaan Negeri supaya menaikan elaun yang diberi Kerajaan Negeri sebanyak RM50 menjadi RM100 sekurang-kurangnya. Jadi saya rasa, saya harap Kerajaan Negeri dapat pertimbangkan permohonan mereka dan memberi yang diminta oleh mereka. Sebab guru-guru KAFA ini tak lah seperti guru-guru biasa yang mempunyai pencen dan sebagainya. Mereka tidak ada. Dan mereka hanya orang kata apa mengharap apa tu elaun yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dan ditambah oleh Kerajaan Negeri.

Jadi satu lagi isu yang saya ingin sentuh di sini berkaitan dengan JKJK. JKJK dalam bajet dinaikkan elaun pengerusi JKJK berapa? RM650 jadi RM700, setiausaha naik. Saya tak pertikaikan jika Kerajaan Negeri ingin menaikan elaun saya tak pertikaikan isu itu, yang saya ingin tahu, ini saya tengok di kawasan saya, saya tak nampak sangat aktiviti ataupun kerja-kerja yang dibuat oleh peranan mereka sebab saya ingat dalam sidang yang lepas mungkin setahun yang lalu di mana ramai di antara ahli-ahli jawatankuasa JKJK ini ahli Pas telahpun dipecat daripada JKJK. Itu di kawasan saya jadi saya tak tahu samada sekarang JKJK dikawasan saya bergerak ataupun tidak, jalankan peranan mereka. Satu lagi saya ingin tahu berapa buah? Berapa bilangannya JKJK di kawasan saya sebab yang saya tahu kampung di kawasan saya hampir 40 kampung di kawasan saya. Jadi saya nak tahu apa tu peranan dan juga jumlah JKJK di kawasan saya?

Isu berkaitan dengan PBA. Isu dia berkaitan pemotongan. Bila berlakunya pemotongan caj dikenakan. Dan apabila dipasang balik caj pun dikenakan. Saya rasa macam ni lah. Kerajaan Negeri sekarang dalam Bajet 2017 cuba menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Kebajikan. Saya rasa kalau Kerajaan Negeri boleh memberi pengecualian cukai pintu 2016 dan pada 2017 pun begitu juga. Kepada rumah-rumah kos rendah. Saya rasa dalam keadaan ekonomi yang kurang baik ini Kerajaan Negeri saya rasa melalui PBA seharusnya melihat balik, mengkaji balik caj yang dikenakan. Saya katakan begitu bukan kenapa, selalunya kalau orang tak bayar bil air ni dia ada sebab. Sebab dia dia tak ada duit. Kalau dia duit dia akan bayar bil air. Jadi bukan orang kata tak bayar disengajakan. Selalu tak disengajakan dan ada sebab-sebabnya. Salah satu sebabnya orang kata apa ketara ialah masalah kewangan. Saya pun di kawasan saya ramai orang yang datang kena potong tak ada air saya tolong bayarkan jadi bila kita nak bayar kena dia punya caj pemotongan tak banyak saya rasa dalam RM3.50 tadi saya dapat jumlah tu tadi. Tetapi jumlah RM5.00 ya? Bukan RM3.18? Tetapi kos pemasangan semula RM70. Bayangkan la dah bil air pun tak boleh bayar ditambahkan pula dengan caj begitu tinggi bagi saya tentu sekali akan membebankan pengguna air dan saya haraplah apa tu pihak PBA bolehlah orang kata mengkaji semula dan saya rasa dengan mengurangkan kadar yang tinggi ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh penduduk-penduduk. Saya nak cuba habiskan.

Saya nak sebut sikit di sini. Yang lain tak payah la. Saya nak sebutkan di sini bahawa memang Negeri Pulau Pinang lebih maju daripada kebanyakan negeri di Negara Malaysia tetapi sebabnya ataupun punca ataupun perkara yang menyebabkan Negeri Pulau Pinang lebih maju setengah negeri di Negara Malaysia ini bukanlah hanya disebabkan usaha Kerajaan Negeri sahaja. Saya berpendapat dan saya rasa ini perkara yang benar di mana Kerajaan Pusat banyak membantu daripada dahulu lagi sehinggalah sekarang dari segi peruntukan-peruntukan yang besar diberi kepada Negeri Pulau Pinang. Dan Negeri Pulau Pinang aya ada di sini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pencapaian Kerajaan Persekutuan untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Rancangan Malaysia 5 tahun tajuk dia, jumlah projek dan billion, berapa billion. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu 2006 hingga 2010, 993 projek dan jumlah nilai dia berjumlah RM15.89 billion. Itu hanya RMKe-9. Rancangan Malaysia ke-10 *rolling plan* pertama 2011 sehingga 2012, projek 243, RM3.529 billion. Itu *rolling plan* pertama. *Rolling* kedua 2012 sehingga 2013, 190 projek, RM3.847 billion. *Rolling plan* ketiga 2013 sehingga 2014, 156 projek berjumlah RM4.056 billion. *Rolling plan* keempat 2014 sehingga 2015, 131 projek RM4.005 billion. *Rolling plan* kelima 2012 hingga 2016, 120 projek RM3.203 billion. Untuk Rancangan Malaysia ke-11 *rolling plan* pertama 2016 sehingga 2017, 159 iaitu berjumlah RM0.37 billion. Sebenarnya kadang-kadang mungkin orang tidak tahu banyak peruntukan yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada Pulau Pinang dan perkara ini tidak dihighlightkan pun dan saya dapati dalam buku ini projek dalam Bajet Y.A.B. Ketua Menteri mengenai langkah-langkah yang di ambil untuk mengatasi masalah kekurangan air di

Pulau Pinang, salah satunya membina Empangan Mengkuang bernilai RM1.2 bilion. Tetapi tidak disebut peruntukan itu datang daripada mana. Itu masalahnya. Dan ramai orang dan saya pun kalau saya tidak semak balik dengan fakta-fakta yang saya ada, saya rasa saya pun mungkin saya tidak mahu kata tertipulah, mungkin persepsi percaya bahawa peruntukan RM1.2 bilion untuk membina Empangan Mengkuang adalah daripada Kerajaan Negeri, sebenarnya daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadi, kadang-kadang dalam Ucapan Bejet bagi saya, kita perlulah jelaskan. Saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana menyebut RM150,000 yang diberikan baru-baru ini untuk projek mitigasi banjir dan RM150 juta untuk mitigasi banjir.

Jadi perkara begini saya rasa boleh kita kalau kita bekerjasama, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, saya rasa dalam hal-hal yang boleh bekerjasama demi untuk kesejahteraan rakyat Pulau Pinang, saya rasa perkara ini kita Kerajaan Negeri sepatutnya buat begitu dan kita kurangkan sikit politik.

Saya rasa membahaskan isu Bersih pagi tadi itu. Saya pun sebenarnya hendak ambil bahagian, tetapi sudah disebabkan berlaku insiden yang di mana YB. Pinang Tunggal telah diarah keluar oleh... (gangguan). Sebenarnya tidak. Saya tidak setuju tentang itu, saya bukan hendak bahas tentang itu. Tetapi saya hendak katakan bahawa bagi saya, saya menghormati keputusan YB. Speaker, tetapi dalam masa yang sama pada pandangan saya kalau hendak suruh keluar, sebenarnya bukan sahaja YB Pinang Tunggal, tetapi YB. Seberang Jaya sama. Sebab YB. Seberang Jaya sama.... (gangguan). termasuklah YB. Seri Delima yang mengapi-apikan isu. Jadi, apapun saya haraplah perkara-perkara, itulah sebabnya saya selalu suka berpandukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya, saya cuma....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Kepada apa yang dinyatakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolonglah nasihat YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dinyatakan oleh T.Y.T.(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan bangkitkan isu bapa emak di sini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dalam permulaan saya saya sebut apa yang T.Y.T. Sebut.... (gangguan). Saya hendak ulangan balik dalam Dewan yang mulia ini. "Tuan Yang Terutama, semasa perasmian pada 10 haribulan Mei 2016, menyatakan adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan perbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat". Lepas itu dia kata, "Selain itu setiap perkara yang hendak dibahaskan, perlulah dikaji dan dibahas dengan teliti dan hendaklah disampaikan secara intelektual dan bukan secara emosi serta tanpa etika".

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu yang YB. Seberang Jaya buat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa tidak....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Patut beri bimbingan ini kepada YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Kata-kata kesat yang dikeluarkan oleh YB. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Patut beri syarahan ini, bimbingan ini meminta kepada YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Memarahkan...(gangguan). YB. Seri Delima ada di situ.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Apadia, apadia....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Seberang Jaya.....(gangguan) secara tertib....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang cari pasal, YB. Pinang Tunggal yang cari pasal....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk semua.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bukan. Bagi saya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Penaga, buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bila kita hendak bahas, saya sebenarnya saya ingin berbahas sebab apabila terima cabaran daripada YB. Seri Delima, YB. Bertam pun begitu juga. Memang saya nak bahas(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bagus.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seorang-seorang cakap.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tetapi disebabkan insiden itulah, maka kami rasa eloklah kami keluar bersama-sama dengan YB. Pinang Tunggal. Jadi saya harap....(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Penaga. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Lain kali....(gangguan) hormatilah Dewan yang mulia ini. Dan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Patut YB. Penaga beri syarahan ini kepada YB. Pinang Tunggal....(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Penaga, boleh bagi laluan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masa sudah lama sangat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Satu lagi isu, *one more* lah. Tidak payah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta maaf. Isu satu lagi yang mungkin isu yang terakhirlah saya nak sebut disini, saya sebenarnya isu telah dibawa YB. Telok Ayer Tawar dan juga YB. Sungai Acheh berkaitan dengan pencen

bekas-bekas ADUN. Saya rasa seharusnya dikaji, janganlah sampai bekas ADUN itu... (gangguan), dikaji dan diberilah. Walaupun diperingkat Parlimen sekalipun tidak melaksanakannya, kita tunjukkan teladan kita, *Penang To Lead*.

Negeri lain pun sudah ada, jadi saya rasa untuk meringankan beban mereka, jadi saya sokonglah dengan cadangan yang dibawa oleh rakan-rakan saya dan saya harap dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan Negeri.

Sebelum saya sudahi, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang telah membantu saya sepanjang 2016, dalam menjalankan tugas saya dan kepada semua saya memohon maaf sekiranya ada berlaku perkara-perkara yang kadang-kadang mengecilkan hati kawan-kawan.

Kita sama-sama memang berbahas dalam Dewan yang mulia ini, dan saya harap kita dapat berjumpa di luar dan di masa hadapan. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian, *Wabillahhitaufik Wallahidayah. Assalammualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya. YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, terima kasih. Salam sejahtera dan salam Bersih, saya ucapkan kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua...(gangguan) ya, Salam Bersih kepada semua...(gangguan). Kita bersihkan Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang berada dalam Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dato' Timbalan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya menyertai sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 di Dewan Undangan Negeri pada hari ini.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin sentuh tentang krisis ekonomi dalaman ekoran pendedahan skandal 1MDB iaitu sebanyak RM52 bilion. Sangat dukacitanya. Skandal ini telah menyebabkan secara langsung atau tidak langsung, penurunan nilai mata wang ringgit serta kenaikan harga barangan keperluan harian rakyat jelata dan kesan-kesan yang lain.

Keadaan ekonomi negara, dijangka menjadi lebih teruk lagi pada tahun 2017. Setiap rakyat Pulau Pinang akan mengalami tekanan duit tidak cukup, untuk menyara hidup keluarga mahupun sendiri. Kenaikan harga mendadak terutamanya makanan tempatan ataupun makanan import telah menjadi lebih mahal berbanding dengan harganya dua (2) tahun yang lalu. Kebelakangan ini dengan kenaikan harga minyak masak dan petrol lagi membebankan rakyat jelata.

Maka, saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibawah pentadbiran Y.A.B. Ketua Menteri, dapat mengurangkan impak negatif ini. Misalnya dan yang cukup membanggakan ialah pengecualian membayar cukai pintu bagi tahun 2016, dan ia akan diteruskan pada tahun 2017 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung. Tambahan pula, potongan 6% cukai pintu diberikan untuk semua hartanah lain termasuk hartanah komersial bagi tahun 2017 adalah satu-satu langkah yang positif.

Pengecualian bayaran GST untuk perkhidmatan MBPP dan MPSP untuk tahun 2016 dan diteruskan untuk tahun 2017, amat membantu rakyat Negeri Pulau Pinang. Pengecualian ini akan memanfaatkan dan mengurangkan penderitaan golongan kurang berpendapatan serta peniaga dan usahawan di Negeri Pulau Pinang.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meneruskan pengecualian cukai pintu dan pengecualian bayaran GST (6%) bagi tahun 2017, sangat membantu dan dengan ringkasnya ialah bayaran RM100 kepada Warga Emas, Ibu Emas, Ibu Tunggal, OKU dan Murid Sekolah. Bayaran RM200 untuk anak baru dilahirkan, bayaran RM1000 sebagai khariat kematian dan RM1000 kepada pelajar IPTA dengan tambahan RM200 menjadikan RM1200 kepada pelajar IPTA yang mendapat tawaran Universiti di Sabah dan Sarawak. Maka, boleh dirumuskan bahawa semua rakyat Negeri Pulau Pinang mendapat manfaat.

Saya ingin sentuh tentang pembangunan wanita. Saya berterima kasih kepada kerajaan negeri dalam usaha memberikan sokongan kepada golongan wanita dan bayi dengan mensyaratkan penyediaan bilik penyusuan dan persalinan bayi bagi bangunan-bangunan awam. Biarpun bangunan kerajaan ataupun swasta, dan kawasan tumpuan yang sesuai mulai 15 haribulan Oktober 2016, selaras dengan rekabentuk sejagat MS 1183 dan MS 1184 'Garis Panduan Penyediaan Bilik Penyusuan dan Persalinan Bayi'. *Penang Women Development Corporation* iaitu PWDC yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri telah melebarkan sayapnya ke peringkat antarabangsa khususnya dibawah *Gender Responsive And Participatory Budgeting* iaitu (GRPB) apabila menerima jemputan melalui *United Nation* bagi membentangkan model GRPB Pulau Pinang yang mendapat pengiktirafan. Tahniah diucapkan kepada PWDC.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana akan meneruskan peruntukan tahunan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2017. Melalui program *Gender Responsive And Participatory Budgeting*, (PWDC) pendekatan kreatif dalam menangani isu kebersihan di projek perumahan PPR Jalan Sungai Pulau Pinang, telah diwujudkan dengan menganugerahkan kontrak pembersihan kepada komuniti di projek perumahan rakyat Jalan Sungai dibawah pengurusan Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai iaitu (PKPJS). Pendekatan yang julung kalinya di Pulau Pinang dan juga di Malaysia ini, ternyata membawa perubahan yang positif dan isu kebersihan dapat diatasi dengan sempurna.

Di samping itu juga, ia mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk PPR ditempat itu sendiri di mana tiga (3) dari enam (6) orang pekerja kontrak kebersihan adalah wanita. Kejayaan program GRPB yang diimplimentasikan di Jalan Sungai, telah mendorong kerajaan negeri melalui Jawatankuasa MMK Perumahan bekerjasama dengan PWDC bagi melaksanakan GRPB di PPR Desa Wawasan, Bukit Mertajam. Objektif utama program ini adalah untuk mengarus perdanakan *gender* dan keadilan sosial dalam polisi program dan amalan melalui penglibatan komuniti setempat. Ini menunjukkan usaha PWDC dan kerajaan negeri membawa manfaat kepada rakyat jelata.

Sebagai seorang wanita, saya berpendapat bahawa kerajaan negeri perlu memperluaskan program pembangunan dan program perkasaan wanita. Program *Gender Responsive And Participatory Budgeting* iaitu GRPB perlu diperkenalkan kepada projek-projek perumahan yang lain. Bagaimanakah jika kerajaan negeri menggalakkan komuniti rumah-rumah pangsa yang lain menjalankan kontrak pembersihan sendiri? Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk memperkasakan wanita dan menggalakkan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja. Kaum wanita terutamanya ibu, mempunyai kerjaya dan menjadi tenaga kerja utama di Negeri Pulau Pinang.

Isu ini pernah saya bangkitkan pada penggal Dewan yang lepas, satu polisi penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan berpatutan harga mestilah dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja dan mengekalkan mereka disana. Kita perlu mengkaji semula sumbangan Tadika Perpduan dan perkenalkan operasinya kepada lebih ramai ibu.

Kita perlu membantu wanita mendapatkan kedudukan mereka dalam tenaga kerja Malaysia. Kita juga menunjukkan bahawa tempat wanita bukan sahaja di rumah, tetapi wanita adalah pemimpin yang berkebolehan dan cemerlang. Saya berharap Kerajaan Negeri akan menyeru sektor swasta untuk menempatkan kanak-kanak di dalam premis mereka. Syarikat multinasional boleh menerajui dan saya yakin bahawa pelaksanaan ini akan meningkatkan produktiviti pada keseluruhan. Ini akan membolehkan wanita bekerja dan mempunyai ketenangan fikiran bahawa kanak-kanak mereka dijaga.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan belia. Kita semua tahu belia adalah aset negara. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita patut mencungkil bakat dan melatih mereka menjadi pemimpin masa depan. Di KADUN Sungai Pinang, satu platform untuk

memperkasakan belia *raise up leader...* (dengan izin) telah ditubuhkan. Belia telah diberi peluang untuk mengambil bahagian sebagai jurulatih dalam pelbagai bidang contohnya perfileman, pengkomputeran, pembangunan peribadi, lukisan, alat permainan muzik tradisional seperti *keyboard* atau *ukulele*, *drum*, gitar, penciptaan lagu, kursus latihan kefasihan pertuturan *elocution training* dan sebagainya. Belia yang beminat di kawasan itu, cuma di Kawasan KADUN Sungai Pinang, cuma dikenakan yuran nominal yang dibayar kepada jurulatih. Untuk menjayakan lagi program pemerkasaan belia, saya berharap Kerajaan Negeri akan menyediakan satu peruntukan khas untuk tujuan ini. Dengan sokongan Kerajaan Negeri, saya percaya platform *raise up leader* akan lebih mampan dan popular. Moga-moganya ia dapat diterimapakai dan diperluaskan di seluruh komuniti masyarakat di Pulau Pinang. Di samping itu saya juga berharap Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk menceburi dalam bidang perfileman. Sejak kebelakangan ini, jiran kita seperti Jepun, Korea dan China giat menceburi dalam bidang perfileman. Pencapaian mereka juga amat memuaskan. Sesebuah filem yang berjaya akan membangkitkan ekonomi sesebuah negeri ataupun negara. Kita bukan hendak fokus hendak melahirkan seniman yang unggul sahaja, tetapi juga demi mempertingkatkan lagi ekonomi dalam negeri. Kefasihan dalam penggunaan perisian komputer dalam bidang perfileman, seperti *photoshop*, *illustrator*, *light room*, *adobe*, *after effect* dan sebagainya perlu dititikberatkan untuk melahirkan belia Pulau Pinang yang berkebolehan. Kemungkinan generasi 50 atau 60-an tidak begitu berminat dalam perisian komputer atau teknologi. Tetapi kita tidak boleh menafikan hakikat yang menunjukkan teknologi semakin penting dalam kehidupan manusia pada hari ini.

Selain daripada itu, saya juga amat bangga dengan pencapaian saudari Lee Pei Ling di peringkat antarabangsa dan juga sokongan penuh yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Saudari Lee Pei Ling telah berjaya memasuki pusingan terakhir *Sing China*. Dia telah memasuki pusingan terakhir *top six* di Negara China. Kini saudari Lee Pei Ling telah menjadi wakil *idol* bagi kempen *Penang Goes Orange 2016*. Saya menyaran bahawa Kerajaan Negeri bolehlah berunding dengan terperinci bersama pihak rancangan televisyen Negara China supaya bakat belia Pulau Pinang dapat dicungkil tanpa kira kaum di samping mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, terima kasih. Saya juga ingin menyumbang dalam perkara ini dan bawa kepada perhatian dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada juga pelajar-pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ramakrishna yang telah mengharumkan iaitu daripada kawasan YB. Datok Keramat yang telah mengharumkan nama Pulau Pinang dalam satu pertandingan di China melibatkan...(dengan izin) *science fair*. Dan saya berterima kasih juga di kala ini kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi sumbangan kewangan untuk menghargai pencapaian mereka dan berharap supaya pada masa akan datang, lebih lagi bantuan kewangan akan diberikan kepada mereka supaya mereka dapat terus berjaya dalam pertandingan-pertandingan seperti itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Seri Delima. Memang cadangan dari Seri Delima adalah sangat bagus dan saya rasa yang saya sebutkan tadi ini adalah aset negara. Kita perlu cunghkil bakat mereka dan beri sokongan dari segi yang penting, perlu ada wang untuk menjalankan latihan untuk mereka. Dan jadi kejayaan Kerajaan Negeri juga memerlukan sokongan belia yang boleh menjamin Negeri Pulau Pinang berkembang dengan pesat dan sihat. Tentang isu pengurusan pencegahan banjir. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan Negeri kerana mengambil berat tentang masalah banjir terutama di Sungai Pinang yang terletak di KADUN Sungai Pinang. Kebetulan kawasan saya namanya Sungai Pinang tetapi sungai itu bukan kepunyaan, terletak di KADUN Sungai Pinang sahaja tetapi ramai orang sangka Sungai Pinang itu terletak di KADUN Sungai Pinang. Kerajaan Persekutuan hanya meluluskan RM150 juta walaupun rancangan tebatan banjir Sungai Pinang memerlukan kos perbelanjaan sebanyak RM350 juta. Jadi saya berharaplah RM150 juta ini yang diperuntukkan akan disalurkan secepat mungkin dan baki RM200 juta juga direalisasikan demi kebajikan rakyat. Dan dengan ini saya menggesa supaya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya bersama-samalah kita membantu menangani masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang iaitu maksudnya baki itu juga cepat diluluskan. Lembangan Sungai Pinang merupakan lembangan yang penting kerana Sungai Pinang mengalir melalui kawasan pembangunan kawasan yang padat seperti Paya Terubong, Bandar Baru Air Itam, Jalan Air Itam, Jalan Lumba Kuda dan kawasan Jelutong yang termasuk Jalan P. Ramlee, Jalan Datok Keramat dan Jalan Sungai Pinang.

Dengan ini saya memohon jasa baik daripada Kerajaan Negeri supaya dinaiktaraf sistem perparitan di sekitar Kampung Rawa yang terletak di tepi Sungai Pinang. Terdapat lebih daripada 80 buah rumah atau lebih daripada 100 keluarga yang menetap di sekitar Kampung Rawa. Lintang Kampung Rawa 2 dan Lintang Kampung Rawa 3. Penduduk di sekitar Kampung Rawa yang dilanda banjir dan sekian lama mereka menunggu lama menunggu kerja-kerja implementasi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang. Sementara menunggu RTB Sungai Pinang direalisasikan, kami amat berharaplah sistem sekitar perparitan dinaiktaraf.

Saya dimaklumkan oleh penduduk bila saya membuat perondaan dan saya membuat lawatan waktu banjir bahawa sistem perparitan telah lama tidak dinaiktaraf. Sekurang-kurangnya 20 tahun, dengan ini wajarlah Kerajaan Negeri dapat mengambil kira projek naiktaraf sistem perparitan di sekitar Kampung Rawa dengan sebahagian peruntukan wang sebanyak RM220 juta yang diumumkan oleh Ketua Menteri untuk pencegahan banjir kilat di seluruh Pulau Pinang. Di sini saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang melalui MMK Tebatan Banjir telah dinaiktaraf sistem perparitan di Lorong Perak dan sebahagian Jalan Jelutong. Usaha Kerajaan Negeri ini telah membantu kawasan tersebut dan kawasan sekelilingnya daripada dilanda banjir. Dan apabila berlaku banjir kebelakangan ini, sistem perparitan di sekitar Lorong Perak dan Jalan Jelutong yang baru-baru dinaiktaraf ini tidak pernah dinaiktaraf lebih daripada 20 tahun. Kini ia bukan sahaja sistem perparitan dinaiktaraf, malah juga membina dan dinaiktaraf laluan pejalan kaki yang memberi keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna laluan berjalan kaki. Projek di atas telah memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya EXCO Tebatan Banjir dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang selama ini telah bertungkus lumus mengusahakan portfolio mereka. Banjir kilat yang berlaku apabila longkang, sungai atau perparitan tersumbat atau kejadian air laut pasang tinggi semasa hujan lebat turun dan berlaku di sesuatu lokaliti. Hulu Sungai Pinang yang terletak di kawasan Jelutong tercemar dengan kuantiti sampah domestik yang begitu banyak. Sampah sarap ini termasuk pelepasan enap cemar dari saluran kumbahan, sisa buangan dari premis perniagaan atau rumah-rumah di tepi sungai. Botol-botol plastik dan tin minuman, tin *aerosol* dan sisa-sisa makanan tidak dirawat turut dijumpai terapung. Ular pun ada, kan. Saya ingin tunjukkan keadaan perangkap sampah *lock-bone* di hulu Sungai Pinang selepas hujan lebat. Ini ialah saya ambil daripada *facebook* EXCO YB. Padang Kota. Ini adalah perangkap sampah, so semua sampah dari atas, dari Sungai Pinang yang atas melalui Sungai Dondang, Air Putih, Air Itam, semua akan turun ke sini. Jadi kumpulkan, akan dikumpulkan di sini sampai pekerja yang mengutip sampah boleh berdiri di atas sampah, terapung. Jadi dia memang dahsyat, sampah.

Jadi janganlah saya nak menyerulah jika, so jadi berapakah kuantiti sampah yang dipungut penggal dewan yang lalu saya pernah tanya, dia kata laporan daripada JPS adalah sebulan pernah pungut 50,000 kilogram dalam sebulan. Maksudnya ialah 50 tan. Sekarang kita nampak, kalau kita dapat laporan daripada JPS, dia memang sampah yang dipungut sekarang adalah kurang sikit tetapi dia tidak nampak kurang sikit tidak menunjukkan bahawa perlu ada begitu banyak sampah. Saya rasa memang kerana ada usaha Kerajaan Negeri, pengasingan dari sisa juga telah menunjukkan hasil daripada program pengasingan sisa. Cuma kita nampak ini adalah di bandar dan saya rasa seruan daripada YB. Padang Kota kata *hi Penang Lang*, janganlah buang sampah, mencemarkan sungai. Saya rasa sedih sebab sungai ini di dalam kawasan saya, di belakang Sekolah Tamil. Kita rasa macam mana kalau ini adalah di negeri kita atau di kawasan kamu. Jadi saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya tanya pada Yang Berhormat, memandangkan keadaan begini dan keadaan yang makin lama kita gunakan perkataan satu sikap alpa yang ditunjukkan oleh rakyat Pulau Pinang, apakah forum-forum yang dapat digunakan? Saya berharap ucapan Yang Berhormat akan diberi liputan dalam surat khabar supaya dapat *The Star*, *The People's Paper* ataupun surat khabar-surat khabar yang lain supaya dapat mempertingkatkan lagi tahap kesedaran rakyat di Pulau Pinang supaya tidak sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata. Kerana kita perlu ingat bahawa projek-projek tebatan banjir ini walaupun sedang dilaksanakan, akan dilaksanakan, sedikit sebanyak tanggungjawab untuk mengelakkan kejadian banjir ini berlaku harus juga dipikul oleh masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan tertentu kerana mereka tidak boleh apabila berlakunya banjir, menyalahkan Kerajaan Persekutuan, menyalahkan Kerajaan Negeri dan saya kasihan kepada YB. Datok Keramat baru-baru ini ataupun setiap kali berlakunya hujan, mesti beliau turun kawasan bersama-sama dengan YB.

Sungai Pinang, kali ini nasib baiklah air itu hanya sampai lutut sahaja, kadang-kadang saya tengok Yang Berhormat sampai atas, dekat dada. Dan selalunya pernah naik bot, saya tak pernah naik bot lagi, tapi kalau diperlukan saya akan turut membantu. Jadi saya kasihan mujurlah seperti saya katakan di kawasan Seri Delima tidak ada masalah tetapi bila berlakunya hujan dan angin yang kuat...(gangguan). Boleh tidak ada masalah, kita macam adik beradik. Jadi sama-sama boleh membantu.

Jadi saya ingin menyerulah kepada masyarakat, rakyat di Pulau Pinang supaya kita sedarlah diri. Kalau boleh kita menggunakan sesuatu perkakas plastik, botol plastik untuk mengisi air dan menyimpannya seperti membeli susu, kita harus cuba menggalakkan bekas itu digunakan semula untuk disimpan di dalam peti-peti ais umpamanya. Dan beg-beg plastik yang ada dalam rumah pun selalu kita lihat pergi pasar kita ambil beg plastik, dan bila pergi pasar malam pun kita ambil beg plastik yang lain. Kalau kita gunakan beg plastik yang sama, saya rasa kita dapat mengelakkan masalah ini daripada berlaku dan saya amat berharaplah kepada wartawan-wartawan yang berada di dalam atau pun di luar supaya memberi liputan kepada ucapan perbahasan Yang Berhormat daripada Sungai Pinang supaya masalah membuang sampah dan tabiat alpa rakyat Pulau Pinang ini bertukar secara masa akan berlalu seperti masa yang berlalu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Minta laluan YB. Sungai Pinang. Seperti apa yang dicakap oleh YB. Seri Delima, di kawasan saya Projek The Garden yang sudah disiapkan pada tahun 2013, oleh Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), memang saya berterima kasih kerana mengurangkan banjir kilat di kawasan saya iaitu Kampung Baru. Tetapi kerana tabiat rakyat jelata yang suka buang sampah, yang menyebabkan *the rubbish sprint*, perangkap sampah, kadang-kadang JPS terlupa pergi bersih dan bila hujan lebat yang turun tak berhenti, menyebabkan kadang-kadang berlakunya banjir kilat di tempat yang rendah di Kampung Baru dan lagi satu sebabnya ialah taman di sana taman yang lama seperti apa YB. Sungai Dua cakap. Dibikin pada tahun 1969. longkang dia cetek dan kecil dan pada tahun 2013, saya sudah minta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menaiktaraf longkang di Kampung Baru dan satu lagi di dalam itu, taman mereka, *terrace house single storey* ialan rendah daripada jalan raya. Dekat tiga (3) sampai lima (5) kaki. So bila hujan lebat, air semua masuk ke rumah, sampai ke hari ini pun belum selesai masalah sebab longkang itu memang rendah dari jalan raya. Dan semua tuan rumah mereka sebab takut air bila pasang itu, air longkang masuk rumah, so mereka tutup longkang itu. Lagi masalah, so saya harap MPSP kalau boleh tolong saya sebab saya dah minta dari 2013 sampai hari ini, belum ada bajet daripada MPSP untuk menaiktaraf longkang di kawasan Kampung Baru, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih saudara saudari dari Berapit dan Seri Delima. Memang kalau jika kita nak mempersalahkan Kerajaan negeri kerana ada banjir kilat, fikirlah sendiri apakah kamu sudah sumbangkan kepada, ada tak kamu penyumbang kepada banjir kilat. Sebab saya nak katakan satu kisah benar bahawa bila kita buat lawatan, selalu kita ada lawatan untuk memantau longkang, saya selalu suka tengok longkang sejak menjadi Ahli Majlis, adakah longkang ini tersumbat atau tidak tersumbat. Jadi penduduk dia buat aduan, Yang Berhormat, "Tengok longkang ini, sampah semua". Saya kata "Bagaimana kamu buang sampah kamu?". Saya nampak rumah dia tiada tong sampah. Dan saya dapat tahu bahawa dia sendirilah yang buang sampah ke dalam longkang itu. Dia sendiri yang menyumbang dan dia kata hoi tengok, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) punya pekerja tak datang untuk membersihkan longkang. Saya rasa ini keterlaluan, sama-samalah kita menjaga alam sekitar kita. Jadi bilakah rakyat jelata kita minda mereka akan tahu bahawa tiap-tiap seorang akan menyumbang kalau kamu sumbang sedikit, dia akan jadi bukit. Jadi adalah seperti yang kita nampak di gambar itu... (gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Sungai Pinang. Soalan saya, adakah Sungai Pinang setuju bahawa rakyat jelata ketibaan masalah berlaku mereka akan tolak kepada kerajaan? Memang kerajaan kita boleh bertanggungjawab untuk menguruskan masalah-masalah seperti yang dipertanggungjawabkan. Tetapi dengan satu masalah tadi YB. Sungai Pinang berkata bahawa tong sampah. Kebanyakan rakyat jelata termasuk rumah-kedai, beratus-ratus ribu mereka boleh buka kedai, boleh beli kedai, boleh sewa, buat

bisnes setiap hari, tetapi tidak boleh letak tong sampah, kita ambil contoh sederet rumah kedai di jalan tadi nombor satu (1) hingga nombor 10, cuma boleh dapati sekurang-kurangnya dua (2) atau tiga (3) rumah kedai sahaja ada sediakan tong sampah.

Adakah YB. Sungai Pinang setuju bahawa sikap rakyat jelata perlulah dididik kerana memang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ada satu peraturan di mana kalau tidak sedia langsung sampah, mereka akan keluarkan saman. Tapi semasa saman dibuat, saman itu akan tendang balik ke pusat khidmat kita. Mengapa MPSP begitu kejam atau pun MBPP begitu kejam? Saya tak sediakan tong sampah, mengapa *you* bagi notis, bagi saman. Tapi setiap kali kita war-warkan dalam surat khabar, pemberita pun tolong kita war-warkan dalam surat khabar, tapi tak guna. Sikap mereka tak mahu berubah. Mereka *is like spoon feed...*(dengan izin), YB. Timbalan Speaker, mereka ingat MPSP setiap hari patut datang *I* tuan rumah atau *I* punya rumah kedai, ketuk pintu, kalau *I* punya pintu tak buka lagi, ambil sampah, selesaikan semua itu. Inilah masalah rakyat. Dan saya tanya YB. Sungai Pinang kita kena cari cara penyelesaian seperti YB. Sungai Pinang tadi yang katakan bahawa beliau memang *expert* dalam tengok longkang dan juga tong sampah. Mungkin kena cari jalan supaya MBPP dan MPSP kenalah jalankan sesuatu tanpa penguatkuasaan, saya ingat masalah-masalah ini akan terus timbul dan PBT ataupun ADUN kawasan setiap kali kena *put the blame*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Yang Berhormat dari Jawi. Saya memang suka kalau penguatkuasaan dijalankan, cuma kita nak secara rela dan secara ikhlas perbuatan daripada rakyat jelata itu ialah secara ikhlas sebelum itu kita implemenkan pendidikan, sebelum itu. Kita beri peluang dan saya rasa bila kita belajar sejak sekolah rendah, *I think* sekarang *nursery* ke *kindergarten*, selalu kita dipupukkan bahawa kita perlu mengamalkan kebersihan, kitar semula. Sekarang ada kan kitar semula dan kita menjaga kebersihan, jangan buang sampah di merata-rata tempat. Tetapi tabiat ini tidak masih berlaku, masih berlaku. Dan saya bukan, kita memang sebagai Kerajaan Negeri, kita memang akan bertanggungjawab apa yang kita perlu. Tetapi adakah rakyat jelata akan bekerjasama dengan kita?

Janganlah sampai bila ada banjir, yang saya katakan tadi itu memang di kawasan itu dia ada sekali-sekala ada banjir kilat. Dia tidak tahu bahawa dia juga adalah penyumbang kepada banjir kilat. Di cuma menunding jari kepada sesiapa itu. Oh, MBPP yang paling senang ialah MBPP, MBPP. Dan wakil rakyat. Cuma saya nampak bila saya tengok, saya sedih sekali saya tengok bila ada pekerja MBPP kita yang merendamkan diri mereka, badan mereka di dalam longkang itu yang begitu kotor, mereka bersihkan longkang. Tetapi kenapa masih ada tuduhan bahawa mereka tidak bersihkan longkang, bahkan mereka yang kotorkan longkang. Saya selalu kata pekerja MBPP mereka adalah *unsung heroes*. Kita perlu(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Okey YB. Sungai Pinang, memang betul sampah sarap yang tersumbat di longkang dan di *drill* Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu menyebabkan banjir kilat. Tetapi yang kelihatan saya, pemerhatian saya, selain daripada itu ialah longkang-longkang di taman yang tahun dahulu, taman awal-awal itu, memang longkangnya terlalu cetek dan sempit, menyebabkan banjir kilat di bandar. Macam di Bukit Mertajam, memang rakyat di Bukit Mertajam banyak gembira sebab macam kawasan yang selalu banjir di Padang Lalang itu, Sungai Rambang, *former* Yang Berhormat Michael Tan, selalu datang cari mantan Dato' Speaker, iaitu YB. Bukit Tambun untuk mendapatkan bajet untuk menaiktaraf semua projek-projek tebatan banjir. Dan memang di Sungai Rambai itu macam banjir kilat itu sudah kurang. So rakyat sangat gembira, tetapi masalah sekarang ialah tempat baru yang tak pernah banjir juga banjir. Apa masalahnya? Mengapa tempat yang tak pernah banjir itu, banjir.

Seperti di Datok Keramat. Dulu banjir, lepas tu habis projek sudah baik. Tetapi kenapa sekarang sudah balik? Kita fikir mengapa? Adakah projek di atas Projek Keramat itu banyak projek perumahan yang baru, macam di Paya Terubong, di Air Itam. Macam tempat saya, saya sudah menolak tiga (3) projek di belakang Taman Sentosa, Taman Bukit Emas, Taman Bukit Indah, mengapa? Kerana kalau projek bertingkat-tingkat dibenarkan berdiri di Kampung Baru, Taman Sentosa sana? Habislah, sebab air yang dibiarkan oleh penduduk sana, 47 tingkat akan menyebabkan rumah-rumah yang lama di bawah itu banjir kilat. So saya harap MPSP, MBPP berfikir macam mana untuk menyelenggara projek-projek baru

ini akan menyebabkan banjir kilat di taman-taman yang sedia ada. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Berapit. YB. Sungai Pinang, kita tangguh dulu. Sambung semula jam 8:00 malam nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan disambung semula jam 8.00 malam

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya teruskan ucapan saya. Sampah, longkang, tadi sudah sentuh, penguatkuasaan, tidak habis lagi cuma sedikit tentang penguatkuasaan sebab tadi YB. Jawi ada kata tentang penguatkuasaan, dia ada kata panggil saya ucap tentang pokok, tidak ada masa. Okay, tadi saya sentuh tentang kuantiti sampah yang dipungut telah nampaknya ada kurang kalau berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, tetapi saya rasa usaha untuk menangani pembuangan sampah ke sungai masih perlu dipertingkatkan dan kami difahamkan pasukan *task force* sudah ditubuhkan melebihi setahun bagi menangani isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai. Daripada foto yang saya tunjukkan tadi nampaknya aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai adalah perkara yang biasa untuk rakyat jelata di sini. Saya rasa ini memang, kemungkinan bukan di Pulau Pinang sahaja, kemungkinan di seluruh negara-negara lain dunia juga.

Dengan ini saya ingin tanya sehingga kini apakah tindakan diambil dan berapakah kompaun yang dikeluarkan oleh pasukan *task force* untuk pencemaran sungai. Saya faham penguatkuasaan memang sukar dilaksanakan, justeru saya mencadangkan supaya pasukan *task force* mungkin perlu membuat rondaan sungai tersebut dengan *motor boat* sebab kita tidak tahu pencemaran itu daripada mana, kalau kita kena cari punca, memang kalau pencemaran itu kalau daripada restoran atau dari perumahan, kita kena cari punca dari mana pencemaran itu datang, jadi adalah kalau tentang sungai, saya rasa rondaan perlu dengan *motor boat*.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan. Saya hendak tanya YB. Sungai Pinang sama ada pasukan *task force*, rondaan atau penguatkuasaan dapat selesaikan masalah-masalah seperti di kawasan parit yang besar, sungai, di mana JPS sentiasa menghadapi masalah dimana sampah-sampah, di mana bukan sahaja sampah biasa tetapi ada katil, helmet, jeans, mana-mana, macam-macam pun ada, buang motor pun ada. So, ini lah masalah-masalah yang dihadapi oleh JPS sentiasa kerana JPS setiap kali mereka kena cuci parit tersebut maka mereka sentiasa mendapati bahawa barang-barang tersebut dibuang dan saya pernah bertanya kepada JPS apakah cara untuk menjalankan pengurangan sisa-sisa sebegini tetapi JPS pun tidak ada jalan. Saya hendak tanya Ahli Kawasan Sungai Pinang sama ada penguatkuasaan, *task force* atau pun *motor boat* dapat selesaikan masalah-masalah ini kerana susah hendak dapat tahu siapa yang buang sampah-sampah yang berat seperti ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Jawi memang saya sudah katakan bahawa pelaksanaan penguatkuasaan itu memang sukar tetapi ini adalah satu cadangan bahawa rondaan di sungai menggunakan *motor boat*. Kalau untuk parit besar kemungkinan kita perlu penglibatan daripada komuniti tempatan bahawa jadikanlah mereka mata-mata atau *spy* dan kita beri *award* kalau kita boleh tangkap sesiapa yang membuang sampah atau perabot-perabot yang besar itu ke dalam parit besar dan saya juga ingin mencadangkan bahawa tindakan undang-undang yang tegas dan hukuman yang setimpal diambil ke atas mereka yang melanggar peraturan-peraturan yang terkandung di dalam akta yang berkaitan.

Bagaimana pun saya percaya pendidikan sivik ke arah mementingkan kebersihan sungai perlu dipupuk dan dititikberatkan. Itulah saya kata sebab kami rasa kalau penguatkuasaan sahaja, kita hendak hasil yang lebih seimbang. Kita tidak mahu menguatkuasakan sahaja tetapi kalau pendidikan masih tidak dapat mendatangkan hasil, tidak dapat memupuk kesedaran daripada rakyat jelata *then* terpaksa saya rasa kita mengadakan penguatkuasaan yang lebih tegas. Dengan ini saya bercadang, suatu peruntukan juga disediakan untuk program ke arah mencintai alam sekitar dan meliputi semua program Kerajaan Negeri sebab daripada sampah, isu kebersihan, ia akan ada Denggi, isu Denggi, pengasingan sisa sampah dari punca. Program pendidikan adalah sangat penting, jadi saya cadangkan supaya peruntukan juga disediakan untuk program pendidikan. Bukan sungai sahaja, saya bukan saja hendak menyeru supaya kita cintai dan sayangi sungai, kita perlu mencintai longkang juga sebab air daripada longkang yang mengalir ke sungai. Ini adalah hakikat, kalau longkang penuh dengan sampah atau dengan kotoran ia akan mengalir ke sungai, jadi ianya juga adalah punca. Jadi, bukan sahaja slogan "Sayangilah Sungai" tetapi "Sayangilah Parit dan Longkang" juga.

Saya juga ingin menyentuh tentang kawasan saya iaitu yang dinamakan Persiaran Karpal Singh, Persiaran Karpal Singh menjadi semakin popular dan dikunjungi ramai, ramai yang mengunjungi Persiaran Karpal Singh kerana ingin melihat bagaimana keadaan permandangan dan infrastruktur tempat yang dinamakan mendiang Yang Berhormat Karpal Singh yang dihormati. Saya masih ingat bila saya dipilih sebagai wakil rakyat kawasan Sungai Pinang, kawasan tersebut adalah kurang disambut ramai dan sehingga Burger King pun tidak berminat untuk meneruskan *business* di sana. Pada masa itu kawasan yang baru dibangunkan ini sunyi dan gelap sahaja malah pergaduhan dan kes ragut sering berlaku. Kalau keselamatan nyawa dan harta benda terugut, maka ini telah menyebabkan tempat ini makin kurang disambut orang ramai. Penduduk-penduduk setempat pun tidak berminat mengunjungi tempat ini walaupun ia adalah satu tempat yang begitu sesuai, begitu indah, begitu sesuai untuk beriadah sekeluarga dengan landskap *promenade* yang cantik dan laluan basikal yang sedia ada. Saya perlu mempromosikan kawasan ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang beraneka jenis dan menambah baik di samping menaik taraf kawasan tersebut. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu menaik taraf Persiaran Karpal Singh atas permohonan saya seperti memasang(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, sebelum kita terlepas, saya ingin bertanya Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang dalam beberapa persidangan yang lalu. Saya telah mencadangkan bahawa kawasan Sungai Pinang itu ditukar kepada satu kawasan tarikan pelancong, saya masih ingat pada sesi tahun 2013 atau 2014 seperti yang kita ada di Melaka, kalau kita lihat di sana, sungai itu di sepanjang Melaka digunakan sebagai satu kawasan tarikan pelancong di mana bot-bot penumpang dibenarkan, pelancong-pelancong dibenarkan untuk menaiki bot dan bot-bot itu akan membawa pelancong-pelancong daripada muara sungai ke tepi laut. Saya rasa kalau kita mempromosikan Sungai Pinang sebagai satu tempat di mana pelancong-pelancong dibenarkan untuk menaiki bot dan pengusaha-pengusaha di kawasan-kawasan tempatan. Selain daripada mencari punca pendapatan sebagai nelayan, nelayan-nelayan di kawasan berdekatan juga dapat mempromosikan Sungai Pinang, satu, nombor 2, ini juga akan meningkatkan tahap kesedaran penduduk-penduduk di kawasan tersebut di sepanjang Sungai Pinang untuk menjaga kebersihan dan juga kalau boleh Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk membina jeti-jeti, tidak banyak, mungkin kita boleh mulakan dengan 2 – 3 jeti di sepanjang Sungai Pinang, di mana di sepanjang Sungai Pinang itu bot-bot boleh berhenti, penumpang bolehlah turun dan bolehlah melawat kawasan-kawasan tertentu.

Apa yang saya boleh fikirkan sekarang umpamanya rumah P. Ramlee yang juga berada berdekatan dengan kawasan Sungai Pinang dan juga berdekatan dengan kawasan Datok Keramat. Jadi mungkin kita perlu, walaupun kita sedikit sebanyak mahu rakyat juga memikul tanggungjawab untuk menjaga kebersihan Sungai Pinang, mungkin YB. Sungai Pinang dan EXCO-EXCO termasuk EXCO Pelancongan, YB. Batu Lancang boleh mengambil satu inisiatif yang lebih proaktif untuk mempromosikan kawasan Sungai Pinang dengan seperti yang dikatakan oleh YB. Sungai Pinang ini, bukan sahaja *boat ride*...(dengan izin), bermula di kawasan Sungai Pinang dekat dengan rumah P. Ramlee tetapi boleh juga sampai ke Persiaran Karpal Singh ke tepi laut, mereka boleh turun ke situ dan makan angin di sepanjang kawasan persisiran pantai di Persiaran Karpal Singh. Itu adalah satu cadangan yang boleh kita beri perhatian dengan serius supaya kita tidak melihat, masalahnya Yang Berhormat, saya minta maaf. Konsep kita, kita lihat sungai itu sebagai tempat pembuangan sampah, nampak sahaja sungai kita melemparkan bungkusan-bungkusan sampah ke dalam sungai itu, kalau kita menukar konsepnya dan menjadikan sungai itu tempat itu tarikan pelancong saya percaya ia akan sedikit sebanyak menyumbang kepada kebersihan Sungai Pinang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada Yang Berhormat daripada Sungai Pinang, adakah Sungai Pinang bersetuju bahawa ini adalah salah satu perubahan yang besar ataupun kejayaan di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan di mana sebelum tahun 2008 dan dibandingkan pada tahun 2016 memang jauh beza sebelum 2008 dan 2016 di mana perubahan yang besar, pembangunan yang besar dan juga pencapaian dan kejayaan yang telah dibuktikan bahawa memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup untuk membantu sesuatu tempat ataupun membangunkan sesuatu tempat menjadi satu tarikan dan menjadi tempat pelancongan dan saya nak sambung tadi cadangan dari YB. Seri Delima, memang cadangan yang bagus mungkin kita boleh tambah dengan restoran terapung dimana di Pulau Pinang memang kita terkenal dengan makanan-makanan yang enak dan lazat. So saya ingat tempat di tebing Sungai Pinang memang sesuai, memang di kawasan saya KADUN Jawi kurang sungai, Sungai Kerian, saya ada pernah berbincang dengan beberapa pelabur supaya mereka dapat melabur dalam Sungai Kerian selain daripada melihat kelip-kelip, mereka juga boleh menikmati makanan di restoran terapung tetapi kerana keadaan di sana agak sunyi, tidak begitu ramai pelancong datang seperti di Sungai Pinang yang sudah terkenal yang telah dibangunkan oleh ADUN Sungai Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maka saya berpendapat restoran terapung boleh juga dikaji supaya mendapat tarikan restoran terapung yang pertama di Negeri Pulau Pinang ataupun di Malaysia kalau saya tidak silap. Adakah Ahli Kawasan Sungai Pinang setuju dengan cadangan-cadangan ini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih cadangan daripada YB. Seri Delima dan YB. Jawi. Memang saya juga sedang mempromosikan Persiaran Karpal Singh tetapi hakikatnya ialah Sungai Pinang itu ialah air Sungai Pinang itu ia perlu dibersihkan dahulu sebelum ia dijadikan satu tempat pelancongan, ianya memang akan dijadikan tempat tarikan, *even* soalan bertulis saya juga bahawa "Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memajukan muara Sungai Pinang sebagai satu produk pelancongan misalnya *river tour*". Seperti yang dicadangkan oleh YB. Seri Delima, tetapi pada asalnya, hakikatnya kalau sungai itu begitu kotor, macam mana kita hendak bawa pelancong untuk *river tour* sungai kotor, saya rasa tidak ada sesiapa pun yang akan bersetuju. Jadi saya rasa saya berharap kalau ada pihak-pihak NGO dan swasta bekerjasama kita fikirkan cara *besides* daripada selain inisiatif usaha kerajaan untuk mengadakan penggunaan kaedah IQPR iaitu untuk pembersihan kualiti sungai. Syabas bahawa kualiti air sungai telah mencapai kelas 2 daripada kelas 4, ada nampak ada kemajuan tetapi saya rasa ia boleh menjadi bertambah baik kalau ada kerjasama daripada semua rakyat jelata.

Jadi saya sambung ya. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana membantu menaik taraf Persiaran Karpal Singh atas permohonan saya seperti memasang lebih lampu jalan untuk terangkan sekitar jalan, memasang CCTV, memasang *speed table* untuk mengelakkan aktiviti lumba motosikal dan menaik taraf lagi landskap di sekitarnya. Bulan lepas kami adakan Karnival *Pink of Oktober* yang meriah sekali, ada penyertaan orang ramai dan bukan sahaja penduduk setempat selalunya ada mahasiswa-mahasiswa daripada kolej seperti Disted, seperti KDU dan NGO-NGO lain juga mengadakan pelbagai program di Persiaran Karpal Singh. Sebelum itu memang Persiaran Karpal Singh sangat sunyi sebelum ia

dinamakan Persiaran Karpal Singh dan sekarang ia telah menjadi satu tempat yang *happening*. Cuma masalah sekarang tidak cukup tempat parkir kereta, inilah masalah sekarang yang kita perlu tangani, sebelum itu sunyi, kamu nak *park* macam mana pun boleh, jalan itu sangat besar untuk *park*, sekarang hendak *park* sampai ada 3 *line*, bukan 3 *line sorry*, 3 baris. Bila-bila ada aktiviti-aktiviti *roller blades* di sana sampai ada 3 baris kereta di parkir, jadi sekarang sudah ada penguatkuasaan, jangan kata kamu *park* sekejap sahaja, 2 minit sahaja, kalau undang-undang itu memang ada, penguatkuasa akan laksanakan, nanti kena tol, kena isu saman.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Selain itu, selain daripada mencadangkan Persiaran Karpal Singh yang diadakan seperti sesuatu tempat untuk pelancongan *river tour* saya juga ingin mencadangkan pihak kerajaan mengkaji kesesuaian dan keistimewaan Se Tada Market di Thailand lalu mengimpilikasikan konsep tersebut di Persiaran Karpal Singh. Saya berharap konsep itu dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi remaja dan ibu-ibu tunggal di sekitarnya. Persiaran Karpal Singh memang berpotensi untuk dijadikan tempat perlancongan antarabangsa asalkan mendapat peruntukan dan pemantauan yang rapi daripada pihak kerajaan dan pihak saya juga bersiap sedia untuk menerima cadangan daripada pihak sekolah, kolej, universiti, pihak komuniti setempat atau swasta untuk mengadakan aktiviti yang berfaedah di sekitar kawasan Persiaran Karpal Singh. Saya ingin menyeru kepada seluruh rakyat jelata Pulau Pinang bersama-samalah kita berganding bahu untuk menjadikan Pulau Pinang, Pulau Mutiara ini lebih hijau, lebih bersih, lebih sihat dan lebih selamat. Sekian ucapan saya, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Sungai Pinang. Silakan YB. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Salam Sejahtera, Salam Bersih Dan Salam Reformasi saya ucapkan kepada semua pihak, terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2017 dan usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri pada hari Selasa minggu yang lepas.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 boleh dikatakan mencapai prestasi yang amat membanggakan di mana aset negeri Pulau Pinang bertambah daripada RM850 juta kepada RM1.6 billion, manakala hutang Negeri Pulau Pinang menurun sebanyak 90% hingga RM69 juta pada akhir tahun 2015. Selain itu sejak tahun 2008, Pulau Pinang telah mencatat bajet lebihan untuk lapan (8) tahun berturut-turut dengan jumlah komulatif lebihan sebanyak RM574 juta. Berdasarkan angka-angka dan statistik tersebut sememangnya kerajaan negeri Pulau Pinang berjaya menambahkan aset dan juga mengurangkan hutang dengan begitu signifikan dalam tempoh lapan (8) tahun ini. Namun demikian, kita tidak harus berbangga dengan angka dan statistik kewangan semata-mata, ini adalah kerana angka dan statistik kewangan ini tidak semestinya menjamin kesejahteraan hidup rakyat jelata, malahan kesejahteraan hidup rakyat bergantung kepada keberkesanan dasar dan juga polisi serta tahap pelaksanaan dasar dan polisi.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, dalam ucapan bajet oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Selasa minggu yang lepas telah menyatakan bahawa sebanyak RM7.64 juta telah disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan RM2.0 juta untuk jalan kampung. Sekiranya dibandingkan bajet yang diperuntukkan untuk tujuan yang sama untuk tahun 2016 di mana pada tahun 2016 sebanyak RM17.45 juta diperuntukkan untuk pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan RM2.0 juta untuk jalan kampung. Ini bermakna untuk tahun 2017 jumlah bajet yang diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri telah berkurang hampir RM10 juta dan bajet yang diperuntukkan untuk

jalan kampung adalah sama dengan tahun 2016 sahaja. Memandangkan kenaikan harga barang dan juga adanya GST, saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut berkenaan dengan pengurangan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan juga peruntukan yang sama bagi jalan kampung. Selain itu bajet tahun 2015 dan tahun 2016, masing-masing memperuntukkan RM32.7 juta dan RM26.11 juta untuk membiayai 6 projek iaitu:

1. Projek pelebaran jambatan dan menaik taraf jalan daripada 1 lorong kepada 2 lorong, dari jalan perusahaan hingga persimpangan lampu isyarat,
2. Pelebaran jalan Bukit Minyak, Alma,
3. Cadangan pembinaan jalan sambungan di jalan Bukit Inai dengan jalan Bunga Kaca Piring sekitar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Hun Bin,
4. Pembinaan jambatan di Sungai Machang Bubuk di Jalan Gajah Mati,
5. Menggantikan pembentung konkrit ke jambatan konkrit di Jalan Padang Lalang; dan
6. Projek pembinaan jambatan baru merentas Sungai Kerian di atas laluan 169 kampung Tanjung Berembang.

Untuk tahun 2017, sebanyak RM47.93 juta telah diperuntukkan untuk tujuan yang sama akan tetapi dalam ucapan bajet oleh Y.A.B. Ketua Menteri hanya menyentuh tentang 3 projek sahaja iaitu:

1. Pelebaran jambatan dan menaik taraf jalan dari jalan perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat jalan,
2. Pelebaran jalan Bukit Minyak, Alma;
3. Pembinaan jambatan baru merentas Sungai Kerian di atas laluan di 169 Kampung Tanjung Berembang.

Maka saya di sini ingin mendapat penjelasan tentang status tiga (3) projek lagi dan sama ada projek pembinaan dan naik taraf yang baru yang akan dibiayai melalui peruntukan RM47.93 juta tersebut untuk tahun 2017. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, dalam aspek tebatan banjir, adalah dimaklumkan bahawa pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah melalui kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing memperuntukkan RM11.61 juta dan RM9.45 juta bagi melaksanakan projek tebatan banjir dan juga kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun, kolam takungan dan juga rumah pam. Di sini saya ingin menyeru kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan agar menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun, kolam takungan serta rumah pam mengikut jadual dengan lebih teliti. Ini adalah kerana banyak kawasan yang sering dilanda banjir kilat dapat dielakkan daripada dilanda banjir kilat sekiranya pam-pam yang dipasang di kawasan tersebut berfungsi dengan elok dan sempurna serta parit-parit monsun di sekitar kawasan tersebut dapat mengalirkan air dengan lancar tanpa sebarang halangan.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan medikasi banjir di sembilan (9) lokasi yang telah dimaklumkan dalam ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada sesi penggulungan bajet 2015, dimana YB. Padang Kota telah memaklumkan Kerajaan Negeri akan melaksanakan empat (4) projek medikasi banjir yang berimpak tinggi (dengan izin), *high impact project* di Seberang Perai Tengah iaitu:

1. Di Tanah Liat, Taman Juru;
2. Permatang Rawa, Padang Lalang;

3. Parit ban, Bukit Tengah; dan
4. Parit Lima, Juru

Jika dibandingkan dengan sembilan (9) lokasi yang dinyatakan dalam bajet tahun 2017 dan empat (4) projek berimpak tinggi tersebut sememangnya terdapat pertindihan lokasi iaitu:

1. Sungai Permatang Rawa,
2. Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa,
3. Bukit Tengah; dan
4. Taman Mangga, Jalan Juru.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapat kepastian dan juga klarifikasi tentang pertindahan lokasi tersebut sama ada peruntukan dalam Bajet 2017 tersebut adalah sememangnya untuk empat (4) projek medikasi berimpak tinggi yang telah diumumkan sejak dua (2) tahun yang lalu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, projek itu adalah projek yang diumumkan. Sama.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, lazimnya apabila kita menilai sesuatu bajet, kita akan menilai nisbah perbelanjaan di antara Bajet Mengurus dengan bajet pembangunan. Dari sudut pemahaman rakyat jelata, perbelanjaan untuk mengurus lebih kepada perbelanjaan dalaman kerajaan yang membolehkan sistem birokrasi dan juga pentadbiran terus berjalan lancar dan ia tidak akan menjana apa-apa aktiviti ekonomi dalam masyarakat, sebaliknya perbelanjaan untuk pembangunan pula adalah perbelanjaan untuk masyarakat dan rakyat yang akan menjana aktiviti ekonomi yang mempunyai pulangan ekonomi kepada masyarakat dan juga rakyat. Bajet Pembangunan bagi tahun 2017 adalah berjumlah sebanyak RM887,477,890 juta sekiranya berbanding dengan Bajet 2015 iaitu sebanyak RM225.58 juta dan bagi tahun 2016 RM346.12 juta, jelas Bajet Pembangunan bagi tahun 2017 bertambah dengan begitu ketara sekali. Salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan Bajet Pembangunan tahun 2017 iaitu adalah pinjaman setinggi RM59 juta oleh Kerajaan Negeri daripada PDC untuk tujuan pembiayaan kos pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur memandangkan hampir 70% daripada keseluruhan bajet pembangunan tahun 2017 telah disalurkan kepada PDC melalui pinjaman maka saya berharap dewan yang mulia ini dapat diberi penjelasan yang cukup teliti bagaimana pinjaman sebanyak RM609 juta tersebut diguna oleh PDC, berapakah jumlah peruntukan yang dianggarkan untuk kos pengambilan tanah serta lokasi tanah yang perlu diambil alih?

Butir-butir setiap projek infrastruktur serta kosnya yang akan dibiayai melalui pinjaman sebanyak RM509 juta tersebut selain itu, baki 30% bajet pembangunan tahun 2017 dikongsi oleh lapan jabatan lain iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Taman Botani, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan akhir sekali Jabatan Pertanian. Jika dibandingkan dengan bajet pembangunan tahun 2016 seperti yang dikatakan dalam Risalah 2016 bajet pembangunan tahun 2013 bagi setiap jabatan tersebut adalah lebih kurang sama sahaja kalau tambah pun tambah tak ketara, kalau kurang pun tak kurang begitu ketara jika kita bandingkan dengan tahun 2016. Berdasarkan itu, saya disini membuat kesimpulan bahawa bajet pembangunan tahun 2013 adalah diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan yang sedang berjalan (dengan izin)...*on going project* atau kerja penyenggaraan yang berulang atau (dengan izin)...*project maintenance work* sahaja saya tak nampak apa-apa projek infra di bawah mana-mana lapan jabatan tersebut yang dapat kita lihat dengan penambahan peruntukan kepada jabatan berkenaan. Dato' Yang di Pertua dewan, laporan audit negara tahun 2015 bagi Negeri Pulau Pinang siri kedua baru diumumkan pada semalam, 4 penemuan audit telah dilaporkan dalam laporan siri kedua tersebut iaitu pertama, pengauditan terhadap pengurusan tukar syarat tanah di empat Pejabat Tanah iaitu Pejabat Tanah dan

Galian, Pejabat Tanah DBD, Pejabat Tanah SPU dan juga Pejabat Tanah SPT. Yang kedua, pengauditan ke atas projek membaiki dan mengubah bentuk Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang, JKR SPU dan JKR SPT. Yang ketiga, pengauditan terhadap pelesenan premis oleh MPSP dan keempat, pengauditan ke atas pengurusan perolehan oleh PDC.

Antara penemuan pengauditan yang dilaporkan ingin saya nyatakan dalam perbincangan ini adalah pengurusan pelesenan premis perniagaan oleh MPSP dimana pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Ketua Audit Negara di antara bulan Mac dan Jun tahun ini mendapati pengurusan pelesenan premis oleh MPSP pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah yang pertama: tempoh melupuskan tidak munasabah, kedua: kutipan hasil lesen tidak mencapai anggaran yang ditetapkan, ketiga: premis perniagaan beroperasi tanpa lesen. Keempat: pelanggaran syarat lesen, kelima: pengurusan kompaun, keenam: sistem e-lesen yang kurang memuaskan. Memandangkan hasil lesen adalah salah satu penyumbang utama kepada MPSP kelemahan dalam kutipan hasil lesen yang tidak mencapai anggaran yang ditetapkan semestinya akan membawa kepada penurunan hasil yang dikutip oleh MPSP untuk tahun berkenaan. Semakan audit mendapati kutipan sebenar hasil lesen Majlis pada tahun 2013 hingga 2015 secara puratanya tidak mencapai anggaran yang ditetapkan iaitu orang hampir 20% yang berjumlah RM6.3 juta daripada anggaran hasil lesen yang diluluskan demi kesejahteraan rakyat jelata MPSP telah memberi pengecualian cukai pintu kepada pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan juga rumah kampung bagi tahun ini dan akan terus dengan pengecualian tersebut untuk tahun 2017, malahan MPSP juga terus menanggung beban GST atas arahan Kerajaan Negeri bagi tahun depan tambahan lagi untuk tahun depan MPSP juga perlu menanggung lagi beban kewangan tambahan akibat potongan sebanyak 6% cukai pintu untuk semua hartanah yang lain maka sekiranya kelemahan MPSP dalam mengutip sebenar kutipan hasil lesen atau pun mana-mana kutipan hasil yang lain tidak diperbaiki dengan segera MPSP mungkin menghadapi kekangan kewangan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, saya memohon agar pihak kerajaan dapat memantau keadaan sebenar kutipan hasil MPSP menyeru MPSP mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memperbaiki kelemahan tersebut.

YB. Dato' Yang di Pertua Dewan, akhir sekali saya ingin menyatakan bahawa penambahan bajet perbelanjaan bagi tahun 2017 tidak semestinya menjamin kesejahteraan hidup rakyat ia masih bergantung kepada pelaksanaan dasar dan polisi oleh Kerajaan Negeri dan juga PBT, dengan ini saya pohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bukit Tengah. Ahli-ahli Yang Berhormat, YB Tanjong Bunga silakan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Yang diPertua, bukan saja suasana Dewan ini mahu pun isu-isu yang ingin atau sudah dibangkitkan demi kepentingan rakyat yang disarankan oleh T.Y.T. dalam ucapan perasmian Mei telah memainkan telah memberikan tekanan kepada kita terutamanya saya juga kena tekanan darah yang tinggi semasa pemeriksaan sejak Jumaat. Terutamanya saya fikir berbahas dalam Dewan ini amat menekankan saya berkemungkinan tidak selesa tetapi itu pun untuk kepentingan orang awam.

Walaupun sudah berlalunya dua (2) minggu saya masih ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua dan juga Selamat Hari Hak Asasi Manusia yang baru lalu iaitu 11 November 2016. Di sini saya mengalu-alukan usul tergepar ini yang tepat dibentangkan dan diluluskan dan juga disokongkan Ahli-ahli Dewan Negeri Pulau Pinang ini menyuarakan pendapat Dewan ini Maria Chin Abdullah yang ditahan di bawah SOSMA yang zalim yang disalah gunakan ke atas beliau seorang *civil workers* ada satu lagi tidak adil dan kita mendesak juga Maria Chin Abdullah dilepaskan dengan segera. Salam Sejahtera, ya sila.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, bila-bila masa kalau rasa nak berhenti rehat *anytime* ya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Salam Sejahtera *of course* kepada hari *transgender remembrance* iaitu pada 20 November 2016 dan juga *Salam Follow Me....(dengan izin)*. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan bajet 2017 yang dibentangkan Y.A.B. Ketua Menteri pada persidangan Dun pada 15hb November 2016. Bajet ini pada pendapat saya ia tidak berkesinambungan dan tidak berkeseimbangan pada saya ia cenderung kepada pembangunan daripada pemeliharaan alam sekitar, yang disebutkan bahawa tiga cabaran utama negeri yakni pembangunan perumahan masalah kesesakan trafik dan banjir terutama banjir kilat dan banjir sungai dan dituduh akibat perubahan cuaca walaupun negeri kita sedang dan akan menghadapi krisis ekonomi dengan beberapa faktor yang tertentu Negeri Pulau Pinang masih berupaya maju ke depan bergantung kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan yang masing-masing menyumbang 50%, 45% kepada KPDKN Pulau Pinang pada tahun 2015 yang baki 5% iaitu dari pembangunan pertanian, kuari dan lain.

Maksudnya dengan purata 5% ini dikongsikan purata 1.6% masing-masing pembangunan pertanian dan kuari dan terutamanya pada masa kini, rakyat terutamanya *medium class....(dengan izin)* dan miskin tidak mampu memiliki rumah sendiri yang diingini disebabkan pembangunan perumahan terutamanya kebanyakan dalam pulau ini, bahagian pulau ini pembangunan high end kondominium telah mengawalkan juga pemasaran dan harga perumahan hingga jenis rumah LMC dan LMM tidak mencukupi dan menyusahkan kehidupan rakyat, memang kita juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan terutamanya MMK Perumahan pada penggal ini mengambil langkah yang tepat untuk membinakan lebih LMM di kawasan yang tertentu tetapi pada mulanya siling harganya tak betul ada yang tertinggi RM400,000 seperti yang ada dan sekarang siling sudah diturunkan kepada RM300,000. Bagaimana dengan siling yang tertinggi RM itu sudah diluluskan seperti di kawasan saya satu LMM yang 50 tingkat harganya diantaranya RM300,000 hingga RM400,000 lebih. Jadi adakah ini masih LMM? Saya sendiri setuju ekonomi kita ini tidak sihat dan adil dan impak yang besar dan dalam polisi yang baik harus memberi harapan dan keharmonian dan kemesraan kepuashatian dan kesihatan kepada rakyat harus seimbang dengan alam sekitar.

YB. Dato' Speaker, saya optimistik bahawa tata kelola dan *executive* menerusi pentadbiran CAT akan lebih berjaya jikalau dan dengan beberapa jikalau saya ada peluang, reformasi dalam 100 hari saya akan jayakan adalah perubahan Perlembagaan Negeri untuk menghadkan penggal Ketua Menteri kepada dua penggal. Di sini saya tidak mahu debatkan lagi tidak pernah tidak perlu debatkan lagi keperluan dan kebajikannya kerana ia memang sudah difahami ramai termasuk bekas Menteri Besar Kedah YB. Mukhriz. Saya kalau ada peluang saya akan ubah suai perlembagaan seperti berikut pindaan perlembagaan ke atas artikel 35(1) bahawa pindaan dibuat atas artikel 7(9) "Ketua Menteri tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh melibatkan diri secara aktif dalam apa-apa perusahaan komersial dengan ubahan tambahan ini jadi a dan b, Jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada dua (2) penggal berterusan saja".

YB. Dato' Yang di-Pertua, mahu tak mahu suka tak suka ada satu perkara yang amat penting dan sensitif di mana ia hanya patut dibangkitkan dalam Dewan ini demi kewibawaan Dewan yang mulia ini. Saya sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri sedang menjalankan tugas saya terus kerana juga kita juga dalam sistem (*kurang jelas*) yang menjalankan *separation of power* iaitu *legislative*, *executive* dan *judiciary* dan kita sekarang dalam satu krisis dalam Dewan di mana ada satu kes di mana *judiciary* dalam proses siasatan ke atas *executive* di mana beberapa tuduhan saya fikir adalah tepat dan wajar saya *recognize* tata kelola *executive* dalam Dewan ini.

Jikalau saya ada peluang Dato' Yang di-Pertua, dalam sistem kita ini tanggungjawab adalah salah satu faktornya iaitu *responsibility* seseorang pemimpin harus praktiskan *collective responsibility* semasa menghadapi sesuatu *controversial agar public interest* atau atas kepentingan awam terjamin dan urus tadbir terbela. Selalunya kita mendesak seseorang politik itu ambil cuti biarkan siasatan tuduhan atasnya diselesaikan diputuskan mahkamah agar kebenaran terbela dan kepentingan awam terjamin. Jikalau cadangan tersebut sukar diterima maka satu langkah yang lebih progresif boleh diambil kira bahawa demi juga keadilan pemimpin tersebut dinasihatkan jangan mengengkerusikan atau menguruskan perkara dalam Jawatankuasa yang terlibat dan berkenaan buat sementara sehingga keputusan mahkamah yang muktamad diadakan agar mengelakkan sesuatu kekeliruan kerana adanya konflik *of interest ... (dengan izin)* dengan cara ini saya fikir bukan saja kewibawaan Dewan yang mulia ini tercapai bahkan menunjukkan tanggungjawab pemimpin terhadap tuduhan terhadapnya dikotai.

YB. Dato' Yang di-Pertua, seterusnya jika saya ada peluang saya akan melembagakan satu sistem *ombudsment* bukan saja satu reformasi Dewan bahkan kewibawaan Dewan terbina dan kepentingan awam juga terjamin. Saya juga ada satu soalan tentang *ombudsment* ini supaya mengapa Kerajaan Negeri yang selalu yang selalu amalkan CAT tidak menunaikan perubahan *ombudsment* ini. Ada jawapan tetapi jawapannya saya tidak boleh setuju walaupun Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai saluran kepada orang awam untuk bagi mengemukakan sebarang masalah aduan serta cadangan penambahbaikan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan tetapi dalam jawapan itu Ahli-ahli Jawatankuasa dalam sembilan (9) jawatankuasa yang disebutkan sedia ada tidak dapat dimantapkan atau dipantau. Nampaknya mereka sedang kena pantau diri sendiri saja. Malahan semua sembilan (9) jawatankuasa sedia ada tidak dapat memainkan fungsi kerana fungsi *ombudsment* atau nisbah yang sebenarnya adakah pekeliling *treasury guideline* diguna pakaikan kita masih ada ruang yang besar untuk mempertingkat dan mendemokrasi mereka.

Jikalau saya ada peluang materialisasikan *invention* dan badan *ombudsment* itu pada saya adalah punca kelemahan untuk sesebuah kerajaan yang ber *Prime Ministerial Government* dan *Chief Ministerial Government* dan tata kelola dan juga alam sekitar dengan tertubuhnya akan cadangan tersebut punca kelemahan ini boleh dikuatkan. Biar saya bagi beberapa contoh mengapa perlunya *ombudsment* perlu dilembagakan. Pada saya BO1 Pejabat Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kerajaan disediakan peruntukan yang paling tinggi iaitu RM707.61 juta untuk tahun depan dan Peruntukan Pembangunan memakan 6.61% perbelanjaan Mengurus 38.9%. Jikalau tertumpu kepada sesuatu pejabat seolah-olah kuasa dan kewangan sudah terkumpul ini amat mengelirukan pengabungan kuasa dan kewangan dalam tangan satu pejabat luar amat merunsingkan. Berapakah isunya diagihkan peruntukan tersebut antara Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat SUK. Saya harap boleh dihuraikan dengan perincian penggunaan peruntukan masing-masing dengan adanya badan nisbah kalau ada mungkin tata kelola kerajaan akan lebih berkesan mantap dan dipantau dengan sensitif. Jadi adakah pekeliling *treasury guideline* akan dirujukkan jikalau sesuatu projek mega itu menghadapi *unstable of financial* ...(dengan izin) atau *financial sound of state*...(dengan izin).

Terdapat banyak projek MBPP, MPSP ada yang lewat ada yang tangguhkan ada yang tidak dapat disiapkan mengikut syarat-syarat kontrak misalnya satu pasar awam baru Batu Feringhi yang memakan RM9 juta masih tidak boleh disiapkan mengikut jadualnya. Isu pampasan nelayan Tanjong Tokong antara E&O dan yang berkenaan masih belum selesai. Pada pandangan nelayan dan penggondolan bukit-bukit terutamanya kes Botak Hill iaitu Bukit Gambir, Relau kes seperti tanah runtuh di Jalan Well of Temp dan juga berdekatan Spice Garden, Jalan Telok Bahang, isu kebakaran di tingkat 35 Tanjong Bungah yang berlaku baru-baru ini pada 18 November 2016, projek dan kes dalam PAC tentang projek terowong adanya satu *discussion*...(dengan izin) bahawa MBPP kata jika tiada *plimentary detail design* maka EIA dan DEIA tidak mungkin dijalankan tetapi MMK Public Utility kata EIA itu sedang 6% atau 7% tengah habis jalan, adakah ini boleh dirujukkan kepada *treasury guide* dan banyak lagi isu-isu.

Satu contoh lagi satu isu serius di mana pemantauan tidak ketat dan tindakan tidak diadakan pihak berkenaan bahawa pokok-pokok disepanjang tepi jalan raya lepas empangan Telok Bahang ke arah Balik Pulau sampai lebih kurang *Tropical Fruit Farm* pokok-pokok tepi jalan apa ni mati. Pokok-pokok ditepi jalan cerun bukit ini berperanan memperkuat jalan raya Telok Bahang, Balik Pulau sekarang kestabilan dan kekuatan jalan raya dibahagian tersebut telah menghadapi potensinya tanah runtuh. Jikalau ini berlaku aktiviti sosial dan ekonomi tempatan akan terjejas antara Telok Bahang dan Balik Pulau dan terutamanya aktiviti pelancongan kita. Ini menunjukkan perlunya juga satu badan untuk maksud tersebut iaitu satu badan sisma. Satu lagi contoh tentang isu penjualan saham 49% Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atas lot di Pulau Jerejak nampaknya tidak terpantau bahawa mengikut rungutan YB. Pulau Betong kalau boleh disiasat atau boleh memberi penjelasan oleh kerajaan, bagaimanakah 90 ekar boleh dijual dengan harga RM90.00 se ekar dan masih ada empat puluh tahun *lease hold* dan kononnya sudah dipindahkan kepada *free hold*? Ini perlulah dijelaskan dengan lebih dalam untuk pengetahuan Dewan ini, isu tentang EIA ini atau kebenaran EIA atas alam sekitar yang berkemungkinan dimusnahkan projek Telok Bahang, Tanjong Bunga *pair road* yang dikhuatirkan orang awam terutamanya *Spice Garden*, di mana *alignment* bahagian *pair road* Batu Ferringi ke Telok Bahang terlalu dekat dengan kawasan tadahan air dekat *spice garden*. Ini akan mengganggu kestabiliti air untuk *eco system* tersebut atau *Spice Garden*. Satu lagi kluatiran yang dibangkitkan oleh *Langgur Project Penang*, bahawa Langgur adalah satu jenis monyet yang penting, yang unik, yang berasal bukan dari Pulau Pinang jikalau EIA tersebut tidak menghiraukan aduan-aduan daripada persatuan *Langgur Project Penang* kemungkinan monyet ini akan kehilangan tempat duduk dan makanannya dan ini akan menjejaskan *eco system* Pulau kita.

Bahawa kes nelayan di Tanjong Tokong di mana mulanya *reclamation* untuk Sri Tanjung Pinang 2, untuk tiga (3) pulau itu telah memaksa nelayan berkurangan tangkapan ikan dan kehilangan tempat atau tapak menangkap ikan kerana satu lokasi yang diberikan lebih kurang enam kilometer luar daripada kampung nelayan dan tapak yang baru juga agak dalam dan *coral* nya juga tidak difahami oleh nelayan dan kadar baru merisaukan nelayan untuk mendapat penangkapan yang lumayan untuk menampung kehidupan mereka dan tambahan pula alat-alat yang mereka ada pun adalah tidak mencukupi dan semua ini masih belum diselesaikan, jadi ini adalah isu-isu harus dipantau, itu adalah satu maksud kita perlukan satu badan di sebelah juga dan terdapat banyak lagi kes.

YB. Dato' Yang di-Pertua, dimaklumkan oleh orang awam atau terdengar bahawa ada beberapa lagi projek bertingkat 50 tingkat, 55 tingkat, 60 tingkat sedang dirancang pemaju dan akan dibina di Tanjong Bunga, jika kalau diluluskan misalnya Hotel Corpstone akan dirobohkan dan dibina semula 60 tingkat. Ada permohonan pembinaan hotel berkapasiti 300 hingga 400 bilik di atas Bukit Bendera, adakah ini betul jikalau dipohon akan diluluskan? Dan juga terdengar saya harap boleh mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri melalui Dewan ini bahawa ada satu *theme park* yang akan dicadangkan di Pulau Jerejak oleh pemajunya termasuk UDA dan Ideal, adakah masa depan *theme park* ini juga termasuk satu kasino, apa juga jenis masih kasino, kita harap perkara ini boleh dijelaskan dan ada satu juga pembangunan kampung banglo di atas bukit di atas jalan...(gangguan).

Ahlin Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Penjelasan, YB. Tanjong Bunga saya rasa Y.A.B. Ketua Menteri telah menjelaskan banyak kali bahawa Pulau Pinang tidak akan meluluskan pembinaan hotel yang mempunyai kasino atau *resort* yang mempunyai kasino sudah jelas dan saya rasa Yang Berhormat tidak perlulah membangkit lagi perkara inilah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih, dengan penjelasan itu, memang itu sudah ada penjelasan satu jaminan tetapi saya masih mahu menasihatkan Kerajaan Negeri supaya jikalau ada permohonan ini lagi berhati-hatilah. Dan ada satu banglo kampung di dalam bukit dan difahamkan banglo kampung ini di satu bahagian bukit di Jalan Tun Sardon terdapat beberapa unit banglo di dalam lembah bukit yang sangat mewah, diberitahu banglo itu saya tidak pasti, saya minta penjelasan dari Dewan ini adakah pembangunan banglo atau kampung itu ada kelulusan kerana difahamkan bekalan air bukan dari Perbadanan Bekalan Air (PBA) tetapi daripada air bukit.

YB. Dato' Yang di-Pertua, ini adalah beberapa isu atau contohnya supaya menyokong perlunya satu badan sebegini ditubuhkan. YB. Dato' Yang di-Pertua, kaji semula Pelan Struktur Pulau Pinang 2007 tidak disempurnakan hingga hari ini, pewartaan pelan tempatan bahagian pulau juga diperlambatkan walaupun derafnya sudah lama dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2012. Semua ini saya fikir akan membuka satu *gray area* bagi pihak-pihak yang tidak jujur, untuk mendapatkan kesempatan atau menyelewengkan dan salah guna kuasa untuk kepentingan persendirian atau tertentu *commercial* dan sering kali berpotensi berlakunya rasuah dan sebaliknya, ini adalah nasihat yang ikhlas supaya Pelan Struktur Pulau Pinang dan Pelan Tempatan harus diwartakan secepat mungkin supaya satu pelan yang lebih teratur supaya semua permohonan boleh dijalankan dengan betul, misalnya satu projek 50 tingkat yang diluluskan di *second corridor* Tanjong Bunga, Telok Bahang yang seharusnya berdensiti 15 unit se ekar, pembangunan yang bertingkat yang begitu tinggi seharusnya berada di *corridor* utama dan dengan adanya permohonan begitu banyak pembangunan melebihi 50 tingkat sedang dikemukakan kepada PBT oleh KADUN Tanjong Bunga ini amat mengkhawatirkan, jadi dengan adanya kebenaran kalau pembangunan 50 tingkat ini telah memberi *gray area* kepada pemaju lain mengambil kesempatan untuk melobi mempengaruhi PBT untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang untuk pembangunan yang lebih tinggi, terdapat permohonan kalau tidak silap saya pembangunan 60 tingkat di kawasan saya sudah melebihi tiga.

YB. Dato' Yang di-Pertua pembangunan memang dari satu segi pembunuh alam sekitar jikalau tidak dikawal dan terancang dengan mampan. Saya ada satu soalan supaya huraikan polisi pembangunan tanah bukit tinggi 250 kaki ke atas dengan terperinci termasuk undang-undang kecil atau akta yang dirujuk dan juga huraikan definasi dengan terperinci jenis *special project* yang disyaratkan di

dalam polisi tersebut, dalam penjelasan ini terutamanya definisi *special project* atau projek istimewa yang dinyatakan dalam RSNPP 2020 adalah merujuk kepada dasar khusus tiga di bawah langkah empat (4) seperti berikut, ia ada dua (2) kategori, kategori satu (1) dan kategori dua (2), yang membimbangkan adalah kategori dua (2) pembangunan perumahan terdahulu dimana permohonan tukar syarat tapak kawasan berkenaan telah diluluskan di bawah Undang-undang Negeri bagi tujuan perumahan dan kelulusan tersebut telah disyaratkan sebelum kelulusan dan diguna pakai RSNPP 2020, kedua di antaranya termasuk projek pembangunan yang pernah mendapat kelulusan kebenaran merancang atau tapak yang ditunjukkan sebagai kawasan perumahan mengikut pelan dasar perancangan dan kawalan pemajuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga RT diwartakan, perkataan RT sehingga diwartakan itu yang amat mengkhawatirkan ini adalah satu *gray area* jika pewartaan tidak dipercepatkan.

YB. Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kes atau isu penggondolan Bukit Botak. Saya juga tanya soalan ini dan mendapati ada banyak kes dakwaan oleh PBT, kepada pemaju-pemaju yang menggondolkan tanah bukit mereka dengan haram. Terdapat 10 kes dan saya nak rujuk juga kes *Civil number 22NCVC-63-04/2014* Mahkamah Tinggi Sivil. Saya bawa kes ini kerana ia menunjukkan kelemahan PBT menangani isu ini. Saya juga guna kes ini mengharapkan Ahli Undang-undang Negeri membelakan kepentingan awam dengan *platform* dan peranan sebagai seorang wakil rakyat.

Saya juga tidak puas hati kerana semasa Ahli Undang-undang didakwa atau dibuktikan pihak yang bersalah tetapi tidak ada sokongan *official* untuk membela kewibawaan Dewan yang mulia ini. Dan bahawa dalam kes ini, ada beberapa dokumen dikemukakan plaintif adalah dari Jabatan PBT menunjukkan tata kelola yang tidak boleh diterima. Jikalau saya dikalahkan oleh plaintif, saya dituntut RM10 juta sebagai ganti rugi. Saya hanya seorang Ahli Dewan Undang-undang yang biasa, yang menjalankan tugas saya. Ini adalah satu buli orang kaya atas orang tiada. Yang penting adalah kebenaran, keikhlasan dibela mahkamah yang salah tetap salah patut didendakan.

YB. Yang di-Pertua, dalam bajet ini, saya fikir amat sedih sikit mungkin amat sedih, tiada bajet yang jelas ketara untuk memelihara alam sekitar melainkan peruntukan RM1.9 juta kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk melaksanakan program pengurusan sumber hutan. Pemeliharaan dan perlindungan *diversity* dan pengimbangan tahun 2017. Walaupun penanam pokok 271,000 batang telah ditanam di seluruh negeri sejak tahun 2008, tetapi ia masih belum mencapai *target* Perhutanan Negara iaitu seorang satu pokok. Kalau penduduk kita ada 1.8 juta, seharusnya kita boleh tanamkan 1.8 juta batang pokok....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Di Negeri Pulau Pinang, khasnya di bahagian Pulau, tempat-tempat yang boleh tanam pokok pada kini sudah sampai nak habis. Perhutanan terpaksa tanam pokok-pokok dalam hutan. Iaitu kadar kami telah tanam lebih kurang 2,000 pokok. Iaitu pokok *arga wood* di hutan. Dan untuk ADUN-ADUN dan sesiapa yang berminat untuk nak tanam pokok disemaian, *our nursery* di Bukit Panchor. Saya telah siap sedia untuk bagi 10,000 pokok untuk siapa nak tanam cari tempat kami tanam. Tanam pokok bukan boleh tanam, tetapi kena pokok yang sesuai. Tempat yang sesuai. Oleh yang demikian saya akan mencadangkan bahawa di *Vision Park* di sana kena tanam sekurang-kurang 500 pokok lagi di *Vision Park*. Dan ini akan ambil beberapa ekar tanah di sana. Tanah lapang di mana boleh tanam, tanam. Dan di mana dalam hutan, di mana boleh tanam, kami sekarang berbincang, satu tapak yang kami bincang termasuk *water catchment area* supaya kami boleh simpan lebih banyak air di sana, *water catchment area*. Supaya kami boleh simpan air di *water catchment area these are the thing we are doing*. Laporan-laporan ini Yang Berhormat tak dapat. Kalau Yang Berhormat masuk mesyuarat MMK, boleh dapat maklumat dengan teliti.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, Yang Berhormat nak tambah sahaja. Jika boleh mungkin boleh dikaji macam mana kita boleh menambah banyakkann bilangan pokok di kawasan bandar juga. Mungkin akan berkaitan dengan polisi, keutamaan antara jalan raya, siar kaki dan sebagainya. Dan cara-cara untuk menangani kerumitan peraturan keluasan tanah dan sebagainya. Jadi, saya rasa buat masa kini, usaha menanam pokok kami biasanya di kawasan taman, di kawasan tanah lapang. Jadi, bolehlah kami menjadikan Singapura sebagai satu model di mana mereka cuba menjadi bukan *garden city* lagi, tetapi *city in the garden*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih kepada saudara Yang Berhormat – Yang Berhormat bagi pandangan yang... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Maaf, saya terlupa. Saya pun ada menelitikan kenyataan penyata kewangan bagi MBPP dan mendapati bahawa tahun 2015 ada kursus *Arboris* yang dihadiri dan kos yang digunakan adalah RM2,026. Sebenarnya saya rasa kebolehan, kemahiran *Arboris* di negeri kami masih adalah lemah. Kebolehan holtikultur negeri kami masih adalah lemah. Dan saya berharap bahawa perbelanjaan yang lebih, usaha yang lebih boleh ditujukan untuk menguatkan lagi kebolehan holtikultur, kebolehan *Arboris* dan *landscaping* terutamanya *urban landscaping* di negeri kami ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih Yang di-Pertua. Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh lagi adalah ingin nak saya melaporkan di sini bahawa Jawatankuasa *Transgender* yang ditubuhkan, sudah pun kita mengikut janji kita menjalankan dua simposium dan simposium ini sudah dibuat dijadikan laporan, saya ingin boleh dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini, kalau boleh saya juga akan membentangkan kepada EXCO Wanita, Keluarga & Komuniti untuk diterima dan dibentangkan kepada Dewan ini sebagai satu penyata pada mesyuarat tahun depan. Ini adalah penting kerana simposium ini akan memberi maklumat yang terkini tentang *transgender community* kepada Dewan yang mulia ini agar pada masa depan lebih banyak lagi tindakan atau polisi atau bantuan boleh diberikan kepada golongan ini dan harap golongan *transgender* ini boleh jadi satu agenda untuk Exco Wanita, Keluarga & Komuniti untuk menyelesaikan mungkin masalah yang dihadapi mereka.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih pertamanya kepada mereka yang menayakan kedua-dua simposium tersebut, YB. Permatang Pasir, YB. Machang Bubuk, YB. Sungai Pinang, YB. Kebun Bunga, YB. Telok Ayer TAwar, YB. Penanti, YB. Bertam, YB. Sungai Dua, dan juga *Justice For Sisters*, SUARAM, IHP iaitu MYASEAN, Penang Advocacy Community Association, UNAIDS, Malaysia AIDS Council, Penang Legal AIDS Council, and The Outride Action International, *we also* juga mengucapkan terima kasih kepada Speaker yang menyokong simposium-simposium ini terutamanya Sulastri Ariffin, Chinta Ardieyana, ASP Rizatulmi Haizaran Binti Samat iaitu dari PDRM, Ustaz Jabatan Hal Agama Islam dan juga *officer* dari Penjara Reman Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita boleh masing-masing menjalankan peranan tugas kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri seperti Jawatankuasa *Transgender* yang boleh dilaksanakan berdikari jikalau perkara tertentu tidak sesuai atau tidak selesai ditangani oleh wakil rakyat yang lain. Bahawa boleh tahu di sini dua adalah Simposium *On The Arrest And Detention Of Transgender Persons*. Simposium *number two*, adalah Simposium *On Inclusive Healthcare For Transgender Person*.

Yang di-Pertua...(dengan izin) kita masih ada satu simposium tentang *Public Utility untuk public transgender persons*, terutamanya tandas awam akan diadakan bulan Januari 2017 dan Jawatankuasa *Transgender* juga mohon kerjasama dari PBT semasa kita akan mengadakan simposium yang ketiga ini supaya dia boleh berjaya mengumpulkan data-data yang terkini tentang topik ini. Yang di-Pertua, dengan adanya aktiviti ini, Jawatankuasa *Transgender* bolehlah dilihat adalah Jawatankuasa Dewan ini aktif dan berkhidmat demi rakyat, maka saya mohon secara rasminya agar satu bajet diperuntukkan kepada Jawatankuasa *Transgender* ini untuk aktiviti pada tahun 2017. Katakanlah sebanyak dan tak banyak, kurang tak kurang RM50,000 sahaja pun lumayan lah. Dan jasa baik Kerajaan Negeri akan disanjung tinggi dan dihargai. Ini adalah laporan Simposium 1 dan 2, akan dibentangkan kepada Dewan ini supaya menjadikan satu penyata pada tahun depan, harap jangan ditolak kalau ditolak itu satu perkara yang menyesalkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Tanjung Bunga. Dato' Yang di-Pertua, sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa dalam Transgender ini, saya juga ingin menyeru kepada Dewan Yang Mulia ini supaya meneliti tentang hasil-hasil yang telah diperolehi daripada simposium yang telah dianjurkan sebelum ini dan ini adalah masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh golongan minoriti *transgender* ini yang berdepan dengan diskriminasi oleh masyarakat dan isu-isu ini telah diperbincang dengan mendalam dengan pelbagai pihak, *stateholders* dan juga pihak-pihak jabatan, agensi kerajaan yang berkaitan dan ia bukan sekadar satu laporan yang dihasilkan dengan senang wenang tetapi ia melalui satu perbincangan yang perdebatan dan juga daripada pensyarah-pensyarah dari luar negara. Saya memang mengharapkan supaya sekurang-kurangnya Dewan yang Mulia ini akan menerima tentang laporan yang telah dihasilkan oleh kedua-dua simposium yang telah dianjurkan dan satu simposium lagi yang akan diadakan pada tahun depan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Machang Bubuk yang banyak menyumbang kepada jawatankuasa ini sebagai Setiausaha. Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya akan habiskan debatan saya. Kalau ada soalan, sila ambil peluang, kesempatan yang satu dua minit lagi.

YB. Yang di-Pertua, saya fikir dalam beberapa tahun ini, peruntukan GLC Kerajaan Negeri mungkin tidak begitu diberi perhatian. Misalnya PWDC, PYDC, PDC dan yang lain-lain di mana kita fikir satu penyata perlu dibentang sekurang-kurangnya kertas kerja atau satu laporan dibentangkan kepada Dewan ini supaya Ahli-ahli Dewan Undangan memahami polisi atau aktiviti atau program-program kerajaan menjalankan tugas masing-masing supaya peruntukan boleh dipantau. Dan juga kita harap pengagihan peruntukan kepada GLC ini boleh jadi satu laporan yang berasas, CAT, supaya public juga faham tentang usaha Kerajaan Negeri untuk menyumbang dalam bidang-bidang wanita melalui PWDC, menyumbang kepada belia melalui PYDC, menyumbang kepada alam sekitar melalui PDC.

YB. Yang di-Pertua, saya juga terima kasih kepada satu jawapan daripada MMK YB. Perai bahawa pusat agro-pelancongan Relau atau Bertam akan dikekalkan dan ada juga pemohonan daripada orang ramai bahawa pusat agro-pelancongan Relau ini sangat bermakna di mana dia bukan sahaja satu pusat agro dan juga berperanan pelancongan. Walaupun pusat atau tanah-tanah di dalam pusat ini telah agak penuh disewa kepada pengusaha-pengusaha tetapi saya fikir usaha daripada kerajaan tidak mencukupi untuk mempromosikan fungsi pelancongan pusat agro ini supaya kita boleh menggalak pengusahanya lebih rajin dan adakan plan yang lebih moden atau yang lebih baik supaya ia menjadi satu pusat agro yang terkenal di Pulau Pinang. Yang di-Pertua, oleh kerana tekanan yang kuat dalam Dewan ini, saya akan akhirkannya dengan satu lagi isu. Kalau saudara Yang Berhormat lain yang masih ada soalan, sila ambil kesempatan, kalau tidak ada, saya akan tutup.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu kerja saya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Satu salinan ucapan Yang Berhormat beri kepada saya, *complete* kepada saya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih kerana menghargai *content*. Jangan khuatir, semua laporan akan dihantar kepada semua Ahli Dewan Undangan untuk rujukan. Dan Yang di-Pertua, satu isu yang saya fikir mustahak untuk pelancongan. Pada masa ini terutamanya, mata wang asing, *foreign exchange* kita, makin lemah. Kalau dari segi pelancongan, ia memberikan peluang pengusaha-pengusaha tempatan terutama sektor perkhidmatan untuk meneroka dan tingkatkan keuntungan pelancongan *inbound traffic*, dengan izin, jadi kita boleh lihat daripada dua, tiga hari ini, jalan kita dibanjiri berpuluh-puluh bas pelancongan kononnya pelancong dari China datang mengunjungi George Town dan kita terdapat beberapa isu tertimbul

daripada kunjungan tersebut. Saya harap MMK Pelancongan dan PBT juga boleh ambil perhatian tentang kemudahan-kemudahan asas yang tidak boleh menampung begitu banyak bas, jikalau lebih banyak lagi *group* masuk, kita akan menghadapi lebih banyak masalah di jalan raya dan juga kapasiti hotel yang tidak cukup. Jadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya mempunyai soalan. Saya faham yang kalau mengikut fi Kerajaan Tempatan yang dikutip dari hotel, penginap hotel, jawapan yang saya terima ialah fi ini hanya boleh dimohon untuk pelancongan, untuk pemasaran ataupun untuk *exhibition* di luar negara. Tetapi soalan saya, kalau kita mengikut Pekeliling Perbendaharaan PB3.3 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan ini, kalau tengok 3.5 dan dia ada banyak kategori dan termasuk untuk pelancongan *and so on*, tetapi kalau ikut pekeliiling ini, 3.5 menghadkan, maknanya yang benar-benar perlu. Sebagai contoh banyak juga MMK Industri dan Antarabangsa dan banyak lagi MMK yang banyak membuat lawatan ke luar negara tetapi kalau mengikut pekeliiling ini, soalan saya adakah Kerajaan Negeri mengikut pekeliiling dari *Treasury*? Walaupun kita di Kerajaan Negeri tetapi pekeliiling ini berkuatkuasa pada 1 Mac 2016 dan mengikut pekeliiling ini, jika pegawai gagal dan pekeliiling ini juga ditujukan juga kepada ketua jabatan dan pegawai eksekutif GLC dan juga jabatan kerajaan. Pegawai yang gagal untuk mematuhi arahan pekeliiling ini boleh dikenakan surcaj di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957. Dan pematuhan pada pekeliiling ini diambil kira dalam pengagihan peruntukan tahunan kepada semua kementerian dan agensi. Pekeliiling yang saya ada sebut tadi juga merangkumi kajian *feasibility* untuk projek pembangunan juga mengikut ini diperlu ditangguhkan.

Jadi untuk pelancongan juga dihadkan. Jadi saya hendak tanya, jika fi Kerajaan Tempatan buat masa ini kalau mengikut syaratnya hanya boleh digunakan untuk permohonan untuk pemasaran di luar negara. Bolehkah Kerajaan Negeri meneliti Pekeliling Perbendaharaan PB3.3 ini untuk mungkin menyemak semula syarat untuk permohonan fi Kerajaan Tempatan dan juga perbelanjaan MMK.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih Yang Berhormat Penanti yang memberi penjelasan yang begitu jelas. Soalan sama juga penjelasan kepada saya memang soalnya bagus. Saya harap pekeliiling ini boleh dipakai guna oleh kerajaan sebagai rujukan supaya tatakelola boleh dikota. Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya kira tiga kali, kalau tidak ada, saya akan buat penggulangan. Satu, dua, tiga, terima kasih.

Jadi Yang di-Pertua, hal ehwal Dewan harus diuruskan Dewan, *of course* lawan tetap lawan, kawan tetap kawan. Hal ehwal Dewan tetap diuruskan dalam Dewan. Hati harus terbuka bila lawan, minda patut ketara bila tertawan, ini caranya pendek cumanya perdemokrasian dan kewibawaan Dewan ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebelum tutup. Terima kasih YB. Kebun Bunga. Lawan tetap lawan, kawan tetap kawan. Itu saya rasa cukup bagus. Yang perlu diamalkan. Dalam Dewan kita lawan, di luar kita kawan. Jadi saya rasa peranan *Speaker* juga penting. Saya amat kesal apa yang berlaku tadi kerana sepatutnya siapa pun yang tidak dengar cakap *Speaker*, tidak ikut peraturan harus diambil tindakan. Tetapi Yang di-Pertua hanya ambil tindakan pada seorang sahaja. Rakan saya Barisan Nasional. Walhal, yang bangun, tidak mendengar arahan *Speaker* ialah empat (4) orang. Jadi saya rasa ini tidak menunjukkan satu sikap yang adil oleh Yang di-Pertua. Minta maaf. Cakap tetap kena cakap.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar, YB. Sungai Dua, YB. Bertam juga YB. Permatang Pasir bahawa pada masa yang lalu begitu sabar hati untuk mendengar debatan saya dalam isu *community transgender*, dapat juga sefahaman tentang isu ini dan memberi peluang untuk bekerjasama walaupun pada masa ini ada sedikit kerumitan politik daripada Yang Berhormat – Yang Berhormat. Kita boleh faham.

Kalau boleh, kami akan teruskan dengan jawatankuasa itu kerana tadi saya kata, ada sesuatu perkara mungkin tidak sesuai dilaksanakan oleh pihak yang tertentu, tapi komuniti sosial kita perlukan bantuan yang tertentu. Kita yang boleh laksanakan dan sudi membantu mereka, kita harap juga mendapat sokongan semangat dari Yang Berhormat - Yang Berhormat yang pernah sokong, saya fikir Yang Berhormat pada masa ini masih menyokong tapi kami faham situasi politik. Dengan itu, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Tanjung Bunga. Cuma sedikit *respond* 'cakap tetap cakap oleh Ketua Pembangkang', 'jelas tetap kena jelaskan'. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersidang dalam Dewan ini sepanjang penggal ini, faham *style* saya lah. Jarang saya mengambil tindakan yang sebegini malahan yang pertama kali lah, dan saya faham tiada seorang Yang Berhormat pun kalau menghadapi tindakan menghantar keluar itu akan mengucap terima kasih kepada Speaker. Pasti akan salah itu Speaker, tetapi saya rasa dalam keadaan tadi yang memberi gangguan ketika YB. Seberang Jaya sedang berbahas itu memang bermula dengan YB. Pinang Tunggal dan tambahan pula YB. Pinang Tunggal duduk saja di kerusi. Boleh, mungkin ada perkataan-perkataan yang menimbulkan pertelingkahan tetapi kalau buat secara bantahan yang mengikut prosedur dan bukannya saling perang mulut dengan suara yang begitu tinggi itu, saya rasa saya boleh terima apa-apa saja yang nak dibangkitkan dan yang paling tak boleh saya terima pada ketika itu hanya satu saja melainkan tidak mengikut peraturan, iaitu janganlah kita sebut tentang ahli keluarga kita. Saya rasa ini boleh difahami oleh rakan-rakan Yang Berhormat di sini dan itu satu keputusan yang saya telah ambil dan saya rasa selagi kita dalam suasana sebegini yang dihantar keluar, tetap salah Speaker. Cuma saya mengambil kesempatan untuk buat penjelasanlah.

Sebenarnya YB. Pinang Tunggal pun dia ucap terima kasih kepada saya dengan senyuman. Saya rasa kalau dia terasa telah pun dilakukan tidak adil, saya rasa mungkin reaksi tu mungkin berbeza dengan yang saya sebutkan tetapi yang lalu telah pun lalu, saya tadi pun selepas Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun keluar dari Dewan Persidangan, amaran sekali lagi telah pun ditujukan kepada semua supaya susunan ataupun perjalanan Dewan ini sebaik-baiknya tidak patut membangkitkan apa-apa saja yang berkemungkinan besar akan menjadi bahan pertelingkahan dan berbalik kepada mengapa seorang saja dihantar keluar, seperti mana yang saya sebut, *the initiator* gangguan itu datang daripada YB. Pinang Tunggal dan setelah saya mengeluarkan perintah dan telah pun kita lihat YB. Pinang Tunggal telah pun keluar rehat maka keadaan dalam Dewan kembali kepada keadaan yang tenteram.

Kalau masa itu dengan keluarnya YB. Pinang Tunggal, masih gangguan yang seterusnya saya akan angkat tindakan adalah YB. Seri Delima dan YB. Jawi. Saya terus terang di sini. Akan sebegini. Memandangkan ini bukan juga satu kelaziman yang saya pernah buat, itu satu keputusan yang saya susah nak ambil juga. Saya harap dengan penjelasan ini, *close* lah *chapter* ini. Yang lain saya minta *case* YB. Pinang Tunggal ini jadi juga ikhtibar kepada semua. Saya telah menyatakan tadi, *since the precedent case* sudah ada, saya tak payah ada tekanan yang besar untuk menghantar lebih keluar kalau tidak mengikut. Saya harap tiada tekanan yang begitu besar. Ketua Pembangkang, sedikitlah penjelasan. Suka tak suka, keputusan itu pun saya dah buat, penjelasan suka tak suka saya telah pun menjelas kepada semua. Ini mungkin satu yang kita sama-sama mengambil sebagai ikhtibar.

Seterusnya, perlu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum mengambil bahagian dalam perbahasan? Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkan Speaker rehat lima minit sat saya tangguhkan mesyuarat lima (5) minit. Nanti sambung, jangan keluar.

Dewan disambung semula selepas rehat lima (5) minit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila...(gangguan). Saya sudah bagi amaran, saya sudah *have precedent case*. Kalau persidangan yang akan datang itu, saya *I dont know pressure to send anyone out*. Sila YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas. Dengan ini saya ingin berbahas mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan.

Saya telah pilih beberapa isu yang ingin saya ketengahkan. Dato' Yang di-Pertua, tinggal dua bulan lagi tirai 2016 akan dilabuhkan. Tahun 2016 meninggalkan pelbagai kenangan dan peristiwa yang sukar kita lupakan. 19 dan 20 September 2016 merupakan detik hitam apabila kawasan saya Batu Uban dan beberapa kawasan lain di daerah Barat Daya mengalami gangguan bekalan air susulan paip pecah di Pantai Jerejak. Air yang bersih merupakan keperluan asas kepada setiap manusia. Air digunakan untuk minum, untuk memasak, menyiram pokok bunga dan membersihkan segala kekotoran. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Air PBA Pulau Pinang yang di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memikul tanggungjawab untuk membekalkan air yang bersih dan selamat untuk kegunaan penduduk lebih-lebih lagi ketika berlakunya gangguan bekalan air. Tragedi gangguan bekalan air yang berlaku di Batu Uban dan di kebanyakan tempat jelas memperlihatkan Kerajaan Negeri amnya dan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP) khasnya langsung tidak mempunyai *contingency plan* atau satu *emergency plan*.

Apabila tragedi berlaku, semua dalam keadaan kelam-kabut. Tangki air milik MBPP baru dimaklumkan hanya untuk kegunaan penyiraman pokok. Lori tangki air bergerak milik PBA pula boleh dikira dengan jari. Empat lori tangki air bergerak sahaja dihantar. Ada yang tunggu sehingga dua hari tidak dapat air. Ada empat sahaja lori tangki bergerak meliputi kawasan Batu Uban, Pantai Jerejak, Batu Maung, Teluk Kumbar dan sebagainya. Tragedi itu hanya berlaku di kawasan Barat Daya. Kalau berlaku di seluruh Pulau Pinang, cuba bayangkan apa yang akan berlaku? Pada masa yang sama, tiada talian panas atau *hotline* diwujudkan untuk membolehkan orang ramai membuat aduan berhubung dengan lokasi yang kritikal. Dilanda gangguan bekalan air, talian PBA 5096509 tidak dapat ditembusi telah meletakkan penduduk di dalam kegelisahan. Dalam keadaan kelam-kabut, saya selaku Yang Berhormat Kawasan telah dilayan oleh seorang staff PBA secara kasar dan kurang adab. Dia tanya bagaimana saya boleh mendapatkan nombor telefon dia, apabila ditanya masa lori tangki air itu akan sampai, secara biadap dia mengatakan bahawa ia akan sampai bila ia sampai. *It comes when it comes. It arrive when it arrive*. Saya sebagai Yang Berhormat pun dilayan sedemikian rupa. Apatah lagi orang awam, takkan pihak PBA melatih kakitangannya bersikap kurang sopan. Oleh yang demikian, saya terpaksa menggunakan kapasiti saya sebagai ADUN Kawasan untuk menghubungi Encik Jamil. Saya berterima kasih kepada pengurusannya. Dia orang yang bijak, kerja dari malam sampai pagi untuk siapkan air dari PBA untuk mendapatkan bantuan bekalan air. Soalnya berapa orang yang kenal Encik Jamil? Rakyat biasa ada nombor telefon beliau kah? Lori tangki air bergerak yang sampai disambut oleh penduduk dengan rasa penuh kesyukuran tetapi kualiti air yang bersih diragui kerana berwarna kekuningan. Seolah-olah ada campuran lumpur atau benda asing. Ciri-ciri air bersih adalah air yang sihat memenuhi beberapa syarat iaitu saya tak tuduh siapa-siapa ini *is an advise to pick-up that all it is not basically to point the finger*. Air harus jernih atau tidak keruh, kekeruhan inilah ciri-ciri ya air harus jernih atau tidak keruh, kekeruhan pada air biasanya disebabkan oleh adanya butir-butir tanah liat yang sangat halus, tidak berwarna, air yang berwarna bermakna air tersebut mengandungi bahan-bahan lain yang membahayakan kesihatan. Misalnya air selut yang tercemar, air buangan dari pabrik dan lain-lain. Rasa tawar atau tidak mempunyai rasa bermakna tidak mempunyai rasa. Air yang tidak mempunyai bau iaitu bau dari mana-mana bahan organik yang sedang di komposisi, PH air tersebut memang 6.5 hingga 8.5 itu air yang *water must between that air* yang PH nya rendah akan terasa masam, sedangkan apabila PH nya tinggi ia akan terasa pahit. Air yang tidak mengandungi zat kimia beracun misalnya Arsenik, Timbal, Nitrat, Sulfida dan lain-lain.

YB. Dato' Speaker dan warga Dewan yang mulia ini, di sini ingin saya kongsi sebuah garis panduan iaitu 'Garis Panduan Bagi Pengangkutan Air Secara Pukal'...(dengan izin) '*State Of Connecticut Department Of Public Health Drinking Water Section*'. Definasi *bulk water* atau air secara pukal di sini bermaksud bekalan air yang dikhasakan untuk kegunaan secara mudah alih dimana air tersebut disimpan, dibawa dengan menggunakan sebuah tangki. Bekalan air pukal bergerak atau mudah alih pula bermaksud pengangkutan secara fizikal air minuman iaitu oleh sebuah kenderaan yang mempunyai tangki air dibahagian belakang secara pasang kekal (dengan izin)...*permanently mounted or detachable* sebagai contoh *truck* tangki air atau (dengan izin)...*water buffalo* dari satu sumber bekalan yang disahkan

kepada sistem air awam untuk kegunaan manusia. Kenderaan pengangkutan tersebut perlulah mempunyai pam, hos dan peralatan-peralatan yang lain yang berkaitan dengan menjalankan pengagihan air minuman kepada mereka yang terjejas. Ia adalah keperluan untuk sistem air awam untuk menyediakan bekalan tangki air bergerak atau mudah alih semasa berlakunya kecemasan seperti keputusan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas di mana ia disebabkan oleh pam ataupun kegagalan kuasa (dengan izin)...*power failure* ataupun masalah kualiti air.

Garis panduan ini telah dilaksanakan untuk memberikan panduan secara teknikal untuk sistem air awam mengikut piawaian pengurusan terbaik yang perlu....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayoob bin Hussain Shah):

Minta penjelasan saya nak tanya Yang Berhormat, yang bila jadi keadaan macam ini apakah SOP, PBA ada berapa jam *turn around* ...(dengan izin), yang di boleh *restore* mengikut garis panduan dan gerak kerja ISO dia ataupun SOP dia Yang Berhormat boleh bagi sedikit makluman.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya rasa ini lebih baik EXCO kena beri makluman tapi lepas saya baca saya ada ciri-ciri lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan sedikit Yang Berhormat bolehkah Yang Berhormat memberi ulasan sebagai wakil rakyat kawasan tersebut apakah sebenarnya yang menyebabkan gangguan ini soalan saya pertama adakah yang terhormat dimaklumkan, kedua apakah langkah yang diambil oleh PBA untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku kalau YB yang masih lagi ingat kerana Yang Berhormat tinggal di kawasan saya Seri Delima, satu hari sebelum perayaan Deepavali di antara tiga pam air yang mengepam air ke kawasan-kawasan tinggi terutamanya Pangsapuri Menara Greenville dan sebagainya dan satu pam telah rosak dan saya semasa saya sampai ke tempat tersebut memang melihat kakitangan PBA sedang membaiki pam itu dan ketika itu mereka maklumkan kepada saya bahawa mereka harus mengambil pam itu memang berat mereka memulakan jentolak untuk mengeluarkannya, traktor untuk mengeluarkan dan membawa pam itu ke Seberang Jaya ke *supplier* untuk diperbaiki dan saya difahamkan akan di pasang semula pada waktu pagi.

Persoalannya saya adalah mengapakah pam-pam ini tidak diperiksa secara berkala? Nombor satu untuk memastikan bahawa ia memang sentiasa berada dalam keadaan baik tidak ada kerja-kerja penyelenggaraan dan kalau rosak mengapa PBA tidak mempunyai apa-apa *back-up plan*...(dengan izin) untuk memastikan bahawa pam itu digantikan dengan segera so persoalan saya di kawasan Yang Berhormat apakah masalah bekalan air soalan satu, sama ada paip-paip lama yang usang yang telah bocor dan adakah PBA akan mengambil apa-apa langkah untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi dan bukan sahaja menunggu sehingga berlakunya kebocoran selepas itu kita melihat mereka mengambil masa tiga (3) jam untuk sampai, tiga (3) jam untuk memperbaiki, tiga (3) jam untuk bekalan sampai balik ia berlaku sentiasa berlaku dalam kawasan saya juga Yang Berhormat saya ingin berkongsi (dengan izin)...*frustration* saya Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih YB Seri Delima, memang masalah itu bukan satu (1) hari, dua (2) hari *low pressure* di kawasan yang YB Delima duduk dan saya duduk *low pressure* saya ingat dekat satu minggu ada jiran saya jumpa saya untuk marah saya apa ini PBA buat, dua tiga hari tak boleh mandi, tak boleh minum tak boleh guna air so memang ini jawab saya ingat dari EXCO, EXCO kena jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Boleh saya jawab sekarang? Sikit sahaja.

YB. Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat kalau mengikut syarat PBA yang membekal kepada perumahan setiap rumah dia perlu ada tangki di atas siling cukup untuk kegunaan 24 jam dan sekiranya ada *power failure* ka, ada kebocoran atau paip pecahkan bukan saya kata yang tiga (3) kaki diameter itu yang paip *main pipe* yang *supply* air ke rumah kita itu dia boleh tahan sekurang-kurangnya 24 jam dan saya pasti SOP yang dipakai oleh PBA dia perlu menyiapkan atau membaiki paip yang membekal air itu dalam masa enam (6) jam lebih, tujuh (7) jam lebih jadi dalam enam (6) jam, tujuh (7) jam yang kritikal *condition* itu kita masih ada air pakai yang ada dalam simpan dalam siling tangki itu tetapi sekarang kebanyakan rumah-rumah, walaupun ada tangki-tangki mereka mengupah tukang paip untuk *bypass* tangki itu dan tak guna paip tangki itu, itulah satu masalah mengenai kekeruhan air yang dibekalkan oleh kereta tangki itu.

Secara umumnya air yang dibekalkan ke rumah kita ini bersih, mengikut dan menepati piawaian kesihatan iaitu ada bukti dan ada sijil yang dikeluarkan oleh PBA sendiri juga cuma mungkin pada hari kereta tangki yang membekalkan air mungkin ada *residue* dalam tangki itu dan apabila mereka membawa air ke rumah dia nampak ada kekeruhan dan ini kita menegur PBA supaya menjaga air tangki mereka dengan keadaan yang bersih mulai sekarang. Setiap air tangki mereka perlu cuci sebelum dipakai masa kecemasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak ambil kesempatan sedikit saya pun nak tanya berlaku juga di kawasan perindustrian sebab saya tak *aware* sekiranya berlaku di kawasan perindustrian dan berapa banyakkah kilang-kilang yang terlibat dan berapa banyak kah *production lost* yang berlaku daripada kilang-kilang ini kerana ini sebab ini akan melibatkan kita dengan *international* punya industri akan menjadikan imej yang buruk dan tidak baik sekiranya berlaku di kawasan yang terjejas kita minta apakah langkah-langkah yang PBA akan buat , lakukan dan adakah mereka juga kira dibenarkan membuat tuntutan pampasan dari segi kehilangan peluang perniagaan *production lost* itu saya minta EXCO yang berkenaan boleh menyediakan jawapan berkenaan.

YB. Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih YB. Bagan Jermal dan terima kasih YB. Telok Bahang, Garis panduan ini telah dilaksanakan untuk memberikan panduan secara teknikal untuk sistem air awam mengikut piawaian pengurusan terbaik yang perlu dipatuhi (dengan izin)...*on best management type practices that should be following when hauling in bulk water* untuk memastikan air yang dibekalkan itu tidak tercemar.

Bekalan tangki air bergerak atau mudah alih merupakan langkah jangka pendek untuk menangani masalah keputusan bekalan air dan bukan jalan penyelesaian jangka panjang. Walaupun hanya jangka pendek tetapi bekalan air bergerak yang dibekalkan kepada masyarakat mestilah mengikut spesifikasi pihak PBAPP seperti masa tindakan yang diambil selepas aduan diterima dan jaminan kualiti air yang dibekalkan. Maaf tadi lupa jawab soalan saya dipastikan satu paip besar di Pantai Jerejak yang dipecah, itu paip besar itu tidak boleh dibaiki kenapa di tepi laut memang dua tiga hari susah membaiki masalah itu. *True?*

Sumber bekalan air pukal dari segi bilangan lori tangki air bergerak yang dihantar haruslah dari satu sistem yang dikawal selia dan pihak berkuasa air perlu memastikan bahawa mereka mempunyai kapasiti untuk membekalkan air yang secukupnya ke lokasi yang terjejas. Pihak yang berkuasa perlu mempunyai *time frame* atau ruang masa untuk membekalkan air ke kawasan yang terjejas selepas

sesuatu aduan yang diterima seperti yang telah ditetapkan di dalam hasil penunjuk kuasa (dengan izin)...*Key Performance Indicators* pihak PBAPP.

Secara am *general* petugas atau pekerja yang mengendalikan peralatan penghantaran bulk water iaitu seperti hos-hos, penutup-penutup dan semua yang berkenaan seharusnya menjalankan dan memastikan supaya mempraktikkan kebersihan yang baik untuk mengelakkan bekalan air pukal tersebut tidak tercemar, bekalan air pukal tidak harus disimpan di dalam tangki lebih tiga hari berturut-turut. Pengendali sistem air awam yang disahkan perlu hadir apabila penghantaran air pukal dibuat.

YB. Dato' Speaker dan warga Dewan yang mulia. Lagi satu isu, kita sudah lapan (8) tahun memerintah Negeri Pulau Pinang, adakah kita mempunyai kemajuan dari segi pentadbiran dan sistem pengurusan? Kita asyik memperkatakan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang *The Second Singapore* atau kita hanya nak jadi bayang kepada Singapura. Pimpinan negeri buka mulut, tutup mulut memperkatakan hendak mengantarabangsakan Pulau Pinang, adakah kita telah menuju ke arah itu? Tepuk jari tanya sendiri.

Selepas tragedi gangguan bekalan air, bulan November pula menyaksikan pelbagai musibah pokok-pokok tumbang dan banjir kilat di beberapa tempat termasuk Batu Uban,...(*gangguan*).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat boleh minta laluan. Sebelum bergerak ke arah itu saya ada bertanya tentang paip air dan penyelenggaraan dalam dua (2) soalan iaitu soalan 23 dan soalan 24. Jawapan yang saya pun dah jangka adalah maklumat memang bahawa PBA ada buat pemantauan berkala dan penyelenggaraan berkala. Di sini dia menyatakan program penggantian paip di mana peruntukan tahunan ada ditetapkan bagi menggantikan paip-paip lama mengikut keutamaan berdasarkan rekod kekerapan kerosakan, kebocoran dan usia paip-paip tersebut. Situasi di mana ada paip-paip bocor di mana kawasan perindustrian situasi di mana penduduk di kawasan Pulau Tikus begitu kerap membuat aduan berkenaan air yang berwarna coklat sampai kebanyakan memasang *filter* mereka sendiri, menunjukkan bahawa walaupun ada penyelenggaraan masih ada masalah dan saya berharap pihak PBA akan menggiatkan dan mempertingkatkan lagi usaha mereka.

Saya ada bertanya usaha yang dibuat di Pulau Tikus dan juga di *Free Trade Zone*, kawasan perindustrian. Saya dimaklumkan bahawa semua paip di kawasan perindustrian siap diselenggara dan diganti dengan paip baru sepenuhnya termasuk *Free Trade Zone* 1, 2, 3 dan 4. Dan dia jelaskan bahawa mereka sudah siap ganti kerana telah bermula sejak tahun 2000 bagi *Free Trade Zone*. Memandangkan di *Free Trade Zone* mereka boleh begitu *confident* mengatakan sudah ganti semua boleh tak kami dapatkan jawapan samada di keseluruhan Pulau Pinang atau pun yang ini bila boleh siap ganti. Kerana saya tengok rekod bagi Pulau Tikus macam satu (1) tahun buat, dua (2) tahun buat *then* henti sikit buat sikit-sikit. Sampai bila boleh habis ganti paip di Pulau Tikus. Mungkin boleh jawab dalam penggulangan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Selepas tragedi gangguan bekalan air, bulan November pula menyaksikan pelbagai musibah, pokok tumbang, banjir kilat di beberapa tempat termasuk Batu Uban. Taman Lip Sin yang tidak pernah dilanda banjir kini penduduknya terpaksa berdepan dengan bencana buatan manusia apabila Jalan Nipah di depan Pusat Makan Supertanker dan Lebu Nipah di depan Kedai Kopi Sin Khek Seng ditenggelami air setinggi paras lutut. Selain Taman Lip Sin, Pangsapuri Sri Saujana yang terletak di Lorong Sungai Dua, Halaman Bukit Gambir 1 dan Jalan Molek di Taman Brown turut dilanda banjir kilat yang cukup dahsyat.

Saya sungguh kecewa kerana tragedi gangguan bekalan air yan berlaku pada bulan September 2016 tidak dijadikan sebagai pengajaran. Sekali lagi apabila bencana berlaku semua dalam keadaan kelam kabut kerana tidak ada pelan mitigasi banjir, walau pun saya tahu ada pelan mitigasi banjir, *the way the plan is working is questionable*. Yang lebih terkilan dalam masa sepuluh hari sahaja tiga kali banjir berlaku di seluruh Pulau Pinang termasuk Batu Uban.

Mengapakah banjir kilat yang biasanya melanda negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu kini berlaku di Pulau Mutiara kita. Yang lebih sedih ialah fenomena pelajar menaiki motobot ke sekolah untuk menduduki peperiksaan SPM di Kelantan dan Terengganu kini berlaku pada pelajar SPM kita di Pulau Pinang. Apakah salah dan silapnya pelajar ini sehingga mereka perlu menerima tamparan yang begitu hebat lebih-lebih lagi hari pertama peperiksaan SPM yang menyaksikan kertas Bahasa Malaysia yang merupakan subjek teras. Izinkan saya untuk berkongsi fenomena banjir yang berlaku di kawasan Batu Uban. Pangsapuri Sri Saujana pernah dilanda banjir kilat pada tahun 2010. Projek tebatan banjir yang kini sedang giat dilaksanakan itu memang bertujuan untuk mengelakkan kejadian banjir daripada berlaku. Sebelum projek itu siap, hujan yang turun mencurah-curah pada awal pada 7 November 2016 telah menyebabkan bahagian tempat letak kereta di belakang Pangsapuri Sri Saujana itu ditimpa banjir hingga ke paras dada iaitu pada jam dua pagi. Saya kena pergi tolong, tempat yang dilanda banjir.

Projek pembinaan pangsapuri mewah di Halaman Bukit Gambir 1 telah menyebabkan rumah-rumah teres di kawasan itu dilanda banjir lumpur. Hutan yang merupakan kawasan tadahan air dan pokok-pokok merupakan tanaman tutup bumi yang telah dikorbankan untuk tujuan pembangunan. Kita bukan anti pembangunan tetapi kita mahu setiap projek pembangunan mengambil kira aspek alam sekitar. Banjir kilat yang melanda kebanyakan tempat di Batu Uban dan di tempat-tempat lain di seluruh Pulau Pinang seolah-olah ialah amaran tegas daripada tuhan agar berdamai dengan alam yang satu ini. Aroma Development Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab terhadap projek pembinaan *apartment* itu Halaman Bukit Gambir 1 pernah tersenarai sebagai pemaju projek yang sakit sehingga Jun 2016. Saya cukup pelik bin ajaib kerana pemaju yang mempunyai latar belakang yang sedemikian dibenarkan untuk meneruskan projek perumahan. Saya sebagai ADUN kawasan tidak akan membenarkan pemaju itu meneruskan kerja-kerja pembinaan selagi parit dan longkang di kawasan yang berkenaan tidak diperdalam dan diperbaiki. Saya tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pemaju yang tidak ada tanggungjawab sosial. Semua bencana ini berlaku ketika Pelan Induk Pengangkutan diluluskan untuk dilaksanakan. Kalaulah projek itu sudah dimulakan, cuba bayangkan apakah yang akan berlaku kepada negeri kita?

YB. Dato' Speaker, kesihatan awam....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan. Boleh saya tanya soalan. Adakah bagi YB. Batu Uban telah memohon kepada MBPP supaya sebarang permohonan perancang untuk pembangunan baru diberitahu atau diminta ulasan daripada ADUN. Sebab apa yang saya terima daripada MPSP, jadi saya tidak pasti samada MBPP dan MPSP menggunakan peraturan yang sama. Kalau mengikut MPSP, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 Akta 172 tidak mengkehendaki pertimbangan ataupun mengambil kira ulasan ADUN dan JKKK kawasan tetapi saya nak tahu di bahagian Pulau MBPP mengambil kira ulasan ADUN.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Ini ada satu rancangan untuk satu program *flood mitigation* dari Bukit Gambir sampai ke, dia ambil belakang USM, masuk Sungai Dua habis di Pesta masuk ke laut. Anggaran dalam empat belas bulan, rancangan ini habislah, siaplah. So sampai masa itu memang ada masalah tapi masalah banjir di Minden Heights Road 3 dan Road 6 sudah selesai. Terima kasih projek itu. So dah siap tapi masalah masalah ini kena tunggu dekat 14 bulan agak-agak projek habis disiapkan dalam 14 bulan agak masalah ini diselesaikan. So...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya ialah nak tanya tadi sama ada ulasan dipohon.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Ya. Setelah dilanda dengan masalah keputusan bekalan air dan juga bencana banjir kilat, terdapat satu lagi masalah yang menimpa di kawasan DUN Batu Uban saya. Kontraktor yang memasang antenna datang ke Lorong Batu Uban 2 untuk memasang antenna dan penduduk kawasan itu membantah dengan alasan kesihatan mereka akan terjejas susulan gelombang radiasi. Kontraktor tersebut memberitahu penduduk bahawa pihak syarikatnya telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Tempatan dan YB. Kawasan. Apabila Pegawai Pejabat KADUN Batu Uban yang bergegas ke situ meminta supaya surat kelulusan itu ditunjukkan, hanya pihak MBPP dan YB. Chow yang sedia maklum akan kerja pemasangan antenna tersebut. Saya sebagai YB. Kawasan langsung tidak dimaklumkan melalui surat atau secara berlisian.

Perkara ini tidak harus dipandang endah kerana boleh menimbulkan salah faham penduduk Batu Uban terhadap diri saya sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh mereka. Pejabat saya diberikan masa 30 minit oleh pihak kontraktor untuk menghasilkan surat bantahan agar kerja-kerja pemasangan antenna itu tidak diteruskan. Saya sebagai ADUN Kawasan berasa sedih dan terkilan apabila pemasangan antenna-antenna telekomunikasi dilakukan oleh sesetengah syarikat tanpa mendapat persetujuan daripada saya sebagai ADUN kawasan. Apabila disiasat, saya dapati permohonan mereka ini telah dipersetujui dan disahkan oleh pihak MBPP dan juga di dalam mesyuarat EXCO. Kejadian yang sama juga berlaku di Rumah Pangsa Hamna, Sungai Dua, di mana penduduk-penduduk di situ telah menyangka saya sebagai ADUN kawasan telah memberikan kebenaran kepada syarikat yang terlibat membuat pemasangan antenna telekomunikasi di situ sedangkan kita semua tahu bahawa pemasangan antenna telekomunikasi lebih-lebih lagi di kawasan perumahan akan memberikan impak yang buruk terhadap tahap kesihatan mereka, saya selaku Doktor Perubatan amat mengutamakan aspek kesihatan awam daripada benda-benda lain, kepentingan penduduk adalah lebih penting dan perlu diutamakan.

Di sini saya kongsikan sebahagian jawapan dari pihak Kerajaan Negeri mengenai isu pemasangan antenna ini iaitu PBT, Pihak Berkuasa Tempatan juga mendapati bahawa perkhidmatan telekomunikasi antenna adalah suatu perkhidmatan awam *public utility* yang perlu disediakan selaras dengan keperluan semasa sebelum kelulusan diberikan oleh PBT. Syarikat telekomunikasi juga perlu mendapatkan perakuan daripada empat Jabatan Teknikal luar seperti Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia, TNB, JPA dan Bomba semasa permohonan dibuat. Syarikat tersebut juga perlu mendapatkan kebenaran daripada Badan Pengurusan dan makluman kepada YB. ADUN Kawasan sebelum pelan bangunan dikemukakan kepada majlis untuk pertimbangan. *This is not done this case and issue*, ini saya sebut satu prinsip *precautionary principle* apabila kita tak pasti masalah kesihatan, lebih baik kita kawalkan. *The things is in the event we have no evidences, has to the danger of particular project or particular medication particular system is the best to apply, precautionary principle do not go ahead wait and wait for evidence to comes because it will be too late, that's the precautionary principle and I hope a precautionary principle is apply by people* berkenaan.

Berhubung dengan isu Pelancongan Kesihatan dalam soalan tambahan yang dikemukakan oleh YB. Machang Bubuk, saya ingin mengetahui apakah manfaat yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri dari segi hasil pendapatan. Yang jelas pelancongan kesihatan tidak mendatangkan pendapatan secara langsung kepada negeri kerana pesakit yang berubat di sini berserta keluarganya terikat dengan pakej penginapan yang ditawarkan oleh pihak hospital dengan kadar yang minimum akibat persaingan yang sengit sesama sendiri. Tambahan pula kemudahan jalan raya menuju ke hospital diselenggara oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan. Tadi YB. Pulau Tikus ada pun sentuh banyak hal berkenaan dengan kesihatan pelancongan. Mari kita melihat usaha Kerajaan Negeri Selangor yang memberikan bantuan berupa perkhidmatan kesihatan percuma kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah, ini memang satu projek yang bagus memang kita boleh usaha buat projek macam ini jangan kita tunggu pelancongan *a wait for yours dollars from the medical tourism*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan warga Dewan yang mulia, klinik-klinik dan pusat penjagaan kesihatan telah ditubuhkan buat pertama kalinya dikawasan-kawasan yang mempunyai penduduk berpendapatan rendah inilah yang dibuat di Selangor, ini kita boleh ikut. *I skip this part*.

Isu penting yang berkenaan kesesakan lalu lintas, yang menghantui penduduk Pulau Pinang sekian lama susulan pertambahan bilangan kenderaan telah menyebabkan Kerajaan Pakatan Harapan terpanggil untuk melaksanakan pelan induk pengangkutan di Pulau Pinang. Dalam persidangan DUN yang lalu, keputusan agar Pelan Induk Pengangkutan disiasat oleh *Public Accounts Committee* untuk memastikan Kerajaan Negeri mendukung prinsip C.A.T. Siasatan PAC terlalu berjela-jela tetapi hanya fokus pada projek pembinaan terowong dan pembinaan lebuh raya utama. Siasatan itu pada keseluruhannya mengutamakan kajian kebolehlaksanaan berdasarkan kajian tersebut reka bentuknya boleh diterima tetapi metodologi yang diguna pakai telah dipersoalkan ketetapanannya. Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh Syarikat Zenith BUGG dan bayaran telah pun dibuat melalui penebusan tanah. Dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan telah memperlihatkan Kerajaan Negeri telah membuat pembayaran bagi kajian kebolehlaksanaan terhadap projek tersebut. Dua pendekatan pembayaran iaitu secara bayaran *milestone* iaitu bayaran dibuat setelah pihak kontraktor menyiapkan *milestone* projek seperti yang terkandung dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat pemaju dan juga kaedah bayaran dalam bentuk penebusan tanah melalui projek penambakan laut. Kedua-dua kaedah pembayaran tidak memperlihatkan ketekunan atau *due diligence* Kerajaan Negeri dalam membelanjakan wang dan hak rakyat kerana terlalu berisiko tinggi dan hanya menguntungkan rakan-rakan projek yang merupakan pemaju persendirian.

Sekali lagi saya ingin bertanya apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam usaha ini? Saya baca rumusan saya, sebagai pemegang amanah yang dipilih oleh rakyat dalam proses demokrasi berparlimen, kita bertanggungjawab untuk mengurus tadbir wang rakyat dengan penuh berhemat. Jika berlakunya kegagalan projek, bayaran sebanyak RM135 juta oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju dilupuskan begitu sahaja dan syarikat tersebut dihukum dengan cara dikeluarkan dan disenarai hitamkan sahaja. Kos pengambilan balik tanah adalah terlalu tinggi. Kaedah-kaedah pembayaran yang lain juga perlu dipertimbangkan sebagai contoh, pembayaran secara *progress* di mana hanya dilakukan selepas kerja-kerja tertentu diselesaikan. Ini adalah kerana tanah tanah di Pulau Pinang semakin terhad dan tidak setimpal dengan kos pembinaan projek tersebut. Secara keseluruhan penilaian terperinci hasil kajian yang dibentangkan mempunyai beberapa kelemahan terutamanya dari segi metodologinya. Sebagai contoh pengiraan size sampel dengan menggunakan formula *Krejcie* dan *Morgan* (1970) bagi populasi *finite* telah digunakan tetapi pengiraan sebenar harus ditunjukkan kepada pembaca. Pada masa yang sama, pengiraan kadar *drop out rate* yang digunakan harus ditunjukkan secara terperinci. Saya juga agak keliru dengan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sampel dari lima mukim sahaja dan distribusi kaum agak tidak seimbang. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan sebarang pandangan "*bias*" oleh pihak responden juga harus dinyatakan, saya juga ingin mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak yang menjalankan kajian mengapa *design effect* tidak digunapakai dalam kajian yang kawasan serta populasinya agak besar.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bagaimana komponen soal selidik yang digunakan dalam fasa kuantitatif digubal dan siapa yang terlibat dalam proses penganalisaan termasuk bagi kajian kualitatif yang dibincangkan. Untuk mengatasi semua masalah di atas, saya berharap agar pihak vendor dapat menjalankan kajian ini secara lebih saintifik, serta dapat memberikan maklum balas bagi semua pertanyaan saya. Sebagai kewajipan berjaga-jaga oleh pihak HSSI, mereka telah gagal untuk mempamerkan *due diligence* usaha yang wajar dalam peranan sebagai perunding untuk *scrutinized*, meneliti hasil kajian akhir atau reka bentuk akhir.

Izinkan saya menyelit sedikit ulasan daripada YB. Penanti...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

No...no.. this is not the way ...(ganggguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

I am sorry, I'll do it. Pihak kerajaan telah mengambil risiko tinggi dan berat sebelah yang lebih banyak menguntungkan pihak syarikat Zennith BUGG apabila pihak Kerajaan Negeri bersetuju merangka dan menandatangani perjanjian yang membayar *land swap* RM135 juta untuk *feasibility study* dan *pre detailed design*. Dari jumlah bayaran RM305 juta untuk *feasibility study* dan kajian terperinci kepada syarikat Zennith BUGG berdasarkan yuran 5.5% dari jumlah kos projek RM6.3 billion.

YB. Yang di-Pertua Dewan dan warga Dewan yang mulia ini. Lagi satu isu, ini lagi satu hal. Seterusnya saya ingin nyatakan bahawa jawapan daripada EXCO Pantai Jerejak tidak memuaskan kerana pandangan saya ia menunjukkan ketidakpastian beliau mengenai soalan berkenaan industri-industri yang membahayakan tahap kesihatan awam masyarakat setempat, kesihatan pekerja dan kesihatan awam. Impak terhadap alam sekitar juga tidak diambil kira. Kita tidak boleh hanya mengikut *trend* semata-mata, *trend* tersebut tidak seharusnya hanya mementingkan aspek peluang pekerjaan sahaja tetapi juga perlu ada satu analisis manfaat atau hasil. Oleh hal yang demikian apa yang akan kita dapati adalah hanya pekerjaan iaitu pekerjaan yang tidak selamat (dengan izin), *working with hazardous materials* dan *hazardous environment*. Pencemaran alam sekitar sebagai contoh sebuah kilang mitsubishi kasih di Ipoh yang ditubuhkan pada tahun 1970-an, kilang ini adalah sebuah kilang yang memproses *monozite* di mana ia didapati di seluruh Ipoh dari kilang-kilang bijih timah untuk mendapatkan *rare earth* atau elemen-elemen yang digunakan dalam industri-industri *high tech*.

Tetapi apabila mereka mendapat *rare earth* tersebut ia hanyalah sisa buangan pepejal....(dengan izin), *waste*. Bahan-bahan ini mempunyai tahap toksik yang sangat tinggi. Ia bukan sahaja mengandungi plumbum malah bahan-bahan radioaktif juga. Syarikat ini mengambil *rare earth* atau elemen-elemen ini untuk kegunaan sendiri dan mengenenpikan pepejal buangan *waste* tersebut. Dari itu semua kita sebagai rakyat didedahkan kepada bahaya daripada sisa buangan pepejal tersebut sedangkan syarikat-syarikat yang berkenaan mendapat peralatan-peralatan yang memberikan mereka keuntungan. Projek yang telah diharamkan di Jepun kini dilaksanakan di negara kita kerana kelonggaran syarat-syarat dan penguatkuasaan yang lemah.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat. Saya ingin mendapat jawapan daripada pihak EXCO. Saya tidak faham apakah hala tuju industri ini di negeri kita ini. Kita difahamkan Kerajaan Negeri hendakkan *investor* yang *high end*, yang kurang jumlah pekerja *labour intensive* pada *engineering based* atau pun *R&D based*. Bagaimana pula dengan penerimaan kilang-kilang yang *hazardous*...(dengan izin) yang beracun, yang menggunakan *chemical* yang bahaya. Kita tidak jelas dari segi polisi Kerajaan Negeri, saya minta EXCO di bawah portfolio ini betul-betul perelaskan sama ada kita ini hendak ke arah *high end product*, *R&D based* ataupun kita tidak boleh terima *labour based* dengan *hazardous based*. Saya juga terkejut baru-baru ini bila EXCO Pantai Jerejak beritahu WD itu *outdated engineering*, *Western Digital* yang buat *slider*, yang buat *read and write* dalam komputer, kalau *read and write product slider* ini dikatakan *outdated*, saya tidak faham apa lagi teknologi yang lebih canggih daripada yang buat *slider* ini. Ini persoalan khusus yang saya minta dasar dan polisi Kerajaan Negeri, Pantai Jerejak tolong jelaskan dalam pergulungan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Sebagai tatapan buat semua di Malaysia, sebuah syarikat Jepun yang telah mengakibatkan kerosakan serta pencemaran kepada alam sekitar melalui pembuangan sisa pepejal radioaktif yang tidak bertanggungjawab. Masalah kesihatan di Lahar atau Bukit Merah, lapan budak-budak mengidap sakit barah atau leukemia. Ada banyak perempuan yang menghadapi isu pengguguran dan ada masalah dengan plumbum, ada masalah lain-lain dengan paru-paru. Sebelum kita menerima kemasukan industri wajar kita kena kaji sama ada industri ini *hazardous or not*.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat, saya juga hendak tahu berapa banyak kilang-kilang yang mengalami *based hazardous factories* dalam kategori 1, 2, 3 dan 4 di Pulau Pinang dan Mak Mandin. Kita hendak tahu semua *chemical based* yang boleh mendatangkan kemudaratan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya ingin mengetengahkan satu kisah benar yang pernah berlaku di Bukit Merah disebabkan oleh kegiatan pelupusan sisa pepejal atau *waste* yang telah mendatangkan impak kesihatan yang buruk kepada masyarakat setempat. Misalnya ibu-ibu sihat dan subur yang mengandung telah mengalami

keguguran kandungan dan janinnya. Masyarakat juga terdedah kepada penyakit leukimia di mana terdapat lapan (8) kes dalam masa lima (5) tahun sedangkan dengan populasi penduduk di situ sepatutnya hanya satu (1) kes sahaja dalam masa 30 tahun. Namun saya telah berhentikan kajian dan oleh itu saya tidak tahu sekarang berapa kes. Kita perlu menapis dan membuat kajian yang benar-benar terperinci terhadap *trend* kita sebelum membenarkan kilang-kilang atau industri-industri seperti ini ditubuhkan atau dibina di negeri kita dengan izin *in our backyard, they don't want to do in their backyard, they bring it to our backyard and contaminate our backyard, this is not what we want, this is not the type of industries we want, very toxic and dangerous industries in our backyard.*

Lagi satu hal, satu atau dua isu lagi. Pulau Jerejak...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, sebelum pergi ke sana, kemungkinan YB. Batu Uban mempunyai nama-nama industri tersebut supaya saya dapat semak kerana jika ia berdekatan dengan Bukit Merah, apakah bahan-bahan chemical yang diguna dan di manakah kilang-kilang tersebut supaya saya boleh membuat pemantauan. *You have to be specific, any names you can give to me so that I can check and get back to you.*

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya ingat semalam saya ada sebut bila saya tanya soalan, ada dua iaitu Solar Panel Factories, JS and Jinko Solar *but there are other factories which I will try to give you*, tapi untuk makluman, dua kilang ini menggunakan *heavy metals chemicals and these heavy metals are dangerous*, ada masalah pada *First Solar* di Sungai Petani.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

First Solar is in Kulim.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Sorry, First Solar in Kulim, there were some problems and I am also investigating the problems.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Jinko Solar does not use this academy, lagipun ini adalah *top bottom* di mana datang dari MIDA, selepas penapisan semua sebelum mereka dibenarkan masuk ke Negeri Pulau Pinang. Apabila mereka datang sini, kita telah meminta mereka memberi *total report end of life*, bermaksud daripada dia bawa masuk ke kilang, bagaimana di simpan bahan-bahan, bagaimanakah kawalannya dan apakah ERT dan apakah *emergency plan* jika ada apa-apa berlaku, *what is your reporting procedures* dan bagaimanakah cara mereka melupuskan sisa-sisa. *All these have to be considered because we know Jinko bersalah*, di China mereka ada menghadapi masalah-masalah tertentu. Akan tetapi di Pulau Pinang, selepas *top bottom* iaitu Kementerian hantar ke sini, saya telah berbincang beberapa kali dan juga telah meminta semua pihak berkuasa termasuk JAS untuk membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa, *we take this matter seriously in Penang.*

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan. Saya hendak minta juga kepada Kerajaan Negeri, sekiranya kita mendapat permohonan dari *investor* hendak masuk, kita ada kuasa untuk menolak, kita ada garis panduan dan boleh menolak. Kita tidak boleh *simply* kata orang hendak masuk kita kena bagi. Bermula pada hari ini kita kena buat kajian mengenai syarikat-syarikat yang *chemical based ini*, kita tidak ada apa-apa maklum balas atau apa-apa data yang hendak beritahu. Berapa banyak orang kena leukemia, berapa banyak masalah-masalah *side effects* ini, kenapa kita tidak ambil pendekatan sekarang, kita kena ada kajian sendiri. Kita ada Penang Invest, kita ada MIDA Negeri, jadi perkara-perkara ini kita boleh buat satu *defination*, satu hala tuju dan garis panduan di negeri.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta laluan, saya dahulu. Secara umumnya sebelum saya membuat penggulangan, tetapi saya ingin maklum the *licensing factor* adalah bukan di bawah Kerajaan Negeri, tetapi di bawah Kementerian seperti MITI, MIDA dan sebagainya. Contohnya tadi disebut tentang solar, sebenarnya sebelum ini ada contoh seperti Shuggula Battery atau *First Solar* yang ada di Kulim. MITI atau MIDA khususnya mempunyai satu *set of criteria*, bagaimana meluluskan *licensing*, jadi di pihak pelesenan, bagaimana meluluskan, kita akan merujuk kepada Environmental Quality Act (EQA) 1974. Kita melihat kelulusan dan semestinya perlu ada *schedule wastes*, sekiranya kilang-kilang tersebut untuk dibuat pelupusan ianya perlu ada *schedule waste* atau pun *non schedule waste*. Ini semua terkandung dalam *Strict Environmental Quality Act*. Bagi pihak Kerajaan Negeri kita membantu dari segi hal-hal tanah, infrastruktur dan sebagainya. Saya akan membuat penggulangan yang lebih terperinci, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan, mungkin bolehkah kita mendapatkan data sama ada Invest Penang, ada data berkenaan bilangan permohonan yang diterima untuk membenarkan syarikat di Pulau Pinang setiap tahun dan bilangan permohonan yang ditolak. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa):

Saya cuma hendak kata orang di China tidak berbeza dengan orang di Malaysia, *the population is about the same*. Jika kilang itu memang menghadapi masalah di China, memang mesti ada masalah di sini juga.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Penjelasan. Saya bersetuju dan apabila kita mendapat maklumat bahawa Kerajaan Pusat (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

You can gulung nantilah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

No, no, I just want to explain to you, I am not against you tetapi saya hendak sokong anda, sokong kepada Yang Berhormat. Apabila kita dapati Jinko Solar telah diberi lesen untuk operasi di sini, ianya sebuah kilang lama dan bukan kilang baru, saya telah mempersoalkan *the work flow*, saya juga persoalkan bagaimana pelupusan mereka kerana saya juga telah membaca sejarah Jinko Solar di mana mereka menghadapi masalah di China, walaupun mereka telah di *quoted* di New York Exchange dan lain-lain. *We did a detailed research into this*, kerana khasnya di Prai Industrial Estates kita selalu memantau kilang-kilang yang menggunakan kimia-kimia yang membahayakan kesihatan warga Negeri Pulau Pinang. *We look into it very carefully, I can assure you*.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya memang seronok *to get all the details from you....(gangguan)*.

YB. Timbalan Ketua Menteri 1:

Sikit lagi. Berkenaan dengan satu permohonan baru-baru ini bagaimana kita prihatin berkenaan dengan isu yang dibawa oleh YB. Batu Uban, iaitu permohonan daripada AELB, *Automic Energy Licensing Board*, mereka hendak memohon guna tanah, itu memang dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, kita tidak *approve* untuk membuat penyimpanan bahan sisa-sisa radioaktif di bawah AELB. Kita telah membuat keputusan untuk tidak meluluskan permohonan tersebut.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Kalau begitu kita memang ada kuasa menerima dan menolak pelabur. Tak kan kita tidak ada kuasa untuk menolak pelabur yang membawa *hazardous* kepada rakyat kita. Tak kan kita tidak boleh menolak walaupun ianya dari MIDA, nampak kita baik pula, taat kepada Persekutuan. Apa yang kita hendak katakan, kalau benda itu tidak sesuai untuk masyarakat kita dan negeri kita yang kecil ini, kita kena tolak, tidak boleh kita terima semua. Kita tidak boleh cakap ini MIDA yang suruh, tak kan kita tidak ada kuasa untuk menolak pelabur. Saya pasti kita boleh buat perkara ini, macam tadi kita kata kita boleh tolak permohonan itu, yang ini pun sama juga, so ada tolak dan ada terima. So keputusan itu kita yang boleh buat, jangan kita bagi alasan bila ada masalah, oh ini Persekutuan, oh ini Persekutuan. Kita *can say that we do know one*. Nanti kita *do it as what important with other people...*(dengan izin). Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, *last*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Tak, saya baru tanya satu (1) soalan. Saya nak tanya sebab tadi EXCO Alam Sekitar sebut yang Kerajaan Negeri tidak akan maknanya sangat berhati-hati untuk mempertimbangkan apa-apa permohonan daripada kilang-kilang yang atau pun proses yang bahaya. Tetapi dalam kes di Penanti, untuk kilang agro kayu arang yang saya dan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) dan penduduk sudah *fight* dan kilang ini beroperasi 10 tahun membakar habuk kayu dijadikan *activated carbon* di ladang kelapa sawit perkampungan Sungai Lembu. Kilang yang telah beroperasi 10 tahun dan juga telah menghantar surat mengugut JKKK dengan tindakan saman pada 07 Oktober 2016.

Apa yang saya sedih sedikit ialah dalam mesyuarat bersama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan EXCO dan juga *Department of Environment (DOE)*, seperti tidak ada tindakan yang boleh diambil dan kilang itu masih beroperasi dan jawapan yang saya terima ialah masih mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang. Tidak ada tindakan apa-apa dan walaupun Jabatan Kesihatan telah datang mengaudit pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kronik, mereka tidak tahu kenapa tapi dalam ulasan, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, Pejabat Kesihatan juga mengambil langkah berhati-hati kerana takut ada *long term effect*, 10 tahun membakar habuk kayu tanpa ada apa-apa kawalan pencemaran. Jadi saya rasa dari apa yang berlaku di Penanti, dan kilang itu masih beroperasi dan kerajaan masih ingin mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang daripada kilang ini, dan walaupun pelbagai jawapan yang saya terima untuk ambil tindakan undang-undang dan sebagainya, tetapi kilang itu masih beroperasi, tidak ada apa-apa dilakukan, tidak dirobohkan walaupun telah beroperasi dan walaupun telah kita tengok dari segi data, kita tidak tahu ataupun data itu inferensial, tetapi apa yang kita nampak simptomnya ada *high percentage of* penduduk yang mengalami pesakit kronik yang menyebabkan mereka mati dalam usia yang muda. Jadi itu soalan saya lah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak bagi satu penjelasan. Apakah *activated carbon*? *Activated carbon* ada datang kayu *virgin wood* yang tidak ada kimia. Apakah kegunaan *activated carbon*? *Activated carbon* ada untuk tapisan air dan udara. *It have called chemical free* tetapi ADUN telah membuat satu kenyataan bahawa kimia-kimia daripada....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya tidak kata kimia pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ada.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

I did not say the words kimia word so ever, I tak sebut kimia I just say the kilang seperti yang you dah pergi check, dia tak ada dalam mesyuarat itu tidak ada kawalan sebab pembakaran dilakukan tanpa ada apa-apa kawalan. Saya tak sebut kimia.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tetapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya tak sebut langsung *word* kimia.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tetapi telah buat kenyataan bahawa ada orang kena kanser.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

No, saya...(gangguan), what I said that is not inferential evidence, what I said in terms of the symptom. In terms of the symptom yang Pejabat Kesihatan sudah check.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau nak ucap yang berdiri, ucap yang tak berdiri ucap. EXCO kalau nak gulung, nanti gulung guna masa yang cukup untuk jawab soalan-soalan yang diberikan. Batu Uban, sambung.

Ahli Kawasan Batu Uban (Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya sebagai doktor kesihatan pekerja, *I have to refuse what do you saying tiada virgin forest anywhere. Mesti ada bahan kimia dalam soil. So I think better be careful about what do you say. Okey, there's no virgin forest in this part even in Sarawak saya ada buat kajian di dalam, very far inside. That is....(gangguan audio).*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

What you mean is balak daripada hutan dan kimia di balak-balak itu you must trick with kimia first, you have count chemical free before you can use. Dan ini adalah untuk menyelesaikan masalah about 3,000 matrik tan of wood waste. Nak hantar pergi mana? Nak hantar pergi Pulau Burung atau nak hantar pergi negeri mana? So we have green industry and this green industry ini memang adalah activated carbon untuk eksport. Eksport ke mana? Eksport pada Germany. Dan jikanya kami kata merancang, undang-undang kata buffer zone 500 meter. Tetapi ia lebih kepada satu (1) kilometer. We have got to be fair. Dia adalah Echo Agro Base. Bila Echo Agro Base dia buat dalam kilang dia sekeliling 500 meter dalam tiada perumahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu, saya minta nanti gulung sudah. YB. Batu Uban, sambung.

Ahli Kawasan Batu Uban (Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya tolak kepada satu lagi topik. Pulau Jerejak merupakan satu-satunya pulau yang mempunyai kisah lagenda tersendiri. Pulau itu telah menjadi sebahagian daripada tapak warisan atau *heritage* Pulau Pinang. Tapak warisan tersebut pasti dikorbankan untuk memberikan laluan kepada projek pembangunan tersebut. Kita tidak mahu generasi yang akan datang menyalahkan kita kerana mengorbankan keindahan alam semulajadi dan Tapak Warisan Dunia untuk projek pelancongan yang belum pasti menjanjikan keuntungan. Hal ini demikian kerana hampir kesemua taman-taman tema yang di dunia seperti di India dan Tasik Pedu dan di Mimaland juga. *All this sort project also have got the negative side be can fail. Last point, yang last* sekali.

YB. Yang di-Pertua Dewan, Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Ini berkenaan dengan pagi tadi ada satu (1) jawapan daripada EXCO berkenaan soalan Ahli Kawasan Bertam. Yang soal kehijauan alam sekitar. Jawab disentuh berkenaan dengan satu organisasi di Pulau Pinang. Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Ini Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau CAP ditubuh dekat tahun 60-an dan dia, *they play very important part in protecting the environment. So...*(dengan izin). Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau CAP adalah sebuah NGO yang paling lama dan hanya satu dalam sejuta di seluruh Malaysia. Presiden CAP iaitu S.M. Mohamad Idris adalah seorang yang dikenali di seluruh dunia dan beliau juga telah memenangi anugerah (dengan izin), *The Alternate Livelyhood Award. That is also it just the Alternate Nobel Prize.* S.M. Mohamad Idris juga adalah Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan organisasi tersebut telah secara antarabangsa perjuangkan pemeliharaan hutan-hutan hujan di Sarawak. Kebimbangan beliau adalah terhadap risiko yang perlu dihadapi oleh alam persekitaran di mana kita perlu membayarkan alam sekitar iaitu dengan menebang pokok-pokok yang telah beratus tahun megah berdiri di situ. Hanya untuk menjalankan kerja-kerja pelebaran jalan di jalan masjid. Adakah perlu pokok-pokok tersebut ditebang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan? Pagi tadi dituduh kenapa hantar *press releases to the press, why so many press release attacking the state government. Actually that's is the duty the people like consumerism the Penang and I hope, this is my request and I hope please do not call this organisation in way.* Dengan ini saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Batu Uban. Sila YB. Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin menyertai rebat berkenaan dengan Bajet 2017 Negeri Pulau Pinang dan bajet ini telah antara lain menyatakan bahawa Negeri Pulau Pinang digantung kepada industri pembuatan dan industri perkhidmatan, masing-masing menyumbang 45 peratus dan 50 peratus kepada ekonomi Pulau Pinang. Kita perlu *re examine* kekuatan dan kelemahan asas ekonomi sejajar dengan perubahan zaman. Saya tertarik dalam laporan bajet ini tentang produktiviti penternakan ikan di laut telah mencatatkan 29,000 tan metrik pada tahun 2015 iaitu peningkatan 10 kali ganda dari tahun 2007. Saya rasa kita mempunyai potensi yang amat besar yang masih belum dicungkil potensi ekonomi lautan. Saya cadangkan EXCO berkenaan atau pun jabatan berkenaan perlu satu merangkap strategi *master plan* untuk ekonomi lautan dirangka untuk memberi hala tuju ke arah itu kerana Pulau Pinang di sekeliling laut dengan *access* kepada *Indian Ocean*. Saya rasa potensi amat besar yang belum kita cungkil lagi. Dulu kita membuat perancangan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), *tuna port* di Batu Maung tetapi ini tidak menjadi dan saya terbaca dalam surat khabar Kedah sudah buat *tuna port* dan saya rasa itu peluang yang sudah terbang kerana kegagalan LKIM untuk melaksanakan projek *tuna port*. Itu bermaksud kita sebenarnya belum mencungkil potensi-potensi ekonomi lautan. Ekonomi industri penternakan ikan di laut menambahkan stok ikan untuk makanan bukan sahaja untuk orang Pulau Pinang tapi boleh untuk negeri-negeri lain dan kalau ada lebihan polisi perikanan perlu dilihat dan dicari peluang lagi. Di samping itu, saya rasa potensi-potensi ekonomi lain seperti digital ekonomi perlu kita lihat sekali lagi atau pun ambil kesempatan kerana digital ekonomi pada hari ini telah membawa revolusi kepada

dunia. Baru-baru ini pada 11 November 2016, *Alibaba.com* telah mengambil peluang ekonomi untuk mencipta satu hari yang dipanggil *Single Day*, Hari Bujang. Tak pernah kita dengan Hari Bujang tetapi mereka cipta panggil Hari Bujang pada 11 November dan *Alibaba* mencatatkan 120.7 billion yuan pada satu hari *transaction*. Iaitu bersamaan dengan RM70 billion worth of *Gross Merchandise Volume (GMV)*. Satu hari *alibaba* cipta satu (1) panggil Hari Bujang, *Single Day* mencatatkan transaksi GMV RM70 billion, kerana saya rasa perindustrian kita yang telah kita bermula pada tahun 1970-an sampai sekarang sekitar melebihi 45 tahun dan akan mencecah 50 tahun, kita perlu melihat, merangka dan mengambil tentang bagaimana kita menghadapi revolusi-revolusi industri keempat yang telah bermula dan kita perlu melihat kepada cabaran dan peluang ekonomi yang bakal muncul pada masa hadapan kerana kalau kita hanya bergantung kepada industri pembuatan dan perkhidmatan sahaja, sekiranya terdapat perubahan paradigma yang mendadak ataupun perubahan faktor luaran yang mendadak baru kita akan memperlihatkan cabaran ekonomi yang sangat genting kepada ekonomi negeri kita.

Oleh itu saya minta pihak Invest Penang melihat kepada bagaimana untuk asas ekonomi Pulau Pinang dengan kekuatan yang kita *enjoy* yang kita ada supaya kita boleh mengambil satu pendekatan yang futuristik apakah hala tuju kita pada 20 tahun akan datang, 50 tahun akan datang supaya kita bersiap sedia dari segi menghadapi cabaran ekonomi yang ada. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, di samping itu saya meneliti juga di kawasan-kawasan, isu tempatan di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan di seluruh negeri Pulau Pinang. Saya dapati bahawa kita perlu mempertahankan ataupun memperkuat lagi polisi kehijauan kita walaupun kita kata kita tanam pokok-pokok, kita bangga berapa pokok kita tanam semua tetapi saya lihat masih ada ruang lagi yang kita boleh perbaiki antaranya saya dapati bahawa terdapat tanah lapang di bawah seliaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang tidak diuruskan dengan baik dan ada yang terbiar. Terpaksa menulis surat kepada pejabat tanah untuk meminta mereka mengesahkan sama ada sebidang tanah itu sama ada ia *state land* atau *council land* kerana tidak ada maklumat di atas tapak itu sama ada ia diuruskan oleh agensi mana, kadang-kadang kalau tidak diuruskan dengan baik kita terpaksa pula membantu untuk memotong rumput.

Jadi saya meminta ditubuhkan satu badan khas untuk menguruskan semua tanah lapang yang sama ada di *surrender* oleh pemaju ataupun semasa perancangan supaya dijadikan tempat rekreasi dan kehijauan. Di tempat lain, saya melihat kepada lawatan ke Singapura bagaimana jabatan *park and garden* ini, *park and garden* mereka, boleh, kalau buka Google Maps boleh tunjuk seluruh pulau boleh tunjuk *park* mana taman mereka, dengan nombor, dengan inventori, semua taman-taman kecil ataupun besar dimasukkan di dalam inventori dan semua ada inventori, semua ada nombor, semua ada tanah-tanah lapang ini diuruskan *authority* mana yang menguruskan taman tersebut supaya kita jelas, orang ramai jelas, saya dapati banyak yang *council* sendiri ataupun *district officer* sendiri pun mungkin tidak perasan itu tanah dia, saya rasa itulah hakikatnya kerana sebelum ini saya rasa kalau diuruskan dengan baik mereka akan tetapi ada tanah-tanah yang tidak dikenal pasti tidak tahu tuan punya, kita perlu cari balik, kita juga perlu juga membina inventori supaya *garden* diletakkan papan tanda tentang tanggungjawab agensi berkenaan supaya cadangan untuk pengurusan tapak rekreasi ini dapat dipertingkatkan lebih elok supaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Air Itam, boleh minta penjelasan?

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ada tahun lepas, saya ada tulis surat kepada Yang Berhormat untuk kenal pasti tapaknya yang dekat surau, saya pun tidak tahu status tanah itu, saya masih tunggu jawapan daripada Yang Berhormat, kalau boleh bagi tahu untuk surau itu *upgrade* buat gelanggang futsal supaya anak-anak muda boleh beriadah di situ. Sama ada Majlis Bandaraya Pulau Pinang atau Kerajaan Negeri hanya, saya sudah hantar pelan semua, saya masih menunggu jawapan daripada Yang Berhormat supaya dapat kenal pasti.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya boleh mencadangkan dari apa yang saya biasa buat ialah saya tulis surat kepada pejabat tanah, SO akan tiba ke kawasan tersebut, SO akan turun, SO akan survey, kemudian dia jawab balik surat ini bahawa ini ... tetapi ini leceh, setiap kali kena tulis surat, setiap kali kena *identify* siapa punya tanah sepatutnya semua *computerise inventory*, semasa penyerahan semua sudah dibuat, saya rasa kita boleh pengurusan tapak rekreasi ini dapat dijadikan lebih baik dengan *maintenance* dengan kehijauan. Walaupun kita ada buat beberapa taman baru tetapi *pocket of land* yang sana sini yang tidak diuruskan dengan baik dan ini boleh dibuat penambahbaikan

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta maaf, minta laluan Ahli Kawasan Air Itam. Soalan saya ialah adakah YB. Air Itam setuju bahawa kerja-kerja landskap yang diselenggarakan oleh MBPP dan MPSP terutamanya di bahagian pulau, MBPP ada buat sesuatu di mana dari segi landskap, kawasan-kawasan padang permainan di kawasan perumahan, jika dibezakan di kawasan Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan, saya percaya ada banyak kawasan-kawasan padang di kawasan perumahan di mana selepas pembinaan CCC ataupun OC yang telah diserahkan kepada *council* iaitu MPSP dengan izin, Yang di-Pertua Dewan, maka kerja-kerja penanaman pokok atau pun kerja-kerja penyelenggaraan pokok tidak dapat diselenggara dengan baik. Adakah YB. Air Itam setuju cadangan di mana *council* bertanggungjawab, kalau tidak mampu menjaga ke semua padang permainan sekurang-kurangnya *duty* satu (1) pekerja, dua (2) pekerja untuk setiap taman setiap hari ataupun setiap dua (2) hari, macam mana pun mesti perlu. Saya masih ingat bahawa saya pernah bangkit dalam sidang DUN ini di mana di Seberang Perai area, kalau Jabatan Landskap MPSP tidak mampu sekurang-kurangnya satu tahun pilih tiga (3) kawasan lapang di setiap daerah, maka setahun dapat mempertingkatkan sembilan (9) kawasan lapang untuk menjadikan taman rekreasi yang lebih baik dan cantik di kawasan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya teringat semasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang dijadikan Bandaraya ada penyusunan semula struktur yang telah menjadikan Jabatan Landskap sebagai satu jabatan dia sendiri. Namun semenjak itu di sebelah pulau kami masih mengalami masalah dengan kerja-kerja cantasan pokok, kerja-kerja pembersihan selepas cantasan pokok dan apabila ada apa-apa projek seperti di Armenian Park, Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan berasa risau macam mana Majlis sendiri boleh menyelenggara satu-satu taman sedemikian kerana mungkin dari segi sumber manusia ada kekurangan. Maka setujukah YB. Kawasan Air Itam bahawa demi mencapai visi Yang Berhormat bentangkan itu agar kita boleh dapat mengenal pasti dan mengaktifkan tanah lapang, adalah perlu agar sumber keupayaan dan keupayaan kemahiran di Jabatan Landskap dapat dipertingkatkan dan apakah usaha MPSP untuk mempertingkatkan lagi sumber manusia dan kemahiran mereka untuk mencapai misi kita semua. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Jawi dan YB. Pulau Tikus. Sebelum itu dalam mesyuarat dengan MPSP saya beberapa tahun dah, saya menyatakan bahawa pokok kita tidak ada label. Kadang-kala kita cakap cantas pokok kedua, dia cantas pokok ketiga. So, pokok perlu kena label macam tiang lampu kena label, So, baru-baru ini mereka telah melabelkan sekurang-kurangnya 2000 pokok di sekitar George Town. *On going effort* lah labelkan pokok macam labelkan tiang lampu supaya kita perlu usaha yang serius tentang kehijauan, usaha yang serius bahawa taman itu kena label, kena inventori, *what is the name of the taman*, kena ada penomboran, kalau tidak ada penomboran, tidak ada papan tanda, tidak ada semua ini dan ia akan terbiar.

So, saya rasa saya setuju bahawa perlu ada satu peruntukan sumber manusia dan juga sumber pembangunan untuk menyokong usaha kehijauan kerana dengan penambahan usaha perbandaran lebih banyak yang akan disumbangkan sama ada oleh pemaju atau pun di bawah perancangan yang perlu kita menghijaukan dan *maintain* kerana itu penting, itu perlu diusahakan dengan lebih elok lagi.

Saya *move on* kepada tajuk lain, saya juga tertarik dengan *paragraph* 34 dalam bajet ini, inisiatif telekomunikasi menuju ke arah Pulau Pinang sebagai *smart city*. Saya telah membangkitkan *digital mater plan* untuk masa depan Pulau Pinang. Sekolah Menengah Chong Meng telah beritahu saya sekolah perlukan *high speed network* dan *service provider* pada masa kini belum dapat memenuhi keperluan sekolah, dia bukan nak WiFi, dia *high speed network*. Saya turut mendapat maklumbalas dari penduduk di kawasan saya bahawa mereka perlukan *high speed network* untuk *community* Air Itam kerana banyak orang muda sekarang bekerja di rumah dan mungkin pergi ke kilang mungkin 1 – 2 hari sahaja seminggu. Oleh itu mereka perlu *high speed impact* dalam rumah. Saya juga menerima aduan juga di *falt-flat* yang lama, Telekom Malaysia tidak dapat *supply streamyx service* kepada *community* tertentu kerana alasannya *port* sudah penuh, *line* sudah penuh tidak ada tambahan port lagi. So orang itu tidak dapat *subscribe streamyx service*, saya dapati bahawa usaha-usaha bukan sahaja *basic*. WiFi adalah untuk kita *access handphone* main-main sahaja tetapi kita kena ada *high speed network* yang serius untuk kerja-kerja yang serius dengan kapasiti yang tinggi. Saya meminta supaya butiran lanjut tentang inisiatif *smart city*, hala tuju, sasaran pencapaian dan pelan pelaksanaan diumumkan kerana ia ada satu *paragraph* di dalam bajet ini sahaja.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas usaha mempromosikan pendidikan sains. Saya telah melawat ke *Penang Science Cafe*, Pesta Sains Antarabangsa Pulau Pinang, *Tech Dome* dan mendapati bahawa ia memang berpotensi dan menarik. Apa yang saya minta kepada agensi-agensi berkenaan seperti *Penang Science Cafe* dan *Tech Dome* supaya *outreach* program kepada sekolah-sekolah luar bandar dan saya dapati *Penang Science Cafe* melaporkan untuk saya bahawa telah melebihi 150 sekolah telah hadir di *Science Cafe* untuk belajar kursus yang ditawarkan dan tentang *coding*, *robotic* dan sebagainya tetapi kalau saya tanya lebih lanjut ia hanya meliputi *percentage* yang rendah sahaja. Walaupun 150 buah sekolah yang pergi tapi hanya satu sekolah 40 pelajar sahaja, hanya setakat ini 6000 orang pelajar pernah menyertai program di *Penang Science Cafe* ini adalah *percentage* yang kecil berbanding dengan ratusan ribu pelajar yang di Pulau Pinang yang belum berpeluang untuk pergi ke *Penang Science Cafe* untuk menyertai kursus yang disediakan oleh mereka.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, boleh saya minta untuk sambung esok, ada banyak lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tidak kira, 1, 2, 3, pun. Okeylah okey, terima kasih YB. Air Itam. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan kita akan bersidang semula esok pada jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 malam.